Syabab PUBLISHING

Pengantar: Dato' Fadzil Mohd Noor

Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam

Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat"; dan mereka itulah orang yang beroleh kejayaan.

(Surah al-Nur 24: 51)

DR. YUSUF AL-QARADAWI

Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam



Kita melihat wujud di kalangan mereka yang menasabkan diri kepada fiqh pada zaman kini dan di kalangan mereka yang dianggap termasuk kumpulan-kumpulan Kebangkitan Islam yang menyatakan: "Sesungguhnya syura hanyalah mu'limah (pemberitahuan) bukannya mulzimah (kemestian), sesungguhnya pemerintah berhak untuk meminta pandangan syura agar dia dapat bersuluh dengannya, kemudian dia pula berhak melontar ke dinding pandangan Ahli Syura kiranya dia mahu dan dia melaksanakan pandangannya sahaja! Dialah yang memilih Ahli Majlis Syura, kemudian dia yang memperakuinya kiranya dia mahu dan membubarkannya bila-bila masa yang dia mahukan."

Kita juga melihat wujud mereka yang menolak pemikiran alta'adudiyah (berbilang parti) di bawah sebuah negara Islam, menolak pemikiran pilihanraya bagi memilih Ketua Negara, ataupun memilih wakil rakyat di Majlis Syura (Senat) ataupun Parlimen, menolak untuk mengambil pandangan majoriti dalam pemilihan, menolak untuk menghadkan tempoh beberapa tahun tertentu untuk Ketua Negara dan mereka yang berpandangan bahawa setiap perkara yang dibawakan oleh demokrasi sebagai suatu kemungkaran yang wajib diperangi.

Buku ini adalah ungkapan bagi fiqh bidang daulah (bernegara) dalam Islam: Apakah kedudukannya? Apakah hukum menegakkannya? Apakah ma'alim (petunjuk utama/ ciri) yang istimewa baginya? Apakah tabiatnya?

Selamat membaca!

ISBN 978-967-0884-02-8

9 789670 884028

Sem. Malaysia RM31.00
Sabah/Sarawak RM34.00

Syabab PUBLISHING


بسم الله
الرحمن
الرحيم

Buku "Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam" ialah terjemahan yang, sah karangan Profesor Dr. Yusuf Al-Qardhawi.

Cetakan 2015
ISBN 978-967-0884-02-8

Hak cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah Eksekutif Syabab Book Link. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit Eksekutif	: Mohd Bukhari bin Bachok
Editor Pengurusan	: Nariah Bt. Markom
Editor	: Fuadiridza Talib & Dzulfawati Hj. Hassan
Penolong Editor	: Nadiah Husna bt. Mohd Bukhari Nabilah Husna Mohd Bukhari
Alih Bahasa	: Dr. Ustaz Haji Juanda bin Haji Jaya
Reka letak	: Sugeng Purwanto
Kod Keluaran	: E–April 2015
Pemasaran	: Roslan Jusoh & The Geng
Kewangan	: Malyana Husna Bt Mohd Bukhari

Syabab PUBLISHING

Penerbit Eksklusif:
SYABAB BOOK LINK
Lot 2.03 Tingkat 2, Kompleks PKNS, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.
Tel./Faks : 03-89253731

Dicetak Oleh:
Percetakan Mihas Sdn Bhd
No. 9 Jalan SR4/19 Taman Serdang Jaya
43300 Seri Kembangan, Selangor



KANDUNGAN

KANDUNGAN iii
DARIPADA PENERBIT ix
KATA PENGANTAR DARIPADA AL-MARHUM PRESIDEN PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) xi
GLOSARI xiv
MUKADIMAH xviii

BAB SATU

KEDUDUKAN NEGARA DALAM ISLAM 1
- Dalil Daripada Nas Al-Quran 4
- Bukti Daripada Sejarah Islam 7
- Bukti Daripada Tabiat Islam 11
- Keperluan Kita Kepada Daulah Yang Menjaga Islam 15
- Sekiranya Kita Mempunyai Sebuah Kerajaan 16
- Islam dan Politik 18

BAB KEDUA

PETUNJUK ASASI BAGI DAULAH YANG DIBINA OLEH ISLAM 26
- Daulah Madaniah Yang Rujukannya Adalah Islam 26
- Daulah 'Alamiah (Antarabangsa) 29
- Daulah Yang Berdasarkan Syariah Dan Berperlembagaan 30
- Daulah Syura Bukannya Daulah Kisra 35
- Kalimah Yang Kukuh Daripada Dr. Al-Syawi 39
- Daulah Hidayah Bukannya Daulah Jibayah (Pemeras Cukai) 42
- Daulah Yang Menjaga Golongan Daif 44
- Daulah Yang Melindungi Hak dan Kebebasan 58
- Daulah Prinsip Dan Akhlak 61

BAB KETIGA

TABIAT DAULAH DI DALAM ISLAM 67
Daulah Islam Bukanlah Negara Teokrasi 69
Daulah Islam Adalah *Daulah Madaniah* 69
Beberapa *Syubhah* Golongan Sekular Terhadap Dakwaan Negara Teokrasi 72
Syubhah Pertama: Pemikiran Tentang Hakimiah. 73
Syubhah Kedua: Ucapan Saidina 'Uthman 73
Syubhah Ketiga: Ucapan al-Manshur. 74
Syubhah Keempat: Pengalaman Revolusi Iran. 74
Pemikiran *al-Hakimiah* (Pemerintahan Tertinggi) Dan Sejauh mana Hubungannya Dengan Negara Teokrasi 74
Pemerhatian Pertama: Apakah ia pemikiran Khawarij? 75
Al-Hakimiah di sisi ulama Usul Fiqh 75
Pemerhatian kedua: *Al-Hakimiyah* yang dilaungkan oleh Al-Maududi dan Saiyid Qutb. 77
Pemerhatian Ketiga: *Hakimiah* yang dimaksudkan ialah *Hakimiah* (Kuasa Perundangan) yang tertinggi 79
Ucapan 'Uthman r.a. 81
Ucapan al-Manshur 85
Pengalaman Revolusi Iran 88
Fail-fail Yang Mesti Ditutup 91
Fail Negara Teokrasi Ataupun Kuasa Keagamaan 91
Fail Golongan Sekular Yang Anti Agama 96

BAB EMPAT

KE ARAH FIQH POLITIK YANG MATANG 98
Fenomena Pemikiran Ataupun Fiqh Yang Negatif 98
Kepincangan Fiqh Siasi Yang Mesti Diatasi 100
Dialog Penting Tentang Fiqh Siasi 101
Menghadkan Tempoh Presiden 102
Antara Sunah Dan Bidaah 104
Kesilapan Berhujah Secara Mutlak Dengan Sirah Bagi Mewujudkan Hukum 105
ISLAM POLITIK 109
Pertama: Penamaan Ini Ditolak 110
Kedua: Islam Hanya Wujud Dengan Politik 111
Islam Mengatur Kehidupan Keseluruhannya 111
Sebab Pertama: Sikap Dan Hukum Islam Yang Jelas 111
Sebab Kedua: Keperibadian Seorang Muslim adalah Keperibadian Seorang Ahli Politik 113
Menentang Kerosakan Dan Kezaliman Adalah Lebih Afdal Daripada Jihad 114
Mengubah Kemungkaran Suatu Kewajipan 116
Antara Individu Dan Jamaah 119
Antara Hak Dan Kewajipan 120

Solat Dan Politik 123
Dakwaan Agama Tiada Kaitan Dengan Politik Dan Politik Tiada Kaitan Dengan Agama 127
Adakah Politik Itu Satu Kemungkaran? 128

BERHUKUM DENGAN APA YANG DITURUNKAN OLEH ALLAH SWT. 132
Keraguan-keraguan Yang Ditolak 132
Pemerhatian Asas 133
Pertama: Perkara Yang Diketahui Daripada Agama Secara *Daruri* (Mudah) 134
Kedua: Banyaknya Dalil Tentang Wajibnya Berhukum Dengan Apa Yang Telah Allah Turunkan 134
Ketiga: Ayat-ayat Yang Jelas Dan Terang Dalilnya 138
Pendapat Para Mufassir Mengenai Ayat Ini 140
Sejenak Bersama Pendapat Ahli Tafsir 141
Pendapat al-Sayyid Rasyid Redha 151
Perbincangan Mengenai Pendapat Ibn 'Abbas 154
Dakwaan Bahawa Berhukum Hanyalah Terhad Untuk Menyelesaikan Pertelingkahan 155
Perkataan Syariat Dalam Al-Quran Dan Dilalahnya 157
Dua Perkara Yang Penting 158

PERINGKAT MENGUBAH KEMUNGKARAN DAN BILAKAH DIBENARKAN MENGUBAHNYA DENGAN KEKUATAN? 162
Kewajipan Amar Makruf Ddan Nahi Mungkar 164
Hadis Sahih Tentang Mengubah Kemungkaran Dan Peringkatnya 166
Syarat Mengubah Kemungkaran 167
Syarat Pertama: Ia Adalah Perkara Yang Disepakati Pengharamannya 167
Syarat Kedua: Munculnya Kemungkaran Itu 171
Syarat ketiga Untuk Mengubah Kemungkaran Dengan Kekuatan: Benar-Benar Mampu Untuk Mengubahnya 173
Jika Kemungkaran Itu Datang Daripada Pihak Pemerintah 174
Mengubah Perkara *Juz'i* (Cabang) Bukanlah Penyelesaian 177
Kemestian Sikap Lemah Lembut Dalam Mengubah Kemungkaran 178

BAB LIMA

SIKAP DAULAH ISLAM TERHADAP DEMOKRASI, BERBILANG PARTI, WANITA DAN NON-MUSLIM 180

ISLAM DAN DEMOKRASI 180
Hukum Terhadap Sesuatu Adalah Lahir Daripada Gambarannya 182
Apakah Intipati Demokrasi? 183
Intipati Demokrasi Bertepatan Dengan Islam 184
Kecaman al-Quran Terhadap Pemerintah Yang Bermaharajalela Di Bumi 187
al-Quran Mengaitkan Antara Taghut Dengan Kerosakan 188
Celaan al-Quran Terhadap Rakyat Yang Mentaati Pemerintah Zalim 189
Tentera Taghut Dan Tali Barutnya Menanggung Dosa Bersamanya 190
Kecaman *al-Sunnah al-Nabawiyah* Terhadap Pemerintah Yang Zalim 192
Syura, Nasihat, Amar Makruf Dan Nahi Mungkar 192

Pemimpin Pada Pandangan Islam 194
Islam Mendahului Menetapkan Kaedah 194
Keistimewaan Demokrasi 195
Mengundi Adalah Satu Bentuk Daripada Kesaksian 195
Pemerintahan Rakyat Dan Pemerintahan Allah 197
Maksud Prinsip Hakimiah Adalah Milik Allah 198
Berhukumkan Suara Majoriti: Apakah Ia Bertentangan Dengan Islam? 200
Perkara *al-Thawabit* Tidak Boleh Dibuat Undian 202
Bilangan Majoriti Adalah Kekuatan Yang Diambil kira Dan Dalilnya 203
Kongkongan Politik Adalah Sebab Utama Musibah Yang Menimpa Umat Dahulu Dan Sekarang . 205
Kebebasan Berpolitik Adalah Keperluan Pertama Kita Pada Hari Ini 206
Syura Adalah *Mulzimah* Bukannya Sekadar *Mu'limah* 208

BERBILANG PARTI DI BAWAH DAULAH ISLAM 211
Kewajipan Menasihat Dan Membetulkan Pemerintah 212
Menyusun Nasihat dan Pembetulan Dalam Bentuk Kuasa Politik 214
Gambaran Silap Bagi Daulah Islam 215
Kepelbagaian Parti Politik Sama Seperti Kepelbagaian Mazhab Fiqh 217
Parti-parti Adalah Mazhab Dalam Politik Dan Mazhab-mazhab Adalah Parti Dalam Fiqh 219
Kepelbagaian Parti Dan Perselisihan Pendapat 220
Kepelbagaian Jemaah Yang Bekerja Untuk Islam 222
Kepelbagaian Parti Adalah Dasar Yang Diimport! 223
Kepada Siapakah Wala' (Ketaatan) Diberikan? 224
Imam Ali r.a. Mengakui Kewujudan Parti Khawarij 226
Hasan al-Banna Dan Parti-parti 227
Kepelbagaian Parti Dan Gerakan Sebelum Berdirinya Daulah Islam 228
Fatwa Yang Terburu-buru Mengharamkan Penubuhan Jemaah-jemaah Bagi Mendokong Islam 228
Jemaah Daripada Umat Islam Bukannya *Jama'ah al-Muslimin* 230

PENCALONAN WANITA UNTUK KERUSI PARLIMEN 233
Beberapa Peringatan Penting 235
Sekilas Pandang Terhadap Dalil 236
Ayat: Hendaklah Kamu Tetap Diam Di Rumah Kamu 237
Saddu al-Zarai (Menutup Pintu Kerosakan) 238
Wanita Dan Kepimpinan Ke Atas Lelaki 239
Kesamaran Dan Penjelasannya 241
Tugas Ahli Parlimen 242
Maksud Mengawasi 242
Sudut Penggubalan Undang-undang Dalam Parlimen 248
Perbahasan Terhadap Fatwa Yang Mengharamkan Berpolitik Bagi Wanita 248
Sikap Isteri-isteri Nabi Dan Keinginan Mereka Kepada Perhiasan 253
Sifat-Sifat Semulajadi Wanita 254
Ayat: Hendaklah Kamu Tetap Diam Di Rumah Kamu 256
Hadis: Tidak Berjaya Kaum Yang Berketuakan Wanita 256

BERGABUNG DI DALAM PEMERINTAHAN BUKAN ISLAM 260
Keluar dari Hukum Asas Kerana Beberapa Pertimbangan Syarak 265

1. Tuntutan Meminimumkan Kejahatan Dan Kezaliman Menurut Kesanggupan 266
2. Melakukan Mudarat Yang Paling Ringan 266
3. Melepaskan Nilai Yang Paling Tinggi Lalu Turun Ke Realiti Yang Paling Rendah 268
4. Bertahap 269
Beberapa Syarat Yang Mesti Dipenuhi 273
Beberapa Fatwa 275
Jawapan beliau ialah: 277

PANDANGAN PENTING IBN TAIMIYAH TENTANG PENJELASAN PENUH MENGENAI PERTENTANGAN ANTARA KEBAIKAN DENGAN KEBURUKAN 280

PENCALONAN NON-MUSLIM BAGI DEWAN PARLIMEN 287



DARIPADA PENERBIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam buat Junjungan Besar, Rasulullah SAW, para sahabat, pengikut dan pendokong bendera tauhid hingga ke hari kiamat.

Persoalan politik dan masalah bernegara adalah perkara yang agak sensitif dan jarang dibincangkan oleh umat Islam. Akibatnya berlaku banyak kekeliruan dan kecelaruan pemikiran dalam bidang yang amat penting ini. Menegakkan negara yang menjadi tempat berjalannya semua syiar Islam adalah di antara perjuangan yang diwariskan oleh Rasulullah SAW. kepada seluruh umat Islam. Tanpa wujud sebuah negara, tidak mungkin bagi umat Islam dapat menjalankan semua syiar agama mereka yang meliputi seluruh bidang kehidupan. Oleh itu, tuntutan menegakkan perkara ini diletakkan di atas pundak semua mereka yang memegang akidah tauhid.

Perkara inilah yang cuba diketengahkan oleh penulis buku yang terkenal ini. Tidak dinafikan wujud pelbagai rujukan tradisional dalam bidang berkaitan. Namun untuk menemui suatu tulisan moden yang memadankan realiti semasa dengan warisan fiqh adalah suatu perkara yang sukar, terutama bagi persoalan yang berkaitan dengan politik Islam. Atas dasar dan keinginan untuk mempersembahkan buku yang bermutu dan bernilai untuk seluruh umat Islam, pihak kami mengusahakan penerbitan buku yang amat bernilai ini. Insya-Allah, pihak kami akan terus beriltizam dalam memenuhi komitmen

menerbitkan buku-buku yang bernilai bagi meluaskan pembacaan buku-buku yang membongkar khazanah Islam untuk seluruh umat.

Sekian.

Penerbit



KATA PENGANTAR DARIPADA PRESIDEN PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

Segala puji hanya bagi Allah, selawat dan salam buat Junjungan besar Nabi Muhammad SAW., para sahabat, para pengikut dan pejuang agama Allah hingga ke hari kiamat. *Amma ba'du.*

Buku yang berada di hadapan kita ini merupakan suatu perbahasan moden mengenai politik dan masalah bernegara dalam Islam. Masalah yang dinamakan sebagai **Fiqh al-Daulah** ini sepatutnya dipelajari sebagaimana kita mempelajari Fiqh Ibadah. Sudah sekian lama perbahasan seperti ini dipinggirkan oleh umat Islam. Akhirnya, rata-rata di kalangan umat Islam melihat bahawa politik tiada kaitan dengan agama, soal bernegara adalah masalah dunia dan urusan agama adalah masalah peribadi semata-mata! Sedangkan Allah telah menurunkan al-Quran yang menjelaskan segala sesuatu. Termasuk di dalamnya adalah soal berpolitik dan cara mentadbir urusan umat mengikut landasan yang diredai oleh Allah. Hari ini kita melihat sebahagian besar umat Islam masih teraba-raba dalam kegelapan dan terus meragui kemampuan Islam untuk dijadikan sebagai dasar dalam menentukan polisi mentadbir urusan manusia. Mereka terus menjadi hamba kepada ideologi Barat yang bertentangan dengan Islam. Walaupun sudah terbukti semua bahan import dari Barat itu merugikan umat dan negara, namun mereka yang mengaku sebagai Muslim ini terus dalam keangkuhan untuk mengabdikan diri kepada ideologi yang tidak pernah dikenali oleh umat Islam dan tidak diredai oleh mereka.

Masalah berpolitik merupakan teras yang paling utama dalam kehidupan ummah. Inilah yang akan menentukan masa depan ummah. Inilah yang akan menentukan tertegaknya syiar-syiar utama agama yang hingga kini terus diabaikan. Syiar agama bukanlah sekadar perkara spiritual semata-mata, bahkan ia meliputi semua urusan kehidupan dunia dan akhirat manusia kerana kita beriman dengan wujudnya hari akhirat. Hari ini kita melihat pelbagai bala yang dibawakan oleh manusia yang terus menjadi abdi kepada ideologi orang lain. Bala yang jelas dan tidak jelas, yang secara langsung ataupun tidak langsung. Namun mereka terus degil berpegang dengannya. Sewajarnya bagi umat Islam, setelah melihat semua bala ini menilai semula kesilapan yang telah dilakukan. Mereka patut kembali kepada asal-usul dan jati diri ulung mereka yang berpegang dengan al-Quran dan al-Hadis dalam semua urusan mereka. Bukankah setiap kali sembahyang diulang-ulang dalam doa Iftitah ayat al-Quran yang bermaksud: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah untuk Tuhan Sekalian Alam. Bukankah setiap hari paling kurang 17 kali diulangkan pengakuan dalam al-Fatihah yang bermaksud: Hanya kepada-Mu Ya Allah kami menyembah dan hanya kepada-Mu kami mohon pertolongan. Tetapi apabila meninggalkan sejadah sembahyang mereka lupa dan kembali semula menjadi hamba kepada ideologi Barat, memohon bantuan kuffar dan munafiqin dalam mencari penyelesaian bagi semua masalah ummah. Ulama dipinggirkan dan pandangan Islam diketepikan! Inilah sebenarnya yang menjadi punca bala yang menimpa seluruh umat ini.

Penulis buku ini, Prof Dr Yusuf al-Qardhawi, bukanlah seorang yang asing dalam memberikan pandangan bagi penyelesaian Islam terhadap pelbagai masalah ummah. Buku ini merupakan suatu hujah dan penjelasan terhadap mereka yang mendakwa bahawa Islam tiada kaitan dengan politik ataupun dakwaan bahawa Islam memusuhi Demokrasi, menafikan kepelbagaian aliran, menafikan hak wanita dan Non-Muslim. Di samping itu beliau cuba memberikan gambaran bagi petunjuk utama Daulah Islam yang mahu dibangunkan. Penjelasan ini amat perlu difahami agar gambaran sebenar tentang bentuk daulah yang umat Islam perjuangkan tidak difahami secara silap oleh umat Islam dan tidak dipandang sebagai suatu bahaya oleh golongan Non-Muslim. Buku ini perlu dibaca secara keseluruhannya, bukannya dibaca pada perbahasan tertentu sahaja agar tidak berlaku kekeliruan dan kesamaran kerana perbahasannya saling berkaitan antara satu sama lain.

Semoga buku ini mendapat tempat di kalangan pencinta Islam, menjadi rujukan dan bacaan agar mereka menyedari bahawa satu bidang utama bagi

Islam iaitu politik dan soal bernegara telah diabaikan oleh mereka selama ini. Juga, semoga ia menjadi satu hujah kepada mereka yang masih meragui Islam dan keadilan yang ingin dibawanya.

Sekian. Wassalam.

"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM"

Dato Haji Fadzil Mohamad Noor
Presiden PAS Pusat



GLOSARI

Ahli al-Halli wa al-'Aqdi ahli Majlis Mesyuarat dan penentu keputusan bagi sebuah negara Islam, Ahli Majlis Syura.

Ahli al-Ra'yi - golongan mujtahid yang menggunakan pemikiran sebagai sumber hukum daripada mengambil nas-nas yang diragui.

Ahli zimmah/zimmi - orang kafir yang patuh kepada kerajaan Islam dan mendapat perlindungan sepenuhnya dengan membayar jizyah.

Al-'Afwu - perkara yang didiamkan dan tidak dijelaskan tentang hukumnya.

Al-Faie - harta rampasan yang diperolehi daripada orang kafir tanpa melalui peperangan.

Al-Istihsan - perkara yang dipandang baik oleh akal, salah satu kaedah Usul Fiqh.

Al-Laqith - kanak-kanak yang dijumpai yang tidak diketahui ibu bapanya.

Al-Masalih al-Mursalah -Kepentingan yang tidak terdapat dalil syarak padanya yang menerima atau menolak.

Al-Maqasid al-Kulliyah - matlamat yang sifatnya mencakupi seluruh kepentingan.

Al-Thawabit - perkara usul, prinsip tetap yang tidak boleh diubah.

Al-Ustaziah - kepimpinan yang memberikan petunjuk ke seluruh alam.

'Asabiah - dokongan daripada perkumpulan yang besar dan kuat /sokongan

membabi buta tanpa hujah.

Athar - kata-kata sahabat, hadis.

Baiah - janji taat setia.

Daruriat - keperluan yang mesti ada, tidak boleh hidup tanpanya.

Darurat - keperluan mendesak.

Dar al-Islam - negara Islam, kawasan yang didiami majoritinya oleh umat Islam.

Darul Harbi - negara kafir yang memusuhi umat Islam dan wajib diperangi.

Daulah Madaniah - negara pemerintahan awam/moden.

Fiqh al-Khariji - kefahaman menurut prinsip Khawarij.

Fiqh al-Taqlidi - fiqh tradisional/warisan.

Fiqh al-Zahiri - fiqh berdasarkan zahir nas sahaja.

Fiqh al-'Afiyah - kefahaman berdasarkan kemaafan kepada kezaliman.

Fiqh al-Aulawiyah - kefahaman mengutamakan yang paling utama/ prioriti.

Fiqh al-Ikhtilaf - fiqh bagaimana mengendalikan perselisihan pendapat.

Fiqh al-Maqasid - fiqh yang memperkirakan tentang matlamat syarak.

Fiqh al-Muwazanat - fiqh yang menyeimbangkan antara kebaikan dan keburukan.

Fiqh al-Sunan - fiqh yang memperkirakan tentang undang-undang alam semulajadi ciptaan Allah.

Harfiah - tekstual, bergantung kepada nas semata-mata.

Ikhtimal - ada kemungkinan, tiada kepastian.

Ikhtiad - prinsip berhati-hati.

Imarah - kepimpinan.

Istiqra' - kajian mendalam dalam penentuan sesuatu hukum.

Jamaah al-Muslimin - seluruh umat Islam yang ditadbir oleh Khalifah.

Jemaah Islam - pertubuhan Islam.

Khitab syarak - ucapan yang berkaitan dengan arahan dari al-Quran ataupun hadis terhadap mukalaf.

Kufur bawwah - kafir yang jelas dan tiada ragu lagi.

Kisra - gelaran bagi pemerintah Parsi.

Kaisar - gelaran bagi pemerintah Rom.

Maddiyah - kebendaan.

Marfu' - hadis yang disandarkan terus oleh sahabat kepada Rasulullah SAW.

Marji' - pakar rujuk, ulama ulung dalam mazhab Syiah.

Minhaj - cara dan panduan hidup.

Mutaakhkhirin - ulama generasi mutakhir.

Mustahab - sunat, digalakkan.

Mutawatir - hadis yang dibawakan oleh sekumpulan besar perawi kepada sekumpulan besar perawi lain yang tidak mungkin mereka bersepakat berdusta.

Muzara'ah - akad antara tuan tanah dengan pengusaha dengan pembahagian hasil yang dipersetujui oleh kedua pihak dengan syarat benih disediakan oleh tuan tanah, pawah.

Qazaf - tuduhan terhadap seseorang melakukan perhubungan jenis di luar nikah.

Qisas - prinsip hukuman balas yang setimpal.

Siasah syariyyah - prinsip pengurusan politik berdasarkan syarak dan keadaan semasa.

Sirah - sejarah perjalanan hidup.

Saddu al-Zaraie' - pembendungan sesuatu yang boleh mendorong kepada keburukan atau kemudaratan.

Tawajjuh - menghadap Allah dengan penuh khusyuk.

Tafili - terperinci.

Taghut - syaitan ataupun pemerintah yang berhukum bukan dengan hukuman Allah, zalim lagi melampaui batas.

Thiqah - yang dipercayai.

Saqafah - ilmu pengetahuan dan kebudayaan.

'Uruf - kebiasaan yang diterima oleh masyarakat sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan.

Wala' - taat setia.

Wasatiyyah - pertengahan antara yang melampau dan yang bermudah-mudah..

Wilayah al-Faqih - kepimpinan ahli fiqh sewaktu ketiadaan Imam Yang Ghaib bagi mengurus urusan manusia - doktrin yang wujud dalam mazhab Syiah sahaja.

Wilayah al-Kubra/ Khalifah/ Imam/ al-Imamah al-'Uzma/Wilayah 'Ammah - kepimpinan dan kekuasaan tertinggi dalam sebuah negara Islam.



MUKADIMAH

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam buat Rasulullah SAW., keluarganya, para sahabatnya dan mereka yang mengikuti petunjuknya. *Amma ba'du.*

Inilah dia perbahasan mengenai "Fiqh al-Daulah Menurut Perspektif islam" Fiqh ini amat diabaikan oleh ummah Islam pada zaman mutakhir ini. Mereka tidak memberikan ruang untuknya dalam kajian dan ijtihad sebagaimana yang telah mereka berikan kepada bidang-bidang fiqh yang lain yang telah meluas dan membesar khususnya Fiqh Ibadah.

Al-Imam Ibn al-Qayyim (kurun ke-8 H) telah mengadu tentang kejumudan para *fuqaha'* pada zamannya sehingga mereka telah dipaksa oleh para pemerintah pada zaman mereka untuk memperbaharui "Undang-undang Politik" yang dipisahkan daripada syarak. Ibn al-Qayyim telah meletakkan kesalahan penyelewengan dan terpesongnya para pemerintah dan kerajaan daripada manhaj syariah yang mulia ke atas bahu para fuqaha' yang jumud ini. Hal ini boleh dianggap sebagai penyusupan pertama bagi undang-undang ciptaan manusia bagi menggantikan tempat hukum-hukum syariah Islam.

Golongan yang jumud di kalangan ahli fiqh ini terus meninggalkan pengganti pada zaman kita, di mana mereka hidup pada kurun ke-15 H ini tetapi mereka berfikir dengan akal ulama yang telah mati sejak berkurun-kurun lamanya. Kemungkinan hampir semua bentuk kehidupan yang wujud pada zaman para ulama tersebut telah berubah. Mereka ini telah lupa bahawa al-Imam al-Syafi'e telah menukarkan mazhabnya dalam tempoh yang amat singkat.

Beliau mempunyai mazhab jadid dan mazhab qadim. Para sahabat Abu Hanifah juga telah khilaf dengan Abu Hanifah sendiri dalam lebih daripada

sepertiga kandungan mazhab kerana berbezanya zaman beliau dengan zaman mereka. Mereka menyatakan: "Sekiranya para sahabat kami melihat apa yang telah kami lihat, nescaya mereka akan berpendapat seperti kami ataupun lebih daripada itu." Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan daripadanya pelbagai riwayat yang kadang-kadang hingga wujud tujuh pendapat ataupun lebih dalam satu masalah sahaja. Ini berlaku kerana perbezaan keadaan dan peristiwa serta berubahnya suasana dalam kebanyakan keadaan.

Kita melihat wujud di kalangan mereka yang menasabkan diri kepada fiqh pada zaman kini dan di kalangan mereka yang dianggap termasuk kumpulan-kumpulan Kebangkitan Islam yang menyatakan: "Sesungguhnya syura hanyalah *mu'limah* (pemberitahuan) bukannya *mulzimah* (kemestian), sesungguhnya pemerintah berhak untuk meminta pandangan syura agar dia dapat bersuluh dengannya, kemudian dia pula berhak melontar ke dinding pandangan Ahli Syura kiranya dia mahu dan dia melaksanakan pandangannya sahaja! Dialah yang memilih Ahli Majlis Syura, kemudian dia yang memperakuinya kiranya dia mahu dan membubarkannya bila-bila masa yang dia mahukan."

Kita juga melihat wujud mereka yang menolak pemikiran *alta'adudiyah* (berbilang parti) di bawah sebuah negara Islam, menolak pemikiran pilihanraya bagi memilih Ketua Negara, ataupun memilih wakil rakyat di Majlis Syura (Senat) ataupun Parlimen, menolak untuk mengambil pandangan majoriti dalam pemilihan, menolak untuk menghadkan tempoh beberapa tahun tertentu untuk Ketua Negara dan mereka yang berpandangan bahawa setiap perkara yang dibawakan oleh demokrasi sebagai suatu kemungkaran yang wajib diperangi.

Kita juga melihat mereka yang menolak untuk memberikan wanita suara (hak mengundi) dalam pilihanraya, bahkan menolak untuk memberikan wanita hak mencalonkan diri bagi Dewan Parlimen. Dengan itu ia menghapuskan hak separuh ummah. Begitu juga dengan mereka yang tidak memberikan golongan Non-Muslim hak dalam menyuarakan, mencalonkan diri ataupun memberikan mereka bahagian untuk menyertai kerajaan

Bahkan di sana ada yang menyatakan: "Tidak boleh bagi seorang Islam mencalonkan dirinya untuk Parlimen dan selainnya kerana dengan mencalonkan diri, dia telah meminta jawatan kepimpinan untuk dirinya sendiri sedangkan orang yang meminta jawatan kepimpinan tidak boleh dijadikan pemimpin."

Mereka ini adalah golongan minoriti jika dibandingkan dengan majoriti besar pendokong kebangkitan Islam walaupun suara mereka itu masih langtang. Di sana ada kuasa yang memang dikenali memusuhi kebangkitan dan

kesedaran Islam - meniupkan racun pada mereka, berusaha untuk membesar dan menonjolkan diri mereka bagi mencapai tujuan jahat yang ada dalam diri mereka.

Berhadapan dengan mereka yang jumud ini, kita mendapati wujudnya golongan yang mengingkari pemikiran bahawa di dalam islam wujudnya sebuah negara yang berhukum dengan apa yang telah Allah turunkan. Mereka memisahkan antara agama dan politik dengan sepenuhnya, tidak ada agama dalam politik dan tiada politik dalam agama!

Mereka mahu untuk melaksanakan Islam di Timur seperti apa yang dilaksanakan oleh Kristian di Barat sedangkan Islam bukanlah sama dengan Kristian, masjid bukanlah sama dengan gereja, sejarah para ulama Islam tidak sama dengan sejarah tokoh gereja di sana. Tidak wujud dalam Islam: Serahkan untuk Kaisar apa yang jadi milik Kaisar dan serahkan untuk Allah apa yang jadi milik Allah. Bahkan Islam telah mengisytiharkan bahawa Kaisar dan apa yang jadi milik Kaisar semuanya adalah milik Allah Yang Maha Esa. Islam tidak menentang ilmu, sains, pemikiran, ciptaan dan kebebasan sebagaimana yang telah dilakukan oleh gereja di barat. Islam tidak membina Mahkamah Taftisy yang menggerunkan yang dibina oleh pihak gereja untuk menghukum para ulama, pemikir dan pencipta sama ada mereka masih hidup ataupun telah mati.!

Kita telah melihat bahawa mereka mahu menanggalkan Islam daripada kuasa memerintah (al-Sulthah al-Zamaniyah) yang mana tidak wujud padanya kuasa keagamaan seperti Kristian. Maksudnya: Agar ia terus kekal terasing, lemah dan tidak ada kuasa baginya dalam negara dan dalam urusan agama.

Kita telah melihat mereka ini keluar daripada ijmak ummah yang telah sabit lagi diyakini sepanjang sejarahnya yang panjang yang telah beriman (berpegang) bahawa Islam adalah akidah dan syariat (perundangan), agama dan negara, ibadah dan qiadah (kepimpinan), sembahyang dan jihad, dan bahawa Rasulullah SAW. adalah Ketua Negara yang pertama bagi Negara Islam dan telah berjalan menurut jejaknya para Khalifah setelah Baginda. Khilafah bermaksud: Pengganti Rasulullah SAW. bagi membangunkan agama dan mentadbir (mengurus) dunia dengan agama.

Mereka yang sekular dari kalangan golongan Liberalis ataupun Marxis ini mendakwa mereka adalah orang Islam sedangkan ia sekadar dakwaan. Mereka tidak mahu tunduk kepada hukum Islam, tidak patuh pada perintah dan larangan Islam, tidak merujuk kepada al-Quran dan al-Sunah. Kiranya

suatu hari mereka merujuk padanya, ia adalah untuk menyelewengkan kata-kata daripada maksud asalnya, menundukkan nas-nas agar seiring dan patuh pada nafsu mereka, bukannya mereka yang hendak tunduk kepada nas. Ini bukanlah perlakuan mereka yang mempunyai iman sebagaimana firman Allah Taala:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat"; dan mereka itulah orang yang beroleh kejayaan.* **(Surah al-Nur 24: 51)**

Mereka mencemuh "Islam yang syumul" yang mana orang Islam tidak kenal melainkan Islam dalam bentuk ini sepanjang kurun yang lalu, mereka menamakannya sebagai "Islam Politik," seolah-olah di sana ada pelbagai jenis Islam: Ada Islam kejiwaan, Islam pemikiran, Islam kemasyarakatan dan Islam Politik! Islam adalah Islam yang mengikut isi kandungannya sendiri dari bidang ciri-cirinya dan sumber-sumbernya iaitu Islam al-Quran dan al-Sunnah.

Di tengah-tengah antara golongan sekular yang telah melepaskan diri daripada ikatan Islam dan mereka yang jumud serta lari daripada realiti semasa ini, bangkit golongan al-Wasatiah al-Islamiah yang mengambil Islam daripada sumbernya yang bersih lagi tulen, mengimani bahawa Islam adalah manhaj yang kamil bagi kehidupan, manhaj untuk individu, keluarga, masyarakat dan negara. Ia melihat kepada Islam dengan satu mata dan melihat zaman semasa dengan satu mata, menggabungkan antara yang lama dan bermanfaat dengan yang baru dan soleh beriltizam dengan salafiah yang diperbaharui, mengimbangkan antara perkara *thawabit* (prinsip kekal) dan *mutaghaiyirat* (yang boleh berubah), mengajak kepada menghormati akal, memperbaharui pemikiran, berijtihad dalam agama, kreatif dalam soal keduniaan, mengambil kandungan yang terbaik daripada percikan sistem-sistem moden semasa, berpandangan bahawa demokrasi adalah amat hampir dengan Islam setelah ia dibersihkan daripada pelbagai kotoran yang ada padanya dan memberikan ia makanan yang patut untuknya daripada nilai-nilai Islam dan hukum-hukumnya.

Buku ini adalah ungkapan bagi fiqh golongan ini pada bidang yang amat penting ini iaitu bidang daulah (bernegara) dalam Islam: Apakah kedudukannya?

Apakah hukum menegakkannya? Apakah *ma'alim* (petunjuk utama/ ciri) yang istimewa baginya? Apakah tabiatnya? Apakah ia negara moden yang beriltizam dengan Islam ataupun ia sebuah negara Teokrasi kerahiban agama? Bagaimanakah kita menolak pandangan mereka yang mendakwa bahawa ia adalah sebuah negara agama yang memerintah dengan nama hak ketuhanan? Apakah pandangan dan sikapnya terhadap aliran berbagai, demokrasi, wanita dan golongan Non-Muslim? Apakah boleh bagi mana-mana Jemaah Islam untuk berkongsi dalam pemerintahan sebuah negara sekular? Hinggalah kepada pelbagai masalah yang sensitif dan penting.

Saya mengharapkan dengan penjelasan daripada buku ini, kita telah memberikan beberapa gambaran terhadap masalah yang besar ini, kita telah menolak sebahagian syubhah (salah faham) yang ditimbulkan dan kita telah menjelaskan pandangan pertengahan antara mereka yang jumud dan mereka yang menolak Islam.

Saya telah mengambil sebahagian apa yang telah saya tulis sebelum ini dalam buku-buku lain khususnya dalam juzuk kedua daripada buku saya *"Fatawa Mu'ashorah."* Kemungkinan dengan memasukkan fatwa-fatwa ini dalam fiqh politik di sini dan menonjolkannya adalah lebih baik dan utama.

Allahlah yang menyatakan kebenaran dan Dialah yang menunjukkan jalan.

Kaherah: Awal Jamadil awwal Tahun 1417 H
15/9/1996 M
Yusuf al-Qardhawi



BAB SATU

KEDUDUKAN NEGARA DALAM ISLAM

Penjajah Barat yang memerintah negara-negara Islam berjaya menanamkan dalam akal dan jiwa umat Islam pemikiran yang pelik lagi buruk kandungannya yang menyatakan bahawa: Islam adalah satu agama bukannya sebuah negara. Agama menurut fahaman Barat hanyalah sekitar maksud agama sahaja yang tiada hubungan dengan urusan negara. Bagi mereka urusan negara diatur oleh akal manusia sahaja berdasarkan pengalaman-pengalamannya dan keadaan yang sering berubah.

Sesungguhnya mereka mahu melaksanakan (menjalankan) terhadap Islam di Timur apa yang telah mereka laksanakan untuk Kristian di Barat. Sebagaimana pembangunan di sana tidak terlaksana melainkan setelah mereka membebaskan diri daripada kekuasaan agama begitulah juga mereka mahukan di sini, pembangunan di Timur (dunia Arab dan Islam) hendaklah berdiri atas keruntuhan agama!

Sedangkan agama di Barat bermaksud: Gereja, kekuasaan Pope dan penindasan para tokoh gereja terhadap jiwa, perasaan dan nyawa manusia. Di manakah persamaan ini dengan agama di tempat kita? Di tempat kita tidak wujud Pope, tokoh gereja dan tidak berlaku penindasan terhadap hati, jiwa dan nyawa manusia?![1)]

---

1) Lihat fasal 'Din La Daulah' daripada buku *al-Fikr al-Islami al-Hadis Wa Silatuhu Bi al-Isti'mar al-Gharbi* oleh Dr Muhammad al-Bahi.

Walaupun begitu, pihak penjajah telah berjaya untuk membentuk sekumpulan pengikut yang berpegang bahawa agama tidak mempunyai tempat untuk menentukan haluan negara dan mengatur urusannya. Agama adalah satu perkara dan politik adalah satu perkara yang lain. Hal ini berlaku terhadap Islam sebagaimana ia telah berlaku terhadap Kristian. Antara slogan yang menyesatkan yang tersebar ialah:

"Agama adalah untuk Allah dan negara adalah milik semua"!

Ia adalah satu kalimah yang benar tetapi bermaksudkan kebatilan. Ia boleh diterbalikkan semua bentuk maksudnya. Kita boleh menyatakan: Agama adalah untuk Allah dan negara adalah untuk Allah, ataupun: Agama adalah untuk semua dan negara adalah untuk semua, ataupun: Agama adalah untuk semua dan negara adalah untuk Allah!

Kehendak dan maksud mereka bagi kalimah "Agama adalah untuk Allah" ialah Agama adalah sekadar hubungan hati manusia dengan tuhannya dan tidak terdapat tempat baginya dalam sistem kehidupan dan masyarakat.

Contoh praktikal yang paling menonjol bagi perkara itu ialah seperti "Negara Sekular" yang didirikan oleh Kamal Atarturk di Turki yang beliau paksakan dengan kuku besi dan pertumpahan darah terhadap kelompok rakyat Islam Turki. Ini berlaku setelah musnahnya Khilafah 'Uthmaniah,, benteng politik terakhir yang tinggal untuk Islam setelah pertentangan berkurun-kurun lamanya dengan Salibiah dan Yahudiah antarabangsa.

Pelbagai kerajaan di negara-negara Islam lain telah meniru Turki Baru dalam pelbagai peringkat peniruannya. Lantas Islam dipinggirkan daripada pemerintahan dan perundangan, disingkirkan daripada masalah-masalah jenayah, sivil dan seumpamanya. Ia hanya kekal terhad dalam bidang apa yang dinamakan sebagai "Undang-undang Keluarga". Ia juga telah dipinggirkan daripada memberikan arahan dan pengaruh dalam kehidupan, kebudayaan, pendidikan dan kemasyarakatan kecuali dalam batasan had yang amat kecil. Ruang dibuka sepenuhnya bagi petunjuk dan arahan Barat, kebudayaan Barat dan adat budaya Barat.

Sebahagian pemimpin politik tidak menyembunyikan rasa takjub mereka terhadap Atarturk sehinggakan seorang pemimpin sebuah parti politik yang besar dan terkenal di Mesir dan Perdana Menteri pada waktu itu berkata dalam kenyataannya:

Sesungguhnya saya berasa takjub tanpa batasan terhadap Kamal Ataturk dan fahamannya terhadap makna negara moden.

Ucapan ini telah dijawab dan ditolak oleh al-Syahid Hasan al-Banna dalam ucapannya yang terkenal yang disiarkan oleh akhbar harian 'al-lkhwan al-Muslimun' selepas itu.

Antara gambaran paling menonjol bagi kejayaan serangan kebudayaan Barat ialah pemikiran sekular yang menyusup masuk iaitu tentang pemisahan agama daripada negara. Ia bukan sekadar mempengaruhi golongan awam sahaja, bahkan ia telah menjangkau sebahagian mereka yang telah belajar agama di Kolej Islam yang terkenal seperti al-Azhar sebagaimana yang terserlah dalam buku al-Syeikh Ali Abdul Raziq "al-Islam wa Usul al-Hukim."

Adalah adil kiranya kita menyatakan bahawa buku ini telah mencetuskan gegaran yang kuat sewaktu ia diterbitkan di kalangan masyarakat umum dan di al-Azhar sendiri khususnya. Al-Azhar telah membentuk Komiti dari kalangan Ulama Besar al-Azhar untuk membicarakan penulisnya. Ia menjatuhkan hukuman menggugurkan beliau daripada *"Syahadah al-'Alimiyah"* dan mengeluarkannya dari kalangan ulama. Buku beliau telah ditolak dan dijawab oleh ramai ulama dan tokoh pemikir dari kalangan keluaran al-Azhar dan bukan al-Azhar.[2)]

Oleh itu, semestinya dikukuhkan sikap berhadapan dengan sekularisme, para pendokong dan penyokongnya. Dipertegaskan lagi kesyumulan Islam dan ditonjolkan sudut hukum dan ajarannya yang hidupnya iaitu sudut bernegara, pengurusan dan pengarahannya dengan hukum-hukum dan adab-adab Islam. Diisytiharkan bahawa perkara itu adalah satu juzuk yang tidak akan bercerai daripada sistem Islam yang unggul dengan kesyumulannya yang meliputi setiap masa, tempat dan pelbagai jenis manusia. Kitab Allah telah diturunkan bagi menjelaskan segala sesuatu sebagaimana firman Allah Ta'ala[3)]:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

2) Dari kalangan mereka yang menjawab dakwaan itu ialah al-'Allamah al-Mujahid al-Syeikh Muhammad al-Khidr Husein, bekas Syeikh al-Azhar dalam bukunya *Naqd Kitab al-Islam Wa Usul al-Hukmi*, begitu juga dengan Mufti Mesir pada sunannya al-Allamah al-Syeikh Muhammad Bakhyat al-Muti'ei.

3) Lihat buku kami *Syumul al-Islam* dan ciri keistimewaan kesyumulan Islam daripada buku kami *al-Khasois al-Ammah li al Islam.*

Terjemahan: *Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan setiap sesuatu dan menjadi petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.* **(Surah an-Nahl 16:89)**

Dalil Daripada Nas Al-Quran

Perkara ini bukanlah rekaan Gerakan Islam ataupun para pengasas dan pendokongnya. Bahkan ia adalah apa yang telah disebutkan oleh nas-nas Islam yang qat'i, peristiwa-peristiwa sejarahnya yang sabit dan tabiat dakwahnya yang syumul.

Tentang nas-nas Islam, cukuplah bagi kita dua ayat daripada Surah al-Nisa':

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا ﴿٥٨﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا ﴿٥٩﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baik kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah serta kepada 'ulil Amri' (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunah) Rasul-Nya.* **(Surah an-Nisa' 4:58-59)**

Ucapan dalam ayat pertama ditujukan kepada para pemimpin dan pemerintah agar mereka menjaga amanah dan memerintah dengan adil. Sesungguhnya mencuaikan amanah dan keadilan membawa kepada kehancuran umat dan runtuhnya negara. Dalam al-Sahih dinyatakan:

فَإِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ

Terjemahan: *'Apabila amanah diabaikan maka tunggulah saat kehancuran,' para sahabat bertanya; 'Bagaimanakah pengabaiannya?' Baginda menjawab; 'Apabila urusan itu diserahkan kepada bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancuran.'*[4]

Ucapan dalam ayat kedua ditujukan kepada rakyat yang beriman agar mereka mentaati *Ulil Amri* dengan syarat mereka adalah 'daripada kalangan mereka' dan menjadikan ketaatan ini setelah ketaatan kepada Allah dan Rasul. Juga diperintahkan sewaktu berlaku pertelingkahan agar merujuk pertelingkahan itu kepada Allah dan Rasul-Nya iaitu kepada al-Quran dan al-Sunah. Hal ini mewajibkan wujudnya bagi umat Islam sebuah negara yang menguasai dan ditaati, kalau tidak maka perintah dalam ayat ini menjadi sia-sia.

Berdasarkan dua ayat inilah Syeikhul Islam Ibn Taimiyyah telah menyusun bukunya yang terkenal *al-Siyasah al-Syar'iyah Fi Islah al-Ra'ie Wa al-Ra'ieyah.* Buku ini keseluruhannya berdasarkan dua ayat yang mulia tadi.

Apabila kita pergi kepada al-Sunah, kita melihat bahawa Al Rasul SAW. bersabda:

مَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ مَاتَ مِيْتَةً جَاهِلِيَّةً

Terjemahan: *Sesiapa yang mati sedangkan pada lehernya tidak ada bai'ah maka dia mati dalam keadaan jahiliah.*[5]

Tidak syak lagi bahawa diharamkan kepada seorang Muslim untuk membaiah mana-mana pemerintah yang tidak beriltizam dengan Islam. Bai'ah yang menyelamatkannya daripada dosa ialah baiah terhadap orang yang berhukum dengan apa yang telah Allah turunkan. Apabila perkara itu tidak wujud, maka semua orang Islam berdosa sehinggalah tertegaknya pemerintahan Islam dan terlaksananya baiah yang dituntut itu. Seorang Muslim tidak akan selamat daripada dosa ini melainkan dengan dua perkara:

4) Riwayat al-Bukhari dalam Kitab Hadis ke-59 dalam *al-Fath* 1/141 daripada Abu Hurairah Beliau mengulanginya dalam Kitab al-Raqqaq.

5) Riwayat Muslim daripada Ibn Umar dalam Kitab al-Imarah. Hadis no. 1851.

Pertama: Ingkar - walaupun sekadar dengan hati sewaktu lemah terhadap keadaan menyeleweng yang bertentangan dengan syariat Islam.

Kedua: Berusaha dengan bersunguh-sungguh untuk mewujudkan kehidupan Islam yang lurus yang diarahkan oleh pemerintahan Islam yang sahih. Dalam pada itu usaha secara individu adalah tidak bermanfaat. Dia hendaklah meletakkan tangannya dalam tangan saudaranya (bekerjasama) yang beriman dengan apa yang dia imani. Seorang Mukmin dengan seorang Mukmin lain adalah seperti sebuah bangunan yang saling mengukuhkan.

Telah datang puluhan hadis sahih tentang Khilafah, Imarah (pemerintahan), kehakiman, kepimpinan, sifat-sifat dan hak-hak mereka untuk dipatuhi dan dibantu atas kebaikan. Begitu juga tentang menasihat dan mentaati mereka dalam keadaan suka ataupun terpaksa, sabar terhadap mereka dan had bagi kemampuan dan kesabaran ini. Juga tentang penentuan kewajipan mereka untuk mendirikan *hudud* Allah, menjaga hak-hak manusia, bermesyuarat dengan *Ahli al-Ra'yi* (bijak pandai), melantik mereka yang kuat dan amanah, mengambil penasihat yang salih, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, *amar makruf nahi mungkar...* dan sebagainya daripada urusan negara, pemerintahan, pentadbiran dan politik.

Oleh itu kita telah melihat bahawa urusan *Imamah* (kepimpinan) dan *Khilafah* telah disebut dalam buku-buku akidah dan *usuluddin* sebagaimana kita telah melihat ia disebutkan dalam buku-buku fiqh. Kita juga telah melihat buku-buku yang khusus tentang urusan perlembagaan negara, pentadbiran, mahkamah, kewangan dan polisi negara seperti *al-Ahkam al-Sulthaniyyah oleh al-Mawardi*, begitu juga oleh Abu Ya'la, *al-Ghiyathi* oleh Imam al-Haramain, *al-Siyasah al-Syar'ieyah* oleh Ibn Taimiyyah, *Tahrir al-Ahkam* oleh Ibn Jama'ah, *al-Kharaj* oleh Abu Yusuf, begitu juga tulisan *Yahya bin Adam, al-Amwal* oleh Abu 'Ubaid dan juga apa yang ditulis oleh Ibn Zanjawaih dan sebagainya yang telah ditulis untuk menjadi rujukan para hakim dan pemerintah seperti *al-Thuruq al-Hukmiyah, al-Tabshirah, Mu'ien al-Hukkam* dan seumpamanya.

Bukti Daripada Sejarah Islam

Sejarah Islam menyatakan kepada kita bahawa Rasulullah SAW. telah berusaha dengan segala apa yang Baginda mampu daripada kekuatan dan pemikiran dan dengan dokongan petunjuk wahyu untuk mendirikan negara Islam dan mengukuhkan dakwahnya. Ia adalah khusus untuk para pengikutnya. Tidak

ada sesiapapun yang mempunyai kekuasaan ke atas mereka kecuali kekuasaan Syariah. Bagi mencapai semua ini Baginda telah menawarkan dirinya kepada kabilah-kabilah agar mereka beriman dengan Baginda, membela Baginda dan menjaga dakwah Baginda. Sehinggalah Allah mentaufikkan golongan *"al-Ansar"* dari kalangan al-Aus dan al-Khazraj untuk beriman dengan risalah Baginda. Apabila Islam telah tersebar di kalangan mereka, datanglah utusan mereka pada musim haji yang terdiri daripada 73 lelaki dan 2 wanita. Mereka membaiah Baginda SAW untuk membela Baginda sebagaimana mereka membela diri, isteri dan anak-anak mereka, wajib taat dan patuh kepada Baginda, melakukan amar makruf dan menengah daripada kemungkaran hinggalah ke akhir kandungan baiah itu. Lalu mereka membaiah Baginda atas perkara ini. Hijrah ke Madinah adalah usaha untuk mendirikan masyarakat Islam yang tersendiri dan ditadbir oleh sebuah negara Islam yang tersendiri.

Madinah adalah *Darul Islam* dan asas bagi negara Islam baru yang diketuai oleh Rasulullah SAW. Bagindalah pemimpin dan Imam bagi umat Islam sebagaimana Baginda jugalah Nabi dan Rasul kepada mereka.

Menggabungkan diri di bawah negara ini untuk mengukuhkan kekuatannya, hidup di bawah payungannya dan berjihad di bawah benderanya adalah kewajipan ke atas setiap orang yang memeluk agama Islam pada waktu itu. Imannya tidak akan sempurna melainkan dengan berhijrah ke *Darul Islam*, keluar daripada negara kafir yang memusuhi Islam serta masuk dan mendisiplinkan dirinya dalam barisan perkumpulan Mukmin yang berjihad yang dilontarkan ke seluruh dunia daripada satu busur.

Allah Taala berfirman:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَمْ يُهَاجِرُوا۟ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَىْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ ۚ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah.* **(Surah al-Anfal 8:72)**[6)]

Allah berfirman tentang kedudukan mereka ini:

فَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ

6) Ganti bagi hijrah ke *Daulah Islamiah* pada hari ini ialah menyertai *Jamaah Muslimah* yang berusaha menegakkan daulah Islam. Ia adalah satu kewajipan bagi setiap orang muslim mengikut kemampuannya.

Terjemahan: *Oleh itu janganlah kamu mengambil (seorangpun) di antara mereka menjadi teman rapat kamu, sehingga mereka berhijrah pada jalan Allah.* **(Surah an-Nisa' 4:89)**

Al-Quran yang mulia juga telah menurunkan ayat yang mengkritik dengan keras terhadap mereka yang hidup dalam keadaan rela di negara kafir dan *Darul Harbi* dalam keadaan mereka tidak dapat mendirikan agama, menunaikan kewajipan dan syiar agama mereka.

Firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ كُنتُمْ ۖ قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ
فِى ٱلْأَرْضِ ۚ قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ
وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾ إِلَّا ٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ لَا
يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾ فَأُو۟لَٰٓئِكَ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ ۚ
وَكَانَ ٱللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang yang dimatikan oleh malaikat, sedang mereka menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah bersama Rasulullah), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: 'Dalam keadaan bagaimanakah kamu ini?' Mereka menjawab: Kami dahulu adalah orang-orang yang ditindas di bumi". Malaikat bertanya lagi: Tidakkah bumi Allah itu luas, maka kamu boleh berhijrah dengan bebas padanya?' Maka orang-orang itu tempat mereka ialah neraka jahanam dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali orang-orang yang lemah dan kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah). Maka mereka itu, mudah-mudahan Allah memaafkan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.* **(Surah an-Nisa' 4:97-99)**

Sewaktu Nabi SAW. wafat, perkara pertama yang ditumpukan oleh para sahabat Baginda ialah memilih seorang 'Imam' untuk mereka, sehingga mereka mendahulukan perkara itu daripada pengebumian Baginda SAW. Mereka menyegerakan untuk membaiah Abu Bakr dan menyerahkan pentadbiran urusan mereka kepadanya. Begitulah yang berlaku pada setiap zaman setelah itu. Dengan ijmak yang bersejarah ini, yang bermula daripada para sahabat

dan tabi'in bersama nas-nas yang telah kami sebutkan, para ulama Islam telah berdalilkan dengannya tentang wajibnya melantik Imam yang merupakan lambang bagi negara Islam dan mercu tandanya.

Umat Islam tidak pernah mengenali dalam sejarah mereka permisahan antara agama dan negara kecuali sewaktu munculnya era sekularisme pada zaman ini. Inilah yang telah diberikan amaran oleh Rasulullah SAW. mengenainya dan Baginda telah memerintahkan untuk memeranginya sebagaimana dinyatakan dalam hadis Mu'az:

أَلاَ إِنَّ رُحَى الْإِسْلاَمِ دَائِرَةٌ، فَدُوْرُوا مَعَ الْكِتَابِ حَيْثُ دَارَ، أَلاَ إِنَّ الْقُرْآنَ وَالسُّلْطَانَ سَيَفْتَرِقَانِ، فَلاَ تُفَارِقُوا الْكِتَابَ، أَلاَ إِنَّهُ سَيَكُوْنُ عَلَيْكُمْ أُمَرَاءُ يَقْضُوْنَ لِأَنْفُسِهِمْ مَا لاَ يَقْضُوْنَ لَكُمْ، فَإِنْ عَصَيْتُمُوْهُمْ قَتَلُوْكُمْ، إِنْ أَطَعْتُمُوْهُمْ أَضَلُّوْكُمْ قَالُوْا: فَكَيْفَ نَصْنَعُ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: كَمَا صَنَعَ أَصْحَابِ عِيْسَى بْنِ مَرْيَمَ: نُشِرُوا بِالْمَنَاشِيْرِ، وَحُمِلُوا عَلَى الْخُشُبِ مَوْتٌ فِي طَاعَةِ اللهِ خَيْرٌ مِنْ حَيَاةٍ فِي مَعْصِيَةِ اللهِ

Terjemahan: *Ingatlah bahawa lingkaran Islam itu adalah bulat, berputarlah kamu bersama Islam di mana ia berputar, ingatlah bahawa al-Quran dan pemerintahan akan berpisah (iaitu agama dan negara) maka janganlah kamu meninggalkan al-Quran. Ingatlah bahawa akan memerintah ke atas kamu para pemerintah yang memutuskan untuk diri mereka apa yang tidak mereka putuskan untuk kamu, sekiranya kamu membantah mereka nescaya mereka akan membunuh kamu, sekiranya kamu mentaati mereka, mereka akan menyesatkan kamu. Para sahabat bertanya. Apakah yang perlu kami buat wahai Rasulullah?' Sabda Baginda: 'Buatlah sebagaimana yang telah dilakukan oleh para sahabat 'Isa bin Maryam, tubuh mereka telah digergaji dengan gergaji, mereka telah diletakkan di atas kayu, mati dalam keadaan mentaati Allah adalah lebih baik daripada hidup dalam keadaan bermaksiat kepada Allah."*[7]

7) Riwayat Ishak bin Rahawaih dalam *Musnad*nya daripada Suwaid bin Abdul 'Aziz, seorang perawi yang *daif* dan daripada Ahmad bin Munaie', para perawinya adalah thiqah sebagaimana

Bukti Daripada Tabiat Islam

Mengenai tabiat Islam dan risalahnya pula, Islam adalah agama yang umum dan syariat yang syumul. Tabiat syariat yang seperti ini mestilah menyusup masuk ke dalam seluruh sudut kehidupan. Tidak dapat digambarkan syariat seperti ini akan mengabaikan urusan bernegara dan membiarkannya kepada mereka yang bebas daripada agama, golongan ateis ataupun fasik yang mentadbir berdasarkan hawa nafsu mereka.

Agama ini juga menyeru kepada penyusunan sistem dan menetapkan tanggungjawab, tidak sukakan kecelaruan dan kecacatan dalam semua perkara sehinggakan kita melihat al-Rasul SAW. telah memerintahkan kita dalam sembahyang agar meluruskan saf dan mengimamkan kita orang yang paling alim di kalangan kita. Dalam permusafiran Baginda bersabda: "Hendaklah menjadi Amir (ketua) salah seorang daripada kamu."

Al-Imam Ibn Taimiyyah berkata dalam *al-Siyasah al-Syar'ieyah:*

Wajib diketahui bahawa memimpin urusan manusia adalah termasuk kewajipan agama yang paling besar, bahkan tidak akan bangun agama dan dunia melainkan dengannya. Sesungguhnya tidak sempurna maslahat anak Adam kecuali dengan perkumpulan (bermasyarakat) kerana mereka saling memerlukan sesama mereka. Setiap perkumpulan itu mestilah ada ketua. Sehinggakan Nabi SAW. telah bersabda:

إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ

Terjemahan: *Apabila keluar tiga orang dalam satu permusafiran maka hendaklah seorang daripada mereka dilantik menjadi ketua.* **(Riwayat Abu Daud daripada hadis Abu Sa'id dan Abu Hurairah)**[8]

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan daripada Abdullah bin Amru bahawa Nabi SAW. telah bersabda:

---

pendapat al-Bushiri dalam *al-Ittihaf.* Lihat *al-Matholib al-'Aliyah* oleh Ibn Hajar dengan tahqiq al-Syeikh Habib al-Rahman al-A'zhomi. Terbitan Kementerian Wakaf Kuwait, juzuk 4 hadis ke-4408. Juga diriwayatkan oleh al-Thabrani padanya ada Yazid bin Mirthad, beliau tidak mendengar riwayat daripada Mu'az d*itsiqthiqah* oleh Ibn Hibban dan didaifkan oleh Jamaah dan baki para perawinya adalah thiqah. Lihat *Majma' al-Zawaid* oleh al-Haithami 5/238.

8) Riwayat al-Thabrani daripada Abdullah, para perawinya adalah perawi Shahih sebagaimana dinyatakan dalam *Majma' al-Zawaid* 5/249.

لاَ يَحِلُّ لِثَلاَثَةٍ أَنْ يَكُوْنُوا بِفَلاَةٍ مِنَ الْأَرْضِ إِلاَّ أَمَّرُوْا عَلَيْهِمْ أَحَدَهُمْ

Terjemahan: *Tidak halal bagi tiga orang yang berada di tanah lapang (dataran kosong) di atas muka bumi melainkan hendaklah dilantik menjadi ketua seorang daripada mereka.*

Jadi Baginda SAW. telah mewajibkan melantik seorang menjadi ketua dalam perkumpulan kecil yang berlaku secara sementara dalam permusafiran sebagai peringatan agar melakukan hal yang sama dalam semua bentuk perkumpulan.

Disebabkan Allah Taala telah mewajibkan amar makruf dan nahi mungkar, perkara itu tidak akan sempurna melainkan dengan kekuatan dan kepimpinan, begitu jugalah dengan semua perkara yang telah diwajibkan-Nya seperti jihad, keadilan, menyempurnakan haji, Jumaat, perayaan (Hari Raya), membantu orang yang dizalimi dan melaksanakan hudud. Semua ini tidak akan sempurna melainkan dengan kekuatan dan kepimpinan. Oleh itu telah diriwayatkan: "Sesungguhnya pemerintah itu adalah bayangan Allah di muka bumi." Oleh itu golongan salaf seperti al-Fudhail bin Ahmad bin Hanbal dan selain keduanya menyatakan: Sekiranya kami mempunyai doa yang makbul nescaya kami akan doakan untuk pemerintah.'[9]

Ini disebabkan Allah akan memperelokkan makhluk yang ramai dengan keelokan keadaan pemerintah itu.

Kemudian tabiat Islam sebagai satu manhaj yang mahu memerintah, memimpin, menentukan hala tuju kehidupan, memerintah masyarakat, mengatur perjalanan hidup manusia menurut perintah-perintah Allah, maka jangan disangkakan bahawa ia hanya cukup dengan ceramah, peringatan dan nasihat yang baik. Tidak boleh hanya menyerahkan hukum, pesanan, nasihat dan ajarannya dalam pelbagai sudut kehidupan kepada hati anggota masyarakat sahaja. Apabila hati-hati ini rosak ataupun mati, maka akan rosak dan mati bersamanya hukum-hukum dan ajaran-ajaran itu. Khalifah yang ketiga r.a telah berkata:

Sesungguhnya Allah akan menghapuskan dengan kekuasaan apa yang tidak dapat dihapuskan dengan al-Quran.

9) Al-Siasah al-Syariyah yang terkandung dalam Majmu' Fatawa Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah juzuk 28 hlm 390-391.

Di kalangan manusia ada yang diberikan petunjuk dengan al-Kitab dan al-Mizan (neraca pertimbangan), dan ada yang tidak dapat ditakutkan melainkan dengan besi dan anak panah. Oleh itu Allah Taala telah berfirman:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ ۖ وَأَنزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul-rasul Kami dengan mukjizat-mukjizat yang jelas nyata dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Al-Kitab dan neraca (keadilan), supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami telah menciptakan besi yang padanya ada kekuatan yang hebat dan berbagai faedah untuk manusia.* **(Surah al-Hadid 57: 25)**

Ibn Taimiyyah berkata:

Sesiapa yang menyimpang daripada al-Kitab, akan dibetulkan dengan besi, oleh itu bangunnya agama adalah dengan mashaf (al-Quran) dan pedang (kekuasaan).[10]

Al-Imam al-Ghazali telah berkata:

Dunia adalah ladang bagi akhirat, agama tidak akan sempurna melainkan dengan dunia, raja (pemerintahan) dan agama adalah saudara kembar, agama adalah asal dan kekuasaan adalah penjaganya, apa yang tidak ada asalnya akan hancur, apa yang tidak ada penjaganya akan hilang, pemerintahan dan pengawasan tidak akan sempurna melainkan dengan kekuasaan.[11]

Sekiranya nas-nas Islam tidak datang secara terang-terangan menyatakan wajibnya mendirikan negara untuk Islam dan sejarah al-Rasul serta para sahabat Baginda tidak mendatangkan perlaksanaan praktikal apa yang telah diserukan oleh nas-nas ini, maka tabiat risalah Islam ini sendiri telah mewajibkan untuk dibangunkan sebuah negara dan tempat untuk Islam. Di situlah ia menonjolkan ciri istimewa akidah, syiar, ajaran, kefahaman, akhlak, keunggulan, adat budaya dan perundangannya.

Islam memerlukan negara yang bertanggungjawab seperti ini pada setiap zaman dan pada zaman ini khususnya, ia amat memerlukan negara seperti ini. Zaman yang menonjol padanya "Negara Ideologi" iaitu negara yang membina

10) Majmu' al-Fatawa 28/264.

11) Ihya' 'Ulum al-Din 1/71 dalam Kitab al-'Ilm.

pemikiran sendiri dan semua binaannya adalah di atas asas ini. Sudut pendidikan, budaya, perundangan, penghakiman, ekonomi dan pelbagai urusan dalaman dan polisi luarannya adalah di atas asas ini. Hal ini telah kita lihat dengan jelas dalam negara Komunis dan Sosialis. Sains moden dengan pelbagai kemajuan teknologinya telah memberikan khidmat penuh untuk negara. Dengan itu negara dapat mempengaruhi pegangan, pemikiran, perasaan, cita rasa dan sikap masyarakat dengan begitu berkesan yang tidak pernah diketahui pengaruh seperti ini sebelumnya. Bahkan negara dengan peralatannya yang moden lagi terarah mampu mengubah nilai, keperibadian dan akhlak masyarakat secara seratus peratus apabila tidak wujud penentangan yang lebih kuat terhadap pengaruh ini.

Sesungguhnya negara Islam adalah "daulah akidah dan pemikiran". Ia adalah sebuah negara yang berdiri di atas akidah dan manhaj. Ia bukanlah sekadar 'badan keselamatan' yang memelihara umat daripada penindasan dalaman ataupun serangan luaran. Bahkan tugasnya adalah lebih mendalam dan lebih besar daripada itu. Tugasnya ialah mengajar dan mendidik umat dengan ajaran dan prinsip Islam, menyediakan suasana positif dan sesuai akidah, pemikiran dan ajaran Islam bertukar menjadi realiti praktikal yang boleh dirasai untuk menjadi contoh ikutan bagi mereka yang disentuh oleh petunjuk hidayah. Ini akan menjadi hujah ke atas setiap mereka yang menuju ke jalan kesesatan.

Oleh itu Ibn Khaldun mentakrifkan *Khilafah* sebagai:

Membawa orang ramai mengikut pandangan syarak dalam urusan maslahat akhirat dan dunia yang semuanya dirujukkan kepada syarak kerana semua urusan dunia, di sisi syarak dianggap sebagai kemaslahatan akhirat. Pada hakikatnya Khalifah adalah sebagai pengganti daripada pemilik syarak dalam urusan menjaga agama dan menguruskan (mentadbir) dunia berdasarkannya.[12]

Oleh itu Allah menyifatkan orang-orang beriman sewaktu mereka diberikan kedudukan di muka bumi ataupun dengan ungkapan lain apabila didirikan negara untuk mereka. Seperti dalam firman-Nya:

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ

12) *Muqaddimah Ibn Khaldun* 2/518, cetakan Lujnah al-Bayan al-'Arabi dengan tahqiq Dr Ali Abdul Wahid Wafi.

Terjemahan: *Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan memberikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar...* **(Surah al-Hajj 22:41)**

Sesungguhnya syiar (slogan) negara Islam ialah apa yang telah dinyatakan oleh Rub'ie bin 'Amir kepada Rustum, panglima tentera Parsi:

Sesungguhnya Allah telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan manusia daripada beribadat (penyembahan) kepada sesama hamba, kepada beribadat (penyembahan) untuk Allah sahaja, daripada kesempitan dunia kepada keluasannya dan daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.

Seterusnya, daulah akidah dan pemikiran ini bukanlah bersifatkan tempatan sahaja tetapi ia adalah negara yang mempunyai *risalah 'alamiyah* (sedunia/antarabangsa) kerana Allah telah menugaskan umat Islam untuk mendakwahkan manusia seluruhnya kepada petunjuk hidayah dan cahaya. Allah telah mentaklifkan umat Islam untuk menjadi saksi ke atas manusia dan menjadi *al-Ustaziah* (penunjuk) kepada seluruh umat. Ia bukanlah satu umat yang dibina untuk dirinya sahaja bahkan ia adalah dikeluarkan untuk manusia. Allah yang mengeluarkannya telah menjadikan mereka sebagai *khairu ummah* (umat terbaik).

Allah berfirman kepada mereka:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ

Terjemahan: *Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia (tentang yang benar dan yang salah).* **(Surah al-Baqarah 2: 143)**

Di sini kita dapati bahawa Nabi SAW. sewaktu diberikan kepada Baginda peluang pertama selepas perdamaian Hudaibiah, Baginda telah menulis surat kepada Raja-raja dan Pemerintah-pemerintah di pelbagai pelusuk dunia mengajak mereka kepada agama Allah dan bergabung di bawah bendera tauhid. Baginda telah meletakkan dosa diri dan dosa rakyat mereka sekiranya mereka menjauhkan diri daripada memasuki bahtera iman. Baginda telah menutup semua suratnya dengan ayat ini:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ

وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

Terjemahan: *Katakanlah (Wahai Muhammad): Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah selain Allah dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu pun serta jangan pula sebahagian kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan tuhan-tuhan selain dari Allah. Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan) maka katakanlah kepada mereka: 'Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam."* **(Surah ali-'Imran 3:64)**

Keperluan Kita Kepada Daulah Yang Menjaga Islam

Sesungguhnya perkara pertama yang diperlukan oleh dakwah Islam pada zaman ini ialah berdirinya Darul Islam ataupun Daulah Islamiah yang mendokong risalah Islam sebagai satu akidah dan sistem, ibadah dan akhlak, kehidupan dan tamadun. Membangunkan seluruh kehidupan *maddiyah* (material) dan *adabiyah* (adab budaya) di atas asas risalah yang *syumul* ini. Ia membuka pintunya bagi setiap orang beriman yang mahu berhijrah kepadanya dari negara-negara kafir, zalim dan menyeleweng.

Negara yang dicitakan ini adalah satu keperluan keIslaman. Ia juga adalah keperluan kemanusiaan kerana ia akan memberikan contoh yang hidup kepada kemanusiaan kerana berhimpunnya agama dan dunia, bergabungnya jasad dan roh, menyepadukan antara kemajuan tamadun dan keunggulan akhlak. Jadilah ia sebagai asas pertama bagi bangunnya sebuah Daulah Islam yang besar, yang menyatukan umat Islam di bawah bendera al-Quran dan di bawah teduhan Khilafah Islam. Akan tetapi kuasa-kuasa yang memusuhi Islam akan melakukan usaha yang amat gigih lagi berterusan agar Daulah seperti ini tidak akan berdiri di mana-mana tempat di atas muka bumi walau bagaimana kecil saiznya dan sedikit rakyatnya.

Orang-orang Barat membenarkan bangunnya negara Marxis. Orang-orang Komunis membenarkan bangunnya negara liberalis tetapi mereka semua tidak akan membenarkan bangunnya sebuah negara Islam yang benar keIslamannya.

Apabila bangkitnya sebuah Gerakan Islam yang berjaya, mereka bimbang ia akan bertukar menjadi sebuah negara, lantas dengan segera kuasa-kuasa kafir antara bangsa dan tempatan menghalakan pukulan mautnya. Mereka memburu, menghalau, memutuskan bekalan makanan, menyiksa, membunuh, memburukkan imej dan mengelirukan keadaan hinggakan apabila gerakan ini mahu bangun semula daripada pukulan itu, dengan segera mereka memukul sekali lagi agar gerakan ini terus sibuk dengan kesakitan daripada memikirkan cita-citanya yang kudus, sibuk dengan keletihan daripada mengusahakan tuntutannya dan sibuk dengan luka daripada meneruskan perjuangannya.

Sekiranya Kita Mempunyai Sebuah Kerajaan

Al-Ustaz Hasan al-Banna r.a. berkata:

Sekiranya kita mempunyai sebuah kerajaan Islam yang sahih Islamnya, benar imannya, bebas berfikir dan melaksanakan segalanya, mengetahui dengan betul keagungan khazanah yang berada di hadapannya, kebesaran sistem Islam yang diwarisinya, beriman bahawa padanya ada penawar untuk rakyat yang menjadi petunjuk hidayah kepada manusia seluruhnya. Maka kita akan menuntut daripadanya agar membangunkan dunia dengan nama Islam. Kita akan menuntut negara-negara lain untuk mengkaji dan menilainya, menarik mereka kepadanya dengan seruan yang bertalu-talu, hujah dan utusan yang berturut-turut dan dengan pelbagai cara lain untuk menyeru dan menyampaikan risalah Islam. Dengan itu ia pasti akan menjadi pusat kerohanian, politik dan praktik antara pelbagai kerajaan. Nescaya ia akan mampu untuk memperbaharui sensitiviti rakyat, mendokongnya ke arah keagungan dan cahaya, mencetuskan dalam dirinya semangat, kesungguhan dan amal.

Sungguh amat menghairankan, kita mendapati komunis mempunyai negara yang mendokong dan menyeru untuknya, berkorban dan menarik manusia kepadanya. Kita mendapati Fasis dan Nazi mempunyai umat yang memuja dan berjuang untuknya, berbangga dengan pengikutnya serta menundukkan seluruh sistem yang penting kepada ajarannya. Kita mendapati pelbagai aliran kemasyarakatan dan politik mempunyai pendokong yang gagah, membelanya dengan nyawa, akal, pemikiran, tulisan, harta benda, akhbar dan segala usaha untuknya. Mereka hidup dan mati kerananya.

Tetapi kita tidak mendapati sebuah kerajaan Islam yang menjalankan kewajipan berdakwah kepada Islam, yang menghimpunkan seluruh keindahan

sistem ini dan membuang segala keburukannya. Ia mempersembahkannya kepada umat lain sebagai suatu sistem global yang mempunyai penyelesaian yang betul, jelas lagi menyenangkan bagi semua masalah kemanusiaan. Sedangkan Islam telah menjadikan dakwah satu kefarduan yang mesti dilakukan. Ia diwajibkan kepada seluruh umat, perkumpulan dan rakyat Islam sebelum sistem-sistem ini diciptakan dan sebelum dikenali wujudnya sistem dakyah kepada ideologi-ideologi ini.

Firman Allah:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Terjemahan: *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.* **(Surah ali-'Imran 3:104)**

Tetapi para pemerintah kita enggan untuk mengikuti perkara ini. Mereka semua telah dididik dalam dakapan orang asing. Mereka lebih hampir dengan pemikiran orang asing. Mereka berlari mengikuti jejak langkah orang asing dan berlumba-lumba untuk memperolehi keredhaan mereka? Mungkin tidak melampau sekiranya kita menyatakan bahawa pemikiran kemerdekaan (bebas) dalam mengatur urusan dan kerja tidak terlintas dalam pemikiran mereka ini, apatah lagi ia hendak dijadikan manhaj (method) kerja mereka.

Sesungguhnya kita telah mencadangkan cita-cita dan harapan ini kepada ramai pemerintah di Mesir. Adalah suatu perkara biasa, harapan ini tidak akan memberikan kesan yang praktikal. Sesungguhnya suatu kaum yang telah kehilangan Islam dalam diri, rumah, urusan peribadi dan urusan umum mereka adalah lebih tidak mampu untuk mencurahkan perkara ini kepada orang lain, tidak mampu bergerak ke hadapan mengajak orang lain kepada Islam kerana orang yang tidak memiliki sesuatu tidak akan dapat memberikan apa-apa.

Ini bukanlah tugas mereka wahai al-Ikhwan. Pengalaman telah membuktikan ketidakmampuan mereka yang mutlak daripada menunaikan tugas ini. Tetapi ia adalah tugas generasi baru ini. Maka perelokkanlah dakwah kepada mereka, bersungguh-sungguhlah membentuk mereka, ajarkan mereka kemerdekaan dalam jiwa dan hati, kemerdekaan pemikiran dan akal, kemerdekaan

jihad dan amal. Penuhilah ruh mereka yang gagah dengan keagungan Islam dan keindahan al-Quran. Latihlah mereka di bawah bendera Muhammad dan panji-panjinya. Nescaya kamu akan mendapati dalam masa yang dekat mereka akan menjadi pemerintah Muslim yang berjihad untuk dirinya dan membahagiakan orang lain.[13)]

Islam dan Politik

Penjajah dan tali barut mereka telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukuhkan pemikiran: Sesungguhnya Islam tidak ada kaitan dengan politik dan ia tidak ada hubungan dengan negara. Sebagaimana juga para pendakwah dan pengislah yang duduk di barisan hadapannya al-Ustaz Hasan al-Banna telah berusaha bersungguh-sungguh mengajarkan umat Islam fikrah kesyumulan Islam. Dengan ungkapan lain: Untuk mengembalikan kepada mereka apa yang telah sabit dan ditetapkan sepanjang 13 kurun yang lalu iaitu sebelum masuknya para penjajah dan serangan pemikiran ke atas negara-negara mereka. Iaitu pemikiran bahawa Islam itu mencakupi seluruh kehidupan dengan perundangan dan ajarannya. Secara vertikal (garisan lajur), ia bermula semenjak manusia dilahirkan hinggalah dia dimatikan oleh Allah. Bahkan bermula sebelum dia dilahirkan dan selepas dimatikan di mana di sana ada hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan janin dan hukum-hukum yang berkaitan dengan manusia selepas kematiannya.

Secara horizontalnya (garisan baris), Islam telah menunjukkan kepada seorang muslim peraturan dalam kehidupan peribadi, keluarga, bermasyarakat dan politik. Ia telah menunjukkan pada adab *Istinja'* (bersuci daripada najis) hinggalah kepada menjadi pemerintah sebuah kerajaan dan soal hubungan hubungan perdamaian dan peperangan.

HasiI jihad ini amatlah jelas iaitu wujudnya asas (para pendokong) yang kukuh dan besar yang beriman dengan kesyumulan ini. Ia menyeru kepada Islam sebagai satu akidah dan syariah, agama dan negara di segenap pelusuk dunia Islam. Ramai mangsa serangan pemikiran telah menarik balik apa yang telah mereka pegang sebelum ini sewaktu berada di bawah cengkaman penjajahan kebudayaan. Dan menonjollah kebangkitan Islam pada lapangan pemikiran dan politik dalam bentuk yang merubah keseimbangan kuasa. Ini menjadikan pihak-pihak asing yang mengawasi di Timur dan Barat mengadakan banyak majlis

13) Halaman 196-197 daripada *Majmu' Rasail al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*

perbincangan, nadwah dan konferens untuk mengkaji fenomena Islam yang merbahaya ini. Semua ini dilakukan dengan biaya wang dan tenaga yang banyak sehinggakan bilangan perhimpunan ini sepertimana yang telah disebutkan oleh al-Ustaz Fahmi Huwaidi mencapai jumlah 120 persidangan ataupun lebih.

Ini telah menjadikan tali barut Barat dan hamba pemikirannya berusaha menghalang menyinsingnya fajar ataupun terbitnya matahari. Mereka berusaha memutarkan roda sejarah ke belakang, kembali kepada zaman penjajahan agar mereka dapat bersorak semula bahawa: Tiada agama dalam politik! Mereka mahu menghidupkan semula bangkai yang telah kita hapuskan semenjak separuh kurun. Hinggakan sebahagian hamba-hamba yang miskin ini menamukan Islam yang telah dikenali oleh umat Islam sepanjang zamannya sebelum zaman penjajahan iaitu Islam yang dikenali oleh para fuqaha, ahli usul, ulama hadis dan ulama ilmu kalam daripada semua mazhab yang telah mereka syarah dan perincikan daripada kitab al-Taharah hingga ke kitab al-Jihad, iaitu Islam akidah dan syariat, Islam al-Quran dan al-Sunah, kini mereka namakannya sebagai "Islam Politik"[14]!! Mereka mahu orang ramai bencikan Islam dengan lambang seperti ini. Ini disebabkan orang ramai di negara-negara kita bencikan politik dan pelbagai bala bencananya yang telah menimpa mereka dan kepedihan akibat politik yang telah mereka rasai!

Tetapi apakah helah kita sekiranya Islam sebagaimana yang telah Allah syariatkan mesti mempunyai politik? Apakah helah kita sekiranya Islam yang dibawakan oleh Muhammad SAW. tidak menerima pembahagian antara kehidupan dan manusia, dan dipisahkan Allah Taala dengan Kaisar (kekuasaan)? Bahkan Islam tetap bertegas untuk menjadikan Kaisar, Kisra, Fir'aun dan semua Raja di muka bumi sebagai hamba bagi Allah sahaja!

Penulis yang miskin ini mahukan kita menanggalkan diri daripada Kitab Tuhan kita, daripada sunah Nabi kita, daripada ijmak umat kita, daripada petunjuk warisan kita, agar kita membina Islam barn yang diredhai oleh para pemimpin besar di seberang lautan! Mereka mahukan kerohanian' ataupun Islam ala pendita yang hanya memadai dengan membaca al-Quran untuk orang mati, bukannya untuk orang yang hidup. Hanya mengambil berkat dengan menghiaskan dinding dengan ayat al-Quran ataupun memulakan majlis perayaan dengan membaca sedikit ayat al-Quran, kemudian membiarkan Kaisar (pemerintah) memerintah dengan apa yang dia mahukan dan melakukan apa yang dikehendakinya!

---

14) Lihat jawapan terhadap celaan ini dalam Bahagian Keempat daripada buku ini di bawah tajuk al-Islam al-Siyasi (Islam Politik).

Sesungguhnya Islam yang dibawakan oleh al-Quran dan al-Sunah dan dikenali oleh ulama salaf dan khalaf adalah Islam yang sempurna lagi menyempurnakan dan tidak menerima sebarang pembahagian (menjuzuk-juzukkan). Sesungguhnya ia adalah Islam kerohanian, Islam akhlak, Islam pemikiran, Islam pendidikan, Islam jihad, Islam kemasyarakatan, Islam ekonomi dan Islam politik. Sesungguhnya ia adalah kesemua perkara ini. Dalam semua perkara ini ia mempunyai matlamat dan tujuan. Dalam semua perkara ini ia mempunyai hukum dan peraturan .

Al-Imam al-Banna menyatakan tentang hubungan agama dengan politik:

Setiap kali anda mendengar manusia memperkatakan tentang politik dan Islam, anda akan mendapati mereka memisahkan antara keduanya dan meletakkan makna setiap satu kalimah ini secara tersendiri. Di sisi orang ramai keduanya tidak akan bertemu dan tidak akan bersatu. Dari sinilah timbulnya, pertubuhan ini dinamakan sebagai pertubuhan Islam bukannya pertubuhan politik dan perhimpunan itu pula adalah perhimpunan agama yang tiada politik padanya. Saya telah melihat terpapar di hadapan buku undang-undang pertubuhan-pertubuhan Islam yang menentukan halatujunya, dinyatakan bahawa: "Pertubuhan ini tidak campurtangan dalam urusan politik."

Sebelum saya memberikan pandangan, sama ada berbentuk pujian ataupun menyalahkannya, saya suka untuk menarik perhatian kepada dua perkara penting:

Pertama: Perbezaan yang jauh antara kepartian dan politik. Keduanya kadang-kadang berhimpun dan kadang-kadang berpisah. Mungkin seorang lelaki itu adalah seorang ahli politik dengan sepenuh pengertiannya tetapi dia tiada hubungan dan kaitan dengan mana-mana parti. Mungkin dia seorang yang berparti tetapi langsung tidak mengetahui masalah politik. Kadang-kadang keduanya berhimpun. Lalu jadilah seorang itu ahli politk yang berparti ataupun seorang ahli parti yang berpolitik sekaligus. Saya sewaktu bercakap tentang politik dalam ucapan ini, saya hanya bermaksudkan politik secara mutlak iaitu melihat kepada urusan dalaman dan luaran umat tanpa terikat dengan soal kepartian. Ini perkara pertama.

Kedua: Golongan Non-Muslim, apabila mereka jahil tentang Islam ini ataupun apabila mereka menyedari keadaan agama ini, kukuhnya ia dalam jiwa para penganutnya, kuatnya ia dalam dalam hati orang-orang yang beriman dengannya dan mereka tahu bahawa setiap orang muslim sedia untuk berkorban dengan jiwa dan harta untuk Islam, mereka tidak akan cuba untuk melukakan

perasaan orang-orang Islam, tidak akan cuba merosakkan nama Islam, gambaran dan bentuknya. Tetapi mereka akan cuba untuk menghadkan maknanya dalam ruang sempit yang menghilangkan sudut-sudut yang kuat dan praktikal padanya. Setelah itu ditinggalkan untuk orang-orang Islam 'kulit' Islam yang berupa gelaran, rupa bentuk dan gambaran yang tidak mengenyang apatah lagi untuk menggemukkan . Lantas mereka menanamkan kepada umat Islam kefahaman bahawa Islam adalah satu perkara dan perkumpulan (kemasyarakatan) adalah satu perkara yang lain. Islam adalah satu perkara dan undang-undang adalah perkara lain (yang tiada kaitan dengannya). Islam adalah satu perkara dan masalah-masalah ekonomi tiada hubungan dengannya. Islam adalah satu perkara dan pengetahuan umum tiada kaifan dengannya, dan akhirnya Islam adalah suatu perkara yang mesti dijauhkan daripada politik.

Beritahukan kepada saya wahai al-Ikhwan, sekiranya Islam adalah satu perkara yang tiada kaitan dengan politik, perkumpulan, ekonomi dan pengetahuan, maka apakah Islam itu? . Apakah ia sekadar rakaat-rakaat ini yang kosong daripada kehadiran hati ataupun apakah ia hanya lafaz-lafaz yang sebagaimana disebutkan oleh Rabi'ah al-'Adawiyah: Istighfar yang perlukan kepada istighfar yang lain. Apakah untuk ini wahai al-Ikhwan al Quran diturunkan sebagai satu sistem yang sempurna, menguasai dan terperinci.

Firman Allah:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

Terjemahan: *Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan setiap sesuatu dan menjadi petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam.* **(Surah an-Nahl 16:89)**

Pengertian yang rendah bagi pemikiran Islam dan batasan sempit yang menghadkan makna Islam inilah yang telah diusahakan oleh musuh-musuh Islam untuk mengepung umat Islam di dalamnya dan mengetawakan mereka dengan berkata kepada mereka: Sesungguhnya kami telah memberikan kamu kebebasan beragama dan perlembagaan telah menetapkan bahawa agama rasmi negara ialah Islam.

Saya mengisytiharkan wahai al-Ikhwan daripada atas mimbar ini dengan begitu jelas, terang dan penuh kekuatan bahawa Islam adalah suatu perkara yang tidak sama dengan makna yang dimahukan oleh musuh-musuh Islam dan

tali barut mereka ini yang mahu menyempit dan menghadkan makna Islam. Sesungguhnya Islam adalah akidah dan ibadah, negara dan kewarganegaraan (bangsa), toleransi dan kekuatan, akhlak dan material, tsaqafah dan undang-undang. Seorang muslim disebabkan keislamannya adalah dituntut untuk mengambil tahu semua urusan umatnya. Sesiapa yang tidak mementingkan urusan umat Islam maka dia tidak termasuk golongan mereka.

Saya berkeyakinan bahawa golongan salaf kita hanya memahami Islam dengan pengertian ini. Dengan kefahaman inilah mereka memerintah, untuk kefahaman inilah mereka berjihad, atas asas inilah mereka berhubungan dan dalam lingkungan inilah mereka menjalankan semua urusan kehidupan praktikal dunia sebelum urusan kerohanian akhirat. Semoga Allah merahmati Khalifah pertama yang menyatakan: "Sekiranya hilang daripadaku seikat tali unta nescaya aku akan mendapati hukumnya dalam Kitab Allah"[15]

Ulama dan sejarawan ulung, Dr Dhiya' al-Din al-Ris berkata dalam bukunya *al-Nazhoriyyat al-Siyasiyah al-Islamiyah*:[16]

Tidak ada langsung keraguan di sana bahawa sistem (bernegara) yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW dan orang-orang beriman bersama Baginda di Madinah apabila kita melihat dari sudut gambaran praktikalnya dan diqiyaskan dengan neraca politik pada zaman moden boleh disifatkan sebagai 'politik' dengan semua perkara yang terkandung dalam makna kalimah ini. Ini juga tidak menghalang ia disifatkan pada masa yang sama berbentuk 'keagamaan' sekiranya sudut perkiraan adalah melihat kepada matlamat, dorongan dan asas maknawi yang menjadi pasak kepadanya.

Oleh itu sistem (bernegara) ini dalam masa yang sama boleh disifatkan dengan dua sifat. Ini disebabkan hakikat Islam yang syumul menghimpunkan antara urusan material dan spiritual. Ia mencakupi semua perlakuan manusia dalam kehidupan dunia dan akhiratnya. Bahkan falsafahnya adalah bersifat umum dan mencampurkan antara dua perkara ini. Ia tidak memperakui pembezaan antara keduanya kecuali dari sudut perbezaan pandangan. Dari sudut kandungan zat keduanya, ia adalah suatu perkara yang bersatu dan tidak boleh dipisahkan. Keduanya saling melazimi dan tidak dapat digambarkan pemisahan salah satu daripada yang lain. Inilah hakikat tabiat Islam yang amat jelas dan tidak memerlukan usaha yang payah untuk membuktikannya. Ia didokong oleh hakikat-hakikat sejarah. Ia adalah akidah umat Islam pada setiap zaman yang lalu.

---

15) Daripada *Risalah Muktamar Tholabah al-Ikhwan al-Muslimin*

16) Halaman 27-29.

Ia telah difahami oleh majoriti orientalis walaupun mereka tidak hampir dengan suasana Islam. Dalam pada itu wujud di sana sekumpulan penganut Islam yang menyifatkan diri mereka sendiri sebagai *mujaddid* (pembaharu) secara terang-terangan mengingkari hakikat ini! Mereka mendakwa bahawa Islam hanyalah sekadar 'dakwah keagamaan'.[17] Dengan dakwaan ini mereka bermaksudkan ia hanyalah sekadar *iktikad* ataupun hubungan kerohanian antara seorang individu dengan tuhannya. Dengan itu ia tiada kaitan dengan urusan-urusan yang kita sifatkan sebagai *maddiyah* (keduniaan) dalam kehidupan di dunia ini. Di antara urusan itu ialah masalah peperangan dan harta, dan dikemuncaknya ialah urusan politik. Di antara kata-kata mereka ialah: Sesungguhnya agama adalah satu perkara dan politik adalah satu perkara yang lain.

Adalah tidak tepat bagi menolak dakwaan mereka ini dengan kita membawakan kata-kata ulama Islam. Mungkin mereka tidak merasakan bahawa din mereka boleh menerima apa yang dikatakan oleh ulama ini. Kita juga tidak akan menyebutkan tentang hakikat-hakikat sejarah. Kemungkinan mereka dengan sombong akan menolaknya. Tetapi cukuplah kami sabitkan di sini sejumlah apa yang telah dikatakan oleh ulama-ulama orientalis dalam masalah ini. Sesungguhnya mereka telah menjelaskan pandangan mereka dalam ungkapan-ungkapan yang jelas lagi *qat'i* kerana para 'pembaharu' ini tidak akan mampu untuk mendakwa bahawa mereka lebih dipercayai dan diyakini daripada para pakar ini dari sudut hubungan dengan zaman moden. Juga tidak boleh mendakwa bahawa mereka lebih mampu untuk menggunakan kaedah-kaedah kajian moden dan menggunakan method-method kajian ilmiah. Ini adalah sekumpulan kata-kata mereka:

1. Dr V. Fitzgerald berkata[18]:

> Islam bukanlah suatu agama sahaja tetapi ia juga adalah sistem politik walaupun telah jelas kelihatan pada zaman akhir-akhir ini sebahagian individu muslim yang menyifatkan diri mereka sebagai golongan modernis berusaha untuk memisahkan antara dua sudut ini. Sesungguhnya binaan

17) Dari kalangan mereka yang terang-terangan menyatakan dan membela pandangan ini ialah al-Ustaz 'Ali Abdul Raziq, bekas Qadhi di al-Manshurah yang kemudian menjadi Menteri Wakaf dalam bukunya *al-Islam Wa Ushul alHukm* yang diterbitkan dalam tahun 1925. Selain daripada jawapan penolakan yang kami bentangkan sekarang, kami akan bawakan pembahasan dan penolakan secara terperinci terhadap pandangan ini dalam fasal-fasal yang akan datang. Lihat secara khusus fasal keempat daripada buku kami ini di bawah tajuk: Jawapan terhadap dakwaan sebahagian mereka yang hidup pada zaman ini. Daripada komentar Dr al-Ris.

18) Muhammedan la – ch, l., P.

pemikiran Islam telah dibina kesemuanya atas asas bahawa kedua-dua sudut ini saling melazimi satu sama lain dan tidak mungkin untuk dipisahkan salah satu daripada yang lain.

2. C. A Nallino berkata[19]:

   Sesungguhnya Muhammad telah mengasaskan pada satu masa: Agama (a religion) dan negara (a state). Batasan-batasan keduanya saling berdampingan sepanjang hayat Baginda.

3. Dr. Schacht berkata[20]:

   Walaupun Islam membawa makna lebih daripada satu agama, sesungguhnya ia juga mewakili satu kumpulan teori undang-undang dan politik. Ringkasnya adalah satu sistem yang sempurna daripada kebudayaan yang mencakupi agama dan negara secara serentak.

4. R. Strothmann berkata[21]:

   Islam adalah satu fenomena agama yang bersifat politik kerana pengasasnya adalah seorang Nabi dan seorang ahli politik yang bijaksana ataupun seorang negarawan.

5. D.B. Mac Donald berkata[22] :

   Di sini - iaitu di Madinah - telah terbinanya negara Islam yang pertama dan telah diletakkan prinsip-prinsip asas bagi undang-undang Islam.

6. Sir T. Arnold berkata[23] :

   Nabi pada masa yang sama adalah seorang ketua agama dan seorang ketua negara.

7. Gibb berkata[24] :

   Waktu itu telah jelas bahawa Islam bukanlah sekadar akidah agama yang bersifat individu. Tetapi ia telah mewajibkan wujudnya sebuah masyarakat merdeka yang mempunyai cara yang tersendiri dalam pemerintahan. Ia mempunyai undang-undang dan sistem-sistem yang khusus untuknya.

---

19) Cited by Sir T. Arnold in his book; The Caliphate. P 198.

20) Encyclopaedia of Social Scienes. Vol. VIII p. 333.

21) The Encyclopaedia of Islam, IV. P. 350.

22) Tion - Development of Muslim Theology. Jursprudence and Constituonal Theory (New York 1903). P. 67.

23) The Caliphate. Oxford 1924, P. 30.

24) Muhammadanism. 1949, P. 3.

Sesiapa yang tidak bersetuju dengan hakikat ini melainkan apabila mendengar pandangan orang-orang Barat, maka inilah kata-kata mereka yang mendiamkan setiap mereka yang angkuh.



BAB KEDUA

PETUNJUK ASASI BAGI DAULAH YANG DIBINA OLEH ISLAM

Di antara perkara yang tidak diragui hakikat ialah: Islam sebagaimana ia berusaha untuk membina individu yang salih, keluarga yang salih dan masyarakat yang salih ia juga berusaha untuk membina daulah (negara) yang salih.

Daulah dalam Islam bukanlah satu gambaran yang sama dengan bentuk negara yang dikenali oleh dunia sebelum zaman Islam ataupun selepasnya. Sesungguhnya ia adalah sebuah negara yang berbeza dengan semua negara selainnya dengan matlamat, manhaj, ciri dan sifat khususnya.

Daulah Madaniah Yang Rujukannya Adalah Islam

Sesungguhnya ia bukanlah negara keagamaan ataupun teokrasi yang mencengkam bahu ataupun hati manusia atas nama ketuhanan.

Ia bukanlah sebuah negara ala pendita ataupun tokoh agama yang mendakwa mereka mewakili kehendak Pencipta dalam urusan keduniaan makhluk ataupun mewakili kehendak yang di langit untuk dilakukan terhadap penduduk bumi. Apa yang mereka halalkan di bumi maka ia adalah dihalalkan di langit dan apa yang mereka larang di bumi adalah dilarang juga oleh yang di langit!

Ia sebenarnya adalah sebuah *daulah madaniyah* yang diperintah dengan Islam, berdiri di atas baiah dan syura, memilih pemimpinnya dari kalangan

mereka yang gagah dan amanah, pemelihara dan bijaksana. Sesiapa yang kehilangan syarat kekuatan dan ilmu ataupun syarat amanah dan penjagaan maka dia tidak layak untuk menjadi pemimpin kecuali dalam keadaan darurat (terpaksa) yang membenarkan perkara yang mahzurat (terlarang).

Islam dalam kefahamannya yang sahih dan perlaksanaannya yang sebenar tidak kenal istilah "tokoh agama" *(rijal al-din)* yang dikenali (wujud) dalam masyarakat agama yang lain. Setiap orang muslim adalah tokoh agamanya. Yang ada dalam Islam ialah ulama-ulama yang pakar dalam ilmu-ilmu Islam. Mereka hampir serupa dengan ulama-ulama akhlak, falsafah dan undang-undang dalam masyarakat yang lain.

Hubungan ulama-ulama ini dengan negara ialah mereka hendaklah memberikan nasihat yang diwajibkan oleh Islam kepada pemimpin umat Islam dan golongan awam mereka. Ini adalah kewajipan setiap orang muslim dan ia adalah lebih wajib kepada mereka yang berilmu agar negara itu berjalan menurut landasan Islam yang sahih, melaksanakan kebenaran, menghapuskan kebatilan, menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram. Juga wajib ke atas mereka untuk melakukan *amar makruf* dan melarang daripada kemungkaran dengan cara yang hikmah, nasihat yang baik dan tidak takut celaan orang yang mencela demi melaksanakan perintah Allah. Wajib ke atas negara Islam yang sebenar untuk membantu mereka melaksanakan kewajipan memberi nasihat, dakwah, *amar makruf dan nahi mungkar.*

Sepatutnya dibentuk satu Komiti ataupun Mahkamah Tinggi Perlembagaan yang dibentangkan kepada mereka setiap ketetapan undang-undang dan sistem agar tidak muncul apa yang bertentangan dengan Islam yang mengakibatkan berpisahnya al-Quran dengan pemerintahan yang telah diberikan amaran tentangnya oleh hadis Nabi yang mulia.

Dengan ini akan berjalanlah ilmu dan pemerintahan seiringan dan tidak akan berlaku pemisahan antara keduanya yang telah banyak berlaku dalam sejarah di mana ulama berada pada satu sudut dan pemerintah pada sudut yang lain. Mereka hanya mendekati para penyair, pemuji dan yang seumpamanya. Bahkan pada prinsipnya pemerintah muslim hendaklah alim dengan hukum syarak dan mampu mencapai kedudukan ijtihad dalam mengetahui hukum sebagaimana para *Khulafa' al-Rasyidin* dan mereka yang berjalan menurut jejak mereka. Sesungguhnya mereka adalah para pemimpin, Imam, fuqaha dan mujtahid. Oleh itu para fuqaha telah ijmak untuk mensyaratkan sifat ijtihad terhadap para Khalifah dan Hakim. Tidak diterima mereka yang tidak memiliki

syarat ini kecuali di dalam bab turun daripada kedudukan tinggi yang ideal kepada realiti yang lebih rendah kerana hukum *darurat.*

Sekiranya negara Islam adalah amat jauh daripada apa yang dikenali sebagai sebuah negara keagamaan seperti pada zaman dahulu, ia juga bukanlah sebuah negara sekular. Sama ada sifat sekularnya terserlah pada penolakannya terhadap isi agama seluruhnya, memusuhi agama, menganggapnya sebagai candu masyararakat dan mewujudkan perkara khurafat sebagaimana dalam sebuah negara komunis. Ataupun sekularnya tergambar dalam bentuk pemisahan agama daripada negara, memisahkan pengaruhnya daripada kehidupan dan masyarakat, memisahkannya daripada politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, akhlak dan adat resam sebagaimana keadaan negara blok barat yang menamakan dirinya sebagai dunia bebas. Ia adalah dunia yang tidak menolak wujudnya Allah tetapi ia tidak melihat keperluan kepada agama dan tidak memberikan tempat untuknya dalam sistem kehidupan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Muhammad Asad dalam bukunya *al-Islam 'Ala Muftaraq al-Thoriq.*

Sesungguhnya Daulah Islam adalah sebuah daulah madaniyah yang menjalankan hukum-hukum langit di bumi, memelihara perintah dan larangan Allah di kalangan manusia. Dengan ini ia layak mendapat bantuan Allah dan diberikan kekuasaan di bumi. Tanpa perkara ini ia kehilangan alasan untuk wujud dan terus kekal.

Allah berfirman:

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾ ٱلَّذِينَ إِن
مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ
وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan : *Dan sesungguhnya Allah akan menolong agamanya (Islam): sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa. Iaitu mereka (umat Islam) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan sembayang dan memberikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar...*
(Surah Al-Hajj 22:40-41)

Daulah Alamiah (Antarabangsa)

Daulah Islam juga bukanlah sebuah negara apartheid (bersifat perkauman) ataupun negara bersifat setempat. Sesungguhnya ia tidak berdiri di atas asas sempada bumi dan pemisahan geografi. Sesungguhnya ia pada prinsipnya adalah sebuah negara terbuka untuk setiap mereka yang beriman dengan prinsip-prinsipnya, dengan pilihannya yang bebas tanpa sebarang tekanan dan paksaan.... Ia adalah sebuah *daulah 'alamiyah* kerana ia mempunyai risalah yang bersifat global. Sesungguhnya ia adalah sebuah negara fikrah dan akidah yang menghapuskan perbezaan bangsa, negara,bahasa dan warna kulit dimana yang menyatukan semua penganutnya ialah iman dengan Tuhan Yang Maha Esa, satu Rasul dan satu Kitab. Mereka dihimpunkan oleh satu kiblat, satu syiar, satu syariat dan satu adab. Dengan ini terbinalah daripada mereka satu umat yang berdiri atas kesatuan kalimah yang berpasak daripada kalimah tauhid.

Tidak ada halangan bagi *daulah 'alamiyah* ini bermula sebagai sebuah daulah setempat di satu daerah tertentu yang mana rakyatnya memilih Islam sebagai satu syariat dan manhaj dan mengutamakan agar contoh keislaman itu bertapak di bumi. Bagi mencapai perkara ini, mereka bersedia melalui peperangan secara tersembunyi dan terang-terangan, sedia menghadapi kepungan kebendaan dan sokongan. Ia hanya dapat dipikul oleh mereka yang bersifat *Ulul 'Azmi* (mempunyai keazaman yang kukuh). Apabila telah muncul beberapa buah daulah seperti ini di beberapa tempat, maka ia dapat membina antara mereka sebuah negara yang berasaskan kesatuan ataupun persekutuan (Federal ataupun konfederal).

Dengan ini bangunlah *Khilafah Islamiyah* yang dicitakan yang mana Islam telah mewajibkan umat mendirikannya dan menghapuskan perkara yang menghalangnya. Khilafah bukanlah sekadar pemerintahan Islam di satu daerah sahaja tetapi ia memerintah umat dengan Islam. Ia berdiri di atas tiga prinsip:

Pertama : Kesatuan *Darul Islam* walau bagaimana banyaknya negara watan dan daerahnya. Ia adalah sebuah negara untuk satu umat.

Kedua : Kesatuan rujukan perundangan tertinggi yang tercermin pada al-Quran dan al-Sunah.

Ketiga : Kesatuan kepimpinan pusat yang tercermin pada *al-Imam al-A'zhom* ataupun Khalifah yang memimpin negara orang yang beriman dengan Islam.

Ini tidak bermakna ia menolak mereka yang tidak beriman dengan akidahnya dari atas tanahnya. Sekali-kali tidak begitu. Sesungguhnya ia mengalu-alukan mereka dan membela mereka selagimana mereka menerima hukum-hukum syariatnya yang bersifat sivil terhadap mereka. Mengenai apa yang berkaitan dengan akidah, ibadah dan undang-undang kekeluargaan, mereka bebas padanya dan mereka boleh menjalankan apa yang diperintahkan oleh agama mereka.

Daulah Yang Berdasarkan Syariah Dan Berperlembagaan

Daulah Islam adalah sebuah negara berperlembagaan ataupun berdasarkan syariat yang mempunyai perlembagaan sebagai rujukan hukum dan perundangannya. Perlembagaannya tercermin prinsip-prinsip dan hukum-hukum syarak yang dibawakan al-Quran yang mulia dan al-Sunah al-Nabawiyah dalam masalah akidah, ibadah, akhlak, muamalah, hubungan individu, sivil, jenayah, pentadbiran, perlembagaan dan antarabangsa.

Ia tidak ada pilihan dalam berkewajipan mengikuti perlembagaan ataupun undang-undang ini. Inilah kehendak Islamnya dan bukti imannya.

Firman Allah:

وَأَنِ ٱحۡكُم بَيۡنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعۡ أَهۡوَآءَهُمۡ وَٱحۡذَرۡهُمۡ أَن يَفۡتِنُوكَ
عَنۢ بَعۡضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَٱعۡلَمۡ أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعۡضِ ذُنُوبِهِمۡۗ
وَإِنَّ كَثِيرٗا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾ أَفَحُكۡمَ ٱلۡجَٰهِلِيَّةِ يَبۡغُونَۚ وَمَنۡ أَحۡسَنُ مِنَ ٱللَّهِ
حُكۡمٗا لِّقَوۡمٖ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang diturunkan oleh Allah dan janganlah kamu menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya Allah mahu menimpakan musibah kepada mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakkan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik. Apakah hukum-hukum jahiliyah yang mereka kehendaki? Dan (hukum) siapa yang lebih baik daripada hukum Allah bagi orang-orang yang yakin?* **(Surah al-Ma'idah 5:49-50)**

Firman Allah:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir.* **(Surah al-Ma'idah 5:44)**

Firman Allah:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.* **(Surah al-Ma'idah 5:45)**

Firman Allah:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.* **(Surah al-Ma'idah 5:47)**

Ayat-ayat ini walaupun ia turun menjelaskan tentang keadaan Ahli Kitab telah datang dengan lafaz *'am* yang mencakupi Ahli Kitab dan umat Islam. Perkiraan adalah terhadap umum lafaznya bukan dengan khusus sebabnya sebagaimana yang diketahui umum.

Tidak tergambar Allah akan menghukumkan dengan sifat kufur, zalim ataupun fasik terhadap mereka yang tidak berhukum dengan apa yang telah Allah turunkan dari kalangan orang Yahudi dan Nasrani, lalu hal ini digugurkan daripada orang Islam. Keadilan Allah adalah satu. Apa yang telah diturunkan kepada Muhammad tidak berbeza dengan apa yang telah diturunkan kepada Musa a.s. dan Isa a.s.

Ilitizam (komitmen) pihak negara dengan undang-undang syariahlah yang memperakukannya, memberikannya hak untuk dibantu dan ditaati oleh rakyat dalam keadaan senang dan susah, suka ataupun benci. Apabila ia melencong daripada manhaj dan sistem ini, ia akan menghapuskan hak perakuan daripadanya dan gugurlah kewajipan mentaatinya daripada rakyat.

Taat hanyalah dalam perkara makruf dan tidak boleh mentaati makhluk dalam melakukan maksiat terhadap Allah Taala.

Dalam hadis *muttafaq 'alaihi* dinyatakan:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيْمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلاَ سَمْعَ وَلاَ طَاعَةَ

Terjemahan: *Mendengar dan patuh adalah suatu kewajipan terhadap seorang muslim dalam apa yang dia suka dan benci selagimana dia tidak diperintah dengan maksiat. Apabila dia diperintahkan dengan maksiat maka tiada ketaatan dan kepatuhan.*

Abu Bakr berkata dalam ucapan pentauliahannya:

Taatilah aku selagimana aku mentaati Allah dalam urusan kamu, sekiranya aku melakukan maksiat terhadap-Nya maka tidak wajib kamu mentaati aku.

Sekiranya sebahagian negara moden yang berbangga dengan komitmennya terhadap kekuasaan undang-undang dan pegangan kukuh dengan perlembagaannya, maka negara Islam yang beriltizam dengan syarak tidak akan keluar daripadanya. Ia menjadi undang-undangnya yang mewajibkan ia beramal dengannya dan merujuk kepadanya sehinggalah ia layak mendapat keredhaan Allah dan diterima oleh manusia.

Ia adalah undang-undang yang bukan dicipta olehnya. Bahkan ia diwajibkan oleh kuasa yang lebih tinggi daripadanya. Dengan itu ia tidak dapat menghapus dan membekukannya kecuali apabila ia keluar daripada tabiatnya. Pada saat itu ia tidak dianggap sebagai negara Islam lagi.

Negara Islam tidak mementingkan bentuk yang perlu diambil dan nama yang akan diletakkan padanya walaupun secara sejarahnya ia dinamakan sebagai *al-Imamah* dan *al-Khilafah*. Keduanya adalah dua kalimah yang mempunyai makna yang besar.

Makna *Imamah* ialah kepimpinan yang menjadi ikutan manusia dan teladan mereka. Mereka belajar daripadanya. Ia diambil daripada makna Imam dalam sembahyang di mana dia mengimami manusia dan dia adalah orang yang paling fakih dan warak sehingga orang ramai boleh belajar daripadanya.

Al-Hasan al-Bashri telah menyifatkan al-Imam al-Adil (Imam yang adil) adalah seorang yang berdiri antara Allah dan hamba-hambanya. Dia mendengar daripada Allah dan dia memperdengarkan kepada mereka. Dia melihat kepada Allah dan menunjukkan Ia kepada mereka. Dia membawa kepada Allah dan memimpin mereka kepada-Nya.

Umar bin al-Khattab telah mengutuskan para Gabenornya ke daerah-daerah kekuasaan Islam. Beliau mengisytiharkan dihadapan orang ramai tentang tugas mereka, beliau menyatakan:

Sesungguhnya aku tidak mengutuskan mereka kepada kamu untuk menyebat kulit kamu ataupun untuk mengambil harta kamu, tetapi aku hanya mengutuskan mereka kepada kamu sebagai para pengajar.

Makna *Khilafah* ialah pengganti Rasulullah SAW. untuk menjaga agama dan menguruskan dunia dengan agama sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Taftazani, Ibn Khaldun dan ulama selain keduanya.

Al-Imam, al-Khalifah ataupun Ketua Negara adalah seorang manusia yang boleh betul dan boleh silap, boleh berbuat baik dan boleh berlaku jahat. Menjadi kewajipan umat Islam apabila dia betul dan berbuat baik membantunya. Apabila dia tersilap dan berbuat kejahatan, mereka hendaklah membetulkannya sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Khalifah yang pertama dalam ucapan pertama perlantikannya.

Imam ataupun Khalifah bukan maksum dan tidak mempunyai sifat suci yang menjadikannya boleh terlepas daripada siasatan ataupun penghukuman. Jawatannya adalah suatu *taklif* (bebanan) bukannya suatu kemuliaan. Khalifah yang bijaksana, Umar bin Abdul 'Aziz sewaktu dilantik telah berkata:

Wahai manusia, sesungguhnya aku hanyalah salah seorang daripada kamu, tetapi Allah telah menjadikan aku lebih berat bebanan daripada kamu.

Berapa ramai telah kita lihat para Khalifah yang berdiri di hadapan penghakiman sama seperti lawan mereka dalam keadaan yang sama rata. Bahkan kita telah melihat dari kalangan Qadhi yang menghukum Khalifah demi kepentingan seorang Yahudi ataupun Nasrani dari kalangan *ahli zimmah* sebagaimana yang telah dilakukan oleh Syuraih yang telah menghukum demi kepentingan seorang Nasrani yang melawan Amirul Mukminin 'Ali bin Abu Talib k.r.w dalam peristiwa yang masyhur.

Sesungguhnya Allah sahaja yang telah menyifatkan Dirinya dengan firman-Nya sebagai:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Terjemahan: *Ia tidak boleh ditanya tentang apa yang la lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak.* **(Surah al-Anbiya' 21: 23)**

Setiap orang selain-Nya boleh dipersoal apa yang telah dilakukan dan diperkirakan apa yang telah diperkatakan. Hinggakan Rasulullah SAW. - dalam perkara yang tidak diturunkan wahyu tentangnya telah ditanya, diperdebat dan diberikan cadangan kepadanya. Beliau meninggalkan pandangannya dan mengambil pandangan para sahabatnya.

Sewaktu Rasulullah SAW. mengutuskan Abu Hurairah r.a., membawakan khabar gembira kepada orang ramai bahawa sesiapa yang mengucapkan *Laailaahaillallah* pasti akan masuk syurga, Umar berasa bimbang orang ramai silap memahami perkara ini yang akan menyebabkan mereka berserah kepada akidah sahaja dan meninggalkan amalan. Beliau berkata: Wahai Rasulullah, kalau begitu mereka akan berserah kepada takdir, suruhlah mereka beramal! Nabi SAW. bersabda: Suruhlah mereka beramal. Dengan itu Baginda menerima pandangan Umar.

Berundurnya Baginda daripada cadangannya dalam peperangan, Khandaq setelah Baginda menerangkannya kepada Sa'ad bin Mu'az dan Sa'ad bin 'Ubadah dan keduanya tidak bersetuju dengan cadangan itu adalah suatu perkara yang terkenal dan diketahui umum. Penerimaan Baginda terhadap pandangan al-Habbab bin al-Munzir dalam peperangan Badar adalah perkara yang masyhur dalam *sirah*. Apabila al-Habbab mengetahui daripada Baginda bahawa tempat turunnya Baginda pada kali pertama adalah bukan berupa arahan daripada wahyu tetapi ia adalah pandangan dalam peperangan dan tipu helah, beliau mencadangkan kepada Baginda apa yang dilihatnya sebagai betul lalu Baginda melaksanakannya.

Pemerintah dalam Islam adalah wakil daripada ummah. Bahkan dia adalah orang gajinya. Ummah memberi ke atasnya *wilayah* orang yang mewakilkan kepada wakilnya dan *wilayah* orang yang mengupah terhadap orang yang diberikan upah.

Abu Muslim al-Khawalani, seorang fakih tabi'in yang zuhud lagi mulia telah masuk menemui Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Beliau berkata kepadanya:

Assalamu 'alaika Ayyuha al-Ajir! (Salam sejahtera atas kamu wahai orang gaji).

Lalu berkatalah orang yang disekeliling Khalifah kepada beliau: Sebutlah, *Assalamu'alaika Ayyuha al-Amir* (Salam sejahtera atas Wahai Amir) (Ketua).

Katanya: *Assalamu'alaika ayyuha al-Ajir.*

Lalu mereka mengulangi kata-kata mereka dan beliau mengulangi kata-katanya. Mu'awiyah berkata: Cukup! Biarkan Abu Muslim, dia Iebih arif apa yang dikatakannya.

Dalam hal ini Abu al-Ala' telah menyusun dalam. syairnya sewaktu beliau mengungkapkan kemarahannya terhadap para pemerintah pada zamannya:

Jemunya kedudukan, betapa banyak umat yang aku gauli,

Para pemerintahnya tidak memerintah untuk kepentingannya!

Mereka menzalimi rakyat dan menipu mereka.

Kepentingan rakyat dicerobohi sedangkan merekalah orang gajinya!

Daulah Syura Bukannya Daulah Kisra

Negara Islam bukanlah negara Kisra ataupun Kaisar. Ia tidak berdiri atas asas warisan yang menghadkan pemerintahan dalam lingkungan satu keluarga ataupun cabang daripada satu keluarga yang diwarisi oleh anak-anak daripada bapa dan cucu daripada datuk sebagaimana mereka mewarisi bangunan dan harta walaupun mereka adalah manusia yang paling rendah akal dan paling buruk akhlaknya.

Sesungguhnya ilmu, hikmah kebijaksanaan dan keunggulan tidak semestinya boleh diwarisi. Berapa banyak kita dapati bapa-bapa yang salih sedangkan anak-anak mereka rosak.

Allah telah berfirman tentang Ibrahim a.s. dan Ishak a.s.:

وَمِن ذُرِّيَّتِهِمَا مُحْسِنٌ وَظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ مُبِينٌ ﴿١١٣﴾

Terjemahan: *Dan di antara zuriat keturunan keduanya, ada yang mengerjakan kebaikan dan ada yang berlaku zalim dengan nyata terhadap dirinya sendiri.* **(Surah al-Saffat 37:113)**

Tatkala Allah berfirman kepada kekasihnya Ibrahim a s

إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Aku menjadikan kamu Imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata:"(Wahai Tuhanku!) Jadikanlah juga dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)." Allah berfirman '(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiku ini tidak akan didapati oleh orang-orang zalim."* **(Surah al-Baqarah 2: 124)**

Negara Islam berdiri di atas asas dan prinsip yang lebih baik daripada demokrasi tetapi ia bukanlah naskhah salinan daripada negara demokrasi Barat.

Ia sama dengan demokrasi barat dalam soal perlunya umat memilih orang yang memerintah mereka dan tidak boleh memaksakan sesiapapun menjadi pemimpin tanpa kerelaan mereka. Ia sama dalam soal pemimpin itu bertanggungjawab dihadapan para wakil umat dan kalangan Ahli Syura (Dewan Senat) dan *Ahli al-Halli Wal al-'Aqdi* sehinggakan mereka ini berhak untuk menyingkirkannya sekiranya beliau menyeleweng, berlaku zalim dan tidak mendengar nasihat para penasihat.

Islam menambahkan lagi dengan memberikan setiap anggota umat lelaki dan wanita hak untuk menasihat pemerintah, menyuruhnya melakukan makruf dan mencegahnya daripada kemungkaran kerana kedudukan hak *wilayah* seorang mukmin ke atas seorang mukmin walau apapun jawatan dan kedudukannya..

Firman Allah:

يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh membuat kebaikan dan melarang daripada membuat kejahatan.* **(Surah al-Tawbah 9: 71)**

Demokrasi Barat walaupun ia mempunyai kebaikan tidak dikawal oleh *ushul* (prinsip) yang mengikatnya dan ia tiada nilai menentukan perjalanannya. Ia dapat atas nama sebagai wakil rakyat menghapuskan segala perkara utama, menetapkan perkara buruk, menjadikan undang-undang perkara yang menzalimi, menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal sehingga disebutkan dalam Parlimen Inggeris bahawa ia dapat menetapkan apa sahaja kecuali menukarkan lelaki menjadi wanita ataupun wanita menjadi lelaki!

Oleh itu kita melihat demokrasi ala-Amerika membenarkan menghalalkan meminum, membuat dan menjualnya walaupun telah sabit mudaratnya dari sudut

jasadi dan maknawi terhadap individu, keluarga, masyarakat, ke atas ekonomi dan akhlak. Kita juga mendapati sebahagian demokrasi barat membenarkan perkahwinan lelaki dengan lelaki dan wanita dengan wanita!

Demokrasi barat dapat membebaskan dirinya daripada apa sahaja sehinggakan daripada demokrasi itu sendiri dengan majoriti yang khusus ataupun dengan pungutan suara rakyat ataupun dengan pelbagai helah yang lain sehinggakan salah seorang pemerintah Arab pada suatu hari pernah menyatakan:

Sesungguhnya demokrasi mempunyai kuku dan taring yang tajam! Sesungguhnya ia boleh menjadi lebih ganas daripada sistem diktator!

Demokrasi Barat walaupun kita tidak menafikan keistimewaannya diarahkan oleh kuasa yang zahir dan tersembunyi bagi berkhidmat untuk kepentingannya. Tidak pelik jika kita mendapati demokrasi-demokrasi Kapitalis menghalalkan riba dan monopoli kerana ia mendatangkan manfaat kepada golongan yang mempunyai kuasa dan pengaruh walaupun keduanya memudaratkan kepentingan majoriti umum yang ramai dalam masyarakat.

Walaupun demokrasi dianggap sebagai pemerintahan rakyat oleh rakyat dan untuk rakyat tetapi realiti banyak menghasilkan wakil-wakil yang tidak mencerminkan kepentingan rakyat. Bahkan mereka mewakili kepentingan diri mereka sendiri, golongan sama peringkat dengan mereka dan kepentingan kuncu-kuncu mereka dari kalangan kuasa yang berpengaruh. Ini disebabkan ia tidak mempunyai apa-apa syarat ataupun ciri-ciri akhlak yang ditentukan terhadap calon ataupun pengundi. Ini dalam keadaan di mana kehendak para pengundi tidak dipalsukan.

Dari sinilah terserlah keunggulan sistem syura yang menjadi asas negara Islam. Syura mempunyai sempadan yang tidak boleh dilangkahinya. Akidah keimanan Islam, rukun-rukun amali, asas-asas akhlak dan hukum-hukum qat'inya adalah ciri-ciri asasi yang diterima oleh masyarakat dan di atas asas inilah dibina sistem kehidupannya. Tiada ruang bagi syura, parlimen dan kerajaan untuk membatalkannya kerana apa yang telah disabitkan oleh Allah tidak dapat dinafikan oleh manusia dan apa yang dinafikan oleh Allah tidak boleh disabitkan oleh manusia.

Pengundi pada pandangan Islam adalah seorang saksi. Maka disyaratkan padanya apa yang disyaratkan terhadap saksi daripada sifat adil dan sejarah perjalanan hidup yang baik.

Firman Allah:

وَأَشْهِدُوا۟ ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنكُمْ

Terjemahan: *Dan adakanlah dua saksi yang adil di antara kamu.* **(Surah al-Talaq 65: 2)**

Firman Allah:

مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ ٱلشُّهَدَآءِ

Terjemahan: *Dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi.* **(Surah al-Baqarah 2: 282)**

Wajib ke atasnya hadir apabila dipanggil untuk membuang undi bagi memberikan kesaksiannya dan tidak boleh dia menyembunyikannya.

Firman Allah:

وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ قَلْبُهُۥ

Tarjemahan: *Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya.* **(Surah al-Baqarah 2: 283)**

Firman Allah:

وَلَا يَأْبَ ٱلشُّهَدَآءُ إِذَا مَا دُعُوا۟

Terjemahan: *Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila dipanggil menjadi saksi.* **(Surah al-Baqarah 2: 282)**

Calon pula wajiblah seorang yang pemelihara lagi bijaksana[25] ataupun gagah lagi amanah[26]. Kalau tidak, ruang itu akan diberikan kepada orang lain.

---

25) Isyarat kepada firman Allah atas lidah Nabi Yusuf a. s kepada Raja Mesir: Nabi Yusuf berkata:

ٱجْعَلْنِى عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلْأَرْضِ ۖ إِنِّى حَفِيظٌ عَلِيمٌ ﴿٥٥﴾

Terjemahan: *Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.* **(Surah Yusuf 12: 55)**

26) Isyarat kepada firman Allah atas lidah orang tua dalam kisah Musa:

يَٰٓأَبَتِ ٱسْتَـْٔجِرْهُ ۖ إِنَّ خَيْرَ مَنِ ٱسْتَـْٔجَرْتَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Terjemahan: *Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan, sesungguhnya sebaik-baik orang*

Pengabaian prinsip ini menyegerakan kehancuran umat sebagaimana telah dinyatakan dalam hadis:

إِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ، قِيْلَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ

Terjemahannya: *Apabila amanah diabaikan, tunggulah saat kehancuran. Sahabat bertanya: Bagaimanakah ia diabaikan? Baginda menjawab: Apabila diserahkan suatu urusan itu kepada bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancuran.* **(Riwayat Al Bukhari)**

Kalimah Yang Kukuh Daripada Dr. Al-Syawi

Di sini, sukacita saya bawakan apa yang telah disebutkan oleh Dr. Taufiq al-Syawi dalam akhbar al-Wafd yang diterbitkan di Kaherah (11/9/1986) bagi membela kumpulan Islam dan sebagai jawapan terhadap pertanyaan al-Ustaz Khalid Muhammad Khalid dan sebagai penjelasan terhadap ketinggian negara Islam daripada negara demokrasi. Beliau menyatakan:

Ketinggian ini adalah daripada dua sudut:

Pertama: Islam telah mendahului sistem-sistem perlembagaan moden dalam menetapkan prinsip-prinsip ini lebih daripada seribu tahun.

Kedua: Apa yang ditetapkan oleh Islam dalam hal ini telah mencapai peringkat yang hingga kini tidak dapat dicapai oleh mana-mana sistem demokrasi moden dan tidak dijangka ia akan sampai pada masa depan ke peringkat itu walaupun kita menunggu seribu tahun lagi.

Contoh-contoh prinsip yang kita yakini Islam lebih tinggi daripada sistem-sistem perlembagaan moden ialah seperti berikut:

1. Prinsip (Kedaulatan - kekuasaan - Syariah) lebih tinggi daripada prinsip (Kedaulatan Undang-undang Ciptaan) kerana prinsip demokrasi ini tidak menghadkan bidang kuasa pihak Legislatif dalam sesebuah negara. Selagimana pihak inilah yang menetapkan undang- undang dan tidak wujud apa-apa ikatan

---

yang ayah ambil kerja ialah orang yang kuat, lagi amanah. **(Surah al-Qasas 28: 26)**
Kuat bererti ada kemampuan dan kecukupan dan amanah bererti hati yang hidup dan takutkan Allah. Keduanya saling menyempurnakan.

terhadap haknya dalam perkara ini walau apa bentuk badan yang melakukannya sama ada ia sebuah Parlimen (yang dipilih dalam pilihan raya bebas ataupun palsu), Presiden, Junta Tentera ataupun Junta Awam yang mempunyai kuasa perundangan. Dalam Islam, syariah mempunyai kuasa penuh dalam semua badan penentu polisi termasuk badan yang mengeluarkan undang-undang ciptaan. Sesungguhnya ia tidak mempunyai hak untuk menukar hukum syariah ataupun membatalkannya.

Dengan itu Islam menjadi sistem politik pertama yang meletakkan had bagi kuasa majoriti pemerintah (sama ada ia majoriti sebenar ataupun palsu). Inilah yang dibahaskan oleh semua pakar undang-undang perlembagaan moden yang cuba mengeluarkan prinsip-prinsip umum yang ulung yang mereka namakan sebagai 'Undang-undang Tabie'. Mereka mahu agar pemerintah yang mengeluarkan undang-undang ciptaan ada batasannya dan tidak boleh melangkahinya. Antaranya ialah prinsip 'Perisytiharan Hak Asasi Manusia'. Namun, pada masa kini mereka tidak menemui jalan untuk memeliharanya daripada pembatalan ataupun pemindaan oleh mereka yang menguasai pemerintahan dengan kekerasan ataupun mereka yang menuju jalan thagut (melampau kezalimannya). Tinggallah prinsip yang tinggi lagi ulung dan dipuja oleh para filsuf dan ulama ini tanpa sebarang komitmen hakiki daripada pihak Badan Legislatif ataupun daripada mereka yang mempunyai kuasa politik sama ada dia seorang diktator, Junta Tentera atau selainnya.

Islam telah memutuskan perkara ini sejak lebih daripada seribu tahun dengan menjadikan al-Quran yang diturunkan dari sisi Allah sebagai rujukan.. Dengan itu ia memberikan prinsip-prinsip tinggi ini sifat kesucian, kekal dan kukuh yang dikawal oleh akidah beriman dengan Allah dan syariah yang ditentukan oleh sumber langit. Dengan itu hasil praktikalnya adalah besar, namun tiada ruang di sini untuk memperincikannya.

2. Prinsip (Kedaulatan - kekuasaan - Umat) mengatasi prinsip (Kedaulatan Rakyat) dalam sistem-sistem demokrasi moden kerana umat Islam menghimpunkan pelbagai bangsa. Kemungkinan ia diperintah oleh banyak negara. Sekiranya di sini kekuasaan rakyat bererti kekuasaan rakyat dalam daerah yang dikuasai oleh setiap negara yang mana kerajaannya mampu memperakui haknya, menghalang kebebasannya, memalsukan kehendaknya ataupun melakukan apa yang dia mahu atas namanya. Sesungguhnya kekuasaan ummah yang mempunyai hak ijmak dalam syariat telah dimainkan peranannya oleh umat Islam di semua daerah dan wilayahnya. Ijmak yang keluar hasil daripada umat yang besar ini (ataupun daripada para wakilnya dari kalangan mujtahid

dan ulama sahajalah yang dianggap sebagai sumber hukum syarak. Wajib ke atas bangsa yang membentuk umat ini dan ke atas sesiapa yang bercakap atas namanya (dengan benar ataupun tanpa kebenaran) menghormati ijmak ini kerana ia mencerminkan kekuasaan umat Islam.

Sesungguhnya umat dengan saiz dan sifat ini sahajalah yang mewakili syariat dengan ijmaknya. Ia sahajalah yang memiliki kekuasaan perundangan yang tidak boleh didakwa dimiliki oleh mana-mana pemerintah ataupun Dewan yang mewakili satu bangsa daripada bangsa-bangsa umat ini. Apabila dibenarkan satu bangsa daripada mana-mana bangsa umat ini menjalankan mana-mana jenis kekuasaan, ia adalah kekuasaan yang terhad dengan apa yang telah ditetapkan oleh ijmak umat yang merupakan pemilik kekuasaan tertinggi lagi menyeluruh.

3. Prinsip (Pemisahan Antara Badan-badan Berkuasa) dalam Islam mengatasi (Nas-nas Perlembagaan) yang ditetapkan oleh sistem-sistem demokrasi moden kerana dalam Islam ia berdiri atas asas pemisahan 'anggota' antara badan yang menguruskan perundangan dengan semua badan politik bermula daripada Ketua Negara, Parlimen dan selain keduanya daripada badan-badan Eksekutif dan Pengurusan.

Sesungguhnya kebebasan Badan Perundangan daripada kawalan negara dan badan-badan politiknya sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam tidak akan dicapai setaraf sepertinya oleh mana-mana sistem demokrasi kuno ataupun moden. Negara dalam Islam adalah satu negara sahaja dalam dunia yang mana ia tidak boleh untuk mendakwa bahawa undang-undang adalah ungkapan daripada kehendaknya sebagaimana yang dinyatakan dalam semua buku undang-undang ciptaan (Common Law) kuno dan moden - dan tidak akan wujud sama sekali dalam Islam seorang pemerintah yang mengeluarkan undang-undang[27] di bawah syariah Islam sama ada dia seorang pemerintah yang adil ataupun penindas. Ini berbeza dengan negara-negara moden yang mana sesiapa yang mendakwa dia menguasai negara, dia boleh mengubah undang-undang, perlembagaan dan mengeluarkan apa yang menepati hawa nafsunya.

Kita tidak menafikan bahawa negara demokrasi mampu melakukannya dengan segala jaminan perlembagaan, badan pengawasan, pemisahan antara

27) Maksud beliau, satu undang-undang yang menentukan bentuk hubungan sesama manusia bukannya sekadar juzuk undang-undang tertentu yang diambil daripada prinsip dan fiqh syariah. Hal ini telah berlaku dan akan berlaku dan tiada larangan padanya selagimana ia tidak bertentangan dengan mana-mana nas dan kaedah syarak.

badan-badan berkuasa, kebebasan akhbar, kebebasan pelbagai parti dapat menyedarkan rakyat tentang hak mereka berhadapan dengan para pemerintah serta memotong kuku para pemerintah kuku besi, menguatkan mereka untuk yang tertindas, mengukuhkan asas kebebasan umum melalui Parlimen, kesatuan sekerja, kebebasan akhbar dan pelbagai badan lagi.

Sesungguhnya negara Islam berhak bahkan menjadi kewajipannya untuk mengambil faedah daripada pengalaman-pengalaman dan jaminan-jaminan ini, dan mengambil daripadanya semua perkara yang boleh mengukuhkan prinsip syura dan penghalang kekejaman pemerintah taghut dan melampaui batas. Bahkan mengambil apa yang boleh menghalang munculnya golongan ini berdasarkan kaedah *'Saddu al-Zara'i'* dan kaedah "Apa yang tidak sempurna perkara yang wajib melainkan dengannya maka ia adalah menjadi wajib".

Daulah Hidayah Bukannya Daulah Jibayah (Pemeras Cukai)

Daulah Islam - sebagaimana pendapat al-Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi - adalah negara pembawa petunjuk hidayah bukannya negara pemeras cukai. Bererti tugas utamanya ialah menyebarkan dakwah untuk semesta alam dan menyampaikan risalahnya di segenap tempat. Ia adalah rahmat Allah untuk manusia seluruhnya. Tidak boleh menghalang rahmat Allah daripada sampai kepada hamba-hamba Allah.

Nabi SAW. telah memulakan usaha ini dengan menulis surat kepada para pemerintah dan raja di seluruh pelusuk dunia untuk menyampaikan dakwah kepada mereka dan mendirikan hujah ke atas mereka. Menjadi kewajipan negara yang bercakap atas nama Islam pada hari ini yang mempunyai pelbagai cara perhubungan mudah berbanding negara lain yang tidak sampai satu persepuluh sama sepertinya untuk melangkaui segala halangan bagi memperdengarkan suara Islam ke seluruh dunia. Jika tidak, Allah akan bertanya kepadanya tentang jutaan bahkan bilion manusia yang hampir-hampir langsung tidak mengenali Islam ataupun hanya mengenali kulitnya sahaja. Kalau mereka ada maklumat, ia adalah maklumat cacat yang lebih memudarat daripada memberi manfaat, ditambahkan kepadanya apa yang tidak ada padanya, ia keluar daripada intipati dan asas ajarannya, menonjolkan perkara hakikat dalam bentuk gambaran yang batil dan menonjolkan yang batil dalam bentuk gambaran yang hakikat.

Tugas negara Islam ialah menunjuk manusia kepada Allah dan menghapuskan halangan terhadap suara Islam agar ia dapat berkata kepada

manusia dengan bahasa zaman dan dunia mereka.

Ini untuk memastikan agar mereka memahami kehendak Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوۡمِهِۦ لِيُبَيِّنَ لَهُمۡۖ

Terjemahan: *Dan Kami tidak mengutuskan seorang rasul pun kecuali dengan bahasa kaumnya, supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka.* **(Surah Ibrahim 14: 4)**

Bahasa manusia pada kurun ke-15 Hijrah tidak sama dengan bahasa manusia pada kurun ke-13 ataupun ke-12. Kita hendaklah memperkirakan perbezaan ini. Kita hendaklah bercakap dengan manusia apa yang mereka ketahui dan meninggalkan apa yang mereka tidak mampu fahami agar kita tidak berdusta terhadap Allah dan Rasul-Nya.

Gabenor Umar bin Abdul Aziz di Mesir mengutuskan surat kepada Umar mengadu kepadanya tentang ramainya manusia memeluk Islam yang menyebabkan gugurnya kewajipan jizyah terhadap mereka. Zakat juga tidak wajib ke atas mereka melainkan setelah satu tahun daripada kemasukan mereka ke dalam Islam. Gabenor ini mahu agar kewajipan jizyah ini berterusan terhadap mereka yang memeluk Islam demi kepentingan khazanah negara dan memperolehi kemasukan harta. Apakah dia jawapan Umar bin Abdul Aziz?

Jawapan beliau ialah sepotong ayat pendek yang menggambarkan tentang risalah negara Islam sebagaimana yang digambarkan oleh Khalifah yang bijaksana ini. Umar berkata kepada Gabenor tersebut:

Semoga Allah memburukkan pandangan kamu! Sesungguhnya Allah mengutuskan Muhammad sebagai pembawa petunjuk hidayah bukannya sebagai pemungut cukai!!

Inilah kandungan surat itu. Sebagai petunjuk hidayah, bukannya pemeras cukai. Sebahagian negara menjadikan urusan utamanya mengumpulkan sebanyak mungkin penghasilan harta daripada saku rakyat dengan pelbagai cara. Bagi negara Islam, tugasnya ialah memberi hidayah kepada seramai mungkin bilangan manusia memeluk agama Allah, kerana sekiranya Allah memberikan hidayah kepada seseorang kerana usaha kamu maka ia adalah lebih baik daripada apa yang dibawakan oleh terbit dan terbenamnya matahari (dunia dan segala isinya).

Daulah Yang Menjaga Golongan Daif

Negara Islam ialah sebuah negara yang menjaga hak golongan yang dhaif (lemah) bukannya untuk menjaga kepentingan mereka yang berkuasa. Ia mewajibkan zakat dan mengambilnya daripada orang-orang kaya untuk diserahkan kepada golongan fakir. Ia mewajibkan sumber-sumber lain negara seperti *al-faie* dan sebagai yang menjadi hak yang tetap bagi golongan anak yatim, orang miskin dan *Ibn Sabil.*

Firman Allah:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنكُمْ ۚ

Terjemahan: *Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja dari kalangan kamu.* **(Surah al-Hashr 59: 7)**

Khalifah yang pertama berkata dalam ucapan dasarnya yang pertama:

Ketahuilah, sesungguhnya golongan yang kuat di kalangan kamu adalah lemah di sisi aku sehingga aku dapat mengambil hak daripadanya dan golongan yang lemah di kalangan kamu adalah kuat di sisiku sehingga aku dapat mengambil hak untuknya.

Sesungguhnya ia adalah negara bagi mereka yang dizalimi dan ditindas di muka bumi yang sentiasa dipijak oleh kaki golongan diktator dan menjadi mangsa taring golongan berkuasa dari kalangan mereka yang dibutakan oleh harta ataupun kekuasaan. Negara ini berdiri di dalam barisan mereka hingga ke tahap ia memperjuangkan usaha membebas dan menyelamatkan mereka daripada golongan thaghut.

Firman Allah:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Terjemahan: *Dan apakah yang menghalang kamu untuk tidak mahu berperang pada jalan Allah dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, iaitu mereka selalu (berdo'a dengan) berkata: 'Wahai Tuhan Kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah)*

ini, yang penduduknya zalim dan jadilah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan ugama kami) dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu pemimpin yang membela kami." **(Surah an-Nisa' 4:75)**

Kita tidak akan menemui agama seperti Islam yang menyedari hak golongan yang daif dan berusaha untuk melindungi mereka daripada kezaliman mereka yang berkuasa tanpa menuntut apapun daripada mereka demi memperolehi hak ini. Bahkan dalam keadaan mereka tidak menyedari bahawa sebenarnya mereka ada hak terhadap milik orang lain. Mereka ini telah mewarisi penindasan dan kebenaran ditimbuskan sehingga penyelewengan seperti ini menjadi prinsip dan asas dalam sistem masyarakat.

Apabila Islam datang, ia menunjukkan kepada manusia keadilan yang telah diturunkan di dalam kitab-kitab Allah melalui para Rasul yang diutuskan. Dengan petunjuk inilah ditadbir langit dan bumi. Ia membawa kepada pemeliharaan hak golongan yang dhaif dan membela nasib mereka sehingga mereka memperolehi hak material dan moral mereka.

Islam telah meletakkan langkah untuk memerdekakan hamba secara beransur-ansur. Cukuplah sebagai bukti perkara ini, islam menjadikan salah satu cara iaitu mengeluarkan zakat bagi mengusahakan pembebasan ini.

Pada zaman Umar bin Abdul Aziz, Gabenornya di Afrika telah mengutuskan surat yang menyatakan bahawa beliau tidak menemui seorang fakir pun yang berhak menerima zakat. Umar kata kepadanya:

Gunakan ia untuk membeli hamba lalu merdekakanlah hamba tersebut.

Islam telah menjadikan hak yang telah ditentukan bagi orang fakir daripada harta golongan kaya. Ia bukanlah sekadar belas kasihan yang didermakan sekiranya mereka mahu, bahkan ia adalah suatu kewajipan yang merupakan salah satu daripada rukun agama yang akan diambil secara paksa sekiranya mereka yang wajib membayarnya enggan membayar dengan rela hati. Bahkan wajib diperangi apabila golongan yang enggan ini adalah suatu kumpulan yang mempunyai kekuatan sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Bakr, Khalifah yang pertama. Beliau berkata di dalam ucapannya yang masyhur:

Demi Allah, sekiranya mereka menghalang daripadaku seberkas tali ikatan unta yang sebelum ini telah mereka serahkan kepada Rasulullah SAW. nescaya aku akan memerangi mereka untuk memperolehinya.

Zakat bukanlah sekadar bantuan kecemasan dengan beberapa dirham sahaja ataupun sekadar beberapa suapan yang tertentu, bahkan ia pada dasarnya

adalah untuk mencukupkan keperluan asasi bagi golongan fakir dan keluarganya hingga mereka dapat memenuhi keperluan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pendidikan dan semua perkara yang mesti dimilikinya tanpa berlebih-lebihan ataupun membatasinya. Bahkan *al-Imam al-Syafi'e* dan para sahabatnya telah berpendapat bahawa hendaklah diberikan zakat kepada orang fakir dengan kadar yang mencukupi sepanjang hayatnya dan setaraf dengan kedudukannya agar dia tidak perlukan zakat lagi pada masa hadapan. Kami telah perincikan perkara ini dalam buku kami *Fiqh al-Zakah* dan buku *Musykilah al-Faqri Wa Kayfa A'lajaha al-Islam.*

Islam juga telah menjaga keperluan mereka yang mengalami desakan hidup seperti golongan yang berhutang dan *Ibn Sabil* yang kehabisan bekalan.

Islam juga telah memberikan perhatian penuh di dalam *al-Quran* dan *al-Sunah* terhadap golongan yatim yang telah kehilangan ibu bapa semasa kecil. Islam telah menegaskan perintahnya untuk menjaga kedudukan mereka agar tidak terbiar, dihina dan disia-siakan. Begitu juga dengan harta mereka sekiranya mereka memiliki harta agar ia tidak diabai dan dieksploitasi sehinggakan al-Quran telah menyatakan dalam surah al-An'am:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ

Terjemahan: *Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk menjaganya) sehingga ia baligh.* **(Surah al-An'am 6: 152)**

Sekiranya di sana ada dua jalan untuk menyuburkan harta anak yatim, salah satunya baik dan satu lagi lebih baik dan afdal daripadanya maka tidak boleh menyuburkannya melainkan dengan cara yang paling baik.

Hadis-hadis Nabi SAW. telah diisi penuh dengan perintah untuk memberi perhatian terhadap golongan yang daif dan membela mereka dengan cara yang paling berkesan yang tidak pernah dikenali oleh manusia sebelum ini.

Begitulah Islam mengambil perhatian terhadap semua bentuk golongan yang dhaif (lemah), sama ada mereka lemah dari sudut tiada harta seperti golongan fakir dan miskin, lemah dari sudut kebebasan seperti golongan hamba, jauh dari kampung halaman seperti Ibn Sabil, tiada pembela seperti anak yatim, kehilangan pemberi nafkah seperti golongan janda ataupun mereka yang tiada kekuatan kerana masalah usia seperti golongan tua dan kanak-kanak. Begitulah seterusnya. Baginda SAW. pernah bersabda kepada Saad bin Abi Waqqas yang

kelihatan daripada sikapnya tidak mempedulikan sebahagian golongan yang lemah:

وَهَلْ تُرْزَقُوْنَ وَتُنْصَرُوْنَ إِلاَّ بِضُعَفَائِكُمْ

Terjemahan: *Bukankah kamu semua diberikan rezeki dan pertolongan kerana golongan yang lemah di kalangan kamu.*[28]

Pada pandangan saya hadis ini -di samping pengajaran padanya menunjukkan dekatnya mereka ini dengan Allah Taala dan Allah akan memberkati dan membela ummah kerana kelebihan, keutamaan, keikhlasan dan kesusahan mereka. Ia juga menunjukkan kepada hakikat lain yang biasanya dilupakan oleh manusia iaitu golongan yang lemah lagi tertindas di kalangan masyarakat, biasanya adalah asas kepada keberhasilan semasa aman dan ia adalah tulang belakang bagi golongan buruh yang kuat bekerja. Mereka juga adalah asas kepada kemenangan di dalam peperangan kerana mereka membentuk tulang belakang bagi tentera yang berperang.

Abu Said al-Khudri telah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

لاَ قُدِّسَتْ أُمَّةٌ لاَ يُعْطِي الضَّعِيْفَ فِيْهَا حَقَّهُ غَيْرُ مُتَعْتَعٍ

Terjemahan: *Tidak dimuliakan umat yang tidak memberi haknya kepada golongan yang lemah tanpa menyakitkan hati mereka.*[29]

Daripada Mu'awiyah katanya, Rasulullah SAW. telah bersabda:

لاَ يَقْدُسُ اللهُ أُمَّةً لاَ يَقْضِي فِيْهَا بِالْحَقِّ وَيَأْخُذُ الضَّعِيْفُ حَقَّهُ مِنَ الْقَوِيِّ غَيْرَ مُتَعْتَعٍ

Terjemahan: *Allah tidak memuliakan umat yang tidak menjalankan kebenaran dan tidak mengambil hak golongan yang lemah daripada mereka yang kuat dalam keadaan yang tidak menyakitkan hati mereka.*[30]

---

28) Riwayat Al Bukhari.

29) Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan para perawinya adalah perawi al-Sahih, riwayat Qabus bin al-Muhariq daripada bapanya seperti ini juga dan riwayat al-Thabrani dalam *al-Kabir* dan *al-Awsath*. Para perawinya adalah *tsiqah* sebagaimana dinyatakan dalam *Majma' al-Zawaid* 4/197.

30) Riwayat al-Thabrani dan para perawinya adalah *tsiqah*. *Majma' al- Zawaid 5/209.*

Daripada Rabi'ah bin Yazid: Bahawa Mu'awiyah telah menulis kepada Maslamah bin Makhlad untuk bertanya kepada Abdullah bin 'Amru bin al-'As apakah dia telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لاَ قُدِّسَتْ أُمَّةٌ لاَ يَأْخُذُ ضَعِيْفُهَا حَقَّهُ مِنْ قَوِيِّهَا وَهُوَ غَيْرُ مُضْطَهِدٍ

Terjemahan: *Tidak dimuliakan umat yang tidak mengambil hak mereka yang dhaif daripada golongan yang kuat dalam keadaan mereka tidak ditindas.*

Sekiranya beliau berkata: Ya, bawakan dia balik bersama kamu. Lalu dia pergi bertanyakan Amru perkara itu lalu Amru menjawab "Ya". Lantas beliau membawakannya dari Mesir ke Syam dan Mu'awiyah sendiri bertanyakan beliau. Beliau mengiyakannya, Mu'awiyah berkata: "Saya sendiri telah mendengarnya tetapi saya suka untuk memperolehi kepastian."[31)]

Beberapa riwayat telah datang menjelaskan tentang keadaan sewaktu Nabi SAW. mengungkapkan hadis ini. Yang jelas ia telah berulang lebih daripada satu kali.

Daripada Ibn Mas'ud katanya: Sewaktu Rasulullah SAW. datang ke Madinah, Baginda telah memasukkan Ibn Mas'ud ke dalam golongan mereka yang berhak diberikan bahagian. Para sahabat berkata kepada Baginda: "Wahai Rasulullah SAW., jauhkanlah bahaya ini daripada kami."

Baginda bersabda:

فَلِمَ بَعَثَنِيَ اللهُ إِذَنْ؟ إِنَّ اللهَ لاَ يَقْدُسُ أُمَّةً لاَ يُعْطُوْنَ الضَّعِيْفُ مِنْهُمْ حَقَّهُ

Terjemahan: *Untuk apakah Allah mengutuskan aku? Sesungguhnya Allah tidak memuliakan umat yang tidak memberikan hak golongan yang dhaif di kalangan mereka.*[32)]

Daripada Buraidah katanya: Rasulullah SAW. telah bertanyakan Jaafar r.a. sewaktu beliau datang dari Habshah: Apakah perkara yang paling menarik pernah kamu lihat?" Jawab beliau: "Saya telah melihat seorang wanita membawa bekas berisi makanan di atas kepalanya, lalu datang seorang penunggang kuda

31) Riwayat al-Thabrani dan para perawinya adalah *tsiqah. Majma' al- Zawaid 5/209.*

32) Riwayat al-Thabrani dalam *al-Kabir* dan *al-Awsath* dan para perawinya adalah tsiqah. *Majma' al-Zawaid 4/197.*

melintasinya menyebabkan bekas itu tertumpah. Wanita itupun terduduk sambil mengumpulkan makanannya, kemudian dia berpaling sambil berkata: Celakalah kamu, apabila Allah Yang Maha Kuasa telah meletakkan kerusi-Nya, dia akan mengambil hak mereka yang dizalimi daripada yang menzaliminya." Rasulullah SAW. bersabda sebagai membenarkan kata-kata wanita ini:

لاَ قُدِّسَتْ أُمَّةٌ لاَ يَأْخُذُ ضَعِيْفُهَا حَقَّهُ مِنْ شَدِيْدِهَا وَهُوَ غَيْرُ مُتَعْتَعٍ

Terjemahan: *Tidak akan dimuliakan umat yang mana golongan dhaif tidak dapat mengambil haknya daripada mereka yang kuat di dalam keadaan dia tidak tertindas.*[33]

Daripada Abdullah bin Abu Sufian katanya: Telah datang seorang Yahudi menuntut hutang kurma daripada Nabi SAW. Lalu dia bercakap kasar kepada Nabi SAW. menyebabkan para sahabat berasa marah. Rasulullah SAW. bersabda "Allah tidak memuliakan tidak merahmati satu umat yang mana golongan dhaif mereka tidak dapat mengambil haknya di dalam keadaan tidak disakitkan hatinya". Kemudian Baginda mengutuskan utusan kepada Khawlah binti Hakim meminjamkan kurma daripadanya dan Baginda membayarkan hutang kepada Yahudi tersebut. Kemudian Nabi SAW bersabda:

Begitulah yang mesti dilakukan oleh hamba-hamba Allah yang memenuhi janji. Sebelum ini ada kurma di sisi kami dan orang Yahudi ini telah melakukan kebaikan.[34]

Di sinilah Islam berdiri membela golongan yang lemah (daif); walau apapun sebab kelemahannya di dalam berhadapan dengan yang kuat. Ia berdiri di sisi golongan fakir agar mereka dapat mengambil haknya daripada golongan kaya hingga ke tahap memerangi mereka yang kaya untuk mendapatkan hak tersebut sebagaimana yang telah kami jelaskan.

Islam membela golongan pengambil upah agar mereka dapat mengambil upah daripada majikannya. Perkara ini disebutkan dengan jelas:

أَعْطُوْا الْأَجِيْرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجُفَّ عِرْقُهُ

33) Hadis riwayat al-Bazzar dan al-Thobrani dalam *al-Awsath*. Padanya ada 'Atho' bin al-Saib seorang tsiqah tetapi *mukhtalath*, baki perawinya adalah tsiqah *Majma' al-Zawaid* 5/208.

34) Riwayat al-Thobrani dalam *al-Kabir* dan para perawinya adalah perawi *al-Saidh: Majma' al-Zawaid 4/140.*

Terjemahan: *Berikan mereka yang mengambil upah gaji mereka sebelum kering peluhnya.*[35]

Bahkan mereka ini dimasukkan ke dalam tiga golongan yang mana Allah memusuhi mereka pada hari kiamat:

رَجُلاً اسْتَأْجَرَ أَجِيْرًا، اسْتَوْفَى مِنْهُ عَمَلُهُ وَلَمْ يُوَفِّهِ أَجْرَهُ

Terjemahan: *Seorang lelaki yang mengambil buruh lalu dia melaksanakan kerjanya tetapi upahnya tidak dipenuhi.*[36]

Islam berdiri di sisi manusia yang tersisih dalam masyarakat, yang tiada harta, kedudukan, keturunan dan kerabat. Mereka ini apabila meminta pertolongan tidak ada yang membantunya, apabila meminang pinangannya ditolak dan apabila meminta keizinan mereka tidak diberikan izin. Golongan inilah yang disebutkan oleh Rasulullah SAW. sewaktu Baginda membandingkan mereka dengan golongan yang mempunyai kedudukan, keturunan, kekayaan dan kemasyhuran.

Baginda bersabda:

هَذَا خَيْرٌ مِنْ مِلْءِ الْأَرْضِ مِثْلُ هَذَا

Terjemahan: *Mereka ini lebih baik daripada segala isi kandungan dunia.*[37]

Baginda menegaskan lagi perkara ini dengan sabdanya:

رُبَّ أَشْعَثٍ أَغْبَرٍ مَدْفُوْعٍ بِالْأَبْوَابِ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللهِ لَأَبَرَّهُ

Terjemahan: *Berapa ramai mereka yang kusut masai, badan berdebu dan dihalau keluar daripada pintu-pintu, sekiranya mereka bersumpah di atas nama Allah, nescaya Allah akan memenuhi sumpahnya*[38]

Telah jelaslah kumpulan hadis yang mengukuhkan bahawa Allah tidak akan memuliakan suatu umat yang mana golongan dhaif tidak dapat mengambil haknya di dalam keadaan dia tidak disakiti hatinya.

---

35) Riwayat Ibn Majah daripada Ibn Umar, Abdul Razaq daripada Abu Hurairah dan al-Thabrani dalam *al-Awsath* daripada Jabir.

36) Riwayat al-Bukhari yang merupakan hadis Qudsi.

37) Riwayat al Bukhari daripada Sahl bin Sa'ad.

38) Riwayat Muslim.

Islam membela golongan wanita sehingga mereka dapat mengambil haknya daripada lelaki dan menghapuskan kezaliman daripadanya walaupun lelaki ini adalah bapa ataupun suami yang menjadi rakan kongsi kehidupannya. Dalam hal ini al-Quran menyatakan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَرِثُوا۟ ٱلنِّسَآءَ كَرْهًا ۖ وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا۟ بِبَعْضِ مَآ ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّآ أَن يَأْتِينَ بِفَٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ ۚ وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan cara paksaan dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik.* **(Surah an-Nisa' 4:19)**

Islam membela golongan kanak-kanak lelaki ataupun perempuan agar mereka memperolehi hak penjagaan material dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Islam mencela golongan jahiliah yang membunuh anak-anak mereka kerana kemiskinan yang betul-betul berlaku ataupun kerana bimbangkan kemiskinan yang dijangka berlaku. Pembelaan khusus ditumpukan terhadap nasib anak perempuan yang pada ketika itu ditanam hidup-hidup oleh manusia yang paling hampir kepada mereka iaitu bapa mereka

Firman Allah:

وَإِذَا ٱلْمَوْءُۥدَةُ سُئِلَتْ ﴿٨﴾ بِأَىِّ ذَنۢبٍ قُتِلَتْ ﴿٩﴾

Terjemahan: *Dan apabila bayi-bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup ditanya kerana dosa apakah ia dibunuh?* **(Surah at-Takwir 81:8-9)**

Firman Allah:

وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ ۚ وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُۥ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ

Terjemahan: *Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi mereka yang hendak menyempurnakan penyusuan*

itu. Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu-ibu itu dengan cara yang baik. **(Surah al-Baqarah 2: 233)**

Islam membela ibu bapa apabila mereka telah sampai ke peringkat terlalu tua yang perlukan kasih sayang, penjagaan, keperluan material dan moral. Ia memperkirakan sensitiviti mereka terhadap mana-mana tutur kata yang melukai perasaan mereka.

Dalam sudut penjagaan jiwa dan perasaan mereka, al-Quran menyatakan:

۞ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۚ إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَٱخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحْمَةِ وَقُل رَّبِّ ٱرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِى صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Terjemahan: *Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya kamu tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai pada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kamu berkata kepada mereka perkataan "Ha". Dan janganlah kamu menengking mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah kamu merendah diri kepada keduanya dengan kasih sayangmu dan doakanlah (untuk mereka) "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka, sebagaimana mereka mendidikku semasa kecil."* **(Surah al-Isra' 17:23-24)**

Pada sudut penjagaan material, dinyatakan dalam hadis:

أَنْتَ وَمَالُكَ لِأَبِيْكَ

Terjemahan: *Kamu dan apa yang kamu miliki adalah milik bapa kamu.*[39]

Islam juga membela majoriti pengguna berhadapan dengan monopoli golongan peniaga yang memanipulasikan harga pasaran. Rasulullah SAW. telah bersabda:

39) Riwayat Ahmad dan disahihkan oleh al-Syeikh Syakir.

لَا يَحْتَكِرُ إِلَّا خَاطِئٌ

Terjemahan: *Tidak akan melakukan monopoli melainkan seorang yang berdosa.*[40]

Ini jugalah kalimah yang digunakan oleh al-Quran untuk menyifatkan golongan yang takbur dan angkuh di muka bumi.

Firman Allah:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَامَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ ﴿٨﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Firaun dan Hamaan serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.* **(Surah al-Qasas 28:8)**

Oleh sebab itu para fuqaha berpendapat wajibnya menetapkan harga apabila para penjual terlalu melampau sehingga memudaratkan rakyat umum.

Islam membela golongan Non-Muslim yang wujud di dalam masyarakat Islam agar mereka memperolehi hak mereka sepenuhnya daripada orang-orang Islam. Perbezaan agama tidak boleh menjadi sebab menindas mereka ataupun tidak memberikan hak kepada mereka. Bahkan para fuqaha kita telah menetapkan bahawa menzalimi golongan *zimmi* adalah lebih dahsyat dan besar dosanya daripada menzalimi orang-orang Islam.[41]

Islam membela setiap mereka yang tidak mampu mempertahankan dirinya dan tidak dapat menuntut haknya. Oleh itu Fiqh Islam tidak mengabaikan masalah *al-Laqith* (anak yang dibuang). Bahkan ia menyediakan bab yang khusus dan menjelaskan secara terperinci hak dan hukum terhadapnya. Walaupun dalam keadaan diragui ataupun diyakini ia adalah hasil hubungan haram kerana seorang itu tidak mewarisi dosa orang lain.

Bahkan Islam menjaga hak janin yang masih di dalam perut ibunya walaupun ia adalah hasil daripada perzinaan. Hukuman terhadap wanita yang membunuh ataupun berzina akan ditangguhkan sehinggalah dia melahirkan kandungannya. Bahkan hingga anak itu bercerai susu sebagaimana yang dijelaskan dalam kisah *al-Ghamidiyah* yang terkenal.

Lebih daripada itu, Islam menjaga kehormatan haiwan yang jinak. Islam memerintahkan agar melindungi, berbuat baik dan tidak menyakitinya.

40) Riwayat Muslim.

41) Lihat buku kami *Ghair al-Muslimin Fi al-Mujtama' al-Islami.*

Apabila ia menjadi milik seseorang, diwajibkan memberi makanan yang baik, merawatnya apabila ia sakit dan tidak meletakkan bebanan yang lebih daripada kemampuannya. Islam telah menjadikan sikap kasar terhadap makhluk yang lemah ini sebagai penyebab kepada memasuki neraka dan sikap kasih padanya boleh mendatangkan keampunan daripada Allah. Telah sahih di dalam hadis bahawa seorang wanita dimasukkan ke dalam neraka kerana mengurung seekor kucing yang tidak diberi makanan dan tidak dilepaskan sehingga ia dapat memakan serangga di atas tanah.[42] Sementara seorang lelaki yang telah memberi minum seekor anjing dia berusaha untuk memberikan minuman lalu Allah berterima kasih kepadanya dan mengampuninya. Para sahabat berasa hairan mereka diberikan ganjaran kerana menjaga binatang, lantas Rasulullah SAW. bersabda:

فِي كُلِّ كَبِدٍ رُطْبَةٌ أَجْرٌ

Terjemahan: *Pada setiap hati yang basah ada ganjarannya.*[43]

Negara Islam bertanggungjawab secara asasi untuk menjaga setiap mereka yang lemah, menyediakan jaminan bagi memastikan hak mereka diperolehi, menghalang pencerobohan golongan yang kuat dan menghapuskan penindasan dengan pelbagai cara apabila benar-benar berlaku. Nabi SAW. bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، اَلْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: *Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap orang daripada kamu akan ditanya tentang orang yang dipimpinnya, pemerintah itu adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang orang yang dipimpinnya.*[44]

Sabda Baginda lagi:

إِنَّ اللهَ سَائِلٌ كُلَّ رَاعٍ عَمَّنْ اسْتَرْعَاهُ، حَفِظَ أَمْ ضَيَّعَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah akan bertanya kepada setiap pemimpin tentang mereka yang dipimpinnya, apakah dia menjaga ataupun mengabaikan*

42) Muttafaq 'Alaih daripada Ibn Umar. Al-Lu'lu' wa al-Marjan; 1683.

43) Muttafaq 'Alaih daripada Abu Hurairah. Ibid 1447.

44) Muttafaq 'Alaih daripada Ibn Umar. Ibid 1199.

mereka. [45]

Nabi SAW. telah melaksanakan perkara ini sewaktu hayat Baginda di dalam negara contoh yang telah dibinanya di Madinah yang menjaga hak golongan fakir miskin, berhutang, Ibn Sabil, anak yatim, janda, hamba dan mereka yang tertindas

Nabi SAW. bersabda:

أَنَا أَوْلَى بِكُلِّ مُؤْمِنٍ مِنْ نَفْسِهِ: مَنْ تَرَكَ مَالاً فَلأَهْلِهِ وَمَنْ تَرَكَ دَيْنًا أَوْ ضَيَاعًا فَإِلَيَّ وَعَلَيَّ

Terjemahan: *Aku lebih berhak terhadap diri setiap orang Muslim daripada dirinya sendiri: Sesiapa yang meninggalkan hartanya maka ia adalah untuk para warisnya dan sesiapa yang meninggalkan hutang ataupun barangan yang hilang maka tuntutlah daripadaku dan aku yang menanggungnya.*[46]

Maksud "hilang" di sini ialah keluarga dan zuriat keturunan yang terdedah kepada pengabaian kerana ketiadaan sumber dan kehilangan orang yang menanggungnya.

Peluang pertama yang datang kepada Nabi SAW ialah. sewaktu Allah menganugerahkan harta rampasan perang selepas pengusiran Bani al-Nadhir dari kalangan Yahudi Madinah. Baginda menjadikan *al-Faie* sebagai jalan untuk meng'*kaya*'kan golongan fakir Muhajirin dan Ansar, untuk mengurangkan kesulitan mereka dan merapatkan jurang di antara mereka dengan golongan kaya berkemampuan. Dalam hal ini al-Quran menetapkan prinsip yang ulung daripada prinsip keadilan kemasyarakatan. Allah telah berfirman:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ

Terjemahan: *Apa saja harta rampasan perang yang Allah berikan kepada Rasul-Nya dari penduduk negeri (orang kafir), maka (ianya tertentu) bagi Allah dan bagi Rasul serta kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin dan orang-orang dalam perjalanan, supaya harta itu tidak hanya beredar*

45) Riwayat al-Nasa'i dan Ibn Hibban dalam Sahihnya daripada Anas dan oleh al-Albani dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir* 1774.

46) Riwayat Muslim.

di antara orang-orang kaya sahaja dari kalangan kamu. **(Surah al-Hashr 59:7)**

Rasulullah SAW. tidak menerima untuk menjadikan golongan yang kuat mempunyai keistimewaan di dalam negaranya berbanding majoriti manusia yang lain dengan mengurangkan sebahagian bebanan daripada mereka ataupun menggugurkan sebahagian hukuman demi menjaga nasab, keturunan dan kedudukan mereka.

Suatu waktu golongan Quraisy meminta meringankan hukuman wanita *al-Makhzumiyah* yang telah mencuri, melalui usaha Usamah bin Zaid yang amat dikasihi oleh Baginda. Baginda menjadi amat marah dan mengucapkan kata-kata yang masyhur tentang penolakan membezakan di antara mereka yang mulia dengan mereka yang lemah. Baginda mengakhiri kata-kata ini dengan ungkapan:

وَأَيْمُ اللهِ لَوْ سَرَقَتْ فَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

Terjemahan: *Demi Allah sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri nescaya aku akan memotong tangannya.*[47]

Bahkan kita melihat hala tuju Islam adalah melawan arus ketegasan perkara itu. Ia akan berusaha mencari alasan (jalan keluar) bagi pencuri yang lemah yang kemungkinan mencuri atas desakan keperluan. Ia akan menjadi *syubhat* yang menggugurkan *hadd* daripadanya sebagaimana yang telah dilakukan oleh Umar terhadap hamba-hamba Hathib bin Abi Balta'ah yang telah mencuri tetapi beliau tidak memotong tangan mereka. Bahkan beliau mengancam tuan mereka untuk dipotong tangan sekiranya mereka mencuri untuk kali kedua.

Kita telah mendapati al-Quran menjadikan hukuman hamba wanita yang berzina adalah separuh daripada hukuman merdeka kerana memperkirakan situasi dan kelemahannya sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah:

فَإِذَآ أُحْصِنَّ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَٰحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ مَا عَلَى ٱلْمُحْصَنَٰتِ مِنَ ٱلْعَذَابِ ۚ

Terjemahan: *Lalu jika mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh daripada (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka.* **(Surah an-Nisa' 4:25)**

47) Muttafaq 'Alaih daripada hadis Aisyah.

Abu Bakr telah berkata sewaktu ucapan pertama selepas pelantikannya sebagai Khalifah:

Ingatlah sesungguhnya orang yang paling kuat di kalangan kamu adalah orang yang lemah di sisi aku sehingga aku dapat mengambil hak daripadanya dan orang yang paling lemah di kalangan kamu di sisi aku adalah orang yang kuat sehingga aku dapat mengambil hak untuknya.

Beliaulah yang memerangi golongan yang enggan membayar zakat sehingga beliau dapat mengambil hak golongan fakir dan lemah daripada mereka.

Umar r.a. adalah manusia yang paling berlemah lembut dengan golongan yang daif dan paling tegas dengan mereka yang memiliki kekuatan dan pengaruh sehinggakan beliau menyergah mereka yang berjalan berkumpulan mengiringi Ubay bin Ka'ab kerana dia mempunyai kedudukan. Beliau berkata kepada mereka:

Inilah kehinaan orang yang mengiringi dan fitnah bagi yang diiringi.

Sikap beliau terhadap golongan miskin, janda dan daif adalah amat banyak dan masyhur. Sikap beliau terhadap seorang tua Yahudi yang didapatinya meminta sedekah kerana desakan keperluan cukup terkenal. Beliau memerintahkan agar keperluan orang seperti ini diberikan oleh Baitulmal umat Islam.

Ketegasan beliau terhadap para gabenor dan pembesar cukup terkenal. Setiap orang daripada kita mengingati ucapan beliau kepada Gabenornya di Mesir, Amru bin al-As sebagai membela seorang Koptik yang telah dipukul oleh anak lelaki Amru. Beliau berkata:

Bilakah kamu menjadikan manusia sebagai hamba sedangkan mereka telah dilahirkan oleh ibu mereka di dalam keadaan merdeka.

Kita juga diingatkan terhadap sikap beliau kepada Saad bin Abi Waqqas, Khalid bin Al-Walid dan para panglima yang lain, perkiraan beliau terhadap mana-mana sikap yang menonjolkan gambaran melampau, membazir ataupun meniru para pemimpin yang tercela. Amat kerap beliau mempersoalkan sumber harta mereka berdasarkan perundangan dengan katanya:

Dari manakah kamu memperolehi harta ini?

Umar juga memberikan perhatian kepada binatang peliharaan dan mengingatkan orang lain agar berbuat baik dengannya.

Di dalam *Tabaqat Ibn Saad* dinyatakan bahawa Umar telah memukul seorang pengangkut barang dan beliau berkata kepadanya:

Kenapa kamu meletakkan bebanan yang lebih ke atas unta kamu?

Beliau telah melihat keldai dipikulkan dengan bebanan batu-bata lalu beliau menurunkan dua ketul batu-bata daripada beban itu. Pemiliknya datang dan berkata: Wahai Umar apa urusan kamu dengan keldaiku? Apakah kamu mempunyai kekuasaan atasnya? Jawab beliau: Saya tidak akan lalai daripada urusan ini.[48)]

Maksudnya tanggungjawab beliau adalah merangkumi manusia dan haiwan.

Daulah Yang Melindungi Hak Dan Kebebasan

Daulah Islam ialah negara yang menjaga hak dan kebebasan. Ia adalah satu komitmen keimanan bukannya sekadar dakwaan dan kata-kata.

Sesungguhnya hak untuk hidup, hak untuk memiliki, hak untuk mencukupkan kehidupan, hak bagi menjaga agama, nyawa, maruah, harta dan keturunan pada pandangan perundangan Islam dianggap termasuk *al-Dharuriyat* yang lima ataupun enam perkara yang mana Allah menurunkan syariat-Nya untuk memelihara perkara ini. Tidak boleh sesiapapun mencuaikannya. Syarak telah menetapkan hukuman yang berat seperti *hudud* dan *qisas* untuk menjaganya daripada sebarang pencerobohan.

Kewajipan Daulah Islam ialah berusaha untuk mewujudkan bagi setiap rakyat yang hidup di bawahnya mencapai dua matlamat asasi di dalam kehidupan iaitu kecukupan dan keamanan kerana apabila manusia merasai kecukupan dan keamanan dia dapat menumpukan ibadat kepada Tuhannya.

Firman Allah:

ٱلَّذِىٓ أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ وَءَامَنَهُم مِّنْ خَوْفٍۢ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Yang telah memberi makan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan memberi keamanan kepada mereka dan ketakutan.* **(Surah Quraysh 106: 4)**

Kebebasan yang dipuja oleh manusia pada zaman kita dan dianggap sebagai hasil ciptaan revolusi-revolusi moden di Barat seperti Revolusi Perancis

48) Lihat kajian kami tentang Khasais al-Syari'ah al-Islamiyah, fasal al-Akhlakiah.

dan sebagainya telah didahului oleh Islam dalam penjelasan dan dakwahnya. Negara Islam bangkit menjaga dan mengeluarkannya dari alam teori ke alam realiti praktikal.

Kebebasan beragama sebagaimana yang diungkapkan oleh syeikh al-Ghazali adalah ciptaan Islam yang mana tidak pernah berlaku di bawah pemerintahan mana-mana agama ditetapkan prinsip kebebasan beragama terhadap golongan agama lain. Islam menolak paksaan dalam masalah beragama dalam apa bentuk sekalipun dan menganggap iman adalah satu perkara yang datang melalui usaha perbincangan dan pemilihan yang bebas. Adapun Iman seperti iman Firaun sewaktu hampir lemas, ia tidak ada nilainya kerana dia tidak mempunyai kebebasan untuk memilih (dalam keadaan terpaksa). Begitu juga iman mereka yang telah melihat bala Allah yang tidak dapat ditolak oleh mereka.

Firman Allah:

فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَٰنُهُمْ لَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا ۖ

Terjemahan: *Maka keimanan mereka tidak berguna lagi kepada mereka ketika mereka melihat azab Kami.* **(Surah Ghafir 40:85)**

Ayat Makkiyah dan Madaniyah telah mengisytiharkan penolakan terhadap paksaan.

Di Mekah ia menyatakan:

أَفَأَنتَ تُكْرِهُ ٱلنَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٩﴾

Terjemahan : *Maka patutkah kamu pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman.* **(Surah Yunus 10:99)**

Di Madinah ia menyatakan:

لَآ إِكْرَاهَ فِى ٱلدِّينِ ۖ

Terjemahan: *tidak ada paksaan dalam agama (Islam).* **(Sarah al-Baqarah 2:256)**

Islam telah menetapkan kebebasan beragama bagi mereka yang hidup di bawah payungnya seperti terhadap golongan Yahudi, Nasrani dan Majusi. Mereka diberikan kebebasan berakidah, beribadat dan berhukumkan syariat mereka dalam perkara yang diperintahkan kepada mereka. Bahkan mereka

dibenarkan untuk memakan makanan yang mereka tidak imani pengharaman dan najisnya seperti daging khinzir selagimana mereka beriktikad tentang halalnya. Inilah kemuncak bagi toleransi yang tidak pernah dicapai oleh mana-mana agamapun.

Kebebasan bercakap dan memberikan pandangan adalah terpelihara. Bahkan perkara ini pada pandangan Islam dan negara Islam adalah lebih besar daripada kedudukannya sebagai satu kebebasan. Pada pandangan Islam ia termasuk bab kewajipan dan fardu bukannya bab hak dan kebebasan. Wajib bagi seseorang apabila melihat perkara mungkar yang jelas untuk menegahnya semampu yang boleh. Dia tidak bebas untuk berdiam diri ataupun berkata-kata. Orang yang berdiam diri daripada berkata benar adalah sama seperti orang yang berkata dengan perkara batil. Orang yang berdiam diri daripada perkara benar adalah syaitan bisu. Begitu juga apabila dia melihat perkara makruf dicuaikan. Wajib ke atasnya untuk memerintahkan perlaksanaannya. Ini bukanlah suatu hak yang boleh dilakukan ataupun ditinggalkan dengan bebas.

Ini termasuk di dalam bab kewajipan Islam yang dikenali sebagai *amar makruf nahi mungkar* yang Allah telah jadikan sebagai keistimewaan umat.

Firman Allah:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benarnya).* **(Sarah Ali-Imran 3:110)**

Ia juga termasuk dalam bab nasihat yang merupakan maksud agama keseluruhannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Hadis sahih. Berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran adalah syarat selamatnya manusia pada kerugian dunia dan akhirat.

Kebebasan memiliki ilmu dan berfikir adalah terpelihara pada pandangan Islam dan daulahnya bahkan berfikir adalah satu kewajipan di dalam Islam sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-'Aqqad. Menuntut ilmu adalah satu perkara yang fardu bagi lelaki dan wanita Islam.

Apabila ilmu dan berfikir telah menjadi satu kefarduan, perkara ini adalah

lebih besar daripada satu hak yang perlu dijaga ataupun satu kebebasan yang terpelihara. Ia adalah kewajipan yang difardukan dan mesti diambil perhatian oleh setiap orang Muslim dan hendaklah dicela ataupun dihukum apabila ia dicuaikan. Negara Islam ialah negara yang membuka pintunya bagi pelbagai pemikiran dan keilmuan sepanjang sejarahnya khususnya pada kurun-kurun keagungan tamadun Islam.

Kita telah mendapati wujudnya berbagai aliran ilmu kalam, fiqh, tafsir, tasawuf dan sebagainya yang saling berbeza, berdebat dan berbincang tetapi ia dapat hidup bersama-sama dan saling mempengaruhi tanpa berlaku sebarang sikap taksub.

Daulah Prinsip Dan Akhlak

Negara Islam adalah negara berprinsip dan berakhlak. Ia menjadi pegangannya dan ia tidak akan dipinggirkan di dalam ataupun di luarnya. Diperlakukan terhadap mereka yang disukai ataupun dengan mereka yang dibenci, sewaktu perdamaian ataupun sewaktu peperangan. Ia tidak bersikap dua muka dan tidak bercakap dengan lidah bercabang. Ia tidak menerima untuk sampai kepada kebenaran melalui jalan batil dan tidak menegakkan kebaikan dengan jalan yang buruk. Ia berpegang dengan matlamat yang mulia dan cara yang bersih secara serentak.

Ia menolak sepenuhnya falsafah Machievelli yang berpandangan bahawa matlamat menghalalkan cara seperti seorang yang menggunakan hasil riba untuk membina masjid ataupun orang yang berzina untuk menyedekahkan hasilnya kepada orang fakir. Alangkah baiknya dia tidak berzina dan tidak bersedekah.

Nabi SAW. mengajar umatnya dengan bersabda:

إِنَّ اللهَ طَيِّبٌ لاَ يَقْبَلُ إِلاَّ طَيِّبًا

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima melainkan perkara itu baik.*[49]

Ini adalah sebagai isyarat kepada mereka yang mengumpulkan harta melalui jalan yang batil dan haram kemudian menafkahkannya pada jalan yang baik.

49) Daripada hadis riwayat Muslim daripada Abu Hurairah yang merupakan salah satu daripada Hadis 40 Imam Nawawi yang masyhur. Dalam hadis muttafaq 'alaih yang lain dinyatakan: "Allah tidak akan menerima melainkan yang baik".

Negara Islam menjadi akhlak mulia yang mana Nabi SAW. adalah diutuskan untuk menyempurnakannya. Akhlak ini adalah kemuliaan untuk manusia seluruhnya. Ia mencerminkan keadilan Allah di muka bumi dan ia adalah keadilan untuk manusia seluruhnya sama ada yang berkulit merah ataupun hitam, yang jauh ataupun dekat.

Al-Quran menyatakan:

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ بِٱلۡقِسۡطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ وَلَوۡ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمۡ أَوِ ٱلۡوَٰلِدَيۡنِ وَٱلۡأَقۡرَبِينَۚ ... ١٣٥

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang-orang yang benar-benar menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (menjelaskan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu.* **(Surah an-Nisa' 4:175)**

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلۡقِسۡطِۖ وَلَا يَجۡرِمَنَّكُمۡ شَنَـَٔانُ قَوۡمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعۡدِلُواْۚ ٱعۡدِلُواْ هُوَ أَقۡرَبُ لِلتَّقۡوَىٰۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ ٨

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menegakkan (keadilan) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Berlaku adillah, kerana keadilan itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.* **(Surah al-Ma'idah 5:8)**

Sekumpulan mereka yang lemah imannya dari kalangan orang Islam pada zaman Nabi SAW. telah menuduh seorang lelaki Yahudi mencuri sedangkan dia bebas daripada sebarang tuduhan. Lalu turun sembilan ayat daripada surah al-Nisa' membela lelaki Yahudi ini dan memberi amaran kepada Nabi SAW. agar jangan membenarkan mereka yang melemparkan tohmahan secara zalim kepada lelaki ini apatah lagi untuk membela mereka setelah mereka mengkhianati diri dan prinsip mereka.

Allah berfirman:

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُ ۚ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا ﴿١٠٥﴾ وَٱسْتَغْفِرِ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٦﴾ وَلَا تُجَٰدِلْ عَنِ ٱلَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنفُسَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمًا ﴿١٠٧﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang yang khianat. Dan hendaklah engkau memohon ampun, kepada Allah; kerana sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan janganlah engkau berbahas untuk membela orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang selalu melakukan khianat, lagi sentiasa berdosa.* **(Surah an-Nisa' 4:105-107)**

Negara Islam beriman dengan akhlak yang satu iaitu akhlak untuk seluruh manusia yang tidak akan berpisah dan berubah-ubah. Ia mewajibkan untuk memenuhi janji kepada semua manusia yang disukai dan dibenci. Ia mewajibkan amanah terhadap semua manusia walaupun mereka memulakannya dengan khianat. Ia mewajibkan sikap benar dengan semua manusia walaupun dengan mereka yang menipu. Akhlak mulia tidak berbeza kerana berbezanya manusia, begitu juga dengan akhlak yang tercemar.

Orang Yahudi membenarkan memakan riba apabila berhubungan dengan orang yang bukan Yahudi dan mereka mengharamkannya apabila berhubungan dengan orang Yahudi, yang sama seperti mereka. Islam tidak menjadikan perkara haram terhadap golongan Non-Muslim menjadi halal terhadap orang Islam. Bahkan perkara haram itu adalah satu bagi semua jenis manusia.

Islam mengharamkan zina dengan wanita Islam dan bukan Islam. Ia mengharamkan mencuri harta seorang Muslim dan harta golongan Non-Muslim. Ia mengharamkan kezaliman kekerasan terhadap semua jenis manusia dan binatang. Mereka tidak menyatakan apa yang telah dinyatakan oleh orang Yahudi.

لَيْسَ عَلَيْنَا فِي ٱلْأُمِّيِّـۧنَ سَبِيلٌ

Terjemahan: *Tidak ada dosa bagi kami terhadap orang-orang ummi (orang-orang Arab).* **(Surah ali-'Imran 3:75)**

Al-Ummiyin di sini bermaksud umat yang selain mereka kehormatan dan harta mereka adalah halal bagi orang Yahudi.

Sehinggakan sebahagian fuqaha Islam berpendapat bahawa menzalimi golongan Non-Muslim adalah lebih besar dosanya daripada menzalimi seorang Muslim atas anggapan mereka di dalam masyarakat Islam adalah lebih lemah kekuasaan daripada kekuasaan seorang Muslim. Menzalimi golongan dhaif adalah lebih dahsyat daripada menzalimi golongan yang kuat. Oleh itu menzalimi yatim dan orang miskin adalah lebih dahsyat daripada menzalimi mereka yang gagah lagi berkuasa.

Sewaktu Nabi SAW. mengadakan perjanjian Hudaibiyah dengan golongan Musyrikinn Quraisy, antara syarat yang disepakati ialah sesiapa dari kalangan Quraisy yang mendatangi Nabi SAW. hendaklah Nabi SAW. kembalikan kepada golongan Quraisy, sesiapa yang mendatangi Quraisy dari kalangan pengikut Nabi SAW. Quraisy tidak wajib mengembalikan mereka kepada Nabi SAW.

Belum sempat kering dakwat yang menulis perjanjian berat sebelah pada zahirnya ini, datang sebahagian pemuda anak-anak Quraisy yang memeluk Islam. Nabi SAW. tidak menerima mereka dan mengembalikan mereka kepada Quraisy berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani sambil berkata: Kita memenuhi perjanjian untuk mereka dan memohon pertolongan Allah menentang mereka.

Sekiranya sesetengah negara beriltizam dengan nilai-nilai akhlak sewaktu perdamaian dan membatalkan ataupun membekukannya dalam keadaan peperangan maka negara Islam tidak menanggalkan dirinya daripada nilai-nilai akhlak sewaktu peperangan ataupun perdamaian. Al-Quran telah menegahnya daripada bersikap melampau di dalam peperangan sebagaimana menegahnya di dalam keadaan perdamaian.

Firman Allah:

وَقَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

Terjemahan: *Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.* **(Surah al-Baqarah 2:190)**

la juga melarang daripada khianat terhadap musuh, sekiranya pengkhianatan ini berulang maka pengkhianatan itu mesti dibalas sama sepertinya.

Firman Allah:

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَانۢبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٨﴾

Terjemahan: *Dan jika kamu mengetahui adanya perbuatan khianat dari sesuatu kaum (yang mengikat perjanjian setia denganmu), maka campakkanlah (perjanjian itu) kepada mereka dengan cara terus-terang dan adil. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang khianat.* **(Surah al-Anfal 8:58)**

Negara Islam sewaktu peperangan tidak menghalalkan pertumpahan darah wanita, kanak-kanak dan orang tua yang tidak mempunyai kekuatan. Bahkan ia hanya memerangi mereka yang berperang sahaja. Dalam salah satu peperangan, Nabi SAW, telah mendapati seorang wanita dibunuh lalu Baginda mengingkari pembunuhan terhadap wanita dan kanak-kanak[50]. Negara Islam tidak mahu memperluaskan pertumpahan darah sewaktu peperangan bahkan ia berusaha bersungguh-sungguh mengelakkannya kecuali apa yang terpaksa dilakukan.

Begitu juga dengan memotong pokok, meruntuhkan bangunan dan sebagainya yang biasa dilakukan oleh manusia semasa peperangan. Nabi SAW. telah melarang perkara ini dan hal ini telah diikuti oleh para sahabat selepas Baginda. Rasulullah SAW apabila melantik seorang panglima perang, Baginda mewasiatkan secara khusus kepada panglima itu agar bertakwa kepada Allah dan melakukan kebaikan terhadap orang-orang Islam bersamanya. Kemudian Baginda bersabda:

اغْزُوْا بِسْمِ اللهِ فِي سَبِيْلِ اللهِ قَاتِلُوْا مَنْ كَفَرَ بِاللهِ اغْزُوْا وَلاَ تَغُلُّوْا وَلاَ تَغْدِرُوْا وَلاَ تُمَثِّلُوْا وَلاَ تَقْتُلُوْا وَلِيْدًا

50) Muttafaq Alaih daripada Ibn Umar. *Al-Lu'lu' Wa al-Marjan*; 1138.

Terjemahan: *Seranglah dengan nama Allah, pada jalan Allah, perangilah mereka yang kufur dengan agama Allah, perangilah dan janganlah kamu melampau, janganlah kamu berkhianat, janganlah kamu mencincang mayat dan janganlah kamu membunuh kanak-kanak.*[51]

Begitu jugalah yang telah dilakukan oleh *Khulafa' al-Rasyidin* selepas Baginda yang menegaskan pesanan kepada para panglima perang agar jangan menyerang kecuali mereka yang berperang sahaja. Mereka tidak ada hubungan dengan wanita, kanak-kanak dan orang tua. Begitu juga dengan pada pendeta yang menyendiri beribadat di biara mereka. Mereka diperintahkan untuk membiarkan golongan ini.

Inilah dia sebahagian petunjuk asas bagi sebuah negara di dalam Islam yang diusaha dan dilaungkan oleh para pendokong penyelesaian Islam. Mereka yang berani menyatakan bahawa ia adalah sebuah negara agama dan teokrasi kependetaan seperti yang dikenali oleh masyarakat Barat pada kurun pertengahan, mereka ini berdusta terhadap Islam, terhadap sejarah dan bukti realiti.

Firman Allah:

وَقَدْ خَابَ مَنِ ٱفْتَرَىٰ ﴿٦١﴾

Terjemahan: *Dan sesungguhnya orang yang berdusta, tetap hampa dan kecewa.* **(Surah Taha 20:61)**

51) Riwayat Muslim, Ahmad dan Ashab al-Sunan daripada Buraidah. *Shahih al-Jami' al-Saghir* 1078.



BAB KETIGA
TABIAT DAULAH DI DALAM ISLAM

Daulah Islam Bukanlah Negara Teokrasi

Kami telah sebutkan di dalam "Petunjuk Asasi Bagi Daulah Yang Dibina Oleh Islam" bahawa ia adalah sebuah *daulah madaniyah* yang menjadikan Islam sebagai rujukannya. Ia bukanlah sebuah negara teokrasi dengan pemahaman yang dikenali oleh Barat di dalam sejarahnya yang bercirikan pertentangan dengan kerajaan gereja yang berakhir dengan revolusi ke atasnya yang menyerukan slogan masyhur: Gantunglah sampai mati raja yang terakhir dengan tali usus perut paderi yang terakhir.

Akan tetapi golongan Sekular di negara Arab dan Islam mendakwa secara dusta bahawa negara di dalam Islam ialah negara teokrasi yang diperintah dengan apa yang dinamakannya sebagai hak ketuhanan.

Dr. Farag Fudah di dalam bukunya berjudul *Qabla al-Suqud* (sebelum Kejatuhan) telah mendokong fahaman Sekular dan mengecam seruan kepada berhukumkan syariah Islam. Cukuplah jawapan penolakan oleh saudara kami seorang ahli sastera dan penyelidik iaitu al-Ustaz Abdul Majid Shubh. Saya sebutkan di sini sebagai contoh, apa yang telah disebutkan oleh Dr. Farag tentang sokongannya terhadap Sekular.

Kata beliau:

Sesungguhnya mereka yang menyeru kepada perlaksanaan syariah Islam dengan segera tanpa bertangguh mengulang-ulang pada masa yang

sama ungkapan yang pada zahirnya logik. Mereka menghalakan kata-kata ini kepada setiap orang yang berhadapan dengan mereka yang sekadar ingin menimbulkan perbahasan. Ungkapan itu dilontarkan dalam bentuk soalan yang logik: Apakah yang membuat kamu takut daripada pelaksanaan hudud? Ia hanya akan dilaksanakan terhadap pencuri, penzina, peminum arak, orang murtad ataupun orang yang melakukan kerosakan di muka bumi ini. Persoalan ini pada zahirnya nampak kukuh tetapi ia menyembunyikan satu hakikat yang saya mengharapkan semoga Allah mengilhamkan saya kekuatan untuk menjelaskannya. Iaitu pelaksanaan syariah Islam bukanlah masalah juz'iah yang berkaitan dengan pelaksanaan sebahagian hudud tetapi ia adalah pintu masuk bagi seruan-seruan yang mana pendokong pelaksanaan segera bagi syariah ini lari daripada menjelaskannya ataupun silap di dalam menjelaskan tentang matlamat jauhnya yang hakiki.

Pelaksanaan syariah Islam semestinya mengembalikan bentuk sebuah negara teokrasi. Negara teokrasi mesti akan membawa kepada pemerintahan dengan nama hak ketuhanan yang tidak dikenali oleh Islam. Ataupun sebutlah dengan jelas ia hanya dikenali pada zaman Rasulullah. Pemerintahan dengan hak ketuhanan tidak mungkin dapat didirikan kecuali melalui jalan tokoh-tokoh agama sama ada dalam bentuk gambaran langsung ataupun tidak langsung.

Dr. Wahid Ra'fat berkata:

Pendokong pelaksanaan syariah mahu menjadi para Pendeta Amon[52] yang baharu. Ini disebabkan mereka sahajalah yang memiliki hak menafsirkan syariah. Mereka mahu mendirikan teokrasi keagamaan yang dikuasai oleh tokoh agama dan pemerintahan dengan nama hak ketuhanan. Hal ini menyamakan mereka dengan apa yang terjadi di Iran.[53]

Dr. Fuad Zakaria dalam rencana-rencananya yang diterbitkan oleh *al-Ahram* pada musim panas 1985 yang beliau terbitkan semula dalam bukunya *al-Haqiqah Wa al-Wahm*,[54] dalam mukadimah dan penutup bukunya ini mengulang-ulang perkataan pemerintahan atas nama ketuhanan yang dibawakan oleh mereka yang memperjuangkan pelaksanaan syariah Islam. Ini adalah untuk mengelirukan para pembacanya. Dengan ungkapan seperti ini difahami bahawa seruan mereka

52) Nama salah satu tuhan yang disembah pada zaman Firaun. (Penterjemah)

53) Majalah *Fikr*, bil. 8-Disember 1985, hlm 73-74- *Nadwah al-Tatharruf al-Siyasi al-Dini*, dengan sedikit perubahan. Diambil daripada rencana *Akzubah al-Hukm al-Ilahi* (Pendustaan Pemerintahan Ketuhanan) oleh al-Ustaz Fahrni Huwaidi. *Al-Ahram* 14/10/ 1986 M.

54) Kami telah jawab tulisan ini dalam buku kami *al-Islam Wa al-'Ilmaniyah.*

ini mengajak kepada terbinanya seruan negara teokratik.

Sama dengan aliran ini ialah rencana-rencana Dr. Louis 'Iwadh dalam majalah *al-Musawwar* pada tahun 1983 tentang *"Kisah Sekularisme"* di Mesir. Dalam rencana ini beliau menuduh pemerintahan Islam dengan katanya:

Walaupun ia adalah satu agama yang berdiri di atas falsafah kemanusiaan dan kandungannya tidak kenal pemerintahan ala-pendeta tetapi ia kenal pemerintahan teokratik dan humanatik!

Beliau mendakwa di dalam wawancara dengan majalah *al-Musawwar* bahawa perjuangan demokrasi Mesir adalah peperangan yang berterusan di antara hak yang tabi'i dengan mereka yang mendakwa memiliki hak ketuhanan! Mereka yang mendakwa memiliki hak ketuhanan mahu menghalang rakyat daripada memperolehi hak tabi'i mereka sebagai sumber bagi kekuasaan.

Al-Ustaz Syibli al-'Aisami telah menulis buku berjudul *al-'Ilmaniyah Wa al-Daulah al-Diniyah.* Beliau membayangkan padanya wujud pertentangan antara dua fahaman ini. Bagi beliau sebuah negara itu sama ada ia adalah berfahaman sekularisme ataupun sebuah negara teokrasi dan tidak dapat digambarkan oleh beliau wujudnya bentuk yang ketiga. Negara teokrasi ialah negara pendeta yang menyalutkan pelakuan mereka dengan sifat maksum dan suci. Apa yang mereka halalkan di bumi adalah dihalalkan di langit dan apa yang mereka halang di bumi adalah terhalang di langit. Tidak seorangpun di kalangan mereka berhak untuk berkata: Kamu telah tersilap ataupun kamu salah, kerana kata-kata ini bererti menentang Allah yang telah mewakilkannya kepada manusia.

Daulah Islam Adalah *Daulah Madaniah*

Kita mahu menyatakan kepada mereka yang menuduh bahawa pendakwah Islam mengajak untuk mendirikan negara teokrasi. Sesungguhnya kamu menuduh perkara yang tidak benar terhadap pendakwah Islam dan mengada-adakan apa yang mereka tidak perkatakan. Mereka mengajak untuk mendirikan Daulah Islam untuk selama-lamanya dan tidak pernah sama sekali mengajak kepada negara teokrasi.

Perbezaan cukup besar di antara Daulah Islam yang berdiri di atas asas Islam dan negara teokrasi yang dikenali oleh Kristian Barat pada zaman pertengahan. Sebabnya ialah di sana berlaku, percampuran yang amat besar di antara apa yang bersifat keIslaman dan apa yang bersifat keagamaan. Kebanyakan mereka

menyangka bahawa semua yang bersifat keIslaman adalah bersifat keagamaan sedangkan Islam lebih luas dan agung maknanya daripada perkataan agama hinggakan para ulama usul Islam telah menjadikan 'agama' sebagai salah satu daruriat yang lima ataupun, enam yang telah diperintahkan oleh syariah untuk menjaganya iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebahagian ulama menambah maruah sebagai yang keenam.

Saya bawakan satu contoh untuk menjelaskannya. Kita mengajak kepada pendidikan Islam yang saling menyempurnakan. Pendidikan ini meliputi pelbagai jenis pendidikan yang sampai kepada berbelas jenis. Salah satu daripadanya ialah pendidikan keagamaan. Di samping itu wujud pendidikan pemikiran, tubuh badan, akhlak, ketenteraan, kemasyarakatan, ekonomi, politik, sains, sastera, pertukangan, seni, seks dan sebagainya. Jadi pendidikan keagamaan adalah satu cabang daripada cabang-cabang pendidikan Islam yang cukup banyak.

Adalah amat silap sangkaan bahawa Daulah Islam yang kita laungkan ini adalah sebuah negara teokrasi. Daulah Islam ialah *daulah madaniyah* (Negara pemerintahan awam) yang berdiri atas asas pemilihan, baiah, syura, tanggungjawab pemerintah terhadap umat, hak setiap individu rakyat untuk menasihati pemerintah ini, menyuruhnya melakukan makruf dan menegahnya daripada melakukan kemungkaran. Bahkan Islam menganggap perkara ini sebagai *fardu kifayah* ke atas umat Islam. Ia menjadi *fardhu ain* apabila seseorang itu mampu melakukannya dan orang lain tidak mampu ataupun gentar daripada melaksanakannya.

Pemerintah di dalam Islam adalah terikat, bukannya bebas sesuka hati melakukan apa sahaja. Di sana ada syariat yang mengawalnya, nilai yang mengarahkannya dan hukum-hukum yang mengikatnya. Ia adalah hukum-hukum yang bukan ciptaannya dan bukan ciptaan parti ataupun penasihatnya. Bahkan ia dicipta untuk dirinya dan orang lain oleh Tuhan manusia, Raja manusia dan Penguasa manusia. Beliau dan orang lain tidak dapat membatalkan hukum-hukum ini ataupun membekukannya. Raja, Presiden, Parlimen, Kerajaan, Majlis Revolusi, Jawatankuasa Pusat, Perhimpunan Rakyat dan mana-mana kuasa di atas muka bumi langsung tidak berhak mengubah hukum-hukum Allah yang telah sabit.

Mana-mana lelaki dan wanita Islam apabila diperintahkan oleh pemerintah dengan apa yang bertentangan secara jelas dengan syariat Allah berhak menolak perintah itu. Bahkan menjadi kewajipannya untuk menolak kerana apabila hak pemerintah dan hak Allah bertentangan maka tanpa ragu lagi hak Allah

hendaklah didahulukan. Ini disebabkan tidak boleh mentaati makhluk yang menyuruh melakukan maksiat terhadap Allah. Al-Quran sewaktu menyebutkan tentang *Bai'ah al-Nisa'* kepada Nabi SAW., dinyatakan padanya kewajipan mentaati Nabi s.a w. dan tidak boleh melanggar perintah Nabi SAW. Kewajipan ini diikat dengan firman Allah:

وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ

Terjemahan: *Dan tidak mengingkarimu dalam perkara kebaikan.* **(Surah al-Mumtahanah 60:12)**

Hal ini ditetapkan sedemikian sedangkan Baginda adalah seorang yang maksum dan disokong oleh wahyu, maka orang lain lebih utama ketaatannya untuk diikat. Dalam hadis sahih yang Mutafaq *'alaihi* dinyatakan:

إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوْفِ

Terjemahan: *Ketaatan itu hanya dalam perkara makruf.*

Dalam hadis lain dinyatakan:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيْمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِالْمَعْصِيَةِ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلاَ سَمْعَ وَلاَ طَاعَةَ

Terjemahan: *Mendengar dan patuh adalah kewajipan setiap orang Islam dalam perkara yang disukai dan dibencinya selagimana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Apabila dia diperintahkan melakukan maksiat maka tidak boleh mendengar dan tidak boleh mentaati.*[55]

Khalifah Islam yang pertama berkata di dalam ucapan sulungnya:

Taatilah aku selagimana aku mentaati Allah di dalam urusan kamu, sekiranya aku melanggar perintah Allah maka tidak wajib kamu mentaatiku, sekiranya aku berbuat baik maka bantulah aku dan sekiranya aku berbuat jahat maka perbetulkanlah aku.

Pemerintah, Imam ataupun Khalifah di dalam Islam bukanlah wakil Allah tetapi dia adalah wakil bagi umat yang memilihnya, mengawasi, menilai dan

55) *Muttafaq Alaihi* daripada Ibn Umar.

melucutkannya apabila dia berhak dilucutkan jawatan.

Umar telah berkata:

Sesiapa di kalangan kamu yang melihat ada penyelewengan padaku maka perbetulkanlah aku.

Salman telah menolak untuk mendengar perintah Amirul Mukminin Umar sehinggalah diperjelaskan kepadanya. Bagaimanakah cukup baginya sehelai kain yang diterima, ya sama seperti apa yang dibahagikan kepada seluruh sahabat sedangkan dia seorang lelaki yang tinggi yang mana sehelai kain tidak cukup untuk membuat sepasang baju yang sempurna untuknya. Amirul Mukminin menyahut permintaan ini. Anaknya Abdullah menjelaskan perkara itu berlaku disebabkan dia tidak mahu menerima bahagiannya dan ia diserahkan untuk bapanya!

Seorang wanita telah membantah ucapan Umar sewaktu beliau sedang berkhutbah lalu beliau menerima pandangan wanita tersebut.

Ahli fakih tabiin yang terkenal, Abu Muslim al-Khawalani telah masuk menemui Mu'awiyah yang pada waktu itu adalah seorang Khalifah, beliau berkata:

"Salam sejahtera ke atas kamu wahai orang gaji."

Lalu mereka yang duduk disekitarnya memarahi beliau, tetapi baliau mengulangi kata-katanya dan mereka mengulangi bantahan mereka.

Mu'awiyah berkata: "Biarkan Abu Muslim, dia lebih tahu apa yang dia ucapkan."

Umar bin Abdul Aziz selepas dilantik sebagai Khalifah berkata:

Sesungguhnya saya hanyalah seorang manusia dari kalangan kamu tetapi Allah telah menjadikan saya seorang yang paling berat bebanannya.

Salahuddin al-Ayyubi berkata:

Saya hanyalah hamba kepada syariah dan pengawalnya.

Tugas saya adalah mengawal dan melaksanakannya.

Beberapa *Syubhah* Golongan Sekular Terhadap Dakwaan Negara Teokrasi

Atas dasar apakah golongan Sekular menyandarkan tuduhan mereka

terhadap para pejuang Islam yang mereka dakwa mengajak kepada mendirikan sebuah negara teokrasi yang berasaskan hak ketuhanan?

Saya telah meneliti apa yang mereka tulis dan saya mendapati ia berlegar sekitar *syubhat* yang akan saya sebutkan dengan penuh amanah dan kemudian saya berikan jawapan penolakan terhadapnya.

Syubhah pertama: Pemikiran tentang al-Hakimiah.

Pemikiran al-Hakimiah yang dilaungkan pada zaman kita dibawa oleh dua orang daripada tokoh dakwah dan pemikiran iaitu Abu al A'la al-Maududi di Pakistan dan Saiyid Qutb di Mesir. Kandungan pemikiran ini ialah pemerintahan itu adalah milik Allah semata-mata dan bukan milik mana-mana manusia. Alam semesta adalah empayar Allah SWT. dan tidak ada sesiapapun yang memiliki hak pemerintahan selain-Nya ataupun bersama-Nya.

Firman Allah:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ۚ

Terjemahan: *Tidak ada sesuatu hukum, melainkan kepunyaan Allah. Dia memerintahkan supaya kamu tidak menyembah selain-Nya.* **(Surah Yusuf 12: 40)**

Syubhah kedua: Ucapan Saidina Uthman.

Ucapan Saidina Uthman r.a. sewaktu dalam kepungan. Ia telah digembar-gemburkan dan dijadikan bukti yang tidak kukuh dan asas yang rapuh oleh Dr. Farag Fudah. Beliau menyatakan:

Tetapi suatu perkara yang pasti ialah teori pemerintahan dengan hak ketuhanan akan anda dapati punca asalnya yang kukuh di dalam kata-kata Uthman bin 'Affan sewaktu golongan penentangnya meminta beliau mengundurkan diri daripada jawatan Khalifah. Lalu beliau menjawab dengan ungkapan yang menjadi asas gambaran pemerintahan dengan hak ketuhanan bagi sesiapa yang membacanya:

"Tidak, demi Allah saya tidak akan menanggalkan jubah yang telah dipakaikan oleh Allah."

Ungkapan inilah yang meletakkan pemikiran politik Islam keseluruhannya berada pada persimpangan jalan di antara golongan majoriti yang mengambil pandangan Uthman r.a. bahawa Allah SWT. yang melantik Khalifah. Dari

sini rakyat tidak berhak untuk menurunkan pemerintah dan tempat yang telah Allah angkatkan dia. Manakala golongan minoriti dari kalangan umat berpandangan bahawa umat adalah sumber kekuasaan. Merekalah yang melantik dan melucutkan jawatan Khalifah. Ini adalah pandangan yang dipegang oleh Muktazilah selepas itu. Kemungkinan mereka dinamakan sebagai Muktazilah sebagai bukti terhadap sikap Daulah Islam kepada mereka dan sikap mereka terhadapnya.

Syubhah ketiga: Ucapan al-Manshur.

Ucapan lain yang disandarkan kepada Abu Ja'afar al-Manshur, salah seorang Khalifah Abbasiyah selepas golongan mereka menguasai tampuk pemerintahan selepas kejatuhan kerajaan Bani Umaiyyah. Beliau berkata di dalam ucapannya di Mekah:

Wahai manusia, saya hanyalah sultan Allah di bumi-Nya, saya mentadbir kamu semua dengan taufik, petunjuk dan sokongan-Nya. Sayalah penjaga terhadap harta-Nya, petugas dengan kehendak-Nya dan memberi dengan keizinan-Nya. Sesungguhnya Allah telah memberikan saya kunci ke atas kamu. Sekiranya Allah mahu, Dia akan membukakan hati saya maka saya akan membukakan pintu untuk memberikan kamu dan membahagikan rezeki untuk kamu. Sekiranya Allah mahu, maka Dia akan menguncikan hati saya dan saya akan menguncikannya daripada kamu.

Syubhah keempat: Pengalaman Revolusi Iran.

Pengalaman Revolusi Iran moden yang mana pemerintahan di sana dipimpin oleh para pemimpin agama yang diketuai oleh pemimpin Agung mereka, Ayatullah al-Khomeini, kemudian diikuti oleh penggantinya. Ini memberikan gambaran awal bahawa pemerintahan di sana adalah pemerintahan keagamaan sepenuhnya dan mana-mana pemerintahan Islam yang akan dibangun di tempat kita akan sama seperti pemerintahan yang wujud di Iran.

Pemikiran *al-Hakimiah* (Pemerintahan Tertinggi) Dan Sejauhmana Hubungannya Dengan Negara Teokrasi

Kita mulakan dengan membincangkan pemikiran al-Hakimiah yang didakwa oleh sebahagian manusia akan menghasilkan negara teokrasi. Sebenarnya ramai yang silap memahami pemikiran al-Hakimiah. Mereka memasukkan ke dalam pemahaman tentangnya apa yang tidak dimaksudkan

oleh para pembawa pemikiran ini. Saya mahu menjelaskan di sini sekumpulan pemerhatian sekitar masalah ini.

Pemerhatian Pertama: Apakah ia pemikiran Khawarij?

Al-Hakimiah dilaungkan oleh al-Maududi, kemudian Saiyid Qutb mengambil pemikiran ini daripada beliau. Kebanyakan mereka yang menulis tentangnya menyatakan bahawa pemikiran ini berasal daripada Khawarij yang menentang Ali bin Abu Talib r.a. kerana beliau menerima asas pemikiran *Tahkim*. Mereka menyatakan ucapan yang masyhur:

Tidak ada pemerintahan melainkan milik Allah

Lalu Imam Ali menjawab dengan ucapan yang padat dan bersejarah:

Kalimah yang benar tetapi dimaksudkan kebatilan! Ya, tidak ada pemerintahan melainkan milik Allah. Tetapi mereka ini bermaksudkan tidak ada kepimpinan melainkan milik Allah! Sedangkan manusia mesti memiliki pemimpin, sama ada yang baik ataupun jahat!

Makna yang tempang bagi pemerintahan ataupun *Hakimiah* ini telah disimpan oleh sejarah dan tidak ada siapapun yang mengucapkannya sehinggakan golongan Khawarij sendiri dan cabang-cabang mereka telah menuntut jawatan kepimpinan, berjuang untuk memperolehinya dan mereka berjaya mendirikan kerajaan di beberapa daerah dalam beberapa tempoh masa yang lalu.

Al-Hakimiah dengan makna perundangannya difahami sebagai: Allah adalah pembuat syariat untuk makhluknya. Dialah yang memerintah dan melarang, menghalang dan mengharamkan untuk mereka. Ini bukanlah rekaan al-Maududi dan Saiyid Qutb. Bahkan ia adalah perkara yang telah ditetapkan di sisi seluruh umat Islam. Oleh itu Ali r.a. tidak menentang prinsip ini. Beliau hanya menentang pencetus dan matlamat sebenar (yang jahat) di sebalik kalimah ini. Inilah maksud kata-kata beliau: Kalimah yang benar tetapi bermaksudkan kebatilan. Maknanya ia adalah benar, ia sahih pada isi kandungannya tetapi batil pada apa yag dimaksudkan.

Al-Hakimiah di sisi ulama Usul Fiqh

Masalah ini telah dibincangkan oleh ulama *Usul Fiqh* di dalam mukadimah-mukadimah ilmu usul yang membahaskan tentang *al-hukm* (hukum syarak), *al-hakim* (pemerintah) *al-mahkum bihi* (apa yang diperintahkan) dan al-*mahkum* alaihi (orang yang diperintahkan).

Dalam hal ini kita melihat seorang Imam seperti Abu Hamid al-Ghazali di dalam mukadimah bukunya yang terkenal *al-Mustashfa Min 'Ilm al-Usul* menyatakan tentang *al-hukm* yang merupakan perbahasan pertama bagi ilmu ini:

Ia adalah sekumpulan *khitab* syarak dan tidak akan ada hukum sebelum datangnya syarak. Ia mempunyai kaitan dengan *al-hakim* iaitu pembuat syarak, dengan *al-mahkum 'alaihi* iaitu *mukalaf* dan dengan *al-mahkum fihi* iaitu perbuatan *mukalaf*

Kemudian beliau menyatakan:

Di dalam perbahasan tentang *al-hakim* (pemerintah) jelaslah bahawa tidak ada pemerintahan melainkan ia adalah milik Allah, tidak ada pemerintahan bagi Rasul, tidak ada kuasa pemerintahan bagi tuan terhadap hambanya dan bagi makhluk ke atas makhluk yang lain. Bahkan semuanya itu adalah hukum Allah Taala dan ciptaan-Nya, tidak ada pemerintahan bagi yang selain-Nya.[56)]

Kemudian beliau membincangkan tentang *al-Hakim* yang merupakan pemilik *khitab* yang ditujukan kepada golongan *mukalaf.* Beliau menyatakan:

Mengenai hak membuat hukum, ia adalah hak bagi yang mencipta dan memerintah. Dia adalah penentu hukum, penguasa terhadap orang yang dikuasai dan tidak ada yang berkuasa melainkan Yang Maha Pencipta. Hukum dan pemerintahan adalah milik-Nya. Nabi SAW., sultan, tuan, bapa dan suami apabila memerintah dan mewajibkan maka ia tidak menjadi wajib daripada ucapan mereka, bahkan ia menjadi wajib kerana Allah mewajibkan mentaati mereka. Kalaulah tidak seperti ini maka setiap makhluk akan mewajibkan sesuatu ke atas orang lain dan orang yang diwajibkan itu akan mengembalikan apa yang diwajibkan. Ini disebabkan salah seorang daripada keduanya tidak mempunyai kelebihan daripada yang lain. Jadi yang wajib adalah mentaati Allah Taala dan mentaati sesiapa yang Allah wajibkan untuk mentaatinya.[57)]

---

56) Al-Mustashfa 1/8. Cetakan Dar Sadir, Beirut, disalin daripada cetakan Bulaq.

57) Al-Mustashfa 1/83. Cetakan Dar Sadir, Beirut, disalin daripada cetakan Bulaq Dalam Fawatih al-Rahamut dinyatakan satu masalah: Tidak ada hukum melainkan daripada Allah dengan ijmak umat bukannya sebagaimana dinyatakan dalam beberapa buku Masyayikh. Ini adalah pandangan kita. Di sisi al-Muktazilah, Hakim (penentu hukum) ialah akal. Sesungguhnya pendapat ini tidak berani disuarakar oleh sesiapapun yang mendakwa dirinya Islam, bahkan orang Islam menyatakan; Akal adalah pengenal bagi beberapa hukum Ilahi sama ada ia dibawakan oleh syarak ataupun tidak. Ini adalah pendapat *ma'thur* daripada *masyayikh* kami yang besar juga (iaitu golongan al-Maturidiyah). Hlm 25 yang disertakan dengan *al-Mustashfa.*

Pemerhatian kedua: *Al-Hakimiah* yang dilaungkan oleh Al-Maududi dan Saiyid Qutb.

Al-Hakimiah yang dinyatakan oleh al-Maududi dan Saiyid Qutb dan dijadikan oleh keduanya sebagai milik Allah sahaja tidak bererti bahawa Allah yang melantik para ulama dan pemerintah, dan mereka memerintah dengan nama-Nya. Bahkan yang dimaksudkan ialah *Hakimiah* perundangan sahaja. Sandaran kuasa politik adalah milik umat yang melantik para pemerintahnya. Merekalah yang menilai, mengawasai bahkan melucutkan jawatan pemerintah. Membezakan antara dua perkara ini cukup penting dan mencampurkan di antara keduanya akan mengeliru dan menyesatkan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Dr. Ahmad Kamal Abu al-Majd.

Makna *Hakimiah* bukan bererti seruan kepada negara teokrasi. Bahkan inilah yang dinafikan oleh Saiyid Qutb dan al-Maududi.

Saiyid Qutb berkata di dalam *Ma'alimnya* tentang *al-Hakimiyah*:

Kerajaan Allah di bumi tidak akan berdiri dengan diberikan tokoh tertentu - iaitu tokoh agama - kuasa *al-Hakimiah* di bumi sebagaimana yang berlaku di dalam kekuasaan pihak gereja. Juga tidak akan dilantik pemimpin yang bercakap di atas nama tuhan sebagaimana keadaan sistem yang dikenali sebagai teokrasi ataupun pemerintahan ketuhanan yang suci! Tetapi ia akan berdiri dengan dijadikan syariat Allah yang memerintah dan segala urusan dikembalikan kepada Allah berdasarkan apa yang telah ditetapkan oleh syariat yang jelas.

Mengenai pendapat al-Maududi tentang *al-Hakimiah* pula, sebahagian manusia telah mengambil juzuk tertentu daripada kata-katanya sahaja dan mereka memahaminya bukan berdasarkan apa yang beliau maksudkan. Mereka meletakkan hukum dan natijah yang mana al-Maududi sendiri tidak akui dan tidak bertepatan dengan semua pemikiran dan kefahaman dakwahnya yang telah dijelaskan di dalam puluhan buku, risalah, rencana dan ceramahnya. Hal ini pernah berlaku terhadap kalam Allah dan Rasul-Nya apabila juzuk tertentu daripadanya diambil dan dipisahkan daripada rangkaiannya yang saling menyempurna, menjelas ataupun menghadkan. Maka bagaimanakah pula dengan kalam yang lain dari kalangan kata-kata manusia?

Al-Maududi telah menyebutkan ciri-ciri khusus demokrasi Barat. Kemudian beliau berkata:

Anda melihat ia bukanlah berasal daripada Islam. Tidak boleh disebutkan perkataan demokrasi terhadap sistem Daulah Islam. Bahkan ungkapan yang

lebih tepat adalah perkataan kerajaan ketuhanan ataupun teokrasi.

Kemudian beliau menyatakan lagi: Tetapi teokrasi Eropah berbeza dengan kerajaan ketuhanan ataupun teokrasi Islam secara keseluruhannya. Eropah mengenalinya sebagai kerajaan yang didirikan oleh sekumpulan pendokong khusus yang mensyariatkan untuk manusia undang-undang daripada diri mereka sendiri menurut kehendak hawa nafsu dan keinginan mereka.'[58] Kuasa ketuhanan mereka ini mencengkam seluruh rakyat dan mereka bersembunyi di sebalik undang-undang ketuhanan. Kerajaan seperti ini lebih layak untuk dinamakan sebagai kerajaan syaitan daripada dinamakan kerajaan ketuhanan!

Bentuk teokrasi yang dibawakan oleh Islam ialah pemerintahannya tidak dikuasai oleh sekumpulan manusia, khadam ataupun *masyayikh*. Bahkan kuasa ini berada di tangan seluruh umat Islam yang menguruskan pemerintahan. Pemerintahannya berdasarkan apa yang disebut oleh al-Quran dan al-Sunah. Sekiranya anda membenarkan saya mencipta istilah baru maka saya akan lebih suka menggunakan perkataan Teokrasi Demokratik ataupun kerajaan ketuhanan demokrasi bagi bentuk sistem pemerintahan. Ini disebabkan pemerintahan yang diserahkan kepada orang Islam berbentuk pemerintahan rakyat yang terikat dengan syariat. Ia adalah di bawah kuasa Allah dan pemerintahan-Nya yang tidak akan dapat ditundukkan. Kuasa Eksekutif dibentuk oleh suara umat Islam. Mereka juga berhak melucutkan jawatan Eksekutif. Begitu juga semua urusan yang diwujudkan di dalam syariah memiliki hukum yang jelas yang tidak boleh diputus melainkan dengan ijmak umat Islam.

Setiap kali undang-undang perlu diperjelaskan ataupun nas syarak mahu disyarahkan, ia tidak akan dilakukan oleh kelompok ataupun keluarga tertentu sahaja, bahkan penjelasan dan penerangannya dilakukan oleh mereka yang mencapai kedudukan ijtihad dari kalangan rakyat umum umat Islam.

Dari sudut pandangan inilah pemerintahan Islam dianggap sebagai demokrasi.

---

58) Di sisi para Pope dan Bishop Kristian tidak ada perundangan walaupun sedikit, yang ada hanyalah nasihat akhlak yang *ma'thur* daripada al-Masih a. s. Oleh itu mereka membuat undang-undang mengikut kehendak nafsu syahwat mereka. Kemudian menjalankannya dalam negara dengan menyatakan ia adalah daripada Allah sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran:

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ ٱلْكِتَٰبَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَٰذَا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ

Terjemahan: *Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis kitab Taurat dengan tangan mereka (mengubahnya), kemudian mereka berkata, 'ialah dan sisi Allah.'* **(Surah al-Baqarah 2:79) -Al-Maududi.**

Inilah apa yang difahami daripada kumpulan kata-kata al-Maududi walaupun kami tidak setuju untuk menamakan kerajaan Islam sebagai teokrasi kerana ia membawa kepada persamaan dengan sistem teokratik yang dikenali dalam sejarah walaupun beliau menafikannya sedemikian.

Pemerhatian Ketiga: *Hakimiah* yang dimaksudkan ialah *Hakimiah* (Kuasa Perundangan) yang tertinggi.

Hakimiah perundangan yang wajib menjadi milik Allah sahaja ialah *Hakimiah* Tertinggi dan Mutlak yang tidak dihad dan diikatkan oleh sesuatu. Ia adalah termasuk bukti *Wahdaniah al-Uluhiyah* (keesaan ketuhanan).

Hakimiah dengan makna ini tidak menafikan bahawa manusia mampu membuat undang-undang dalam ruang yang Allah izinkan untuk mereka. Yang dilarang ialah memberikan mereka kebebasan membuat perundangan dalam apa yang tidak diizinkan oleh Allah seperti bidang perundangan keagamaan semata-mata. Contohnya, dalam perundangan perkara ibadah dengan menciptakan bentuk ibadat dan syiar mereka sendiri, ataupun menambah apa yang disyariatkan kepada mereka kerana mengikuti hawa nafsu, ataupun dengan mengurangkan bilangan atau caranya, ataupun menyeleweng dan menukar masa, tempat ataupun bentuknya. Begitu juga dengan perundangan masalah halal dan haram seperti menghalalkan apa yang telah Allah haramkan ataupun mengharamkan apa yang Allah telah halalkan. Inilah yang Nabi SAW. anggap sebagai satu bentuk daripada *Rububiyah* yang ditafsirkan oleh firman Allah Taala yang menyatakan tentang keadaan Ahli Kitab:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ

Terjemahan: *Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah.* **(Surah at-Taubah 9:31)**

Begitu juga perundangan dalam perkara yang bertentangan dengan nas-nas sahih yang jelas seperti undang-undang yang memperakui kemungkaran, menyebarkan perkara maksiat yang jelas ataupun tersembunyi, menggantung kewajipan yang mesti dilakukan, membatal hukuman yang mesti dijalankan ataupun menceroboh *hudud* Allah yang diketahui.

Perkara yang selain daripada ini adalah menjadi hak umat Islam untuk menentukan undang-undang bagi diri mereka. Ia berada dalam ruang perkara yang pada asalnya memang tidak ada nas dan perkara ini cukup banyak. Inilah yang dinamakan di dalam hadis sebagai perkara yang didiamkan:

وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ

Terjemahan: *Apa yang didiamkan daripadanya maka ia adalah satu kemudahan untuk kamu.*[59]

Ia mencakupi kawasan yang amat luas di dalam kehidupan manusia.

Begitu juga apa yang dinaskan sebagai prinsip-prinsip dan kaedah umum yang tidak termasuk hukum-hukum *juz'i* dan *tafsili* sebagaimana di dalam masalah syura.

Dari sini umat Islam dapat membuat undang-undang untuk diri mereka dengan keizinan agama dalam kawasan yang luas dalam bidang kehidupan kemasyarakatan, ekonomi dan politik. Mereka hanya terikat dengan *maqasid al-syari'ah al-kulliyah* dan *qawa'id 'ammah* (kaedah umum). Semuanya ini adalah untuk mengumpulkan maslahat, menjauhkan kerosakan dan menjaga keperluan manusia sama ada bagi individu ataupun perkumpulan.

Kebanyakan undang-undang moden yang terperinci pada hari ini tidak bertentangan dengan syariah pada sudut *maqasid kulliyah* dan hukum-hukum *juz'iahyah*nya kerana ia berasaskan pada prinsip mengumpul manfaat, menolak mudarat dan memelihara *'uruf-'uruf* semasa.

Contohnya undang-undang jalan raya, undang-undang pelayaran, penerbangan, pekerjaan, buruh, kesihatan, pertanian ataupun sebagainya yang termasuk di dalam bab yang amat luas iaitu bab *siyasah syar'iyyah.*[60]

Termasuk juga dalam perkara ini ialah menghadkan secara *juz'ie* dan sementara perkara yang mubah sebagaimana yang telah dilakukan oleh Saidina Umar yang melarang menyembelih binatang selama beberapa hari dan larangan beliau terhadap beberapa orang sahabat daripada berkahwin dengan wanita bukan Islam agar mereka tidak ditiru oleh orang ramai yang akan mewujudkan fitnah di kalangan wanita Islam.

Al Ustaz al-Maududi yang terkenal dengan seruan *hakimiah* dan beliau amat keras dalam seruannya telah memberikan manusia ruang perundangan yang amat luas di dalam perkara yang bukan *qat'i* hukum-hukum yang sabit dan *hudud* yang telah ditetapkan. Ia dilakukan melalui jalan menakwilkan nas dan

59) Riwayat al-Hakim daripada hadis Abu al-Darda' dan disahihkannya, ia disepakati oleh al-Zahabi.

60) Lihat buku kami *Syari'ah al-Islam Salihah Lil Tathbiq Fl Kulli Zaman Wa Makan.*

menafsirkannya, melalui jalan *qiyas, al-Istihsan* dan *ijtihad.* [61]

Ucapan Uthman r.a.

Uthman r.a. tidak pernah mendakwa bahawa beliau memerintah dengan hak ketuhanan. Yang sabit ialah beliau telah di baiah oleh umat Islam untuk memerintah dengan Kitab Allah dan Sunah Rasulullah serta mengikuti jalan dua orang Khalifah sebelumnya.

Tidak terdapat di dalam sejarah hidup dan kata-kata beliau yang menyokong dakwaan bahawa beliau memerintah di bumi atas nama langit. Bahkan telah diriwayatkan bahawa beliau telah berkata:

Urusanku adalah mengikuti urusan kamu.

Sewaktu memberontaknya mereka yang menentang, tidak bersetuju serta mengingkari beberapa cara pengurusan beliau perkara ini telah disebarkan oleh musuh-musuh Islam dan dibenarkan oleh orang-orang Islam yang terpengaruh dengan dakwaan itu beliau tidak pernah berkata kepada mereka: "Sesungguhnya saya mempunyai hak ketuhanan untuk memerintah kamu, kamu hendaklah mematuhinya dan kamu tiada pilihan padanya". Bahkan beliau telah membela diri dan segala keputusannya dengan suatu pembelaan yang cukup bermaruah dan dengan logik ilmiah yang menyakinkan, bukannya dengan mana-mana dakwaan yang lain.

Mengenai ungkapan: "Jubah yang telah Allah sarungkan untukkku tidak akan aku tanggalkannya," ada yang menyatakan bahawa beliau menyebutkan perkara ini kerana Nabi SAW. telah mewasiatkan perkara itu kepadanya di dalam ramalan ghaib di mana Baginda telah bersabda:

إِنَّ اللهَ لَعَلَّهُ يُقَمِّصُكَ قَمِيْصًا، فَإِنْ أَرَادَكَ أَحَدٌ عَلَى خَلْعِهِ فَلاَ تَخْلَعْهُ (ثلاث مرات)

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah mungkin akan memakaikan kamu sehelai jubah, sekiranya ada sesiapa yang mahu kamu menanggalkannya maka janganlah*

61) Lihat kumpulan *Nazariah al-Islam Wa Hadyihi Fi al-Siyasah Wa al-Qanun Wa itt-Dustur* hlm 171 dan selepasnya.

kamu menanggalkannya (Baginda mengulangnya tiga kali).[62]

Jelaslah di sini sikap beliau adalah sebagai mematuhi dan melaksanakan wasiat dan arahan Nabi SAW. kepadanya.

Sekiranya perkara ini tidak sahih di sisi sebahagian manusia maka maksud ucapan beliau itu ialah agar Khilafah tidak menjadi barang permainan di tangan golongan yang tergopoh-gopoh dan tergesa-gesa yang digerakkan oleh kuasa tersembunyi yang mengeksploitasi semangat mereka tanpa mereka menyedarinya.

Satu perkara yang tidak diragui lagi bahawa mereka yang meminta beliau meletakkan jawatan bukanlah *Ahli al-Halli Wa adi 'Aqli* yang dianggap sebagai *Ulil al-Amri* yang memiliki kuasa dalam perkara ini di mana Khalifah hendaklah menerima pandangan mereka dan menurutinya.

Al-Thabari, Ibn Kathir dan selain keduanya menyatakan:

Sesungguhnya Uthman enggan menanggalkan jubah yang telah dipakaikan oleh Allah kepadanya iaitu jawatan Khalifah kerana tidak mahu membiarkan umat Muhammad bermusuhan sesama mereka kemudian melantik golongan yang bodoh sebagai pemimpin yang mereka pilih yang akan menyebabkan berlakunya kacau-bilau dan kerosakan.[63]

Uthman bin Affan seorang Khalifah yang dizalimi ini telah menjelaskan tentang baiah kepadanya dalam keadaan beliau mengetahui bahawa mereka yang membaiahnya tidak akan menanggalkan baiah mereka itu. Beliau tahu bahawa para penentang yang menuntut beliau meletak jawatan adalah golongan minoriti yang marahkan beliau serta bersikap tergesa-gesa. Beliau melihat dengan kedua matanya bahawa inilah benih-benih fitnah yang boleh mengancam kukuhnya binaan umat. Sewaktu beliau menolak untuk menyahut permintaan mereka yang menentangnya beliau telah mengambil keputusan untuk menjadikan dirinya sebagai korban berhadapan dengan mereka. Sebenarnya beliau mampu untuk mengarahkan para penyokongnya menghalang kehendak para penentang ini. Pada waktu itu telah berkumpul di hadapan pintu beliau ramai pahlawan dari kalangan para sahabat dan anak-anak mereka daripada golongan Muhajirin dan Ansar. Beliau telah didatangi oleh al-Hasan, al-Husein dan Abdullah bin Umar yang mahu berdiri di sisinya dan membela beliau. Tetapi beliau berkata

62) Riwayat al-Imam Ahmad, al-Tirmizi dan disahihkannya dan Ibn Majah daripada al-Nu'man bin Basyir daripada Risyah. Ini disebutkan oleh Ibn Kathir dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* 17/180, 181, 208. Cetakan Maktabah al-Ma'arif, Beirut.

63) Ibid.

kepada mereka yang berada di sekitarnya: "Saya tidak memerlukan perkara ini." Beliau melarang menghunuskan pedang di antara umat Islam. Kemudian beliau bertawajjuh kepada Allah dan terus membaca al-Quran. Pada waktu inilah para penentang memasuki rumahnya dan membunuh beliau.

Apakah mungkin untuk difahamkan ucapan khalifah yang syahid ini bahawa beliau bersandarkan hak ketuhanan untuk memaksakan kuasanya kepada manusia? Apakah akal dapat menerima bahawa seorang pemerintah yang berpegang dengan kuasa hak ketuhanan sebagaimana yang digambarkan oleh sebahagian manusia kemudian beliau menyerahkan dirinya gugur syahid dalam keadaan reda dan diredai?[64]

Mengenai pendapat Dr. Farag Fudah:

Sesungguhnya ucapan Saidina Uthman telah meletakkan pemikiran politik Islam seluruhnya berada di persimpangan jalan di antara golongan majoriti yang mengambil pandangan Uthman r.a. bahawa Allah SWT. yang melantik Khalifah. Dari sini rakyat tidak berhak untuk menurunkan pemerintah dan tempat yang telah Allah angkatkan dia. Manakala golongan minoriti dari kalangan umat berpandangan bahawa umat adalah sumber kekuasaan. Merekalah yang melantik dan melucutkan jawatan Khalifah. Ini adalah pandangan yang dipegang oleh Muktazilah selepas itu. Kemungkinan mereka dinamakan sebagai Muktazilah sebagai bukti terhadap sikap Daulah Islam kepada mereka dan sikap mereka terhadapnya.

Ia adalah kata-kata manusia yang jahil tentang Islam, jahil tentang sejarahnya dan jahil tentang tokoh-tokoh pemikirannya. Ataupun dia memahaminya dengan kefahaman rosak yang dicampuri oleh kelalaian dan mengikuti hawa nafsu.

Yang pasti ialah pandangan beliau ini tertolak daripada beberapa sudut pandangan.

Pertama: Jumhur umat Islam yang terdiri dari kalangan Ahli Sunah berpandangan bahawa menjadi hak dan kewajipan umat yang diwakili oleh *Ahli al-Halli Wa al-'Aqdi* memilih Imam, mengawasi dan membetulkannya. Bahkan memecat Imam apabila pemecatan ini tidak mendatangkan mungkar yang lebih besar daripada kewujudannya. Dan menjadi suatu kewajipan menentangnya apabila dilihat daripadanya kekufuran yang jelas *(kufur bawwah)* yang ada bukti daripada Allah. Inilah pendapat jumhur umat Islam dan bukannya pendapat golongan minoriti sebagaimana yang didakwakan oleh penulis tersebut.

64) Daripada rencana al-Ustaz Fahmi Huwaidi Akzubah al-Hukm al-Ilahi, akhbar al-Ahram.

Hinggakan Ali Abdul Raziq yang mana Dr. Fudah mengambil pendapatnya terpaksa menetapkan dan sudut teori bahawa:

Pada prinsipnya masalah Khilafah di sisi umat Islam hendaklah dipilih oleh *Ahli al-Halli Wa al-Aqdi* kerana jawatan Imamah adalah diwujud melalui baiah *Ahli al-Halli Wa al-Aqdi* yang memilih seseorang menjadi Imam kerana sifat adil yang wujud padanya.[65]

Kedua: Penulis telah mencampuraduk secara keji masalah menyandarkan perbuatan hamba kepada Allah dengan anggapan Allah adalah penentu kehendak yang paling tinggi di alam semesta seperti yang dinyatakan di dalam firman Allah:

تُؤْتِي ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ

Terjemahan: *Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dan siapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki.* **(Surah ali-'Imran 3:26)**

Penulis ini mencampurkannya dengan masalah tanggungjawab hamba terhadap amalan mereka walaupun ia adalah dengan kehendak Allah dan ciptaannya. Ahli Sunah berpandangan bahawa apa yang berlaku adalah dengan kehendak dan ciptaan Allah. Pendapat ini berbeza dengan Muktazilah.

Ahli Sunah semuanya berpandangan bahawa kehendak Allah Taala dan ketentuannya tidak menggugurkan tanggungjawab manusia. Oleh itu, difardukan *amar makruf* dan *nahi mungkar*, disyariatkan hukuman, ditentukan pahala dan dosa, dan diwujudkan syurga dan neraka.

Apa yang beliau kaitkan dengan Muktazilah dan anggapannya bahawa ia adalah sebab penamaan mereka adalah satu dakwaan yang tidak ada dasar dan buktinya sama sekali. Tidak ada seorangpun dari kalangan pakar sejarah *Firaq Islamiyah* zaman dahulu dan sekarang seperti Ibn Hazm, al-Syahrustani al-Baghdadi, dan Ahmad Amin dalam *Fajar Islam* dan *Dhuha Islam* dan Ulama selain mereka yang menulis tentang mazhab dan *firaq* ilmu kalam yang pernah membawakan pandangan seperti beliau.

---

65) Al-Islam Wa Usul al-Hukm oleh al-Ustaz Ahmad Amin dalam Wazig Hlm 24.

Amat menyedihkan apabila Muktazilah mempunyai negara dan kuasa pada zaman al-Makmun, al-Muktasim dan al-Wathiq, merekalah yang menutup suara para penentang dengan sebatan, seksaan dan menghumbankan para penentang ke dalam penjara. Inilah yang dicatatkan oleh sejarah di dalam apa yang dikenali sebagai *Mehnah Khalq al-Quran*. Cukuplah sebagai bukti apa yang telah mereka lakukan terhadap Ahmad bin Hanbal r.a.

Ketiga: Mereka yang menentang *Zu al-Nurain* Uthman r.a. bukanlah dari kalangan jumhur umat. Mereka bukanlah golongan yang mempunyai ilmu dan kedudukan. Bahkan mereka adalah kumpulan *al-ghaugha'* (tong kosong) sebagaimana yang dinyatakan oleh para sejarawan. Mereka telah dieksploitasi oleh golongan yang mengikut hawa nafsu dan menentang Islam secara tersembunyi. Mereka ini adalah benih bagi golongan yang setelah itu berpegang dengan pendapat menghadkan pemerintahan bagi keturunan tertentu yang saling mewarisi hak ketuhanan. Pendapat ini adalah terkeluar daripada landasan Islam yang umum.

Ucapan al-Manshur

Ucapan al-Manshur telah dibawakan oleh penulis ini daripada penyusun buku *al-Islam Wa al-Usul al-Hukm*. Beliau telah meletakkan pada nota kakinya bahawa beliau mengutip ucapan ini daripada buku *al-'Aqd al-Farid Fi al-Adab* karangan Ibn Abd Rabbuh al-Andalusi. Apakah boleh - sebagaimana pendapat Profesor Dr. Abdul Hamid Mutawalli - buku-buku sastera dimasukkan dalam senarai buku rujukan masalah-masalah fiqh?[66] Katakanlah ucapan ini memang sabit daripada al-Manshur -yang sebenarnya tidak pernah disabitkan oleh mana-mana kajian ataupun saringan- ia hanyalah ucapan beliau sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hukum ataupun ketetapan. Kita tidak diperintahkah mengikuti jalan al-Manshur dan ucapan beliau bukanlah hujah di dalam agama Allah. Ucapan ini dikembalikan kepada beliau sendiri.

Ini sekiranya kita mengambil ucapan beliau mengikut zahirnya dan kita jadikan ia di sini pada kedudukan yang amat rendah. Pada hakikatnya, ucapan ini mengandungi pelbagai penafsiran. Maksud ucapan ini ialah beliau melaksanakan syariat Allah di bumi dan menjalankan hukum Allah kepada makhluknya. Bukannya beliau mempunyai hak ketuhanan untuk memerintah.

66) *Mabadi' Nizam al-Hukmi Fi al-Islam* hlm 190, cetakan kedua, Mansyiah al-Maarif al-Iskandariah.

Bagaimanakah boleh diterima dakwaan itu sedangkan kita telah melihat dari kalangan umat Islam mereka yang menasihat, menyuruh dan melarang beliau? Beliau sendiri tidak menolak dengan menyatakan: Saya seorang yang maksum daripada kesilapan ataupun saya mempunyai hak ketuhanan, ataupun mana-mana ucapan yang sepertinya.

Bahkan kita telah melihat dari kalangan Kadi beliau, mereka yang menolak perintah beliau dan menjatuhkan hukuman yang mereka lihat sebagai benar dan beliau tidak melakukan apa-apapun setelah itu.

Ibn Asakir di dalam kitab *Tarikh*nya telah meriwayatkan daripada Abdullah bin Salih katanya: Al-Manshur menulis surat kepada Siwar bin Abdullah, Kadi Basrah. Dinyatakan di dalamnya: "Kamu lihatlah tanah yang direbutkan oleh si polan seorang peniaga. Serahkan ia kepada panglima itu."

Lalu Siwar menulis kepada beliau menyatakan: "Sesungguhnya bukti pada saya menunjukkan bahawa ia adalah hak si peniaga dan saya tidak akan mengeluarkannya daripada tangan beliau melainkan dengan bukti."

Al-Manshur menulis semula kepada beliau menyatakan: "Demi Allah yang tiada Tuhan kecuali-Nya, hendaklah kamu menyerahkannya kepada si panglima."

Siwar membalas surat tersebut dengan menyatakan: "Demi Allah yang tiada Tuhan kecuali-Nya, saya tidak akan mengeluarkannya daripada tangan si peniaga melainkan dengan kebenaran."

Apabila surat ini sampai kepada beliau, beliau menyatakan:

"Demi Allah, aku telah memenuhi kerajaanku dengan keadilan dan dan para Kadiku mengembalikan aku kepada kebenaran."

Ibn Asakir telah mengeluarkan daripada Numair al-Madani katanya: Al-Manshur datang ke Madinah dan waktu itu Muhammad bin 'Imran al-Tholahi menjadi Kadinya dan saya adalah penulisnya. Pedagang-pedagang unta telah meminta suatu pertolongan bagi menghakimi al-Manshur. Lalu Muhammad memerintahkan aku menulis surat arahan menyuruh al-Manshur hadir untuk dibicarakan. Saya meminta agar saya tidak disuruh melakukannya tetapi beliau tidak membenarkan. Saya pun menulis surat dan mengecapnya. Beliau berkata "Demi Allah, kamulah yang menyerahkan surat itu." Lalu sayapun membawakannya kepada al-Rabie'. Saya bertemu dengannya. Kemudian beliau keluar dan berkata kepada orang ramai: "Sesungguhnya Amirul Mukminin telah

berkata kepada kamu semua: Saya telah dipanggil ke majlis penghakiman maka tidak ada siapapun yang boleh berdiri dengan saya." Kemudian beliau datang bersama dengan al-Rabie' dan Kadi tidak bangun menghormatinya bahkan beliau terus duduk. Kemudian beliau memanggil mereka yang hendak dibicarakan dan beliau memutuskan hak para pedagang unta ini terhadap al-Manshur. Apabila selesai perbicaraan, al-Manshur berkata kepada Muhammad: "Semoga Allah menganugerahkan kamu kerana agamamu dengan anugerah yang paling baik. Saya telah memerintahkan kamu dikurniakan sepuluh ribu dinar."

Abdul Rahman bin Ziyad bin An'um al-Afriqi telah berkata: Saya pernah menuntut ilmu bersama Abu Jaafar al-Manshur sebelum beliau menjadi Khalifah. Beliau mengajakku masuk ke rumahnya dan beliau menghidangkan makanan yang tidak disertakan dengan daging sama sekali. Kemudian beliau berkata: "Wahai pembantu, apakah ada manisan?" Dia menjawab: "Tidak" Kata beliau: "Apakah ada kurma?" Jawabnya: "Tidak" Lalu beliau berbaring sambil membawakan ayat:

عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ فِي ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

Terjemahan: *Mudah-mudahan Tuhan kamu akan membinasakan musuh kamu dan menjadikan kamu khalifah di bumi, kemudian Dia akan memerhatikan bagaimana pula perbuatan kamu?* **(Surah al-A'raf 7:129)**

Apabila beliau dilantik sebagai Khalifah, saya mendatanginya dan beliau berkata: "Bagaimanakah pemerintahan aku berbanding dengan pemerintahan Bani Umaiyyah?" Jawabku: "Saya tidak pernah melihat kezaliman pun di dalam kekuasaan mereka, tetapi saya telah melihatnya di dalam kekuasaan kamu." Kata beliau: "Kami tidak mempunyai pembantu." Jawabku: Umar bin Abdul Aziz pernah berkata: Sesungguhnya pemerintah itu sama seperti pasar yang mengumpulkan apa yang dibelanjakan padanya. Sekiranya dia seorang yang adil maka ia akan mendatangkan keadilan. Sekiranya dia seorang yang zalim maka dia akan membawakan kezaliman. Lalu beliaupun menganggukkan kepalanya.

Suatu hari sewaktu beliau sedang berkhutbah, salah seorang rakyat telah mengingatkannya dengan Allah. Beliau berkata: "Silakan. Sesungguhnya kamu telah menyebutkan perkara yang besar dan menakutkan aku dengan Yang Maha Agung. Aku mohon perlindungan Allah daripada menjadi mereka yang apabila

dikatakan kepadanya: Bertakwalah kamu kepada Allah, lalu dia menyombongkan dirinya."

Semua perkara ini telah disebutkan oleh al-Hafiz al-Suyuthi di dalam bukunya *Tarikh al- Khulafa'*. [67]

Apakah Khalifah ataupun pemerintah seperti ini boleh dianggap sebagai pemerintah berdasarkan hak ketuhanan sebagaimana yang boleh 'dicemarkan' oleh ucapan yang didakwakan itu, sekiranya benar beliau telah mengucapkannya.

Sesiapa yang membaca buku *al-Kharaj* karangan Abu Yusuf yang beliau susun untuk cucu al-Manshur iaitu Harun al-Rashid, Khalifah Abbasiyah yang paling agung dan terkenal dan merenung kumpulan nasihat dan hukum yang disandarkan kepada hadis dan *athar* akan yakin sepenuhnya bahawa para Khalifah Abbasiyah bekas daripada tuduhan para pendakwa ini.

Realitinya, dakwaan memerintah dengan hak ketuhanan adalah amat jauh daripada syariat, penaildran dan cita rasa Islam. Oleh itu, ia tidak wujud di dalam sejarah pemerintahan yang sebenarnya di sisi umat Islam.

Pengalaman Revolusi Iran

Apabila kita melepasi peristiwa-peristiwa sejarah yang diperdebatkan oleh mereka ini yang tidak melebihi dua kalimah yang disebutkan di dalam majlis tertentu, keduanya ini adalah apa yang telah ditemui sepanjang 14 kurun yang telah berlalu ke atas umat kita dan kita datang kepada realiti semasa, kita akan mendapati ada pada mereka hujah tentang pengalaman Iran dan berdirinya pemerintahan yang mereka namakan sebagai pemerintahan para Ayatullah ataupun Mullah.

Setiap pengkaji yang adil akan mendapati bahawa hujah dengan pengalaman Iran dalam masalah ini adalah hujah yang rapuh daripada beberapa sudut.

Pemerintahan di dalam mazhab Syiah Iran adalah berbeza dengan apa yang ada pada Ahli Sunah yang merupakan Jumhur (majoriti) umat Islam.

Landasan Syiah di dalam masalah ini adalah diketahui umum perbezaannya dengan landasan pemikiran umum Islam pada sudut akidah dan fiqh.

---

67) Lihat biografi al-Manshur daripada *Tarikh al-Khulafa'* oleh al-Suyuthi hlm. 241-253 cetakan Dar al-Fikr, Beirut.

Imamah (pemerintahan) pada mereka adalah termasuk masalah akidah dan usul sedangkan ia di sisi Ahli Sunah adalah termasuk masalah amal dan cabang. Imamah pada mereka adalah dengan nas dan pada kita adalah melalui pemilihan.

Imam di sisi mereka adalah maksum sedangkan ia di sisi kita adalah seorang manusia biasa yang boleh tersilap dan boleh jadi betul.

Imam di sisi mereka sampai ke kedudukan yang tidak boleh dicapai oleh *malaikat muqarrabun* dan Nabi yang diutuskan sedangkan Imam di sisi kita dicerminkan oleh kata-kata Abu Bakr al-Siddiq: "Aku telah dilantik ke atas kamu dan aku bukanlah orang yang terbaik di kalangan kamu." Dan ucapan Umar bin Abd Aziz: "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia tetapi Allah telah menjadikan aku seorang yang memikul bebanan yang paling berat."

Imam di sisi mereka tidak boleh dipecat kerana tidak ada seorang pun yang melantiknya hingga melayakkan dia boleh dipecat sedangkan umat di sisi kita memiliki hak melantik Imam dan ia memiliki hak memecatnya.

Inilah yang ditetapkan sebagai *iktikad* dan fiqh di sisi mereka. Tetapi apakah sifat Imam yang maksum berlaku juga ke atas para pemerintah Iran pada hari ini? Ataupun apakah Imamah dengan sifat-sifat ini adalah perkara bersejarah yang beku dan telah ditutup pintunya dengan ghaibnya Imam ke-12 semenjak 12 kurun yang lalu?

Apakah yang dinyatakan oleh para pemerintah Iran pada hari ini? Apakah yang dinyatakan oleh perlembagaan mereka dan apakah yang dinyatakan oleh realiti mereka? Bukankah al-Khomeini adalah seorang Imam yang baginya hak kesucian seperti para Imam yang mungkin dengan sifat ini dia sampai kepada sifat maksum ataupun hampir kepadanya?

Perkara ini telah dijawab oleh al-Ustaz Fahmi Huwaidi, penulis Islam terkenal yang telah melawat Iran beberapa kali, menemui pemimpinnya dan mengkaji keadaanya. Beliau telah menulis di dalam jawapannya terhadap "Pendustaan Pemerintahan Ketuhanan" yang dilaungkan oleh golongan Sekular.

Beliau menyatakan:

Mereka juga sentiasa mengalihkan kita kepada pengalaman Iran dengan anggapan bahawa apa yang berlaku di sana adalah 'pemerintahan ketuhanan' yang dijalankan oleh para penguasa agama, sedangkan perbandingan seperti ini tersilap daripada dua sudut.

Sudut Pertama: Mereka membincangkan tentang pengalaman penganut Syiah yang membawakan pemikiran *Wilayah al-Faqih* yang menjadi asas pemerintahan di sana, sedangkan kita yang merupakan tiga perempat daripada jumlah umat Islam di dunia adalah Ahli Sunah. Perbezaan cukup besar di antara dua mazhab ini dalam masalah Imamah yang mana di sisi mereka ia adalah *usul* akidah dan di sisi kita ia adalah masalah cabang.

Sudut kedua: Pemerintah di Iran sekarang tidak mendakwa mereka dikurniakan ataupun memiliki hak ketuhanan. Ia adalah dakwaan yang tidak mempunyai dalil. Apa yang berlaku ialah para fuqaha menjadi pemerintah kerana perkiraan politik semata-mata dan bukanlah masalah keagamaan. Kita masih ingat bahawa pimpinan revolusi pada permulaannya cenderung kepada pemerintahan ahli politik ataupun orang awam. Bayangkan, seorang jurutera adalah Perdana Menteri yang pertama dan Abu al-Hassan Bani al-Sadr, seorang ahli ekonomi adalah Presiden yang pertama. Pandangan yang awal cenderung untuk menyerahkan para fuqaha sekadar menjadi pemerhati dan pemberi pandangan tanpa mempunyai kuasa eksekutif (pelaksana). Apabila kerjasama kedua pihak tidak berjaya barulah para fuqaha mengambil kuasa, bukan atas sifat tokoh agama ataupun pendeta tetapi atas kedudukan mereka adalah orang yang dipercayai sebagaimana yang diungkapkan dalam ilmu politik moden. Ini adalah perkara biasa yang berlaku di dalam semua sistem revolusi yang kita kenali.

Yang lebih penting daripada itu ialah Syiah Imamiah sememangnya menyatakan kemaksuman Imam tetapi sifat maksum ini hanya terhad kepada para Imam dan kalangan keturunan Nabi SAW. (Fatimah dan al-Hussein khususnya). Inilah yang sabit bagi 12 orang Imam di sisi mereka dan mereka ini tidak menjalankan pemerintahan. Mereka sekadar menjadi kepimpinan kerohanian, bukannya kepimpinan politik. Kemudian Imam yang terakhir telah bersembunyi semenjak 12 kurun yang lalu. Dalam akidah mereka dia dianggap sebagai Imam yang ghaib. Pada 'zaman keghaiban' ini orang yang menjalankan tugas memimpin masyarakat Syiah dianggap sebagai Naib bagi Imam. Dia dihormati kerana dia adalah tempat rujuk dalam masalah keagamaan tetapi dia tidak mempunyai sifat maksum yang telah terputus dengan ghaibnya Imam ke-12. Inilah yang berlaku terhadap sistem politik Iran pada hari ini. Gelaran asal bagi Ayatullah al-Khomeini adalah dengan sifatnya sebagai Naib Imam tetapi perkataan Al-Imam telah tersebar di lidah manusia. Kemungkinan kerana ia lebih mudah untuk disebut. Kerajaannya tidak menganggap para penentang sebagai musuh Allah. Mereka cuma dianggap sebagai musuh pemerintah sahaja. Di kalangan Marji' (pakar rujuk) Fiqh Syiah yang besar, ada yang menentang

pemikiran Wilayah al-Faqih yang menjadi asas pemerintahan al-Khomeini. Mereka tidak dikafirkan dan tidak dihukum kerana pandangannya. Para Menteri dinilai (disoal siasat) dengan payah di hadapan Majlis Syura dan tidak ada di kalangan mereka yang mempunyai apa bentuk imuniti pun. Sehinggakan Majlis ini pernah menggugurkan 7 orang Menteri sekaligus dan menarik kepercayaan daripada mereka pada musim panas tahun 1984. Berdasarkan perlembagaan, Naib Imam yang merupakan pemimpin negara dilantik melalui pemilihan. Begitu juga dengan Presiden yang dipilih melalui pilihan raya umum. Hal ini tidak memberikan ruang bagi pendapat bahawa pemerintahan di sana adalah dengan hak ketuhanan ataupun berdasarkan kuasa itu.

Tetapi pengalaman Iran dengan melihat kepada tabiat khususnya dari sudut asal pemikiran, binaan, suasana yang melingkungi dan mereka yang menjalankannya akan terus mempunyai keistimewaannya yang terpelihara dan ia tidak boleh di*qiyas*kan sebagaimana yang dinyatakan oleh para fuqaha. Ia juga tidak boleh dijadikan hujah ke atas Ahli Sunah.

Fail-fail Yang Mesti Ditutup

Saya telah menyebutkan di dalam beberapa buah buku saya, antaranya buku *al-Tsaqafah al-'Arabiyah al-Islamiyah Baina al-Asalah Wa al-Mu'asharah*[68]) bahawa di sana ada masalah yang mesti ditutup failnya kerana ia membunuh kajian dan telah jelas padanya kebenaran di hadapan kedua biji mata.

Tidak perlu bagi kita untuk terus berputar dan berlegar di sekitarnya. Alangkah perlunya kita untuk menyimpan masa, tenaga dan pemikiran kita untuk masalah-masalah lain yang menuntut daripada kita banyak pengkajian yang bersungguh-sungguh, perbahasan yang mendalam dan bekerjasama untuk menonjolkannya. Usia kita lebih berharga dan amat pendek untuk disia-siakan bagi menjelaskan perkara yang telah jelas, menghasilkan apa yang telah wujud dan menerbitkan apa yang telah tersebar.

Fail Negara Teokrasi ataupun Kuasa Keagamaan

Antara masalah yang mesti ditutup failnya dan kita hendaklah menumpukan perkara lain ialah masalah (Islam dan Negara Keagamaan) ataupun masalah (Negara Teokrasi) ataupun (Kuasa Keagamaan).

68) Terbitan Maktabah Wahbah hlm 164-170.

Pertikaian ini telah bermula pada zaman al-Syeikh Muhammad Abduh dengan Farah Anthuan pemilik majalah *al-Jami'ah* dalam masalah Islam dan Kuasa Keagamaan. Al-Ustaz al-Imam telah menyelesaikan perkara ini apabila beliau telah menjadikan termasuk *usul* Islam yang enam bagi mengukuhkan ilmu dan ketamadunan ialah meruntuhkan pemerintahan keagamaan, bukannya membangun dan mengukuhkannya. Walaupun begitu, perkara ini tetap terus muncul dari semasa ke semasa seolah-olah ia adalah masalah baharu.

Al-Ustaz al-Imam Muhammad Abduh telah menegaskan:

Sesungguhnya Islam telah meruntuhkan binaan pemerintahan ini dan menghapuskan kesannya sehinggakan ia tidak mempunyai nama dan rupa bentuk di kalangan para pendokongnya. Islam tidak pernah mendakwa wujudnya bagi sesiapapun kuasa bagi menilai akidah seseorang. Ia hanyalah kuasa Allah dan Rasul-Nya. Begitu juga tidak ada sesiapa boleh menguasai iman orang lain dan tiada sesiapapun yang berhak untuk menghalalkan ataupun menyekat apa yang ada di langit dan di bumi. Bahkan iman itu sendiri telah membebaskan seorang Mukmin daripada pengawasan terhadap perkara yang hanya diketahui oleh dirinya dan Allah sahaja. Seorang Muslim walau bagaimana tinggi kedudukannya di dalam Islam hanya berhak menasihat dan menegur seorang Muslim yang lain walau bagaimana rendahnya kedudukan Muslim tersebut.

Tentang pemerintah ataupun *Ulil Amri*, al-Ustaz al-Imam berkata:

Sesungguhnya agama tidak mengkhususkan pemahaman tentang al-Quran dan pengetahuan tentang hukum akan mendatangkan keistimewaan ataupun mengangkat kedudukan. Bahkan ilmu ini dan semua orang yang mencari kefahaman adalah sama. Yang membezakan ialah tajamnya akal dan banyak ketepatan di dalam menjatuhkan hukum. Kemudian ia mesti ditaati selagimana ia berdasarkan hujah dan mengikut al-Quran dan al-Sunah. Manakala umat Islam menjadi pengawal kepadanya. Apabila dia menyeleweng daripada manhaj yang ditetapkan, mereka hendaklah membetulkannya dengan nasihat dan tidak mematuhi perintahnya kerana tidak boleh mematuhi makhluk kerana melakukan maksiat terhadap Allah. Apabila pemerintah meninggalkan al-Quran dan al-Sunah dalam kerjanya, mereka hendaklah menukarkannya dengan pemerintah yang lain. Umatlah yang melantik pemerintah dan merekalah yang mempunyai hak menguasainya. Merekalah yang memecat pemerintah apabila pemecatan ini mendatangkan maslahat. Dia adalah pemerintah awam dari semua sudut.[69]

69) Lihat *al-A'mal al-Kamilah* oleh al-Imam Muhammad Abduh 3/285-287.

Inilah yang dinyatakan oleh al-Ustaz al-Imam dan dinyatakan selepas beliau oleh al-Allamah al-Syeikh Muhammad Bakhiyat al-Muthie', Mufti Mesir pada zaman beliau dalam jawapan penolakannya terhadap buku Ali Abdul Raziq, *al Islam Wa Usul al-Hukm*. Ini jugalah yang telah ditegaskan oleh duaTunisia dan Muhammad al-Khidr Husein, Syeikh al-Azhar di Mesir dalam jawapan penolakan keduanya terhadap buku tersebut.

Ini jugalah yang ditegaskan selepas itu oleh setiap mereka yang menulis tentang sistem pemerintahan ataupun sistem politik dari kalangan ulama, pendakwah ataupun pakar undang-undang. Jumlah mereka amat ramai.[70)]

Walaupun perkara ini amat jelas dan telah diputuskan, namun golongan yang cenderung dengan Barat sama ada golongan kiri ataupun kanan, terus membuka dan mengungkit-ungkitkan perkara ini.

Tulisan terakhir tentang perkara ini yang telah kita baca ialah apa yang ditulis oleh pemikir Marxis yang terkenal, al-Ustaz Mahmud Amin al-A'lim dalam rencananya yang diterbitkan oleh akhbar *al-Ahram* tentang "Islam Politik dan Pemerintahan". Antara perkara yang dinyatakan oleh beliau ialah:

Di sana ada apa yang kita namakan sebagai kumpulan Islam sederhana, kumpulan taksub dan apa yang kita namakan sebagai kumpulan militan (teroris). Walaupun wujudnya perbezaan dan penjenisan ini, di sana ada satu pandangan yang hampir-hampir menyatukan kumpulan ini semua iaitu pandangan tentang pemerintahan. Mereka semua mengajak kepada Pemerintahan Keagamaan. Tidak cukup dengan permintaan melaksanakan syariat Islam ataupun menjalankannya. Bahkan mereka menyeru dengan seruan yang amat jelas iaitu untuk mengIslamkan[71)] kekuasaan dan mengIslamkan masyarakat di dalam pelbagai urusan dan cara kehidupannya. Bahkan kemungkinan sebahagian mereka mengajak kepada pengIslaman ilmu pengetahuan, bukan sekadar ilmu kemasyarakatan sahaja bahkan ilmu yang halus seperti ilmu tabii.[72)]

---

70) Lihat sebagai contoh apa yang ditulis oleh para profesor seperti Muhammad Yusuf Musa, Muhammad al-Sadiq Urjun, Hasan al-Banna, Abdul Qadir Audah, Saiyid Qutb, Muhammad al-Ghazali, Muhammad Salim al-Awa, Muhammad Abu Faris, Abdul Hamid Mutawalli dan yang mutakhir apa yang ditulis oleh Khalid Muhammad Khalid dalam bukunya *al-Daulah Fi al-Islam*, tulisan tanda permohonan kemaafan beliau terhadap apa yang telah ditulisnya dahulu dalam bukunya *Min Huna Nabda'*.

71) Istilah ini sama maksud dengan Islamisasi. (Penterjemah).

72) Lihat al-Ahram pada 9/ 12/ 1992 halaman al-Irhab wa al-Tatharruf fi Fikr al-Mutsaqqafin yang dibuat komentarnya oleh al-Ustaz Fahmi Huwaidi dalam rencana mingguannya pada 15/12/ 1992 di bawah tajuk Likai La Nakhudu al-Ma'rakah al-Ghalad (Agar kita tidak memasuki pertempuran yang silap).

Kita dan para penulis lain terus menulis dan menyatakan bahawa Islam tidak mengajak kepada pemerintahan keagamaan dengan makna kependetaan yang dikenali oleh masyarakat Barat Bahkan sebenarnya Islam mengajak kepada pemerintahan Islam dengan makna ia adalah pemerintahan *madaniyah* (awam) yang dipilih oleh umat menjadikan rujukan Islam sebagai asas dalam perundangan, peraturan, polisi dalaman dan luarannya.

Namun, al-Ustaz al-A'lim juga mengingkari perkara ini dan menganggap bahawa seruan kepada mengIslamkan pemerintahan dan mengIslamkan masyarakat adalah suatu perkara yang mungkar. Beliau menganggap perkara itu adalah rekaan apa yang dinamakannya sebagai Islam Politik. Jadi, apakah yang beliau mahukan terhadap tugas Islam di dalam kehidupan? Apakah yang beliau fahami tentang pelaksanaan syariah Islam apabila pemerintahan tidak mengIslamkan dan masyarakat tidak mengIslamkan?

Sedangkan sebelum ini al-Ustaz al-A'lim dan teman-temannya pada masa Marxisme berada di kemuncaknya, mereka mengajak kepada me'Marxis'kan pemerintahan dan me'Marxis'kan masyarakat. Kenapakah beliau mahu Islam kekal sebagai penonton, sedangkan ia melihat pemerintahan, masyarakat dan tsaqafah berjalan menuju ke arah lain sama ada ke kanan ataupun ke kiri tetapi tidak menuju ke arah Islam?

Apakah yang beliau ingkari terhadap mengislamkan pengetahuan[73] ataupun mengislamkan ilmu kemasyarakatan? Bukankah ini bermakna mengislamkan saqafah? Makna mengislamkan saqafah ialah membebaskannya daripada kekuasaan saqafah Barat sehingga dia menjadi saqafah asli yang mengungkapkan tentang hati dan pemikiran umat. Tidak ragu lagi bahawa ilmu kemasyarakatan adalah membuktikan keaslian saqafah setiap umat dan keistimewaan tamadunnya.

Hal ini sekiranya kita melihat kepada ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan dengan pandangan yang baharu, bukannya sekadar meniru Barat di dalam keadaan buta dan bisu. Kita juga tidak menolak segala sesuatu padanya. Bahkan kita mengulangi pembacaannya dengan akal yang kukuh lagi terbuka, bukannya sekadar terpesona melalui pandangannya yang khusus dan asas-asas keagamaan serta pemikirannya. Kita mengambil (yang baik) dan meninggalkan (yang buruk), mentarjih dan melemahkan dengan logik ilmiah yang jauh daripada

73) Lihat apa yang diterbitkan oleh al-Ma'had al-Alami Li al-Fikr al-Islami di Washington tentang masalah *"Aslamah - Au Islamiyah al-Ma'rifah"* tulisan al-Marhum Dr Ismail al-Faruqi, Dr Abdul Hamid Abu Sulaiman, Dr Imad al-Din Khalil dan Dr Taha Jabir al-Alwani.

taksub dengan warisan lama ataupun menghambakan diri dengan perkara yang baru.

Dengan asas inilah dibina sekolah-sekolah Arab Islam yang baru bagi bidang ilmu-ilmu ini untuk menyaingi pelbagai sekolah Barat. Ini bukanlah sekadar dengan menyebut tajuk-tajuknya, bahkan ia adalah dengan usaha bersungguh-sungguh dan kajian yang teliti.

Mengenai mengIslamkan ilmu tabii pula, saya tidak mengetahui wujudnya seorang Muslim yang berakal mengajak kepada perkara yang telah kami sebutkan sebelum ini iaitu menghubungkan ilmu ini dengan asas teori ataupun falsafah bagi alam semesta ini, dengan menganggap ia adalah ciptaan Allah dan undang-undangnya adalah Sunah Allah yang tidak akan berubah. Apa yang berlaku padanya bukanlah suatu kebetulan dan bukanlah daripada perbuatan alam tabii yang buta, tetapi ia adalah ciptaan Allah yang amat teliti dalam segala sesuatu dan penetapannya. Begitu juga tentang penggunaan ilmu ini dalam perkara yang memanfaatkan kemanusiaan, bukannya dalam perkara yang memudaratkannya. Bererti, menghubungkan ilmu dengan iman dan akhlak.

Apakah akan memudaratkan ilmu tabii sekiranya seseorang itu menggunakannya lalu berkata sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Sulaiman sewaktu didatangkan kepadanya singgahsana Balqis dalam sekelip mata melalui perantaraan orang yang mempunyai ilmu daripada al-Kitab, lalu beliau menyatakan:

هَٰذَا مِن فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي ءَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ

Terjemahan: *Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberian-Nya.* **(Surah al-Naml 27:40)**

Ataupun berkata apa yang telah disebutkan oleh Zu al-Qarnain sewaktu mendirikan empangan.

هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي

Terjemahan: *Ini ialah suatu rahmat dari Tuhanku.* **(Surah Al-Kahfi 18:98)**

Nampaknya gambaran pada penulis ini tentang mengIslamkan pemerintahan, masyarakat dan pengetahuan tidak mempunyai hubungan dengan apa yang diseru oleh kumpulan *Wasathiyah Islam* yang merupakan kumpulan yang

paling kukuh asasnya, paling lama dan paling meluas di kalangan kumpulan Kebangkitan Islam.

Menyamakan di antara kumpulan-kumpulan yang telah disebutkan dan menyifatkan ada yang sederhana, taksub dan militan adalah menyamakan di antara perkara-perkara yang berbeza sebagaimana yang dapat difahami daripada gelaran itu sendiri.

Fail Golongan Sekular Yang Anti Agama

Antara fail-fail yang mesti ditutup ialah apa yang telah disebut oleh Dr. Kamal Abu al-Majd di dalam Nadwah *al-Islam wa al-Urubah* iaitu fail 'Sekularisme' yang memisahkan agama daripada kehidupan dan masyarakat. Sekularisme telah berkembang di bumi yang bukan seperti bumi kita, di kalangan kaum yang tidak sama dengan kaum kita dan atas sebab situasi yang tidak ada persamaannya dengan kita.

Barat melaungkan sekularisme bagi menjadi senjata menghadapi para pendeta Gereja Barat yang mendokong ke*jumudan* dan anti-pemikiran, mendokong kejahilan dan menentang ilmu, mendokong raja-raja bagi menentang rakyat, menyokong golongan kaya dan feudal bagi menentang golongan fakir dan sengsara.

Kita tidak mendapati wujud bersama kita (dalam agama kita) sistem Pope dan pendeta. Begitu juga dengan tokoh agama yang mana apa yang dihalalkannya di bumi adalah halal di langit dan apa yang diharamkannya adalah haram di langit.

Saya telah menjelaskan di dalam kajian saya bahawa Sosialisme Barat mempunyai alasan daripada pemikiran falsafahnya semenjak zaman Aristotle. Ia melihat bahawa Allah tidak mempunyai hubungan dengan alam, tidak mengetahui sesuatupun padanya dan tidak menjalankan urusannya. Juga alasan daripada pemikiran agama yang mana zahir nasnya menegaskan pembahagian kehidupan antara Allah dan Kaisar (pemerintahan), meninggalkan untuk Kaisar hak Kaisar dan meninggalkan untuk Allah hak Allah.

Sekularisme yang ada di kalangan masyarakat kita adalah anti-agama, anti-pemikiran umat dan anti-kepentingan umat. Ia mahu menanggalkan umat daripada kuasa besar yang dapat dicetuskan oleh akidah dan syariah, sekiranya akidah adalah penunjuk arah dan syariah adalah hakim (pemerintah).

Sebahagian negara Islam telah mencuba sistem Sekular. Ia memaksa rakyat tunduk kepadanya dengan pedang kekerasan dan sebatan seksaan atas alasan mengikut Barat yang maju dan dunia yang semakin berkembang. Adakah selepas itu mereka maju dan betul-betul berkembang?

Contoh yang paling menonjol bagi perkara ini ialah Turki yang dibina oleh Atarturk yang telah meniru Barat dalam semua perkara, hinggakan dalam masalah fesyen memakai topi, mengharamkan tarbus, melarang memakai hijab (tudung) dan membatalkan hukum-hukum syariah yang qati dalam masalah perkahwinan, talak, warisan dan urusan kekeluargaan. Beliau telah memisahkan generasi baharu daripada warisan mereka sepenuhnya apabila beliau menghapuskan huruf Arab dan mewajibkan huruf Latin. Dia telah memutuskan hubungan dengan Dunia Islam sepenuhnya dan dengan Dunia Arab khususnya, hinggakan beliau menganggap melaungkan azan dengan bahasa Arab adalah satu jenayah.

Apakah hasilnya? Beliau tidak mampu untuk mencabut akar umbi Islam walaupun beliau menghapuskannya daripada sistem pendidikan, saqafah dan media massa. Majoriti rakyat hidup dalam keadaan pertentangan di antara permukaan dan dasar lautan, antara akar umbi dan daun-daunnya, di antara zaman yang lalu dan masa sekarang dan antara akidah dan realiti.

Turki Sekular telah berakhir dalam keadaan yang diungkapkan oleh seorang penulis wanita Turki sebagai: Sebelum ini kami adalah negara nombor satu di Timur dan kini kami menjadi negara paling mundur di Barat.

Bahkan Barat sendiri walaupun negara Turki berusaha sedaya upaya untuk berpaut dalam pelukan dan dokongannya tidak mengiktiraf Turki sebagai salah satu anggota pada jasadnya dan sebagai satu juzuk daripada tamadun. Oleh itu, ia tidak diterima di dalam Gabungan Pasaran Eropah. Hal ini telah disebut secara jelas oleh Canselor Jerman: Sesungguhnya Turki berasal daripada tamadun yang bukan tamadun kita!

Dengan itu Turki Sekular telah menjadi seperti kisah burung gagak yang cuba meniru Rajawali. Ia tidak berjaya menjadi Rajawali dan tidak sesuai untuk kembali menjadi seekor gagak!



BAB EMPAT
KE ARAH FIQH POLITIK YANG MATANG

Fenomena Pemikiran Ataupun Fiqh Yang Negatif

Dalam bidang pemikiran dan fiqh, kita mendapati wujudnya fenomena negatif yang akan diketahui oleh setiap pengkaji yang meneliti alam Gerakan Islam dan Kebangkitan Islam secara umumnya. Terutamanya dalam bidang politik dan *fiqh siasi* (politik) yang merupakan bidang yang cukup penting.

Di sana ada *Fiqh Mehnah* (Pemikiran Mehnah) ataupun *Fiqh Mehnahh* yang muncul pada waktu datangnya Mehnah (tekanan/ tribulasi) yang bertubi-tubi dan tekanan dahsyat lagi kejam yang menimpa Gerakan Islam pada tahun 50-an dan 60-an daripada kurun ke-20 ini. Ia adalah satu pemikiran yang hidup, melimpah dan menyayat perasaan tetapi ia membawa kepada pemikiran mengkafirkan masyarakat di sekitarnya dan melihat kepada manusia dan kehidupan dengan pandangan yang gelap. Para pendakwahnya mengasingkan diri daripada masyarakat dan merasakan diri mereka lebih tinggi daripada masyarakat. Ia adalah fiqh yang terus memberikan pengaruhnya terhadap ramai para penulis dan pemikir Gerakan Islam. Ia terus menjadi pembentuk bagi kebanyakan penghasilan dakwah dan tarbiah, begitu juga dengan arah politiknya.

Gerakan Islam mestilah melupakan pemikiran mehnah dan fiqhnya ini yang berpunca daripadanya. Mereka hendaklah berhubungan dengan manusia, kehidupan dan alam melalui *Fikr al-'Afiyah* (memaafkan) dan *Fiqh al-'Afiyah.*

Di sana ada *al-Fikr al-Zahiri* ataupun *al-Fiqh al-Zahiri* yang dipegang oleh mereka yang saya namakan sebagai golongan Zahiriah Moden. Fiqh ini berlandaskan *harfiah* (tekstual) nas, tidak masuk menembusi *Maqasid Syarak* dan tidak mementingkan kemaslahatan manusia. Para *muhaqqiq* telah menegaskan bahawa hukum-hukum disyariatkan bagi mewujudkan maslahat manusia di dunia dan di akhirat. Mana-mana hukum yang terkeluar daripada maslahat dan masuk kepada kerosakan, ataupun daripada keadilan kepada kezaliman, ataupun daripada sifat rahmah (kasih sayang) kepada kekerasan, ataupun daripada sifat hikmah kepada mensia-siakan, maka ia sama sekali tidak termasuk di dalam syariah walaupun ia dimasukkan melalui takwil yang buruk. Hal ini telah dinyatakan oleh al-Imam Ibn al-Qayyim.

Kemungkinan pemikiran ataupun fiqh ini diterima pada sebahagian syiar dan hukum yang berkaitan dengan individu. Tetapi ia tidak boleh diterima di dalam ruang *al-Siyasah al-Syar'iyyah* yang menjadi asas hubungan orang Islam dengan orang kafir, Timur dengan Barat dan di dalam keadaan kuat dan lemah. Ia sepatutnya berasaskan kepada kelapangan dan fleksibel, *muwazanah* (keseimbangan) dan *tarjih*, dan memelihara perubahan masa, tempat dan manusia.

Di sana ada *al-Fikr al-Khariji* ataupun *al-Khariji* yang berjalan mengikut landasan golongan Khawarij yang terdahulu. Ia adalah suatu fiqh yang mana para pengikutnya bercirikan keikhlasan dan keberanian. Namun ufuk pemikirannya terhad, pandangannya kepada agama dan kehidupan sempit, keras di dalam berhubungan dengan orang lain, cepat menolak, menuduh dan bersangka buruk hinggakan terhadap golongan pendokong Islam sendiri. Di samping itu wujud sifat *'ujub* (sombong) dengan pandangannya yang merupakan salah satu sifat yang membinasakan.

Di sana ada *al-Fikr al-Taqlidi* ataupun *al-Fiqh al-Taqlidi* (tradisional) yang berusaha mencari penyelesaian masalah pemikiran, politik ataupun perundangan di dalam buku-buku ulama mutaakhirin dari kalangan ulama mazhab mereka yang tidak keluar daripada kongkongan mazhab. Mereka tidak melihat kepada syariah melalui pemahamannya yang luas dengan pelbagai aliran dan mazhabnya. Mereka juga tidak melihat kepada keadaan semasa, arus dan masalahnya. Dengan pandangan seperti ini, mereka menyempitkan apa yang diluaskan oleh Allah dan menyusahkan apa yang telah dimudahkan oleh agama.

Gerakan Islam dan Kebangkitan Islam tidak akan memiliki Fiqh siasi yang matang lagi bijaksana kecuali apabila ia melangkahi fenomena-fenomena negatif

ini dan membersihkannya daripada para pendokongnya. Dimasukkan sebagai gantinya fiqh yang baharu yang berasaskan *Fiqh al-Sunan, Fiqh al-Maqasid, Fiqh Al-Muwazanat, Fiqh al-Awlawiyat* dan *Fiqh al-lkhtilaf.*

Kepincangan Fiqh Siasi Yang Mesti Diatasi

Gerakan Islam hendaklah berusaha mengubat kecacatan yang kita baca dan dengar yang mengandungi kefahaman-kefahaman yang ganjil, hukum-hukum yang pelik dan metodologi berhujah yang amat ganjil.

Perkara ini amat banyak dan menonjol di dalam pemikiran politik dan Fiqh Siasi. Fiqh Siasi tidak diberikan hak kajian dan mendalami perbahasannya sejak dahulu lagi sepertimana yang diberikan kepada fiqh ibadah, muamalat, munakahat dan seumpamanya.

Begitu jugalah keadaannya pada hari ini yang dicemari oleh kesamaran dan pemahaman yang bercelaru, hukum-hukum yang tidak teratur dan pemahaman yang berbeza di dalam pemikiran para pendokong Gerakan Islam. Wujud suatu perbezaan yang amat jauh sebagaimana jarak antara Timur dan Barat.

Oleh itu, kita melihat wujud mereka yang menganggap syura adalah sekadar *mu'limah* (pemakluman) bukannya suatu *mulzimah* (kewajipan). Ada yang memberikan Presiden hak mengisytiharkan peperangan dan melakukan perjanjian tanpa merujuk kepada wakil-wakil ummah.... . Kita juga melihat mereka yang berpandangan mengambil jalan demokrasi dan jaminan-jaminannya membawa kepada kufur ataupun satu jalan yang boleh membawa kepada kekufuran.

Ada juga yang berpandangan bahawa wanita tiada tempat di dalam politik ummah. Tempatnya adalah rumah dan dia tidak boleh keluar daripadanya kecuali ke rumah suami ataupun ke kubur! Mereka tiada hak mengundi dan memilih dalam mana-mana pilihan raya, apatah lagi untuk mencalonkan dirinya bagi Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen. Dengan ini mereka telah menjatuhkan hukuman mati dan sudut perasaan terhadap separuh ummat.[74] Mereka mahukan ummat ini bernafas dengan satu paru-paru dan terbang dengan satu sayap.

74) Mutakhir ini kita telah melihat apa yang telah dilakukan oleh Gerakan Taliban sewaktu mereka menguasai ibu negara, Kabul. Mereka telah melarang wanita daripada bekerja yang mana puluhan ribu daripada mereka adalah janda yang telah mengisytiharkan bahawa anak-anak mereka adalah anak-anak para syuhada.

Ada juga yang berpendapat bahawa kepelbagaian parti (aliran) adalah suatu perkara yang ditolak oleh Islam. Tidak boleh mendirikan beberapa buah parti ataupun jamaah ataupun badan yang mempunyai pandangan politik di dalam sebuah negara Islam.

Saya amat terkejut sewaktu sebahagian saudara saya menunjukkan satu risalah yang ditulis oleh sebahagian mereka yang terlalu bersemangat dan kalangan pendakwah yang bertajuk: *al-Qaul al-Sadid Fi Anna Dukhul al-Majlis al-Niyabi Yunafi al-Tauhid* (Pendapat yang benar tentang hukum memasuki Parlimen adalah menafikan tauhid). Ini adalah pencampuran yang menakjubkan di mana masalah amali dimasukkan ke dalam masalah akidah sedangkan masalah amali berlegar di antara betul dan salah bukannya di antara iman dan kufur. Ia adalah termasuk masalah siasah syariyyah yang mana mujtahidnya diberikan dua pahala sekiranya betul dan diberikan satu pahala sekiranya tersilap.

Inilah apa yang pernah berlaku terhadap Khawarij pada zaman dahulu sewaktu mereka mengkafirkan al-Imam Ali dengan perkara amali yang berkaitan dengan masalah *siyasah* dan ijtihad padanya, mereka telah menjadikan masalah ini sebagai masalah akidah. Mereka berkata: "Ali telah berhukumkan manusia tentang urusan agama Allah sedangkan tiada hukuman melainkan milik Allah". Jawapan beliau amat tegas dan diingati sepanjang sejarah dengan ucapannya: "Kalimah yang benar tetapi bermaksudkan kebatilan".

Dialog Penting Tentang Fiqh Siasi

Saya amat sedih melihat wujudnya di kalangan ulama Afghanistan yang merupakan para pahlawan yang memimpin jihad dengan semangat yang tinggi, ikhlas dan kukuh.[75] Mereka berpandangan bahawa pendidikan wanita adalah haram, menggunakan jalan pilihannya untuk memilih wakil rakyat ataupun Presiden adalah haram, menetapkan tempoh Presiden adalah haram dan pendapat bahawa pandangan syura itu adalah suatu kewajipan adalah haram!

Saya telah berdialog dengan sebahagian ikhwah yang menerima pandangan ini yang berkata: Sesungguhnya faktor yang membawa kepada kegagalan

75) Walaupun begitu, apa yang berlaku amat menyedihkan, mereka telah menghampakan harapan kita kerana mereka telah saling berbunuhan sesama mereka apabila mereka dikuasai oleh 'asabiah etnik jahiliyah yang telah menjadikan para rekan seperjuangan jihad saling berbunuhan. Sesungguhnya mereka telah berjaya menewaskan Soviet Union - kuasa ateis yang paling gagah dalam sejarah - tetapi mereka tidak berjaya menewaskan diri mereka sendiri! Apakah ada bantuan untuk memulihkan hubungan sesama mereka?

Gerakan Islam pada zaman moden ialah keyakinan mereka dengan pemikiran ini yang mana mereka menganggap ia adalah pemikiran bukan Islam dan kita tidak mungkin berjaya sekiranya kita berusaha mencapai matlamat Islam dengan *wasilah-wasilah* yang tidak Islam!

Menghadkan Tempoh Presiden

Saya berkata kepada saudara yang berdialog dengan saya: Apakah yang menjadikan penetapan tempoh Presiden menjadi haram sekiranya umat Islam melihat ia adalah satu maslahat bagi mereka?

Katanya: Ia bertentangan dengan apa yang telah dilakukan oleh umat Islam semenjak zaman Khalifah Abu Bakr r.a. Tidak pernah seorangpun daripada mereka dipilih untuk tempoh sementara. Bahkan mereka terus kekal menjadi pemimpin sepanjang hayat khususnya Khulafa' al-Rasyidin yang mana Rasulullah SAW. telah memerintahkan kita mengikuti sunah mereka, hendaklah kita 'menggigitnya dengan gigi geraham'[76] sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh *Ashab al-Sunan* daripada al-Irbadh bin Sariyah daripada Baginda SAW. Di dalam hadis ini juga Rasulullah SAW. telah mengingatkan kita tentang perkara-perkara baru (bidah). Sesungguhnya setiap bidah itu adalah sesat dan perkara ini termasuk perkara baru dan bidah.

Saya berkata kepadanya: Sesungguhnya kita sebelum diperintahkan mengikuti Sunnah Khulafa' al-Rasyidin, kita telah diperintahkan untuk mengikuti Sunah Nabi SAW. yang merupakan sumber yang kedua di dalam Islam. Ia bersama al- Quran adalah tempat rujuk semasa berlakunya pertikaian dan khilaf. Di dalam hadis al-'Irbadh yang disebutkan itu dinyatakan padanya: "Hendaklah mengikuti Sunahku dan Sunah Khulafa' al-Rasyidin". Baginda telah mendahulukan Sunah Baginda SAW.

Sunah Rasulullah SAW. sebagaimana yang dimaklumi terdiri daripada perkataan, perbuatan dan taqrir (pengakuan). Perbuatan Baginda yang khusus tidak bererti wajib sepenuhnya, bahkan ia adalah sekadar menunjukkan keharusan selagimana tidak tercantum bersamanya dalil lain yang membuktikan ia adalah sunah ataupun wajib.

Oleh itu kita telah melihat dari kalangan Khulafa' al-Rasyidin. mereka yang

76) Maksudnya hendaklah kita berpegang bersungguh-sungguh dan tidak rnelepaskannya. (Penterjemah).

bertentangan dengan Sunnah perbuatan Nabi SAW apabila dilihat maslahat yang diperkirakan pada zaman kenabian telah berubah.

Antaranya: Baginda SAW. telah membahagikan Khaibar antara para pejuang selepas pembukaannya sedangkan Umar r.a. tidak melakukan perkara yang sama sewaktu pembukaan negara Iraq kerana beliau berpandangan perkara lain adalah lebih membawa kepada maslahat pada zamannya. Perkara ini telah dipertikaikan oleh ramai para sahabat, apatah lagi pandangan Umar ini bertentangan dengan zahir umum satu ayat di dalam surah al-Anfal:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ

Terjemahan: *Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya untuk (jalan) Allah.* **(Surah al-Anfal 8:41)**

Umar berkata sewaktu mengulas perkara ini: "Saya melihat perkara ini akan mencakupi golongan yang awal dan golongan yang kemudian. Katanya lagi: "Apakah kamu mahu golongan yang akhir nanti datang tetapi mereka tidak boleh memiliki apa-apa bahagianpun."

Ertinya beliau menjaga maslahat generasi akan datang. Ini adalah satu bentuk daripada *takaful* yang ulung di antara generasi-generasi ummat di mana satu generasi apabila menikmati apa-apa nikmat mereka akan memikirkan bahagian untuk generasi berikutnya. Dalam perkara ini Umar bersandarkan kepada ayat pada surah al-Hashr yang mengisyaratkan kepada pembahagian-pembahagian *al-Faie* antara Muhajirin dan Ansar.

Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ

Terjemahan: *Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka.* **(Surah al-Hasyr 59: 10)**

Al-Imam Ibn Qudamah telah mentaklilkan perbezaan antara perbuatan Umar dan perbuatan Rasulullah SAW. bahawa Nabi SAW. telah melakukan apa yang paling baik untuk zamannya dan Umar telah melakukan apa yang terbaik pada zamannya.

Sekiranya perbuatan Rasulullah SAW. yang merupakan satu juzuk dari-

pada sunahnya tidak menjadi suatu kemestian kepada orang selepas Baginda dan para sahabat melakukan perkara yang menyalahinya atas pertimbangan-pertimbangan yang mereka lihat maka bagaimanakah kita boleh menyatakan bahawa perbuatan umat Islam selepas Baginda adalah dianggap wajib diikuti oleh golongan selepas mereka?

Sekadar sebagai praktikal-praktikal yang terdahulu tidak akan memberikan sifat wajib dalam perundangan. Apa yang wujud ialah; ia hanya sesuai untuk tempat, masa dan keadaannya. Apabila perkara-perkara ini telah berubah, maka akan berubahlah apa yang dibina di atasnya.

Asas bagi ikutan dan perkiraan ialah: Kita hendaklah menyaring daripada sistem-sistem dan perundangan lalu apa yang sesuai untuk zaman, masa dan keadaan kita dalam lingkaran nas-nas umum dan *al-Maqasid al-Kulliyah* bagi syariat Islam yang amat luas.

Berhujah dengan ijmak amali umat Islam tidak menetapkan tempoh seorang pemerintah adalah suatu kesilapan. Ijmak yang berlaku boleh membawa erti berterusannya tempoh pemerintah sepanjang hayat tidak dinafikan, sekiranya ia tidak membawa kepada mudarat ataupun kerosakan. Sebaliknya masalah menetap ataupun menghadkan tempoh tidak dibincangkan oleh ulama, bahkan ia didiamkan sahaja. Para ulama telah menyatakan: Tidak boleh disandarkan pendapat kepada orang yang berdiam diri. Maka tidak boleh disandarkan kepada mereka apakah mereka mensabit ataupun menafikan masalah ini.

Antara Sunah dan Bidaah

Pendapat bahawa: Menetapkan tempoh pemerintah ataupun Presiden adalah mewujudkan perkara bidaah di dalam Islam, dan telah sabit dengan nas dan ijmak bahawa setiap bidaah itu adalah membawa kesesatan.

Mukadimah kedua bagi pandangan ini adalah diterima iaitu setiap bidah itu adalah sesat. Namun mukadimah pertama mesti disabitkan agar jelas bahawa perkara ini termasuk di dalam lingkungan bidaah yang dinyatakan dalam syarak.

Satu kesilapan yang amat jelas, bahkan suatu kesesatan yang amat jauh ialah anggapan bahawa Islam menentang setiap perkara baru yang diciptakan dan memasukkannya di bawah nama bidaah.

Hakikatnya bidaah adalah perkara yang di dalam urusan agama semata-

mata seperti masalah akidah, ibadah dan apa yang berkaitan dengan keduanya. Perkara yang termasuk urusan dunia yang berubah-ubah seperti masalah adab, 'uruf kebiasaan pengurusan, keadaan, pentadbiran, kemasyarakatan, saqafah politik dan seumpamanya langsung tidak termasuk di dalam bidaah. Bahkan perkara ini dimasukkan di dalam apa yang dinamakan oleh ulama sebagai *Masalih al-Mursalah* sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Imam al-Syathibi di dalam bukunya *al-I'tisham*. Atas asas inilah para sahabat telah melakukan perkara-perkara yang tidak dibuat oleh Nabi SAW. seperti penulisan mashaf Al Quran, menyusun diwan, mewajibkan Kharaj dan membina penjara.

Para tabiin pula telah melakukan perkara-perkara yang tidak dibuat oleh para sahabat seperti mencetak wang, menyelenggarakan urusan pos dan sebagainya. Umat Islam juga telah mencipta perkara-perkara yang tidak wujud pada zaman Nabi dan para sahabat, seperti menyusun ilmu-ilmu yang telah diketahui sebelum itu dan mencipta ilmu-ilmu baru seperti ilmu-ilmu agama, bahasa dan pelbagai ilmu kemanusiaan.

Di dalam hadis sahih dinyatakan:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: *Sesiapa yang mewujudkan Sunah yang baik maka dia memperolehi ganjarannya dan ganjaran mereka yang beramal dengannya hingga ke hari Kiamat.*

Sejarah telah menulis bahawa wujud pada Khalifah kedua, Umar bin al-Khattab sekumpulan al-Awlawiyat (perkara-perkara utama/prioriti yang dilakukannya) yang telah mereka sebutkan di dalam Manaqib Umar r.a. Semuanya menceritakan tentang ciptaan idea Umar yang telah dipersetujui oleh para sahabat dan telah menjadi perkara yang diijmakkan.

Kesilapan Berhujah Secara Mutlak Dengan Sirah Bagi Mewujudkan Hukum

Antara sebab kesilapan dan kecelaruan Fiqh Siasi ialah mencampurkan antara Sunnah dan Sirah (sejarah perjalanan hidup Nabi SAW.) sewaktu berhujah. Sunah adalah sumber perundangan dan peraturan di dalam Islam di samping al-Quran. Al-Quran adalah asas dan sumber asasi manakala al-Sunah adalah penjelas, penafsir dan pelaksana.

Namun kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian manusia di sini ialah meletakkan Sirah di tempat Sunah. Mereka berhujah dengan peristiwa-peristiwa Sirah Nabi SAW. sebagaimana mereka berhujah dengan al-Sunah dan al-Quran bagi mewajibkan sesuatu. Sirah bukanlah sama dengan al-Sunah. Ada di antara kandungan Sirah yang tidak dimasukkan di dalam perundangan dan tiada hubungan dengannya. Oleh itu para ulama usul tidak memasukkan Sirah di dalam takrif al-Sunah. Bahkan mereka menakrifkan al-Sunah sebagai: Apa yang tercetus daripada Nabi SAW. daripada kata-kata, perbuatan ataupun taqrir (perakuan). Mereka tidak memasukkan Sirah (sejarah perjalanan hidup).

Para ulama hadis pula menambah di samping perkataan, perbuatan dan taqrir ini, sifat-sifat akhlak, tubuh badan dan Sirah kerana mereka mengumpulkan setiap perkara yang berkaitan dengan Baginda SAW. sama ada ia mempunyai kaitan dengan perundangan ataupun tiada kaitan dengannya. Mereka meriwayatkan tentang kehidupan Baginda sebelum diutuskan seperti sewaktu kelahiran, penyusuan, sewaktu kanak-kanak, remaja dan perkahwinan hingga ke akhirnya. Mereka meriwayatkan tentang sifat tubuh badan dan akhlak Baginda di samping meriwayatkan setiap apa yang ada hubungan dengan kehidupan dan kewafatan Baginda SAW.

Apa yang penting ialah sebahagian kumpulan-kumpulan Islam mengambil Sirah sebagai dalil mutlak bagi mengeluarkan hukum dan menganggapnya sebagai suatu kewajipan bagi setiap umat Islam. Di sini dibawakan dua pemerhatian yang penting.

Pertama: Di dalam Sirah banyak peristiwa yang diriwayatkan tanpa sanad yang bersambung dan sahih. Ulama bermudah-mudah di dalam meriwayatkan Sirah dan tidak bermudah-mudah di dalam meriwayatkan hadis yang berkaitan dengan hukum dan masalah halal haram.

Kedua: Sirah mencerminkan sudut praktikal kehidupan Nabi SAW. Bererti ia adalah dalam bahagian perbuatan daripada al-Sunah. Perbuatan Baginda SAW. tidak menunjukkan ia suatu kewajipan tetapi hanya menunjukkan keharusan sahaja. Mewajibkannya mestilah disertakan dengan dalil yang lain.

Memang betul kita dituntut untuk meneladani Nabi SAW. Firman Allah:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan Allah dan*

hari akhirat, serta Ia pula menyebut dan mengingati Allah sebanyak-banyaknya. **(Surah al-Ahzab 33:21)**

Akan tetapi ayat ini menunjukkan galakan mengikuti dan meneladani Baginda SAW., bukannya ia suatu kewajipan. Mengambil ikutan daripada Sirah Baginda SAW. adalah di dalam masalah akhlak, nilai dan pandangan-pandangan umum, bukannya dalam sikap-sikap Baginda yang terperinci.

Bukanlah suatu keperluan kita mengikuti Baginda dengan memulakan dakwah secara rahsia sekiranya berdakwah secara terang-terangan mudah dan dibenarkan. Bukanlah suatu keperluan untuk kita berhijrah sebagaimana Baginda telah berhijrah sekiranya kita tidak mempunyai keperluan untuk berhijrah di mana kita berada dalam keadaan aman di dalam negara kita dan kita dapat menyampaikan dakwah kita.

Oleh itu, hijrah ke Madinah tidak lagi menjadi kewajipan ke atas setiap orang Muslim selepas Pembukaan Mekah sebagaimana yang telah berlaku sebelum ini. Oleh itu, Nabi SAW. bersabda:

لاَ هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ وَإِذَا اسْتُنْفِرْتُمْ فَانْفِرُوا

Terjemahan: *Tiada hijrah selepas pembukaan Mekah, tetapi hanya ada jihad dan niat. Apabila kamu dipanggil untuk berperang maka keluarlah berperang.*[77]

Ertinya tidak ada lagi hijrah ke Madinah. Kalau adapun hanyalah berhijrah daripada setiap negeri yang mana umat Islam tidak dapat menjalankan agama padanya.

Bukanlah suatu keperluan kita meminta *al-Nushrah* (pembelaan) daripada mereka yang mempunyai kuasa dan kekuatan sebagaimana yang telah diminta oleh Nabi SAW. daripada beberapa Kabilah lalu ia disahut oleh golongan al-Aus dan al- Khazraj sekiranya perkara itu bukanlah cara yang mendatangkan hasil pada zaman kita.

Bukanlah suatu keperluan untuk kita berterusan selama 13 tahun menanam akidah dan menyeru kepadanya kerana pada hari ini kita hidup di kalangan umat Islam yang beriman bahawa 'Tiada Tuhan Yang Disembah Melainkan Allah Dan Muhammad Adalah Pesuruh Allah'. Mereka tidak perlu untuk diajarkan akidah dalam tempoh seperti ini.

77) Muttafaq yang diriwayatkan daripada beberapa orang sahabat.

Sekiranya pada hari ini kita mementingkan masalah keadilan kemasyarakatan, syura dan kebebasan, al-Quds dan Masjid al-Aqsa, ataupun berjihad menentang musuh umat, maka perkara ini adalah tidak bertentangan dengan petunjuk kenabian yang tidak mementingkan perkara ini melainkan sewaktu Baginda di Madinah. Ini disebabkan sewaktu Rasulullah SAW. berada di Mekah, Baginda berada di dalam masyarakat jahiliah yang syirik kepada Allah dan mendustakan risalah Muhammad. Maka medan pertempuran pertama untuk keadaan seperti ini adalah sekitar masalah tauhid dan risalah.

Berbeza dengan masyarakat kita pada hari ini. Mereka telah beriman dengan Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai Rasul walaupun berlaku padanya maksiat dan penyelewengan daripada syariat Allah.



ISLAM POLITIK

Pada tahun-tahun mutakhir ini tersebar beberapa ungkapan pada lidah dan pena sebahagian golongan sekular dan mereka yang terpengaruh dengan Barat dan golongan haluan kiri dan kanan, saya maksudkan mereka yang mengikuti pemikiran Marxis Timur ataupun pemikiran Liberal Barat selangkan di antara ungkapan ini ialah ungkapan Islam Politik. Mereka maksudkan Islam yang campur tangan dengan urusan ummat lain dan hubungan dalaman dan luarannya, berusaha membebaskannya daripada semua kuasa asing yang mencengkam bahunya dan mengatur urusan material dan moralnya sesuka hati mereka. Kemudian berusaha membebaskan dirinya daripada sampah sarap penjajahan Barat dari sudut saqafah. Kemasyarakatan dan perundangan untuk kembali semula berhukum dengan syariat Allah di dalam pelbagai sudut kehidupannya.

Mereka menggunakan ungkapan 'Islam Politik' untuk menjauhkan manusia daripada kandungan asalnya, menjauhkan mereka daripada para pendakwah yang benar, yang mengajak kepada Islam yang syumul, yang menganggap Islam adalah akidah dan syariat, agama dan negara.

Di sini ramai yang bertanya, apakah ungkapan baru 'Islam Politik' diterima di sudut syarak? Apakah memasukkan politik ke dalam Islam adalah rekaan para pendakwah yang baru dan moden? Ataupun apakah perkara ini termasuk urusan agama yang sabit dengan al-Quran dan al-Sunah?

Beberapa orang ikhwah telah meminta daripada kami untuk menjelaskan kepada mereka hakikat perkara ini berdasarkan dalil-dalil syarak yang menetapkan hukum agar perkara ini jelas. Bagi menjawab persoalan saudara-saudara yang cintakan Islam ini saya berkata:

Pertama: Penamaan Ini Ditolak

Perkara pertama yang mesti kami jelaskan di sini ialah penamaan ini pada sudut pandangan kita ummat Islam adalah ditolak. Ini disebabkan ia menjalankan perancangan yang telah dilakukan oleh musuh-musuh Islam yang berasaskan pembahagian dan pemecahan Islam mengikut pembahagian yang berbeza. Bukannya Islam yang satu sebagaimana yang telah Allah turunkan daripada sebagaimana kita umat Islam menganutinya. Apa yang mereka mahu ialah bentuk-bentuk ke Islaman yang pelbagai jenis dan saling berbeza.

Kadang-kadang mereka membahagikannya mengikut kawasan: Di sana ada Islam Asia dan Islam Afrika. Kadang-kadang mengikuti zaman: Di sana ada Islam zaman Nabi, Islam zaman Khalifah, Islam Umawi, Islam Abbasi, Islam 'Uthmani dan Islam Moden. Kadang-kadang mengikut bangsa: Di sana ada Islam Arab, Islam India' Islam Turki, Islam Malaysia dan sebagainya. Kadang-kadang mengikut mazhab: Di sana ada: Islam Sunni dan Islam Syiah. Kadang-kadang mereka membahagikan Sunni kepada beberapa bahagian dan Syiah juga kepada beberapa bahagian. Bahkan mereka menambah pembahagian-pembahagian baru: Di sana ada. Islam revolusi, Islam mundur, Islam radikal, Islam klasik, Islam kanan' Islam kiri, Islam tertutup dan Islam yang terbuka. Dan akhir sekali: Islam politik, Islam militan, Islam kerohanian, Islam zamani dan Islam ketuhanan. Kita tidak mengetahui apakah lagi yang akan mereka rekakan daripada pembahagian-pembahagian ini.

Sebenarnya pembahagian-pembahagian ini semuanya ditolak pada pandangan seorang Muslim. Yang ada di sana hanyalah yang satu, yang tiada sekutu baginya dan ia tidak mengiktiraf yang lain. Iaitu Islam yang pertama, Islam al-Quran dan al-Sunah. Islam sebagaimana yang telah difahami oleh generasi umat yang terbaik dan kurun yang paling mulia dari kalangan para sahabat dan mereka yang mengikuti dengan baik dan telah diuji oleh Allah dan Rasul-Nya.

Inilah Islam yang sebenarnya sebelum ia tercemar dan dikotori oleh aliran yang sesat, penyusupan agama lain, kebingungan falsafah, bidaah kumpulan, hawa nafsu mereka yang suka berdebat, tipu daya mereka yang menolak dan pencerobohan para pentakwil yang jahil.

Kedua: Islam Hanya Wujud Dengan Politik

Kita hendaklah mengisytiharkannya dengan jelas dan bertalu-talu bahawa Islam yang sebenarnya sebagaimana yang telah disyariatkan oleh Allah tidak mungkin wujud tanpa politik. Sekiranya Islam ditanggalkan daripada politik maka ia akan menjadi agama lain, mungkin ia akan menjadi agama Buddha, Kristian ataupun selainnya dan ia tidak boleh dijadikan agama Islam.

Islam Mengatur Kehidupan Keseluruhannya

Ini disebabkan dua perkara asas:

Sebab Pertama: Sikap Dan Hukum Islam Yang Jelas

Islam mempunyai sikap yang jelas dan hukum yang terang di dalam banyak perkara yang dianggap sebagai asas bagi politik. Islam bukanlah sekadar akidah ketuhanan ataupun syiar peribadatan. Saya maksudkan ia bukanlah sekadar hubungan manusia dengan tuhannya dan tidak mempunyai hubungan dengan pengurusan kehidupan, mengatur masyarakat dan negara. Sekali-kali tidak. Sesungguhnya Islam adalah akidah, ibadah, akhlak dan syariat yang saling menyempurnakan. Dengan ungkapan lain ia adalah *minhaj* yang sempurna untuk kehidupan berdasarkan prinsip, kaedah, perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan, diatur dan disusun. Yang berkaitan dengan kehidupan individu, urusan keluarga, keadaan masyarakat, asas bernegara dan perhubungan dengan dunia.

Sesiapa yang membaca al-Quran, al-Sunah dan buku-buku Fiqh Islam dengan pelbagai mazhabnya akan mendapati perkara ini amat jelas. Hinggakan bahagian ibadat di dalam fiqh bukanlah jauh daripada politik. Umat Islam telah ijmak bahawa meninggalkan sembahyang, enggan mengeluarkan zakat, terang-terangan berbuka pada bulan Ramadan dan mengabaikan kewajipan haji adalah termasuk perkara yang mewajibkan hukuman dan *ta'zir.* Kemungkinan juga mereka perlu diperangi sekiranya mereka adalah kumpulan yang mempunyai kekuatan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Abu Bakr r.a. terhadap mereka yang enggan membayar zakat. Bahkan ulama telah menyatakan bahawa: Sekiranya penduduk sesuatu negeri tertentu meninggalkan sebahagian Sunah tertentu yang merupakan syiar Islam seperti azan, mengkhatankan anak lelaki ataupun sembahyang dua Hari Raya, maka mereka mestilah diajak melakukan perkara itu dan diberikan hujah untuk melaksanakannya. Sekiranya

mereka enggan dan berkeras, mereka hendaklah diperangi sehingga mereka kembali semula kepada Jamaah Islam yang mana mereka sebelum itu berbeza dengannya.

Islam mempunyai kaedah, hukuman dan peraturannya dalam menentukan polisi pendidikan, polisi media massa, polisi perundangan, polisi pemerintahan, polisi kewangan, polisi perdamaian, polisi peperangan dan semua perkara yang memberikan kesan di dalam kehidupan. Ia tidak menerima untuk 'kosong' di sebelah tangan kirinya ataupun menjadi khadam bagi falsafah dan ideologi lain.

Bahkan ia tetap bertegas untuk menjadi ketua, pemimpin. diikuti dan dipatuhi. Islam tidak menerima untuk dibahagikan kehidupan, peraturan ataupun perundangan antaranya dengan tuan yang lain. Ia tidak menerima kata-kata yang disandarkan kepada al-Masih a.s.: *"Berikan kepada Kaisar (pemerintah) apa yang menjadi milik Kaisar dan berikan kepada Allah apa yang menjadi milik Allah."* Falsafahnya berdiri di atas asas bahawa Kaisar (pemerintah) dan apa yang dimilikinya adalah milik Allah Yang Maha Esa, yang menguasai apa yang di langit dan di bumi, sebagai raja dan pemiliknya.

Pemikiran tauhid di dalam Islam berdiri di atas asas bahawa seorang Muslim tidak mencari Tuhan yang lain kecuali Allah, tidak mengambil pemimpin kecuali Allah dan tidak mencari hukum kecuali daripada Allah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh surah Tauhid yang agung yang dikenali dengan nama surah al-An'am.

Akidah tauhid pada hakikatnya adalah revolusi untuk mewujudkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan untuk manusia sehingga tidak wujud lagi sebahagian manusia menjadikan manusia yang lain sebagai Tuhan selain Allah. Ia membatalkan penyembahan manusia kepada manusia yang lain. Oleh itu Rasulullah SAW. menutup surat-suratnya kepada Raja Ahli Kitab dengan satu ayat yang mulia daripada surah ali-'Imran.

Firman Allah:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ كَلِمَةٖ سَوَآءِۭ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمۡ أَلَّا نَعۡبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشۡرِكَ بِهِۦ شَيۡـٔٗا وَلَا يَتَّخِذَ بَعۡضُنَا بَعۡضًا أَرۡبَابٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِۚ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُولُواْ ٱشۡهَدُواْ بِأَنَّا مُسۡلِمُونَ ٦٤

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): 'Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah selain Allah dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatupun serta jangan pula sebahagian kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan tuhan-tuhan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam."* **(Surah ali-'Imran 3:64)**

Inilah rahsia penentangan golongan musyrikin dan pemimpin Mekah terhadap dakwah Islam daripada hari pertama dakwah ini. Ia sekadar disebabkan ia mengangkat bendera "Lailahaillallah". Mereka mengetahui apa yang tersembunyi di sebaliknya dan makna-makna perubahan bagi kehidupan bermasyarakat dan berpolitik yang dibawanya, di samping perubahan keagamaan yang sememangnya diketahui.

Sebab Kedua: Keperibadian Seorang Muslim Adalah Keperibadian Seorang Ahli Politik

Keperibadian seorang Muslim sebagaimana yang telah dibentuk oleh Islam dan diciptakan oleh akidah, syariah, ibadah dan tarbiahnya membentuk dirinya menjadi seorang ahli politik. Kecualilah sekiranya dia memahami Islam secara silap ataupun tidak betul melaksanakannya.

Islam meletakkan di atas bahu setiap Muslim kewajipan yang dinamakan sebagai *amar makruf nahi mungkar* yang kadang-kadang disebut sebagai memberi nasihat kepada pemimpin-pemimpin umat Islam dan golongan awam mereka. Hal inilah yang disahihkan di dalam hadis yang menganggap nasihat itu adalah agama keseluruhannya: *"Agama itu adalah nasihat."*[78] Kadang-kadang ia dipanggil sebagai berpesan dengan kebenaran dan berpesan dengan kesabaran yang menjadi syarat asas selamatnya daripada kerugian dunia dan akhirat.

Perhatian seorang Muslim terhadap urusan umum umatnya adalah apa yang dinamakan pada masa ini sebagai politik.

78) Riwayat Muslim daripada Tamira al-Dafi yang merupakan salah satu daripada Hadis 40 Imam Nawawi yang masyhur.

Menentang Kerosakan Dan Kezaliman Adalah Lebih Afdal Daripada Jihad

Rasulullah SAW. menyeru umat Islam untuk memerangi kerosakan di dalam negara dan menganggapnya adalah lebih afdal daripada menentang serangan dari luar. Baginda menyatakan sewaktu ditanyakan tentang jihad yang paling afdal:

أَفْضَلُ الْجِهَادِ كَلِمَةُ حَقٍّ عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ

Terjemahan: *Jihad yang paling afdal ialah kalimah yang benar di sisi pemerintah yang zalim.*[79]

Ini disebabkan kerosakan dalaman menyediakan jalan bagi serangan dari luar. Syahadah di sini dianggap sebagai jenis yang paling tinggi pada jalan Allah. Sabda Nabi SAW.:

سَيِّدُ الشُّهَدَاءِ حَمْزَةُ ثُمَّ رَجُلٌ قَامَ إِلَى إِمَامٍ جَائِرٍ فَأَمَرَهُ وَنَهَاهُ فَقَتَلَهُ

Terjemahan: *Pemimpin para syuhada ialah Hamzah, kemudian lelaki yang berdiri di hadapan pemerintah yang zalim, lalu dia menyuruhnya menjalankan kebenaran dan menegahnya daripada kemungkaran lalu beliau dibunuh.*[80]

Ditanamkan di dalam jiwa seorang Muslim untuk menolak kezaliman dan menentang mereka yang zalim sehinggakan dibaca di dalam doa Qunut yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud yang diamalkan oleh Mazhab Hanafi dan selainnya:

نَشْكُرُكَ اللَّهُمَّ وَلاَ نَكْفُرُكَ وَنَخْلَعُ وَنَتْرُكُ مَنْ يَفْجُرُكَ

Terjemahan: *Kami mensyukuri-Mu ya Allah dan tidak kufur kepada-Mu, kami menanggal dan meninggalkan ketaatan daripada mereka yang zalim.*

Islam menggalakkan berperang untuk menyelamatkan mereka yang tertindas dan lemah di muka bumi dengan ungkapan galakan suruhan yang paling mendalam.

---

79) Al-Munziri berkata dalam al-Targhib: Riwayat al-Nasa'i dengan sanad yang sahih daripada Thariq bin Syihab dalam *Sunannya* (7/161). Ia turut disahihkan oleh al-Nawawi dalam *Riyadh al-Sholihin.*

80) Diriwayatkan daripada Jabir oleh al-Hakim dan beliau mensahihkannya tetapi ditolak oleh al-Zahabi dan diriwayatkan oleh al-Khatib melalui jalan yang disahihkan oleh al-Albani sebagaimana di dalam al-Shahihah: 374.

Firman Allah:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Terjemahan: *Dan apakah yang menghalang kamu untuk tidak mahu berperang pada jalan Allah dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, iaitu mereka selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya yang zalim dan jadilah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami) dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu pemimpin yang membela kami."* **(Surah an-Nisa' 4:75)**

Ia menyalakan bara kemarahan dan amat mengingkari mereka yang menerima kehinaan, reda tinggal di negara yang menghina dan menzalimi mereka sedangkan mereka mampu berhijrah dan lari daripadanya ke negeri lain.

Firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ كُنتُمْ ۖ قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾ إِلَّا ٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾ فَأُو۟لَٰٓئِكَ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang yang dimatikan oleh malaikat, sedang mereka menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah bersama Rasulullah), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: Dalam keadaan bagaimanakah kamu ini?" Mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang-orang yang ditindas di bumi." Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, maka kamu boleh berhijrah dengan bebas padanya?' Maka orang-orang itu tempat mereka ialah neraka jahanam dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk*

tempat kembali. Kecuali orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah). Maka mereka itu, mudah-mudahan Allah memaafkan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. **(Surah an-Nisa' 4:97-99)**

Hinggakan terhadap mereka yang telah terlalu tua dan lemah, Allah menyatakan tentang keadaan mereka: "Mudah-mudahan Allah memaafkan mereka". Ini menunjukkan mereka amat mengharapkan keampunan Allah sebagai amaran agar mereka tidak reda dengan penghinaan dan kezaliman yang tidak dapat mereka elakkan.

Cerita al-Quran yang berulang-ulang tentang golongan yang angkuh di muka bumi seperti Firaun, Hamaan, Qarun, pembantu dan tentera mereka adalah cerita yang memenuhkan hati seorang Muslim dengan kebencian terhadap mereka, mengingkari cara pemerintahan mereka, benci terhadap sikap melampau mereka dan menyokong dari sudut pemikiran dan perasaan terhadap mangsa-mangsa mereka yang dizalimi dan ditindas.

Mengubah Kemungkaran Suatu Kewajipan

Perbincangan al-Quran dan al-Sunah tentang sikap berdiam diri daripada kemungkaran dan bersikap negatif terhadap mereka yang melakukannya sama ada pemerintah ataupun rakyat adalah suatu perbincangan yang menggoncangkan perasaan mereka yang memiliki sebesar biji sawi iman di dalam hatinya.

Firman Allah:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan: *Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israel telah dilaknat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Maryam. Yang demikian itu kerana mereka menderhaka dan melampaui batas. Mereka saling tidak larang-melarang daripada perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka telah lakukan.* **(Surah al-Ma'idah 5:78-79)**

Rasulullah SAW. bersabda yang bermaksud:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيْمَانِ

Terjemahan: *Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangan, sekiranya dia tidak mampu maka dengan lidah, sekiranya tidak mampu maka dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman.*[81)]

Adalah suatu sangkaan yang silap bahawa kemungkaran terhad pada zina, meminum arak dan apa yang ada pada makna keduanya.

Menghina kehormatan rakyat adalah suatu kemungkaran yang besar. Menipu di dalam pilihan raya adalah kemungkaran yang besar. Tidak memberikan kesaksian di dalam pilihan raya adalah kemungkaran yang besar kerana ia menyembunyikan kesaksian. Menyerahkan pemerintahan kepada bukan ahlinya adalah kemungkaran yang besar. Mencuri harta awam adalah kemungkaran yang besar. Memonopoli barangan yang diperlukan oleh orang ramai untuk kepentingan individu ataupun kumpulan adalah kemungkaran yang besar. Menahan manusia tanpa jenayah yang diputuskan oleh mahkamah yang adil adalah kemungkaran yang besar. Menyeksa manusia di dalam penjara dan pusat tahanan adalah kemungkaran yang besar. Memberi, menerima dan menjadi orang tengah bagi rasuah adalah kemungkaran yang besar. Mengambil hati dan memuji-muji pemerintah yang batil adalah kemungkaran yang besar. Menjadikan musuh Allah dan musuh umat sebagai pemimpin dengan mengenepikan orang yang beriman adalah kemungkaran yang besar.

Begitulah kita mendapati ruang bagi kemungkaran semakin meluas hinggakan ia mencakupi kebanyakan perkara yang dianggap oleh manusia sebagai urusan asasi bagi politik. Apakah seorang Muslim yang cintakan agamanya dan sentiasa berusaha memperolehi keredaan Tuhannya akan berdiam diri? Ataupun lari berundur daripada medan apabila berhadapan dengan kemungkaran dan sebagainya kerana takut ataupun mahu menyelamatkan diri?

Perasaan seperti ini sekiranya tersebar di kalangan umat, maka telah berakhirlah risalahnya dan mereka akan terhapus kerana mereka telah menjadi

81) Riwayat Muslim dan selainnya daripada Abu Sa'id al-Khudri .

umat lain dan bukannya suatu umat yang telah disifatkan oleh Allah dalam firmannya:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benarnya).* **(Surah ali-'Imran 3:110)**

Tidak hairan sekiranya kita mendengar amaran Nabi SAW. kepada umat dalam masalah seperti ini, Baginda telah bersabda:

إِذَا رَأَيْتَ أُمَّتِي تَهَابُ أَنْ تَقُوْلَ لِلظَّالِمِ: يَا ظَالِمُ فَقَدْ تُوَدِّعُ مِنْهُمْ

Terjemahan: *Apabila kamu melihat umatku takut untuk berkata kepada orang zalim: Wahai orang zalim, maka telah diucapkan selamat tinggal untuk mereka.*[82]

Ertinya, mereka sudah tidak layak untuk hidup.

Seorang Muslim dengan kedudukan imannya dituntut agar tidak menjadi penonton terhadap kemungkaran walau apapun jenisnya. Sama ada ia berbentuk politik, ekonomi, kemasyarakatan ataupun saqafah. Bahkan dia hendaklah menentangnya dan berusaha mengubah dengan tangannya sekiranya dia mampu. Kalau tidak mampu, maka menggunakan lidah dan penjelasan. Sekiranya dia tidak mampu mengubah dengan lidah maka dia berpindah ke peringkat lain yang paling rendah iaitu mengubah dengan hati yang telah dijadikan oleh hadis sebagai: "Selemah-lemah iman".

Ia dinamakan oleh Rasulullah SAW. sebagai mengubah dengan hati kerana ia adalah tanggungan jiwa dan perasaan menentang kemungkaran, mendokong dan membela penentangan ini. Tanggungan ini bukanlah perkara negatif sebagaimana yang disangkakan. Sekiranya ia negatif, ia tidak akan dinamakan sebagai mengubah oleh hadis tersebut.

Tanggungan yang berterusan bagi jiwa, perasaan dan hati semestinya pada suatu masa akan menghasilkan usaha yang positif. Kemungkinan ia akan

82) Riwayat Ahmad bin Hanbal dalam *Musnadnya* daripada Abdullah bin 'Amru.

menjadi satu revolusi umum ataupun letusan yang menghancurkan sekiranya tekanan berterusan. Tekanan yang berterusan akan mencetuskan letupan yang merupakan satu sunah Allah di kalangan makhluknya.

Sekiranya hadis ini menamakan sikap ini sebagai 'mengubah dengan hati', maka hadis Nabi SAW. yang lain telah menamakannya sebagai 'jihad dengan hati' yang merupakan darjat jihad yang paling rendah sebagaimana ia juga adalah darjat iman yang paling lemah. Muslim telah meriwayatkan daripada Ibn Mas'ud secara marfu':

مَا مِنْ نَبِيٍّ بَعَثَهُ اللهُ فِي أُمَّةٍ قَبْلِي إِلاَّ كَانَ لَهُ مِنْ أُمَّتِهِ حَوَارِيُّوْنَ وَأَصْحَابُ يَأْخُذُوْنَ بِسُنَّتِهِ وَيَقْتَدُوْنَ بِأَمْرِهِ ثُمَّ إِنَّهَا تَخْلُفُ مِنْ بَعْدِهِمْ خُلُوْفٌ يَقُوْلُوْنَ مَا لاَ يَفْعَلُوْنَ وَيَفْعَلُوْنَ مَا لاَ يُؤْمَرُوْنَ فَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِيَدِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِلِسَانِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِقَلْبِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَيْسَ مِنْ وَرَاءَ ذَلِكَ مِنَ الْإِيْمَانِ حَبَّةُ خَرْدَلٍ

Terjemahan: *Tidak ada seorang Nabi pun yang diutuskan oleh Allah di kalangan umat sebelumku melainkan wujud daripada umatnya itu golongan Hawariyun (pembantu) dan para sahabat yang mengambil Sunnahnya dan mematuhi perintahnya. Kemudian dia meninggalkan selepas mereka para pengganti yang berkata apa yang tidak mereka lakukan dan melakukan apa yang tidak diperintahkan. Sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan tangan maka dia adalah seorang Mukmin. Sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan lidah maka dia adalah seorang Mukmin. Sesiapa yang menentang mereka dengan hati maka dia adalah seorang Mukmin dan tidak ada di sebalik itu iman walaupun sebesar biji sawi.*

Antara Individu Dan Jamaah

Seorang individu sahaja mungkin tidak berupaya untuk menentang kemungkaran khususnya apabila kemungkaran telah tersebar, berleluasa dan sudah kukuh kedudukannya. Ataupun kemungkaran itu dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang sepatutnya menjadi orang yang pertama memeranginya sebelum

orang lain. Bukannya menjadi pelaku maksiat dan pengawalnya. Di sini terjadilah seperti kata perpatah: "Ia dijaga oleh perompaknya"[83] atau seperti yang disebut oleh seorang penyair:

Penggembala kambing menjaganya daripada serigala. Maka bagaimanakah sekiranya penggembala itu adalah serigalanya?

Dengan itu, kerjasama dalam membanteras kemungkaran adalah satu kewajiban yang tidak diragukan lagi kerana ia merupakan suatu kerjasama dalam melakukan kebajikan dan takwa. Usaha amal jamai (usaha secara berjamaah) ini dapat dilakukan melalui pertubuhan atau parti politik serta mana-mana platform yang dibenarkan. Ini adalah satu kewajiban agama selain ia adalah perkara yang mesti dilakukan berdasarkan tuntutan keadaan semasa.

Antara Hak Dan Kewajipan

Sesungguhnya apa yang dianggap oleh falsafah dan ideologi moden semasa sebagai hak asasi manusia dalam mengutarakan pendapat, mengkritik dan membangkang telah diangkat kedudukannya oleh Islam dan ia dijadikannya sebagai suatu kewajiban yang suci dan mereka yang mencuaikannya dianggap berdosa dan berhak untuk mendapat azab Allah SWT.

Perbezaan cukup besar di antara *al-haq* (hak) yang termasuk dalam lingkungan perkara yang 'mubah' ataupun 'pilihan' yang mana manusia bebas meninggalkannya sekiranya dia mahu, dengan perkara yang wajib ataupun fardu yang tidak ada pilihan bagi *mukalaf* untuk meninggalkannya atau melupakannya tanpa sebarang keuzuran (alasan) yang diterima oleh syarak.

Antara perkara yang menjadikan seseorang Muslim itu sentiasa menjadi seorang ahli politik ialah: Dia dituntut sedemikian oleh imannya. Dia tidak boleh hidup untuk dirinya sahaja tanpa mengambil berat hal ehwal dan masalah orang lain khususnya orang yang beriman kerana tuntutan dan ketetapan ukhuwah keimanan.

Firman Allah:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu adalah bersaudara.* **(Surah al-Hujurat 49:10)**

83) Dalam peribahasa Melayu disebut sebagai "pagar makan padi".

Rasulullah (SAW.) bersabda:

مَنْ لَمْ يَهْتَمَّ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِيْنَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ، وَمَنْ لَمْ يَصْبَحْ نَاصِحًا لِلّٰهِ وَلِرَسُوْلِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِيْنَ وَعَامَّتِهِمْ فَلَيْسَ مِنْهُمْ، وَأَيُّمَا أَهْلِ عِرْصَةٍ بَاتَ فِيْهِمُ امْرُؤٌ جَائِعٍ فَقَدْ بَرِئَتْ مِنْهُمْ ذِمَّةُ اللّٰهِ وَذِمَّةُ رَسُوْلِهِ

Terjemahan: *Sesiapa yang tidak mengambil berat perihal orang Mukmin yang lain maka dia bukanlah termasuk daripada kalangan mereka. Sesiapa yang tidak menjadi penasihat untuk Allah, Rasul-Nya, pemimpin umatnya dan orang awamnya, maka dia bukanlah daripada kalangan mereka. Mana-mana pemilik kekayaan yang mana di sisinya ada orang yang tertidur kelaparan, maka Allah dan Rasul-Nya telah berlepas diri daripadanya."*[84]

Sebagaimana al-Quran mewajibkan seorang Muslim untuk memberi makan kepada orang miskin, ia juga mewajibkannya untuk menggalakkan orang lain agar berbuat sedemikian. Ini adalah supaya dia tidak menjadi seperti golongan jahiliah yang telah dikeji oleh al-Quran dalam ayatnya:

كَلَّا بَل لَّا تُكْرِمُونَ ٱلْيَتِيمَ ﴿١٧﴾ وَلَا تَحَٰٓضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿١٨﴾

Terjemahan: *Jangan sekali-kali begitu! Bahkan sebenarnya kamu tidak memuliakan anak-anak yatim. Dan kamu tidak saling mengajak untuk memberi makan orang miskin.* **(Surah al-Fajr 89:17-18)**

Al-Quran juga menjadikan sifat mencuaikan perkara ini sebagai termasuk tanda pendustaan terhadap agama.

Firman Allah:

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ﴿١﴾ فَذَٰلِكَ ٱلَّذِى يَدُعُّ ٱلْيَتِيمَ ﴿٢﴾ وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣﴾

Terjemahan: *Adakah kamu mengetahui orang yang mendustakan agama? Mereka itulah orang yang mengherdik anak yatim. Dan tidak menggalakkan untuk memberi makan orang miskin.* **(Surah al-Ma'un 107:1-3)**

84) Riwayat al-Thabrani daripada Huzaifah daripada jalan Abdullah bin Abu Ja'afar al-Razi yang diperselisihkan tentangnya. Lihat *Majma' al-Zawaid* (1 / 87) dan *al Muntaqa Min al-Targhib Wa al-Tarhib* (997).

Sifat ini juga telah dirangkaikan oleh al-Quran dengan sifat kufur kepada Allah Taala yang mana dia berhak menerima azab yang pedih di akhirat kelak.

إِنَّهُۥ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾ وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣٤﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya ia dahulu tidak beriman kepada Allah yang Maha Besar. Dan ia tidak mendorong untuk memberi makan orang-orang miskin.* **(Surah al-Haqqah 69:33-34)**

Perkara inilah yang berlaku dalam masyarakat Kapitalis, Feudal dan masyarakat yang memeras hak orang miskin dan lemah yang menaikkan semangat orang ramai untuk melakukan revolusi dan berdiri bersama golongan miskin untuk menghadapi golongan kaya.

Seorang Muslim juga dituntut untuk menentang kezaliman sosial, dan dia juga dituntut untuk memerangi kezaliman serta politik setiap kezaliman walau apa nama dan jenisnya. Berdiam diri daripada kezaliman dan memandang ringan terhadapnya adalah antara perkara yang menyebabkan penurunan azab ke atas umat keseluruhannya sama ada yang zalim ataupun mereka yang berdiam diri sebagaimana firman Allah:

وَٱتَّقُوا۟ فِتْنَةً لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنكُمْ خَآصَّةً ۖ

Terjemahan: *Dan jagalah diri kamu daripada seksaan yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa semuanya).* **(Surah al-Anfal 8:25)**

Al-Quran juga telah mengeji orang yang mematuhi orang-orang zalim dan melampaui batas, dan menjadi tali barut mereka sebagaimana yang difirmankan oleh Allah mengenai kaum Nabi Nuh:

وَٱتَّبَعُوا۟ مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُۥ وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Dan (mereka) mengikuti mereka yang harta dan anak-anaknya tidak menambah kepadanya kecuali kerugian (di akhirat nanti).* **(Surah Nuh 71:21)**

Mengenai kaum Nabi Hud, Allah berfirman:

وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾

Terjemahan: *Serta mereka menurut perintah setiap ketua yang bermaharajalela, lagi degil dalam keengkarannya.* **(Surah Hud 11:59)**

Mengenai kaum Firaun, Allah berfirman:

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

Terjemahan: *(Dengan yang demikian) Firaun memperbodohkan kaumnya, lalu mereka patuh kepadanya, kerana sesungguhnya mereka adalah kaum yang fasik.* **(Surah al-Zukhruf 43:54)**

Bahkan al-Quran telah menjadikan sekadar tunduk dan cenderung perasaan kepada orang-orang zalim sebagai penyebab azab Allah:

وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

Terjemahan: *Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim, maka kamu akan disentuh oleh api neraka, sedang kamu tidak ada sebarang penolongpun selain dari Allah. Kemudian kamu tidak akan mendapat pertolongan.* **(Surah Hud 11:113)**

Islam menjadikan setiap Muslim mempunyai tanggungjawab politik. Mereka hendaklah hidup dalam negara yang dipimpin oleh pemimpin Islam yang berhukum dengan hukum al-Quran dan semua penduduk membaiah (memberikan taat setia) kepadanya. Jika tidak, dia adalah termasuk puak jahiliah sepertimana yang dinyatakan oleh hadis Nabi SAW:

مَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةُ الْإِمَامِ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

Terjemahan: *Sesiapa yang mati tanpa memberi baiah kepada Imam maka kematiannya adalah kematian jahiliah.*[85]

Sembahyang Dan Politik

Seorang Muslim mungkin di tengah-tengah sembahyangnya, walaupun begitu dia juga akan tenggelam dalam lautan politik apabila dia membaca ayat-

85) Riwayat Muslim dalah Shahihnya daripada Ibn Umar

ayat al-Quran yang termasuk dalam apa yang manusia namakan sebagai ayat politik.

Sesiapa yang membaca surah al-Ma'idah akan menjumpai ayat-ayat yang memerintahkan kita supaya berhukum dengan hukuman yang diturunkan oleh Allah. Ayat ini menyifatkan sesiapa yang tidak berbuat demikian sebagai kafir, fasik dan zalim.

Firman Allah:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengigkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir.* **(Surah al-Ma'id-ah 5:44)**

Firman Allah lagi:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang zalim.* **(Surah al-Ma'idah 5:45)**

Firman Allah:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka merekalah orang-orang yang fasik.* **(Surah al-Ma'idah 5:47)**

Ayat-ayat ini memasuki unsur-unsur politik. Kemungkinan akan dianggap pembangkang yang melampau kerana dengan membacakan ayat-ayat ini dia telah menghalakan tuduhan kepada pihak pemerintah dan menggalakkan penentangan terhadapnya kerana dia telah disifatkan sebagai kafir atau fasik atau zalim ataupun kesemuanya sekali!

Begitu juga dengan mereka yang membaca ayat yang melarang daripada menjadikan orang yang tidak beriman sebagai teman rapat.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَجۡعَلُواْ لِلَّهِ عَلَيۡكُمۡ سُلۡطَٰنٗا مُّبِينًا ١٤٤

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang berman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Apakah kamu hendak mengadakan alasan yang nyata untuk Allah (menyeksa) kamu?* **(Surah an-Nisa' 4:144)**

Firman Allah lagi:

لَا يَتَّخِذِ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَۖ وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ فَلَيۡسَ مِنَ ٱللَّهِ فِي شَيۡءٍ إِلَّآ أَن تَتَّقُواْ مِنۡهُمۡ تُقَىٰةٗۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفۡسَهُۥۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلۡمَصِيرُ ٢٨

Terjemahan: *Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian, maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) daripada Allah dalam sesuatu apapun; kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti daripada pihak mereka (golongan yang kafir itu). Dan Allah memerintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali.* **(Surah ali-'Imran 3:28)**

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمۡ أَوۡلِيَآءَ تُلۡقُونَ إِلَيۡهِم بِٱلۡمَوَدَّةِ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang Mukmin) dengan sebab perasaan kasih sayang (di antara kamu).* **(Surah al-Mumtahanah 60:1)**

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ بِطَانَةٗ مِّن دُونِكُمۡ لَا يَأۡلُونَكُمۡ خَبَالٗا وَدُّواْ

مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi 'orang dalam' yang dipercayai. Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar.* **(Surah ali-'Imran 3:118)**

Ada suatu doa yang dinamakan sebagai *qunut al-nawazil* yang ditetapkan di dalam fiqh yang merupakan suatu doa yang dibacakan dalam sembahyang selepas bangun daripada rakaat terakhir khususnya dalam sembahyang *jahar* (yang disunatkan bacaan secara jelas). Qunut ini disyariatkan ketika umat Islam ditimpa kesusahan seperti serangan musuh, gempa bumi, banjir, kebuluran dan seumpamanya.

Saya masih lagi teringat bagaimana al-Imam As-Syahid Hasan al-Banna menggunakan hukum syarak ini bagi membangkitkan rakyat Mesir menentang penjajahan Inggeris. Beliau telah menulis dalam akhbar harian "al-Ikhwan al-Muslimun" menyeru umat Islam agar membaca doa qunut dalam sembahyang mereka bagi memohon agar kuasa penjajah ditimpakan kehancuran. Beliau mencadangkan satu bentuk doa untuk dibacakan dan beliau tidak mewajibkannya kepada sesiapapun. Walaupun begitu kami telah menghafalnya dan membacakannya dalam sembahyang kami. Antara bacaan doa qunut itu adalah bermaksud:

اللَّهُمَّ رَبَّ الْعَالَمِيْنَ وَأَمَانَ الْخَائِفِيْنَ وَمُذِلَّ الْمُتَكَبِّرِيْنَ وَقَاصِمَ الْجَبَّارِيْنَ، اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ أَنَّ هَؤُلاَءِ الْغَاصِبِيْنَ مِنَ الإِنْجِلِيْزِ فَقَدْ أَحْتَلُّوا أَرْضَنَا، وَغَصَبُوا حَقَّنَا، وَطَغَوا فِي الْبِلاَدِ، فَأَكْثَرُوْا فِيْهَا الْفَسَادَ، اللَّهُمَّ رَدِّ عَنَّا كَيْدَهُمْ وَفَلِّ حَدَّهُمْ وَأَذِلَّ دَوْلَتَهُمْ وَأَذْهِبْ عَنْ أَرْضِكَ سُلْطَانَهُمْ وَلاَ تَدَعْ لَهُمْ سَبِيْلاً عَلَى أَحَدٍ مِنْ عِبَادِكَ الْمُؤْمِنِيْنَ، اللَّهُمَّ خُذْهُمْ وَمَنْ نَاصَرَهُمْ أَوْ عَاوَنَهُمْ أَوْ وَادَّهُمْ أَخْذَ عَزِيْزٍ مُقْتَدِرٍ

Terjemahan: *Ya Allah Tuhan semesta alam, pemberi keamanan kepada orang yang ketakutan, pemberi kehinaan kepada orang yang takbur, penghapus orang yang membuat kezaliman. Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa para penjajah Inggeris itu telah menawan bumi kami, merampas hak kami, membuat kezaliman dan kerosakan di bumi ini. Ya Allah, balaslah perbuatan mereka itu, hapuskanlah kekuatan mereka, hinakanlah negara mereka, usirkanlah kekuasaan mereka dari bumi-Mu ini. Janganlah berikan kepada mereka peluang untuk menindas hamba-Mu yang beriman. Ya Allah, hancurkanlah mereka, orang yang menolong mereka dan mendokong mereka dengan kehancuran yang besar daripada Tuhan Yang Maha Gagah Lagi Perkasa.*

Dengan itu juga bermakna kita telah memasuki lautan politik dan mengharungi badainya sedangkan dalam masa yang sama kita berada di tempat sembahyang dalam keadaan penuh khusyuk dan merendah diri.

Inilah tabiat Islam yang tidak mengasingkan agama daripada dunia dan tidak memisahkan dunia daripada agama. Al-Quran, al-Sunah dan sejarah Islam tidak pernah mengenali konsep agama tanpa pemerintahan atau pemerintahan yang diasing daripada agama.

Dakwaan Agama Tiada Kaitan Dengan Politik Dan Politik Tiada Kaitan Dengan Agama

Mereka yang mendakwa bahawa agama tiada hubungan dengan politik sebelum ini dan mereka yang mencipta kata-kata dusta "Tiada agama dalam politik dan tiada politik dalam agama" selepas itu adalah orang yang pertama membohongi kata-kata mereka itu dengan kata-kata dan perbuatan mereka sendiri.

Ini disebabkan mereka sendiri sehingga kini masih menjadikan agama sebagai alat untuk tujuan politik mereka dan untuk menindas musuh-musuh mereka. Mereka juga menggunakan ulama-ulama upahan yang hina untuk mengeluarkan fatwa melawan sesiapa yang membangkang sistem pentadbiran mereka yang batil dari sudut agama dan gagal dari sudut keduniaan.

Saya masih lagi mengingati peristiwa bagaimana dikeluarkan fatwa-fatwa ketika kami berada dalam Kem Tahanan al-Thur pada tahun 1948 M dan 1949 M. Fatwa ini menyatakan bahawa kami yang menyeru kepada berhukumkan al-Quran dan melaksanakan Islam adalah orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan mahu melakukan kerosakan di muka bumi. Dengan ini kami

layak dibunuh atau disalib, dipotong tangan dan kaki secara bersilang ataupun dibuang negeri!

Peristiwa ini berulang kali berlaku pada beberapa zaman. Sandiwara ini sentiasa berulang walaupun para pelakonnya bertukar! Saya dan orang ramai masih mengingati peristiwa bagaimana Ahli Fatwa diminta agar mengeluarkan fatwa tentang keharusan berdamai dengan Israel menurut hukum syarak. Ini adalah untuk menyokong polisi mereka yang tewas selepas satu fatwa yang dikeluarkan sebelum itu yang mengharamkan perdamaian dengan Israel dan menganggapnya satu pengkhianatan kepada Allah, Rasul dan orang-orang yang beriman!

Pemerintah-pemerintah masih lagi sehingga sekarang mempergunakan ahli-ahli agama untuk memaksa mereka mengeluarkan fatwa-fatwa yang dapat membantu matlamat politik mereka. Percubaan yang terakhir yang dibuat adalah percubaan untuk menghalalkan faedah bank dan sijil pelaburan. Ia dipersetujui oleh mereka yang ingin mencari kesenangan dari kalangan mereka yang kurang fiqh atau kefahaman agama-agama manakala ulama-ulama yang alim telah menolaknya.

Firman Allah:

ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ

Terjemahan: *Orang-orang yang menyampaikan syariat Allah dan merasa takut kepada-Nya, dan mereka tidak takut kepada seseorangpun selain daripada Allah.* **(Surah al-Ahzab 33:39)**

Adakah Politik Itu Satu Kemungkaran?

Politik mengikut teorinya ialah suatu ilmu yang mempunyai kepentingan dan kedudukan yang tersendiri. Dari sudut praktikalnya, ia adalah satu kerja yang mempunyai kemuliaan dan faedahnya kerana ia berkaitan dengan pentadbiran urusan makhluk dalam bentuk yang sebaik mungkin.

Al-Imam Ibn al-Qaiyim telah meriwayatkan daripada al-Imam Abu al-Wafa' bin 'Aqil al-Hanbali bahawa:

Politik ialah perbuatan yang menjadikan manusia yang bersamanya lebih dekat kepada kebaikan dan jauh daripada kerosakan selagimana ia tidak bertentangan dengan syarak.

Ibn al-Qaiyim menyatakan:

Sesungguhnya politik yang adil tidak bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh syarak. Bahkan ia selari dengan apa yang dibawakannya. Ia merupakan satu juzuk daripadanya. Kami menamakannya sebagai politik kerana mengikut apa yang kamu istilahkan. Sesungguhnya ia sebenarnya adalah keadilan Allah dan Rasul-Nya.[86)]

Ulama kita yang terdahulu telah menyebut kepentingan politik dan kelebihannya. Al-Imam al-Ghazali telah berkata:

Sesungguhnya dunia merupakan ladang bagi akhirat. Agama tidak akan sempurna kecuali dengan dunia. Kerajaan dan agama adalah saudara kembar. Agama merupakan asas, pemerintahan adalah pengawalnya. Perkara yang tiada asas akan runtuh dan perkara yang tidak mempunyai pengawal akan sia-sia.[87)]

Mereka telah menakrifkan Imamah ataupun Khilafah sebagai:

Pengganti umum daripada pemilik syarak iaitu Rasulullah SAW. dalam menjaga agama dan memerintah dunia dengan agama.[88)]

Oleh itu, Khilafah adalah penjagaan dan pemerintahan.

Nabi SAW. adalah seorang ahli politik di samping sebagai penyampai ajaran, guru dan juga *Qadhi*. Baginda adalah Ketua Negara dan Imam bagi umat. Para *Khulafa' al-Rasyidin* selepas Baginda juga adalah ahli politik yang mengikuti sunah dan jalan Baginda. Mereka telah mentadbir umat dengan adil dan ihsan, dan memimpin mereka dengan ilmu dan iman.

Akan tetapi manusia pada zaman kini dan di daerah kita khususnya, disebabkan kesusahan yang menimpa mereka kerana politik dan orang politik, sama ada politik penjajah atau pemerintah yang khianat ataupun zalim, mereka amat membenci politik dan setiap apa yang berkaitan dengannya terutamanya ketika falsafah Machiavelli menguasai arena politik dan menentukan hal tujuannya. Sehinggakan diceritakan bahawa al-Syeikh Muhammad 'Abduh telah berkata - selepas beliau merasai tipu daya politik dan permainannya yang bermaksud:

---

86) Lihat *al-Thuruq al-Hukmiyah Fi al-Siyasah al-Syar'ieyah* oleh Ibn al-Qayyim hlm 13-15. Terbitan al-Sunnah al-Muhammadiyah.

87) *Ihya' 'Ulum al-Din* 1/17 Bab Ilmu yang merupakan fardu kifayah. Terbitan Dar al-Ma'rifah. Beirut.

88) Lihat *al-Nazhariyat al-Siyasiyah al-Islamiyah* oleh Dr Dhiya' al-Din al-Ris hlm. 125. Cetakan Keenam.

Aku berlindung dengan Allah daripada politik, perbuatan politik, orang yang berpolitik dan orang yang dipolitikkan!

Dari sinilah musuh-musuh pemikiran Islam dan Gerakan Islam telah mengeksploitasi kebencian dan rasa marah orang ramai terhadap politik untuk mereka melabelkan 'Islam yang syumul lagi menyempurnakan' yang dilaungkan oleh golongan Islam pada hari ini sebagai "Islam Politik."

Sudah menjadi kebiasaan pada masa kini untuk menyifatkan semua sifat yang membezakan Muslim yang komited dengan Islam dilabelkan sebagai "politik". Ini sudah cukup untuk menjadi kejian dan menjauhkan masyarakat daripada mereka.

Beberapa orang akhawat Muslimat yang memakai hijab (tudung) yang berasal dari satu kawasan di Maghribi telah pergi menemui seorang tokoh yang mempunyai kedudukan dalam agama dan politik. Mereka mengadu kepadanya mengenai beberapa kuliah pengajian Fakulti yang mensyaratkan bagi menerima permohonan mereka agar mereka menanggalkan hijab! Mereka merayu agar mereka tidak dikenakan syarat yang memaksa mereka mendedahkan kepala dan memakai pakaian mini yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Apa yang amat mengejutkan pelajar-pelajar wanita yang beriltizam dengan Islam ini ialah jawapan lelaki yang diminta bantuan ini:

"Apa yang kamu pakai ini bukannya sekadar hijab, sesungguhnya ia adalah pakaian politik!"

Sebelum itu, seorang Orientalis besar di Tunisia telah berkata:

"Sesungguhnya ia adalah pakaian kumpulan tertentu (yang membawa perpecahan kaum)!"

Seorang yang lain pula berkata tentang sembahyang Hari Raya di tanah lapang sebagai:

"Sesungguhnya ia bukan sunah tetapi ia adalah sembahyang politik!"

'Iktikaf dalam masjid pada sepuluh malam terakhir Ramadan dianggap sebagai *'Iktikaf* politik!

Kita tidak menolak kemungkinan pada suatu masa nanti sembahyang berjemaah di masjid akan dianggap sebagai sembahyang politik!

Membaca cerita tentang peperangan dalam kitab Sirah seperti *Sirah Ibn Hisyam*, kitab *Imta' al-Asma'* atau kitab *al-Maghazi* daripada *Sahih al-Bukhari* adalah bacaan politik.

Kemungkinan juga bacaan al-Quran sendiri terutama beberapa surah-surah tertentu dianggap sebagai bacaan politik.

Kita juga tidak lupa pada suatu masa, di mana di antara hujah yang digunakan untuk mensabitkan kesalahan tertuduh ialah menghafal surah al-Anfal kerana ia adalah surah jihad! Pada masa yang lain digunakan surah ali-'Imran kerana ia menceritakan tentang *mihnah* (tribulasi), bersabar atasnya dan kukuh padanya!!

Dari sini kita melihat bahawa Islam yang dinamakan oleh mereka yang menjadi orang Barat ini sebagai 'Islam Politik' adalah Islam yang sahih yang telah disyariatkan oleh Allah dalam al-Quran dan al-Sunah dan telah dilaksanakan oleh Nabi SAW. dan para Khulafa' al-Rasyidin yang mana Allah tidak akan menerima agama yang selainnya.

BERHUKUM DENGAN APA YANG DITURUNKAN OLEH ALLAH SWT.

Pada masa kini banyak kesilapan yang berlaku dalam tulisan-tulisan mereka yang mengelirukan dalam beberapa akhbar mengenai kewajipan berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT. kepada umat Islam. Kita juga pernah mendengar pendapat yang ganjil daripada kalangan mereka yang bukan ulama ataupun fuqaha Islam.

Keraguan-keraguan Yang Ditolak

Antara mereka, ada yang mengatakan bahawa ayat-ayat al-Quran yang mengingkari sesiapa yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT. dan menyifatkan mereka sebagai kafir, zalim dan fasiq itu bukan ditujukan kepada umat Islam. Ia hanya diturunkan kepada Ahli Kitab dan kalangan Yahudi dan Nasrani berdasarkan kepada sebab penurunan ayat tersebut dan juga maksud ayat secara keseluruhannya.

Begitu juga dengan firman Allah SWT. kepada Rasul-Nya:

وَأَنِ ٱحۡكُم بَيۡنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعۡ أَهۡوَآءَهُمۡ وَٱحۡذَرۡهُمۡ أَن يَفۡتِنُوكَ عَنۢ بَعۡضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang diturunkan oleh Allah dan janganlah kamu menurut kehendak*

hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dan sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. **(Surah al-Ma'idah 5:49**

Ada yang mengatakan bahawa masalah berhukum di dalam ayat ini sekiranya kita menerima bahawa orang Islam termasuk di dalamnya adalah bermaksud menghapuskan perbalahan dan pertelingkahan. Ini adalah kerja para Kadi. la tidak ada kaitan dengan urusan politik atau penggubalan undang-undang yang dijalankan oleh pihak Kuasa Eksekutif seperti Raja-raja, Presiden Republik, Menteri-menteri dan seumpamanya ataupun Kuasa Legislatif (penggubal undang-undang) seperti Parlimen yang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, mengubah atau membatalkannya.

Ada antara mereka yang mengatakan bahawa perkataan 'Syariat' tidak disebut dalam al-Quran dengan makna yang sama seperti yang diserukan oleh mereka yang menyeru kepada perlaksanaan hukum syariat. Ia hanya disebut dalam ayat *al-Makkiyah* yang bermaksudkan dasar-dasar ketuhanan yang terdiri daripada akidah, akhlak dan fadilat-fadilat yang besar. Inilah yang disebut dalam ayat:

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Terjemahan: *Kemudian Kami jadikan engkau (wahai Muhammad) berada di atas satu syariat dari urusan (agama) itu, maka ikutilah syariat itu dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.* **(Surah al-Jathiyah 45:18)**

Sebahagian ikhwah telah meminta saya memberikan pandangan bagi masalah sensitif ini yang dicetuskan oleh beberapa buah buku yang diragukan kebenarannya yang muncul pada masa kini.

Pemerhatian Asas

Di sini suka saya sebutkan beberapa pemerhatian asas bagi masalah ini:

Pertama: Perkara Yang Diketahui Daripada Agama Secara *Daruri* (Mudah)

Di sana ada perkara-perkara yang disebutkan oleh ulama besar umat ini sebagai 'perkara yang diketahui daripada agama secara *daruri*'. Maksudnya ialah

perkara yang diketahui oleh semua orang dengan kadar ilmu yang sama di antara orang yang berilmu atau orang awam. Ia tidak memerlukan kepada pemikiran dan kajian kerana pengetahuan mengenainya adalah meluas di kalangan seluruh generasi umat dan perkara ini telah sabit secara *mutawatir* dan yakin.

Perkara sebegini merupakan asas-asas atau perkara-perkara tetap yang telah menjadi tonggak kesatuan umat ini, kesatuan pemikiran, perasaan dan amalan mereka.

Oleh itu, ia tidak boleh sama sekali untuk dibincang atau dipersoalkan di kalangan umat Islam kecuali jika mereka mahu mempertikaikan asas Islam itu sendiri.

Saya berkeyakinan bahawa termasuk dalam perkara ini ialah: Bahawasanya Allah SWT. telah menurunkan hukum-hukum-Nya di dalam Kitab-Nya dan melalui lidah Rasul-Nya bukan untuk diambil berkat, dibacakan kepada orang mati atau digantung pada poster-poster untuk menghias dinding. Akan tetapi Allah SWT. menurunkannya untuk diikuti dan dilaksanakan agar ia menjadi penentu perhubungan antara manusia, memperbetulkan perjalanan hidup selari dengan perintah, larangan, hukum dan syariat Allah SWT.

Bagi orang yang meredai Allah SWT. sebagai Tuhannya, Muhammad sebagai Rasulnya dan al-Quran sebagai minhajnya, apabila berhadapan dengan hukum Allah dan Rasul-Nya akan berpada-pada dengan mengatakan: Kami dengar dan kami taat tanpa memerlukan pengkajian dalil-dalil cabang daripada nas-nas yang jelas dan kaedah-kaedah yang tetap.

Kedua: Banyaknya Dalil Tentang Wajibnya Berhukum Dengan Apa Yang Telah Allah Turunkan

Kalaulah kita tinggalkan sebentar prinsip ini dan kita secara sukarela membawakan dalil-dalil yang menyatakan wajibnya berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT. dan menjadi kewajiban kepada umat Islam untuk mengikutnya, kita nyatakan di sini secara tegas:

Sesungguhnya di sana ada dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang tidak terhitung banyaknya selain daripada ayat surah al-Maidah yang telah menyifatkan orang yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT. sebagai kafir, zalim dan fasik - yang menunjukkan dengan kuat dan jelas tentang kewajiban berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT., patuh kepada hukum-Nya sama ada bertepatan dengan hawa nafsu kita ataupun tidak.

Marilah kita membacakan ayat al-Quran daripada surah an-Nisa':

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن
قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓا۟ إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوٓا۟ أَن يَكْفُرُوا۟ بِهِۦ
وَيُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ
مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ رَأَيْتَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ صُدُودًا
﴿٦١﴾ فَكَيْفَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ثُمَّ جَآءُوكَ
يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّآ إِحْسَٰنًا وَتَوْفِيقًا ﴿٦٢﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَعْلَمُ
ٱللَّهُ مَا فِى قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُل لَّهُمْ فِىٓ أَنفُسِهِمْ
قَوْلًۢا بَلِيغًا ﴿٦٣﴾ وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ
وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ جَآءُوكَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ
لَهُمُ ٱلرَّسُولُ لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٦٤﴾ فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ
يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا
قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

Terjemahan: *Tidakkah kamu memperhatikan (wahai Muhammad) orang-orang (munafik) yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada Al-Quran yang telah diturunkan kepadamu dan kepada (Kitab-kitab) yang telah diturunkan dahulu daripadamu? Mereka suka hendak berhakim kepada thagut, padahal mereka telah diperintahkan supaya kufur kepada thagut itu. Dan syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya. Dan apabila dikatakan kepada mereka 'Marilah berhakim kepada hukum al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah dan kepada hukum Rasulullah", nescaya kamu melihat orang-orang yang munafik itu berpaling serta menghalang (manusia) dengan bersungguh-sungguh daripada menghampirimu. Maka bagaimana halnya apabila mereka ditimpa sesuatu kemalangan disebabkan (kesalahan) yang dibuat oleh tangan mereka sendiri, kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah. "Demi Allah, kami tidak sesekali menghendaki melainkan kebaikan dan perdamaian". Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah kamu daripada*

mereka dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka. Dan Kami tidak mengutuskan seorang Rasulpun melainkan supaya ia ditaati dengan izin Allah. Dan kalaulah mereka ketika menganiayai din mereka sendiri mereka datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad) mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka keberatan dan apa yang kamu hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya. **(Surah an-Nisa' 4:60-65)**

Begitu juga marilah kita baca ayat-ayat daripada surah an-Nur:

وَيَقُولُونَ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلرَّسُولِ وَأَطَعْنَا ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۚ
وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾ وَإِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ
مِّنْهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾ وَإِن يَكُن لَّهُمُ ٱلْحَقُّ يَأْتُوٓا۟ إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾ أَفِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ
أَمِ ٱرْتَابُوٓا۟ أَمْ يَخَافُونَ أَن يَحِيفَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُۥ ۚ بَلْ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ
﴿٥٠﴾ إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

Terjemahan: *Dan mereka yang berkata: "Kami beriman kepada Allah dan kepada Rasul-Nya"; kemudian sepuak dari mereka berpaling sesudah pengakuan itu dan tidaklah mereka itu menjadi orang-orang yang sebenarnya beriman. Dan apabila mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, maka dengan serta merta sepuak dari mereka berpaling ingkar. Dan jika keputusan itu memberi hak kepada mereka, mereka segera datang kepadanya dengan tunduk taat. (Mengapa mereka bersikap begitu) adakah kerana hati mereka mengandungi penyakit (kufur) atau kerana mereka ragu-ragu, ataupun kerana mereka takut bahawa Allah dan Rasul-Nya akan berlaku zalim kepada mereka? Bahkan merekalah sendiri orang-orang yang zalim (disebabkan kekufuran dan keraguan mereka). Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan sunah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu*

di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan Kami taat; dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan. **(Surah al-Nur 24: 47-51)**

Dalam surah al- Ahzab, Allah SWT. berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Terjemahan: *Dan tidak harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.* **(Surah al-Ahzab 33:36)**

Ayat-ayat al-Quran yang jelas daripada Kitab Allah ini tidak memerlukan sebarang ulasan. la merupakan dalil yang jelas menunjukkan bahawa patuh kepada hukum Allah SWT. dan Rasul-Nya adalah satu bahagian yang tidak akan bercerai daripada iman dan seorang lelaki atau wanita yang beriman tidak ada sebarang pilihan selain daripada mematuhi hukum Allah SWT. dan Rasul-Nya. Seorang yang beriman akan berkata ketika diseru untuk berhukum dengan hukum Allah dan Rasul-Nya: "Kami dengar dan kami patuh". Allah SWT. telah bersumpah dengan menafikan keimanan orang yang tidak berhukum dengan hukum-hukum Rasulullah SAW. dengan reda dan penerimaan yang sepenuhnya.

Saya suka untuk menyatakan satu perkara yang penting di sini iaitu: Sesungguhnya apa yang diturunkan oleh Allah tidak terhad pada nas-nas yang dibawakan oleh al-Quran sahaja. Bahkan ia meliputi *al-'Adlu* (keadilan) yang dibawakan oleh al-Mizan (pertimbangan hukuman). Keduanya adalah diturunkan oleh Allah SWT. sebagaimana firman Allah:

ٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ وَٱلْمِيزَانَ ۗ

Terjemahan: *Allahlah yang menurunkan Al-Kitab dengan kebenaran dan neraca (keadilan).* **(Surah as-Syura 42:17)**

Firman Allah lagi:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul-rasul Kami dengan mukjizat-mukjizat yang jelas nyata dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Al-Kitab dan neraca (keadilan), supaya manusia dapat melaksanakan keadilan.* **(Surah al-Hadid 57:25)**

Jadi di sana ada dua cahaya iaitu cahaya wahyu yang diambil daripada al-Kitab (al-Quran) dan cahaya akal dan fitrah yang diambil daripada al-Mizan (neraca timbangan). Keduanya adalah diturunkan oleh Allah. Keduanya adalah 'cahaya di atas cahaya'.

Ketiga: Ayat-ayat Yang Jelas Dan Terang Dalilnya

Ayat surah al-Ma'idah yang menyifatkan orang yang tidak berhukum dengan hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah SWT. sebagai kafir, zalim dan fasik adalah ayat-ayat yang jelas dan terang dalilnya terhadap perbahasan ini.

Tidak menjadi satu masalah jika kita membawakan perenggan yang meliputi ayat-ayat itu daripada al-Quran secara keseluruhannya agar ia dapat diperhatikan oleh orang yang mempunyai hati atau pendengaran dan dia termasuk di kalangan orang yang menyaksikan kebenarannya.

Allah SWT telah berfirman:

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَاةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَاخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٤٤﴾ وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَنْ

تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾ وَقَفَّيْنَا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم بِعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا
بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْإِنجِيلَ فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ
مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٦﴾ وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ
ٱللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya (yang menerangi), dengan Kitab itu nabi-nabi menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendeta-pendetanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu dan janganlah kamu menjual ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit. Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir. Dan Kami telah tetapkan atas mereka dalam Kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa dan mata dibalas dengan mata serta hidung dibalas dengan hidung dan telinga dibalas dengan telinga serta gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. Dan Kami utuskan Nabi Isa ibni Maryam mengikuti jejak langkah mereka (Nabi-nabi Bani Israel), untuk membenarkan Kitab Taurat yang diturunkan sebelumnya dan Kami telah berikan kepadanya Kitab Injil, yang mengandungi petunjuk hidayah dan cahaya (yang menerangi) dan mengesahkan Kitab yang sebelumnya, iaitu Kitab Taurat, serta menjadi petunjuk dan nasihat pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa. Dan hendaklah Ahli Kitab Injil menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah di dalamnya dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.* **(Surah al-Ma'idah 5:44-47)**

Pendapat Para Mufassir Mengenai Ayat Ini

Ahli tafsir daripada golongan salaf mempunyai beberapa pendapat mengenai ayat-ayat ini:

Di antara mereka ada yang berkata: Ayat ini secara keseluruhannya ditujukan kepada Ahli Kitab daripada kalangan Yahudi dan Nasrani.

Di antara mereka ada yang berpendapat bahawa ayat yang pertama iaitu: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir", adalah ditujukan kepada orang Islam, manakala ayat kedua ditujukan kepada Yahudi dan ketiga kepada Nasrani.

Di antara mereka ada yang berkata:

Ayat ini diturunkan kepada Ahli Kitab. Yang dimaksudkan adalah semua manusia sama ada yang Islam ataupun kafir daripada kalangan mereka.

Al-Thabari telah meriwayatkan dari Ibrahim al-Nakha'ie, katanya:

Ayat ini diturunkan tentang Bani Israel dan diredai kepada umat ini dengannya.

Al Hasan berkata:

Ayat ini diturunkan kepada orang Yahudi dan ia menjadi kewajiban ke atas kita.

Ibn Mas'ud telah ditanya mengenai rasuah dalam hukuman, lalu beliau berkata: "Itu adalah satu kekufuran", kemudian beliau membacakan ayat al-Quran yang bermaksud: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya) maka mereka itulah orang-orang yang kafir."

Al-Suddiy juga berpendapat bahawa ayat ini menunjukkan kepada perkara yang umum (menyeluruh).

Begitu juga dengan pendapat Ibn 'Abbas ketika beliau ditanya mengenai kekufuran mereka yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT. Beliau berkata:

Jika seseorang melakukan perkara tersebut, dia akan menjadi kafir dengannya tetapi bukannya seperti kafir kepada Allah SWT. dan hari akhirat, tetapi dengan begini dan begini.

Begitu juga apa yang dinyatakan oleh Thawus: Bukannya kafir di sini bermakna berpindah daripada agama.

'Atha' berkata: Kafir ini tidak seperti kafir yang asalnya, zalim tidak seperti zalim yang asalnya dan fasik tidak seperti fasik yang asalnya. Ini jugalah yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas, Sa'id bin Manshur, Ibn al-Munzir, Ibn Abu Hatim, al-Hakim dan telah disahihkan oleh al-Baihaqi dalam kitab *Sunannya*. Ini juga yang telah diriwayatkan daripada Ali bin al-Husein Zainal Abidin.

Dalam riwayat yang lain daripada Ibn 'Abbas, beliau telah membezakan di antara dua jenis pemerintah. Beliau berkata: Sesiapa yang menentang apa yang diturunkan oleh Allah SWT. maka dia adalah kafir dan sesiapa yang mengakuinya tetapi tidak melaksanakannya maka dia adalah zalim dan fasik.

Sejenak Bersama Pendapat Ahli Tafsir

Saya suka berhenti sejenak pada beberapa perkara untuk mendapatkan lagi kejelasan mengenai pendapat ahli tafsir:

Pertama: Ayat Ini Diturunkan Kepada Ahli Taurat Dan Injil

Tidak syak lagi bahawa ayat ini diturunkan kepada Ahli Kitab Taurat dan Injil sebagaimana yang dinyatakan oleh sebab penurunan ayat tersebut dan gaya penyampaiannya.

Namun, penutup ayat-ayat itu iaitu: "Dan sesiapa yang tidak menghukum..." adalah datang dalam bentuk umum. Ini dapat difahami dengan sedikit pemerhatian terhadapnya. Oleh itu, apakah yang menyebabkan ahli tafsir menghadkan hukum ayat ini hanya kepada golongan bukan Islam sahaja daripada kalangan Ahli Kitab dan ahli syirik?

Sebabnya tersembunyi pada kebimbangan mereka terhadap sesetengah manusia yang tergopoh-gapah menuduh pemimpin dan pemerintah sebagai *kufur akbar* apabila berlaku sebarang kezaliman walaupun ia berpunca daripada hawa nafsu ataupun pilih kasih dan seumpamanya yang tidak akan wujud di sana mana-mana pemimpin yang terselamat daripada tuduhan ini kecualilah orang yang dilindungi oleh Allah SWT. dan bilangan mereka amatlah sedikit.

Inilah yang menjadikan Ibn 'Abbas dan para sahabatnya seperti Thawus, Ibn Jubair dan selainnya menegaskan bahawa kufur yang dimaksudkan bukanlah kufur yang mengeluarkan seseorang daripada agama seperti orang yang kufur kepada Allah SWT., malaikat-Nya, kitab-Nya, Rasul-Nya dan hari

akhirat. Bahkan mereka menyatakan bahawa kufur ini bukan seperti kufur yang asal. Inilah juga yang menyebabkan Ibn 'Abbas membezakan antara orang yang ingkar dengan orang yang mengakui.

Sesiapa yang membaca tentang perbualan Abu Majliz, seorang tokoh Tabiin dengan orang yang bertanya kepadanya daripada Bani Sadus dari kalangan pengikut al-Ibadhiah[89] mengenai pemerintah zaman mereka dan bagaimana mereka memintanya agar memfatwakan kekufuran mereka berdasarkan kepada ayat ini. Sesiapa yang membaca perbualan ini pasti akan mengetahui kebenaran kata-kata saya tadi.

Al-Thabari telah meriwayatkan daripada Imran bin Jadir, katanya: Abu Majliz telah didatangi oleh beberapa orang daripada Bani 'Amru bin Sadus lalu mereka berkata: "Wahai Abu Majliz, apa pandangan kamu tentang firman Allah SWT: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya) maka mereka itulah orang-orang yang kafir." adakah ia benar?" Jawab beliau: "Ya." Mereka bertanya: "Ayat: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim", adakah ia benar?" Beliau menjawab: "Ya". Mereka bertanya "Ayat: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik", adakah ia benar?" Beliau menjawab: "Ya". Mereka berkata: "Wahai Abu Majliz, dengan itu mereka wajib berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT?" Beliau berkata: "Itu adalah agama yang mereka anuti, itulah percakapan dan juga seruan mereka. Jika mereka meninggalkan sesuatu daripadanya maka ketahuilah bahawa mereka telah melakukan dosa!" Mereka berkata: "Tidak, demi Allah! Kamu penakut!" Beliau menjawab: "Kamulah yang lebih layak dengan sifat itu daripadaku! Aku tidak berpandangan sedemikian sedangkan kamu berpandangan demikian tetapi kamu tidak merasa apa-apa. Sebenarnya ayat ini diturunkan kepada orang Yahudi, Nasrani dan juga ahli syirik atau yang seumpamanya."

Dalam satu riwayat yang lain, Abu Majliz telah berkata: "Sesungguhnya mereka membuat apa yang pemerintah mereka buat dan mereka mengetahui bahawa itu adalah satu dosa!" Beliau berkata lagi: "Ayat ini diturunkan kepada Yahudi dan Nasrani."

---

89) Salah satu cabang daripada pengikut mazhab Khawarij, kebanyakan mereka kini berada di Oman, Utara Afrika dan Zanzibar. (Penterjemah)

Kedua: Perlunya Pembezaan Antara Dua Jenis Pemerintah

Kita mesti membezakan antara dua jenis pemerintah sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn 'Abbas. Dua jenis itu adalah: pemerintah yang beriltizam dengan Islam sebagai dasar perlembagaan, sistem kehidupan, berhukum dengannya dan merujuk kepadanya. Kemudian dia melakukan penyelewengan atau kezaliman dalam beberapa perkara cabang kerana sifatnya yang lemah ataupun mengikut hawa nafsu. Pemerintah yang kedua ialah mereka yang menolak untuk berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT. dan mengutamakan hukuman dan undang-undang ciptaan manusia. Mereka ini seolah-olah menuduh Allah SWT. tidak mengetahui kepentingan manusia ataupun mengetahuinya tetapi mensyariatkan undang-undang yang bertentangan dengannya walaupun Allah SWT. sendiri telah berfirman:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

Terjemahan: *Apakah Yang Mencipta tidak mengetahui (zahir dan batin)? Dan Dia Maha Halus, lagi Maha Mendalam pengetahuannya.* **(Surah al-Mulk 67:14)**

Inilah yang membuatkan seorang ulama besar, al-'Allamah Mahmud Muhammad Syakir membuat ulasan ketika menganalisa *Tafsir Al-Thabari* mengenai satu atau dua *athar* yang diriwayatkan daripada Abu Majliz. Beliau berkata:

Perkara yang jelas ialah mereka yang bertanya kepada Abu Majliz adalah daripada kalangan pengikut al-Ibadhiah. Mereka hanya mahu menekan beliau agar mengeluarkan fatwa yang mengkafirkan para pemimpin kerana mereka berada pada pihak kerajaan yang memerintah kerana kemungkinan mereka telah melakukan maksiat atau beberapa perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Sebab itulah dalam riwayat yang pertama beliau berkata kepada mereka: Jika mereka meninggalkan sesuatu daripadanya maka ketahuilah bahawa mereka telah melakukan dosa. Dalam riwayat kedua pula jawapannya adalah: Mereka membuat apa yang pemerintah mereka buat dan mereka mengetahui bahawa itu adalah satu dosa.

Oleh itu, soalan yang mereka ajukan dengan hujah yang digunakan bukanlah perkara baru pada zaman kita ini. Iaitu dengan mereka berhukum kepada undang-undang yang bertentangan dengan syariat orang Islam dalam masalah harta, kehormatan (maruah) dan darah. Begitu juga dengan mengeluarkan

undang-undang yang mewajibkan umat Islam berhukum kepada hukum selain daripada hukum Allah yang terdapat di dalam Kitab-Nya dan yang dibawakan oleh Nabi-Nya SAW. Sememangnya perbuatan tersebut adalah jelas mengingkari hukum Allah SWT., membelakangkan agama-Nya dan mengutamakan hukum selain daripada hukum Allah SWT. Ini dengan tidak diragukan lagi adalah kufur yang tidak dipertikaikan oleh semua Ahli Kiblat walaupun mereka masih berselisih pendapat mengenai hukum kufur terhadap mereka yang berpandangan sedemikian atau menyeru kepadanya.

Apa yang berlaku kepada kita pada hari ini ialah meninggalkan hukum Allah SWT. seluruhnya tanpa terkecuali, melebihkan hukum-hukum selain daripada hukum yang terdapat di dalam kitab Allah SWT. dan Sunah Rasul-Nya, tidak melaksanakan setiap apa yang ada dalam syariat Allah SWT. sehingga sampai ke tahap berhujah dengan kelebihan hukum ciptaan manusia lebih daripada hukum Allah yang diturunkan. Antara dakwaan mereka ialah: Hukum syarak hanya diturunkan sesuai pada satu zaman yang bukan zaman kita kerana sebab-sebab tertentu yang telah luput. Oleh itu kesemua hukum-hukum Allah SWT. digugurkan kerana luputnya sebab itu. Cubalah bandingkan antara perbuatan ini dengan kisah yang berlaku di antara Abu Majliz dan sekumpulan pengikut al-Ibadhiah daripada Bani 'Amru bin Sadus yang saya telah jelaskan sebelum ini?!

Kalaulah kisah Abu Majliz adalah sebagaimana yang mereka sangkakan iaitu mereka mahu menyanggahi kerajaan dalam satu hukum daripada hukum-hukum syarak, maka sesungguhnya tidak pernah berlaku dalam sejarah Islam seorang pemerintah menggubal sesuatu hukum dan menjadikannya sebagai syariat yang mesti dilaksanakan. Ini adalah hakikat yang pertama. Hakikat yang kedua ialah: Pemerintah yang menghukum dalam masalah tertentu dengan bukan hukum Allah SWT., lalu dia melakukannya sama ada dalam keadaan jahil dengan syariat, maka hukumnya adalah sama dengan orang yang jahil dengan syariat. Ataupun dia melakukan perkara tersebut kerana mengikuti nafsu dan maksiat maka dia berdosa. Dosa yang pintu taubat masih terbuka dan akan diikuti oleh keampunan. Atau dia berhukum dengannya dengan mentakwilkan hukum yang bercanggah dengan pendapat semua ulama, maka hukumnya adalah sama dengan hukum orang yang melakukan takwil yang berdasarkan pengakuannya terhadap nas al-Quran dan Sunah Rasulullah SAW.

Mengenai kemungkinan berlakunya pada zaman Abu Majliz, sebelum atau selepasnya wujud pemerintah yang memutuskan hukuman terhadap sesuatu

perkara dengan mengingkari hukum syarak ataupun lebih mengutamakan hukum ahli kufur daripada hukum Islam, maka ini tidak pernah berlaku sama sekali dan kisah Abu Majliz dengan para pengikut al-Ibadhiah tidak boleh difahami sedemikian. Sesiapa yang berhujah dengan kedua-kedua *athar* ini atau selain keduanya maka dia berhujah bukan pada maksudnya dan bertujuan untuk menolong pihak yang berkuasa atau membuat helah untuk melaksanakan hukuman yang bukan diturunkan oleh Allah SWT. yang diwajibkan kepada hamba-hamba-Nya. Maka hukuman golongan ini adalah sama hukumnya dengan orang yang mengingkari salah satu daripada hukum Allah SWT.: Dia hendaklah diminta bertaubat. Jika dia masih berdegil, sombong serta mengingkari hukum-hukum Allah SWT. dan reda dengan pertukaran hukum-hukum ini, maka hukumnya sama dengan hukum orang kafir yang berdegil dalam kekufurannya yang dimaklumi oleh semua penganut agama ini.[90]

Ketiga: Perkiraan Diambil Daripada Lafaz Yang Umum

Para ulama *usul* telah mengkaji masalah sebab-sebab khusus bagi penurunan al-Quran dan datangnya hadis serta lafaz-lafaz yang umum yang terkandung di dalamnya. Mereka telah membuat kesimpulan bahawa: "Perkiraan itu diambil daripada lafaz yang umum dan bukannya dari sebab yang khusus." Kalaulah tidak dengan kesimpulan itu, pasti banyak hukum-hukum yang diturunkan berdasarkan sebab yang khusus pada zaman Rasulullah SAW. akan tergendala. Ini sekiranya sebab penurunan ayat itu adalah sahih sedangkan banyak daripadanya tidak sahih

Dalam masalah kita ini khususnya ayat: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah...", kita tidak boleh mengatakan bahawa ia adalah khusus kepada orang Yahudi dan Nasrani dalam kitab mereka yang telah dimansuhkan dan telah tamat tempoh penggunaannya dan ayat ini tidak ditujukan kepada kita umat Islam dalam kitab kita yang kekal abadi sehingga hari di mana Allah SWT akan mewarisi seluruh isi bumi.

Bagaimanakah Allah SWT. boleh meminta Ahli Taurat dan Injil untuk berhukum dengan apa yang diturunkan-Nya sedangkan Dia tidak memerintahkan Ahli al-Quran untuk berhukum dengan apa yang Allah turunkan?!

Saya telah membuat ulasan terhadap perkara ini dalam kajian saya mengenai Fatwa[91] dan kesilapan orang yang mengeluarkan fatwa pada zaman kita ini. Saya

90) Sebahagian ulasan al-Ustaz Mahmud Muhammad Syakir terhadap Tafsir al Thabari

91) Diterbitkan mutakhir ini oleh Dar al-Shahwah, Kaherah di bawah tajuk: *al-Fatwa Baina al-Indi-*

telah berkata di situ:

Di antara contoh penakwilan yang silap adalah seperti apa yang dinyatakan oleh sebahagian orang dalam menafsirkan ayat surah al-Ma'idah iaitu firman Allah SWT.: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang kafir", "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." dan firman-Nya: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik."

Mereka menyatakan bahawa ayat-ayat ini tidak diturunkan kepada kita umat Islam kerana ia diturunkan khusus kepada Ahli Kitab.

Maksud dakwaan ini ialah: Sesiapa daripada kalangan Yahudi dan Nasrani yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT. maka dia adalah kafir, zalim dan fasik manakala umat Islam yang tidak berhukum dengan apa yana diturunkan oleh Allah SWT. tidak menjadi kafir, zalim dan fasik. Demi Allah! Perkara ini adalah satu perkara yang amat ajaib.

Benar, gaya penyampaian ayat ini adalah ditujukan kepada Ahli Kitab kerana ayat ini datang selepas menceritakan mengenai Taurat dan Injil tetapi perlu diperhatikan bahawa ayat ini datang dengan lafaz umum yang merangkumi setiap orang yang bersifat dengannya sama ada dia Ahli Kitab ataupun seorang Muslim. Oleh itu, para ulama usul telah membuat satu kesimpulan bahawa: 'Perkiraan itu diambil daripada lafaz yang umum dan bukannya daripada sebab yang khusus.'

Contoh yang sama dengan masalah ini ialah jika kita berkata:

Si folan sakit kerana dia telah silap dalam pemakanan dan pengudaraan. Sesiapa yang silap dalam pemakanan dan pengudaraan maka dia akan ditimpa sakit.

Masalah pertama adalah khusus kepada si folan ini tetapi ulasan berikutnya datang dengan lafaz umum yang merangkumi setiap orang yang silap dalam sistem pemakanan tubuh badannya atau pengudaraan rumahnya. Dengan itu orang yang sama seperti ini akan ditimpa penyakit.

Ataupun kita berkata: Keputusan peperiksaan akhir tahun di sekolah si folan jadi buruk disebabkan pentadbirannya yang teruk, sesiapa yang teruk

---

bath Wa al-Tasayyub.

pentadbirannya maka keputusan peperiksaannya akan buruk.

Ucapan yang pertama adalah khusus untuk sekolah yang tertentu tetapi lafaz yang datang selepasnya adalah umum meliputi sekolah tersebut, sekolah-sekolah lain dan seluruh institusi yang buruk pentadbirannya sama ada sekolah ataupun selainnya disebabkan lafaznya yang umum.

Oleh itu kita berkata: Penurunan ayat yang menceritakan keadaan Ahli Kitab tidak menjadikan ayat ini hanya dikhususkan kepada mereka sahaja. Ini disebabkan lafaz ayat itu datang dalam bentuk umum yang merangkumi mereka dan setiap yang mempunyai sifat yang disebut. Satu perkara yang tidak dapat diterima oleh akal ialah apabila kita mengatakan bahawa ayat yang datang sebagai ulasan itu adalah khusus untuk Yahudi dan Nasrani sahaja. Dengan maksud bahawa berhukum dengan hukum yang bukan diturunkan oleh Allah SWT. di kalangan Yahudi dan Nasrani akan menjadikan mereka kafir, zalim dan fasik dan ini tidak berlaku kepada umat Islam.

Pendapat Ini Ditolak Kerana Beberapa Sebab

Pertama: Kata-kata ini adalah bertentangan dengan keadilan kerana ia bermaksud Allah SWT. telah menimbang satu perkara dengan dua timbangan yang berbeza, iaitu satu timbangan untuk orang Yahudi dan timbangan yang lain untuk umat Islam. Sedangkan Allah SWT. tidak melihat kepada hamba-Nya dari sudut gelaran atau nama mereka, bahkan Ia melihat dan sudut iman dan amalan mereka. Oleh itu Allah telah berfirman dalam Surah al-Nisa':

لَّيْسَ بِأَمَانِيِّكُمْ وَلَآ أَمَانِيِّ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ ۗ مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ

Terjemahan: *(Balasan baik Allah itu) tidak akan didapati hanya dengan angan-angan kamu semata-mata dan tidak pula dengan angan-angan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu.* **(Surah an-Nisa' 4:123)**

Al-Thabari telah meriwayatkan dalam *Tafsimya* (12030) dengan sanadnya daripada Abu al-Bakhtari, kata beliau: Seorang lelaki telah bertanya kepada Huzaifah mengenai ayat-ayat ini yang bermaksud: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang kafir", "Maka mereka itulah orang-orang yang zalim." "Maka mereka itulah orang-orang yang fasik", Abu al-Bakhtari berkata: "Ditanyakan kepadanya: Adakah ayat tersebut untuk Bani Israel?" Jawab Huzaifah: "Sebaik-baik saudara bagi kamu ialah Bani Israel, jika mereka mendapat semua kepahitan

maka kamu mendapat semua kemanisan! Bahkan sekali-kali tidak, demi Allah, kamu pasti akan mengikuti jalan mereka sehingga hampir serupa seperti bekas tapak tinta unta."

Khabar Huzaifah ini diriwayatkan oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak* (2/312,313) daripada Jarir daripada al-A'masy daripada Ibrahim daripada Hummam, beliau berkata: Kami berada di sisi Huzaifah lalu mereka menyebut ayat: "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang kafir." Seorang lelaki berkata: Ayat ini diturunkan kepada Bani Israel. Lalu Huzaifah menjawab: "Sebaik-baik saudara bagi kamu ialah Bani Israel, kamu mendapat semua kemanisan tetapi mereka mendapat semua kepahitan! Tidak. Demi Tuhan yang diriku berada di dalam genggaman-Nya, (kamu tidak akan menjadi seperti mereka) sehinggalah kamu berjalan mengikuti jalan mereka dan sama melakukan apa yang mereka lakukan. Al-Hakim berkata: Hadis ini sahih dengan syarat al-Bukhari Muslim tetapi mereka tidak meriwayatkannya. Ini dipersetujui oleh al-Zahabi.

Kedua: Pendapat ini menunjukkan bahawa apa yang diturunkan oleh Allah kepada umat Islam adalah lebih rendah kedudukannya daripada apa yang diturunkan kepada Ahli Kitab. Ini disebabkan perbuatan meninggalkan berhukum dengan apa yang diturunkan kepada Ahli Kitab dikira sebagai kafir, zalim dan fasik sementara meninggalkan apa yang diturunkan kepada umat Islam tidak dianggap sedemikian.

Sedangkan, suatu perkara yang tidak diragui lagi ialah Allah SWT. telah menurunkan kepada umat Islam sebaik-baik kitab-Nya. Allahlah yang membenarkannya dan menguasainya. Al-Quran adalah kitab-Nya yang menjadi satu mukjizat yang sentiasa dipelihara dan tidak akan berlaku kebatilan padanya. Allah SWT telah berfirman kepada Rasul-Nya:

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ

Terjemahan: *Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk membenarkan Kitab-kitab suci yang (telah diturunkan sebelumnya) dan sebagai pengawasnya. Maka jalankanlah hukuman di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang diturunkan oleh*

Allah (kepadamu) dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu mereka dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. **(Surah al-Ma'idah 5:48)**

Ketiga: Pengajaran daripada kisah-kisah Ahli Kitab yang disebut di dalam al-Quran, keterangan mengenai keadaan mereka dan hukum-hukum terhadap mereka adalah supaya orang Islam mengambil pengajaran daripadanya. Dengan itu mereka menjadikan kebaikan yang ada pada mereka sebagai teladan dan kejahatan mereka sebagai sempadan.... Kalaulah bukan untuk perkara tersebut maka sebutan mengenai semua perkara ini adalah sia-sia.

Realitinya, ulama Islam semuanya telah berdalilkan dengan ayat al-Quran yang khusus menceritakan tentang Ahli Kitab kerana mereka percaya bahawa ayat ini diturunkan untuk diambil pengajaran dan peringatan. Oleh itu tidak ada seorangpun yang ragu-ragu dalam menggunakan ayat yang diturunkan kepada Bani Israel untuk digunakan kepada ulama umat Islam iaitu firman AlIah:

أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Apakah kamu menyuruh manusia supaya membuat kebaikan sedangkan kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab (Taurat) apakah kamu tidak berakal?* **(Surah al-Baqarah 2:44)**

Begitu juga ucapan kepada umat Islam secara umumnya walaupun ianya ditujukan kepada Bani Israel dalam ayat:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ

Terjemahan: *Sesudah itu patutlah kamu hanya percaya kepada sebahagian Kitab (Taurat) dan mengingkari sebahagian yang lain?* **(Surah al-Baqarah 2:85)**

Jika penerimaan boleh berlaku kepada ayat yang dituju khusus kepada Bani Israel maka bagaimanakah pula dengan ayat yang menggunakan lafaz umum seperti ayat-ayat yang bersama kita sekarang? Ketiga-tiga ayat ini mencabar setiap orang yang suka mentakwil dan ia menyifatkan setiap pemerintah yang menyeleweng daripada hukum Allah SWT. dengan tiga sifat iaitu: Kafir, zalim dan fasik. Seorang penyair berkata:

Kalaulah ia hanya satu anak panah nescaya aku akan berusaha mengelakkannya

Tetapi ia adalah anak panah pertama, kedua dan ketiga!

Keempat: Ijmak Wajibnya Berhukum Dengan Apa Yang Diturunkan Oleh Allah SWT Mereka yang berkata bahawa ayat ini diturunkan kepada Ahli Kitab Yahudi dan Nasrani iaitu Ahli Kitab Taurat dan Injil tidak menganggap bahawa berhukum dengan apa yang diturunkan Allah SWT. di dalam al-Quran sebagai wajib kepada umat Islam. Adalah tidak masuk akal jika kata-kata ini dikeluarkan dari mulut seorang Muslim biasa, apatah lagi daripada seorang faqih ataupun ahli tafsir kitab Allah. Kalaulah begitu, apakah gunanya Allah SWT. menurunkan kitab-Nya sekiranya berhukum dengan syariat dan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya bukanlah suatu perkara yang wajib dan mesti?

Sebenarnya apa yang disebut oleh sebahagian mereka dalam masalah ini adalah bertujuan supaya tidak berlakunya kes mengkafir orang lain. Oleh itu mereka mengatakan apa yang telah mereka kata. Tidak pernah tergambar di dalam pemikiran mereka bahawa hukum Allah SWT. tidak wajib dilaksanakan. Dari sinilah ada di kalangan mereka yang berkata: Ayat ini diturunkan kepada Ahli Kitab dan ianya adalah wajib ke atas kita umat Islam.

Antara dalil yang menunjukkan perkara tersebut ialah al-Imam Ja'afar al-Thabari telah memilih pendapat bahawa ia diturunkan mengenai Ahli Kitab tetapi pada akhirnya beliau telah menyatakan wajibnya berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah.

Abu Ja'afar berkata: Pendapat yang paling betul pada pandangan saya ialah pendapat bahawa ayat ini diturunkan kepada orang kafir daripada kalangan Ahli Kitab. Ini disebabkan ayat sebelum dan selepasnya diturunkan kepada mereka dan merekalah yang dimaksudkan oleh ayat tersebut. Ayat-ayat tersebut adalah dalam bentuk perkhabaran mengenai mereka. Oleh itu ayat ini lebih utama untuk datang dalam bentuk tersebut.

Jika ada orang berkata: Allah telah mengumumkan perkhabaran itu kepada sesiapa sahaja yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka bagaimanakah menjadikan ia khusus?

Dijawab: Allah telah mengumumkan perkhabaran itu kepada satu kaum yang enggan berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, lalu Allah memberitahu mereka bahawa dengan meninggalkan hukum-Nya mereka telah menjadi orang kafir.

Begitulah juga dikatakan kepada setiap orang yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah dalam keadaan dia ingkar. Ia adalah kufur dengan Allah seperti yang dinyatakan oleh Ibn Abbas kerana dengan keingkarannya terhadap hukum Allah selepas dia mengetahui penurunannya di dalam al-Quran. Ini adalah sama dengan mengingkari kenabian Nabi-Nya selepas mengetahui bahawa dia adalah Nabi yang diutuskan oleh Allah.

Dengan itu, pendapat ini adalah sama dengan pendapat lainnya yang mengatakan bahawa ayat ini adalah ayat umum dan membezakan antara jenis-jenis pemerintah dan sikap mereka. Inilah pendapat kami dan pendapat semua para ulama *muhaqqiq*. Mereka tidak menghukum kafir kepada setiap orang yang melakukan kezaliman, bahkan mereka memperincikannya.

Pendapat al-Sayyid Rasyid Redha

Al-'Allamah Rasyid Redha telah berkata dalam Tafsirnya ketika membuat komentar terhadap ayat-ayat dalam surah al-Ma'idah ini:

Kufur, zalim dan fasik adalah antara perkataan yang disebutkan di dalam al-Quran. Ia menunjukkan kepada satu hakikat walaupun difahami dengan makna yang berlainan seperti yang telah kami terangkan dalam tafsir ayat surah al-Baqarah: "Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim." Ulama*Usul Fiqh* dan cabang Fiqh telah menggunakan kalimah kufur dengan makna keluar daripada agama dan perkara yang menafikan agama Allah yang sebenar. Manakala perkataan zalim dan fasik pula digunakan pada perkara yang tidak sampai ke peringkat tersebut. Tidak ada seorangpun daripada kalangan mereka yang mengingkari apabila al-Quran mengumumkan perkataan kufur kepada perkara yang bukan kufur berdasarkan *'uruf* mereka. Oleh itu mereka berkata: "Kufur yang bukannya kufur". Begitu juga seseorang tidak boleh menggunakan lafaz zalim dan fasik untuk perkara yang pada 'uruf mereka adalah kufur. Dan tidak semua perkara zalim atau fasik dikira sebagai kufur di sisi mereka. Bahkan mereka tidak mengatakan kufur kepada perkara yang dianggap zalim dan fasik. Oleh kerana itu menjatuhkan hukuman kufur kepada sesiapa yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah adalah suatu perkara yang menjadi bahan perbahasan dan penafsiran bagi mereka yang cuba menyesuaikan antara 'uruf mereka dengan nas al-Quran.

Jika kita kembali kepada kata-kata yang ma'thur dalam penafsiran ayat ini, kita dapati mereka telah menukilkan beberapa pendapat daripada Ibn 'Abbas

r.a., antaranya: Kufur yang bukan kufur, zalim yang bukan zalim dan fasik yang bukan fasik. Antaranya lagi kata-katanya: Ketiga-tiga ayat ini diturunkan khusus kepada orang Yahudi dan tidak ditujukan kepada umat Islam. Telah diriwayatkan daripada al-Sya'bi bahawa ayat yang pertama dan kedua diturunkan kepada orang Yahudi dan ayat yang ketiga kepada orang Nasrani.[92] Inilah yang dapat difahami daripada zahir ayat. Tetapi ia tidak menafikan bahawa ancaman buruk itu akan menimpa sesiapa saja dari kalangan kita yang melakukan apa yang mereka lakukan dan berpaling daripada kitab-Nya seperti mereka berpaling daripada kitab mereka. Al-Quran adalah pengajaran. Akal mengambil pengajaran daripadanya dengan cara membandingkan sesuatu dengan apa yang disebut di dalamnya.

Ayat yang pertama dan kedua bercerita tentang orang Yahudi dan ayat yang ketiga disebut ketika bercerita tentang orang Nasrani dan kita tidak harus menafsirkan selain daripada itu. Ungkapannya adalah umum dan tiada dalil yang menunjukkan pengkhususannya. Juga tidak ada penghalang yang menghalang kita daripada menafsirkan kufur dalam ayat yang pertama sebagai kufur akbar (begitu juga dengan dua ayat yang seterusnya) sekiranya tindakan berpaling daripada hukum Allah itu lahir daripada sifatnya memandang buruk terhadap hukum Allah, ingkar serta mengutamakan hukum yang lain. Itulah yang digambarkan oleh ayat yang pertama berdasarkan sebab penurunan ayat tersebut seperti yang telah kita sebutkan dalam penafsiran maknanya.

Jika kita teliti ayat ini, penelitian yang sedikit akan dapat menyingkap rahsia ayat yang mengambarkan sifat kufur pada ayat yang pertama, zalim pada ayat kedua dan fasik pada ayat yang ketiga. Perkataan-perkataan itu disebutkan dengan maknanya yang asal dalam bahasa Arab (terminologi) bertepatan dengan istilah (epistimologi) ulama. Dalam ayat yang pertama, gaya penceritaan adalah mengenai penurunan syariat dan kitab yang mengandungi petunjuk dan cahaya, komitmen para Nabi dan ulama yang bijaksana dalam melaksanakan hukumnya dan berpesan agar memeliharanya. Lalu datanglah penghujung ayat yang menjelaskan bahawa setiap orang yang berpaling dan tidak mematuhi hukum ini kerana benci terhadap petunjuk dan cahayanya dan melebihkan hukum yang lain maka dia adalah kafir dengannya. Ini adalah jelas dan tidak termasuk di dalamnya orang yang menjatuhkan hukuman yang tidak bertepatan

92) Dinukilkan daripada *al-Sya'bi* sebagaimana di sisi al-Thabari: Yang pertama adalah untuk umat Islam, kedua untuk orang Yahudi dan ketiga untuk orang Nasrani. Inilah yang dipilih oleh Ibn al-'Arabi sebagaimana dalam *Ahkam al-Quran* karya beliau, beliau menukilkannya daripada al-Thabari.

dengan hukum Allah atau sesiapa yang meninggalkan hukumannya kerana jahil dan kemudiannya dia bertaubat kepada Allah. Dia adalah melakukan maksiat kerana meninggalkan hukumnya dan para ulama Ahli Sunnah menjauhi daripada mengatakan bahawa itu adalah kufur. Gaya penceritaan ayat tersebut membuktikan ketepatan alasan yang kami berikan ini.

Ayat yang kedua pula tidak menceritakan tentang asal Kitab yang menjadi rukun Iman dan jelmaan kepada agama tetapi ia menceritakan hukuman kepada orang yang melakukan jenayah terhadap nyawa dan anggota badan secara adil dan saksama. Sesiapa yang tidak berhukum dengannya maka dia adalah orang yang zalim seperti yang jelas difahami daripada zahir ayat tersebut. Ayat yang ketiga pula menjelaskan petunjuk yang dibawa oleh kitab Injil yang kebanyakannya adalah nasihat-nasihat, adab-adab, menggalakkan untuk mendirikan syariat Allah dalam bentuk yang bertepatan dengan kehendak Allah dan hikmah-Nya dan bukan hanya bertepatan dengan zahir lafaz sahaja. Sesiapa yang tidak berhukum dengan petunjuk ini daripada kalangan orang yang ditujukan ayat ini maka dia adalah orang yang fasik dengan sebab maksiat dan keluar daripada lingkungan adab-adab syariat.

Ramai di kalangan umat Islam telah mencipta syariat dan undang-undang sepertimana yang dilakukan oleh umat-umat yang terdahulu daripada mereka dan mereka meninggalkan berhukum dengan sebahagian apa yang diturunkan oleh Allah kepada mereka. Sesiapa yang meninggalkan hukum Allah yang diturunkan dalam kitabNya tanpa takwil yang mereka yakini kesahihannya, maka mereka termasuk di kalangan orang yang dinyatakan oleh Allah dalam ketiga-tiga ayat ini ataupun sebahagian daripadanya berdasarkan kepada keadaan dan peringkat perbuatannya. Sesiapa yang tidak menjatuhkan hukuman hudud ke atas pencuri, penqazaf (menuduh orang lain berzina atau menafikan nasab) ataupun penzina dan mereka menolaknya kerana memandang buruk dan mengutamakan hukuman yang lain yang dibuat oleh manusia maka dia adalah kafir secara qat'i. Sesiapa yang tidak berhukum dengannya kerana sebab lain maka dia adalah zalim jika dengan tindakan tersebut berlakunya pencuaian hak atau pengabaian keadilan dan persamaan. Jika tidak, maka dia adalah fasik sahaja kerana perkataan fasiq lebih umum. Setiap orang kafir dan orang zalim adalah fasiq, tetapi tidak sebaliknya. Hukum Allah yang umum dan menyeluruh sama ada berdasarkan nas-nas ataupun ijtihad dan istidlal adalah satu keadilan. Di mana sahaja terdapatnya keadilan maka di sanalah ada hukum Allah sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang ulama yang terkenal.

Tetapi apabila terdapat di sana nas-nas yang qat'i dari segi kesabitan dan dilalahnya, maka kita tidak boleh beralih kepada yang selainnya kecuali jika ada nas lain yang bertentangan dengannya dan lebih utama untuk dipakai seperti nas "Menghilangkan kesusahan" dalam bab darurah.

Inilah pendirian al-Syeikh Rasyid Redha r.a. mengenai mereka yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah. Pendapat ini jelas, terang dan terperinci kepada sesiapa yang ingin mengetahuinya. Tidak boleh bagi seseorang untuk mengambil separuh sahaja daripada kata-katanya dan memisahkan yang baki lalu menuduh beliau bersikap mengambil mudah, salah atau bersifat mengalah. Ini adalah satu kezaliman kepada seorang ulama pengislah reformis yang besar khidmatnya seperti beliau.

Perbincangan Mengenai Pendapat Ibn 'Abbas

Sesetengah orang mengatakan bahawa pendapat Ibn 'Abbas r.a. ialah membataskan ayat ini kepada sebab penurunannya sahaja. Mereka berbalah dalam perkara ini dengan penulis Islam yang terkenal iaitu al-Ustaz Fahmi Huwaidi. Saya sendiri tidak mengetahui dari manakah sumber mereka menyandarkan pendapat ini kepada Ibn 'Abbas? Sedangkan pendapat Ibn 'Abbas yang diriwayatkan daripada beliau dalam tafsir al-Quran membuktikan bahawa beliau tidak berpendapat sedemikian kecualilah dalam beberapa ayat yang tertentu yang digambarkan oleh gaya penceritaan ayat itu sendiri tentang pengkhususannya dan bukannya terhadap keseluruhan ayat. Manakala selain daripada perkara tersebut, beliau mengambil pengajaran daripada lafaz yang umum dan bukannya daripada sebab yang khusus.

Antara dalil yang paling jelas ialah pendapat beliau sendiri mengenai ayat surah al-Ma'idah yang telah diriwayatkan oleh al-Thabari dan selainnya seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini ketika beliau menafsirkan ayat: "Mereka itulah orang-orang kafir". Beliau berkata: la adalah kufur dengannya bukan seperti orang yang kufur pada kepada Allah, Malaikat-Nya, Kitab-Nya dan Rasul-Nya.

Diriwayatkan juga daripada beliau bahawa beliau membezakan antara orang yang mengingkari dan orang yang mengakui. Yang pertama adalah kafir dan yang kedua adalah zalim lagi fasik.

Ibn al-Munzir telah meriwayatkan bahawa Ibn 'Abbas telah berkata sebagai jawapan kepada orang yang mengkhususkan ayat ini kepada Ahli Kitab sahaja

dengan katanya: "Sebaik-baik kaum ialah kamu semua. Yang manis itu adalah untuk kamu dan yang pahit itu adalah untuk Ahli Kitab". Beliau seolah-olah memandang bahawa masalah ini juga ditujukan kepada umat Islam.[93]

Dakwaan Bahawa Berhukum Hanyalah Terhad Untuk Menyelesaikan Pertelingkahan

Manakala mereka yang berkata: Lafaz hukum dalam al-Quran hanya didatangkan dengan makna memutuskan atau menyelesaikan pertelingkahan antara manusia dalam perkara yang mereka perselisihkan dan tidak ada kaitan dengan sudut politik, pentadbiran atau perundangan dengan berdalilkan firman Allah yang bermaksud: "Hendaklah kamu menghukum (menyelesaikan) apa-apa (pertelingkahan) yang berlaku di antara mereka". Allah tidak berfirman yang bermaksud: "Hukumlah mereka". Dakwaan ini sama sekali tidak dapat diterima. Sesiapa yang membaca semua ayat surah al-Ma'idah pasti akan mendapati bahawa ia merangkumi kehakiman, perundangan, pentadbiran, politik dan seumpamanya.

Dalam membicarakan tentang Taurat, Allah berfirman:

إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟
لِلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ
وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟
بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ
﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya (yang menerangi), dengan Kitab itu Nabi-nabi menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendeta-pendetanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu janganlah kamu takut*

93) Dinukilkan oleh al-Suyuthi dalam *al-Dur al-Manthur.*

kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu dan janganlah kamu menjual ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit. Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir. **(Surah al-Mai'dah 5:44)**

Berhukum di sini adalah lebih umum daripada hanya untuk menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di antara dua belah pihak.

Dalam menceritakan tentang Injil pula, al-Quran menyatakan:

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ الْإِنجِيلِ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan: *Dan hendaklah Ahli Kitab Injil menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah di dalamnya dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq.* **(Surah al-Mai'dah 5:47)**

Satu perkara yang diketahui bersama ialah Injil bukanlah Kitab yang mempunyai hukum-hakam yang boleh dirujuk oleh para hakim dalam masalah yang dipertikaikan. Bahkan ia adalah kitab yang dipenuhi dengan pesanan, nasihat, adab-adab dan tingkah laku. Jadi berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah padanya tidak termasuk bidang yang disebutkan oleh si pendakwa ini.

Katakanlah dakwaan itu adalah benar dan perkataan hukum bermaksud menyelesaikan perbalahan antara dua pihak yang bertelagah. Adakah dengan itu Ketua Negara, Presiden (kuasa Eksekutif) dan kuasa penggubal undang-undang (Legislatif) akan terlepas daripada tanggungjawab berhukum dengan apa yang diturunkan Allah? Sama sekali tidak. Bahkan tanggungjawab itu tetap dipikul bersama sepertimana yang ditegaskan oleh para pengkaji (muhaqqiq) daripada kalangan ulama masa kini.

Al-'Allamah Rasyid Redha berkata: Mengkafirkan Hakim (kadi) yang berhukum dengan undang-undang buatan manusia memastikan kita mengkafirkan pemerintah dan Sultan yang menggubal undang-undang tersebut. Walaupun mereka tidak membuatnya berdasarkan pengetahuan yang mereka miliki tetapi ia dibuat dengan keizinan mereka sendiri. Begitu juga merekalah yang telah melantik hakim-hakim yang menjalankan undang-undang ini.

Al-Syeikh Syaltut r.a. juga berpendapat sedemikian dalam jiwanya. Ia adalah pendapat yang kuat yang mesti dirujuk.

Perkataan Syariat Dalam Al-Quran Dan Dilalahnya

Antara perkataan yang menghairankan ialah kata-kata sesetengah orang pada zaman ini yang mereka tulis di dalam buku-buku dan akhbar iaitu kata-kata mereka: Perkataan 'syariah' hanya disebut dalam al-Quran sebanyak sekali sahaja iaitu dalam surah al-Jathiah.

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا

Terjemahan: *Kemudian Kami jadikan engkau (wahai Muhammad) berada di atas satu syariat dari urusan (agama) itu, maka ikutilah syariat itu.* **(Surah al-Jathiah 45:18)**

Dengan itu mereka mengatakan bahawa ini adalah dalil yang menunjukkan bahawa al-Quran tidak memberikan perhatian yang berat bagi masalah syariat. Kalaulah cara mereka mengambil dalil ini benar nescaya kita akan katakan bahawa: Islam tidak mementingkan soal akhlak kerana ia hanya menyebut masalah ini sekali sahaja, itupun ketika memuji Rasulullah SAW. dalam ayat:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Dan sesungguhnya benar-benar kamu seorang berakhlak yang agung.* **(Surah al-Qalam 68:4)**

Begitu juga, kita boleh katakan bahawa: Al-Quran tidak mementingkan amal-amal baik (fadilat) kerana perkataan itu langsung tidak disebutkan di dalamnya. Bahkan kalaulah benar kata-kata itu, kita juga akan mengatakan bahawa al-Quran tidak mementingkan soal akidah kerana perkataan akidah tidak tersebut langsung di dalamnya baik secara umum ataupun khusus. Begitu juga tidak ada di dalamnya perkataan Sunah yang suci.

Kalau kita menanggapi masalah kefahaman, nilai-nilai dan ajaran-ajaran Islam dengan kefahaman yang singkat dan metodologi lafaz yang tempang sebegini, nescaya kita akan mencampuradukkan antara yang hak dan batil dan kita akan terjerumus ke jalan yang menyeleweng.

Menjadi kewajiban kita untuk mengkaji isi sebenar masalah yang dibincangkan oleh al-Quran dan al-Sunah tanpa mengira lafaz dan istilah yang diada-adakan oleh manusia selepas zaman penurunan wahyu al-Quran.

Kelima: Kebenaran Sifat Yang Dinyatakan Oleh al-Quran. Saya meyakini bahawa tidak ada seorang ulama yang menghalang untuk menyifatkan orang yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah sebagai kafir kerana itu adalah sifat yang dijelaskan oleh Allah dalam kitab-Nya yang terang. Begitu juga dia menyifatkan dengan zalim dan fasik. Sesiapa yang hanya berdiri bersama dengan nas dan lafaz al-Quran maka dia tidak boleh dituduh melakukan kesalahan dan penyelewengan. Apa yang perlu kepadanya ialah menafsirkan perkataan kafir seperti yang ditafsirkan oleh Ibn 'Abbas dan selainnya bahawa kafir yang dimaksudkan tidaklah mengeluarkannya daripada agama Allah kerana ia bukanlah kafir seperti kafir yang asal. Dia juga hendaklah membezakan antara orang yang menentang dan orang yang mengakui hukum-hukum Allah sepertimana yang dibezakan oleh Ibn 'Abbas, Turjuman al-Quran (penafsir al-Quran) dan tokoh muhaqqiq ulama umat.

Dua Perkara Yang Penting

Di sana ada dua perkara penting yang wajib diberi perhatian oleh pemerintah dan juga orang yang diperintah iaitu:

Pertama: Menyifatkan seseorang dengan sifat zalim dan fasik bukannya perkara yang mudah, yang boleh dipandang ringan dan remeh. Kufur yang boleh mengeluarkan seseorang daripada agama bukanlah satu-satunya perkara yang kita takuti. Tetapi sifat zalim dan fasik juga amat dibimbangi oleh orang yang amat menjaga agamanya dan takutkan dirinya terjebak ke situ serta berharap untuk bertemu dengan Tuhannya.

Allah berfirman:

أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٨﴾

Terjemahan: *Ketahuilah! (sesungguhnya) laknat Allah tertimpa kepada orang-orang yang zalim!* **(Surah Hud 11:18)**

وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٧﴾

Terjemahan: *Dan (ingatlah) Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim.* **(Surah ali-'Imran 3:57)**

Firman Allah:

ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim.* **(Surah al-Ma'idah 5:51)**

Firman Allah lagi:

وَمَن يَظۡلِم مِّنكُمۡ نُذِقۡهُ عَذَابٗا كَبِيرٗا ﴿١٩﴾

Terjemahan: *Dan sesiapa yang berlaku zalim di antara kamu, Kami akan merasakannya azab siksa yang besar.* **(Surah al-Furqan 25:19)**

Firman Allah lagi:

إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya.* **(Surah Yusuf 12:23)**

Firman Allah:

وَسَيَعۡلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ أَيَّ مُنقَلَبٖ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

Terjemahan: *Dan (ingatlah) orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak ke tempat mana, mereka akan kembali.* **(Surah al-Shu'ara 26: 227)**

Firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ﴿٦﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasiq.* **(Surah al-Munafiqun 63:6)**

Firman Allah:

بِئۡسَ ٱلِٱسۡمُ ٱلۡفُسُوقُ بَعۡدَ ٱلۡإِيمَٰنِۚ

Terjemahan: *Seburuk-buruk pangilan ialah panggilan fasiq sesudah beriman.* **(Surah al-Hujurat 49:11)**

Firman Allah:

وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

Terjemahan: *Dan Kami timpakan orang-orang yang zalim dengan azab siksa yang amat berat, disebabkan mereka berlaku fasiq (durhaka).* **(Surah al-A'raf 7:165)**

Kedua: Berhukum dengan selain daripada apa yang diturunkan oleh Allah walaupun ia tidak menjadi kafir yang boleh mengeluarkan seseorang daripada agama Allah kerana tidak kerlaku penentangan dan pengingkaran terhadap syariat Allah, namun yang pastinya dia telah berhukum dengan apa yang bertentangan dengan Islam dan orang yang melakukan perkara ini dikira telah merelakan dirinya untuk menjadi orang zalim dan fasik. Dia bukannya menjadi orang zalim selama satu jam atau fasik untuk satu hari tetapi zalim dan fasik yang kekal berterusan selagimana dia berhukum dengan yang lain daripada yang diturunkan oleh Allah. Oleh itu kekalnya hukum ini adalah satu kemungkaran secara yakin dan ijmak. Menentang dan memeranginya adalah wajib dengan secara yakin dan ijmak. Oleh itu wajiblah kepada *Ahlu al-Halli Wa al-'Aqdi* seperti Parlimen untuk mengubahnya secara berperlembagaan. Jika tidak dapat, maka dengan kekuatan tentera ataupun kebangkitan rakyat dengan syarat ada kemampuan dan tidak membawa kepada fitnah atau mungkar yang lebih besar. Ketika itu, dia hendaklah mengambil perkara yang paling ringan kemudaratannya dan reda dengan kerosakan yang paling sedikit. Pada saat itu jihad yang wajib dengan tangan, berpindah kepada jihad dengan lidah dan kemudiannya berpindah kepada jihad dengan hati dan itulah merupakan selemah-lemah iman sebagaimana yang akan kami jelaskan dalam tajuk yang berikutnya insya-Allah.

Al-Imam Muslim telah meriwayatkan dalam kitab Sahihnya daripada Ibn Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

"Setiap Nabi yang diutuskan oleh Allah sebelumku diutuskan bersamanya hawariyun (pengikut-pengikut setia) dan para sahabatnya yang akan mengambil dan memegang Sunahnya dan menunaikan perintahnya. Kemudiannya muncullah kaum yang berkata apa yang mereka tidak lakukan dan melakukan apa yang mereka tidak diperintahkan. Sesiapa yang berjihad melawan mereka dengan

tangan maka dia adalah seorang Mukmin. Sesiapa yang berjihad melawan mereka dengan lidahnya maka dia adalah seorang Mukmin dan sesiapa yang berjihad melawan mereka dengan hatinya maka dia adalah seorang mukmin dan selepas itu tiada lagi iman walaupun sebesar biji sawi."

Namun, menyerah diri kepada realiti yang bertentangan dengan Islam adalah tidak dibenarkan. Bahkan wajib berusaha untuk mengubahnya dengan jalan-jalan yang dibenarkan seperti melalui jalan dakwah dan pendidikan, tarbiah dan pembentukan sehinggalah dengan itu mereka telah mengubah apa yang ada pada diri mereka, dengan itu Allah akan mengubah keadaan mereka.

Allah sentiasa berkata benar dan Dialah pemberi petunjuk ke arah jalan yang lurus.

PERINGKAT MENGUBAH KEMUNGKARAN DAN BILAKAH DIBENARKAN MENGUBAHNYA DENGAN KEKUATAN?

SOALAN:

Pada masa ini, berlaku perbahasan hangat tentang satu isu yang merupakan antara isu yang paling penting dan serius iaitu isu mengubah kemungkaran dengan kekuatan. Siapakah yang mempunyai hak untuk melakukan perubahan dan bilakah ia dibenarkan?

Ada yang mengatakan bahawa ini adalah tanggungjawab pemerintah sahaja. Ini bererti ia bukanlah tanggungjawab individu. Kalau tidak, akan berlakulah huru-hara dan fitnah yang tidak diketahui kesudahannya kecuali Allah. Ada pula golongan yang menjadikan tugas ini sebagai hak bagi setiap Muslim, bahkan ia merupakan antara kewajipan ke atas mereka. Ini berdasarkan kepada hadis sahih daripada Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيْمَانِ

Terjemahan: *Sesiapa yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya (kekuasaan) dan jika dia tidak mampu, hendaklah dia mengubahnya dengan lidah dan jika dia juga tidak mampu, hendaklah dia*

mengubahnya dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman.[94]

Hadis ini menjadikan mengubah kemungkaran adalah kewajiban setiap orang yang melihat kemungkaran. Ia hendaklah dilakukan dengan tangan terlebih dahulu, jika dia tidak mampu maka menggunakan lidah dan jika tidak mampu maka dengan hati dan itu adalah selemah-lemah iman. Sesiapa yang mampu untuk melaksanakannya dengan iman yang paling kuat maka kenapa pula dia ingin melakukannya dengan iman yang paling lemah.

Inilah yang mendorong sebahagian pemuda yang bersemangat untuk mengubah dengan tangannya setiap apa yang dianggapnya sebagai kemungkaran tanpa memperkirakan akibat yang akan berlaku kesan daripada perbuatannya itu. Kemungkinan pemerintah ataupun kerajaan sendiri yang melakukan kemungkaran itu ataupun melindunginya. Kemungkinan dia yang menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, menggugurkan kewajipan, menghalang hukum hudud, memusuhi kebenaran ataupun menggalakkan kebatilan. Di sinilah mereka menyangka individu wajib untuk mengubah kemungkaran itu dengan kekuatan yang mereka mampu lakukan. Sekiranya mereka disakiti maka ia adalah kerana mempertahankan agama Allah dan jika mereka terbunuh maka ia adalah mati di jalan Allah. Mereka adalah syuhada dan berada di sisi Hamzah bin Abdul Muttalib, penghulu sekalian syuhada sepertimana yang dinyatakan oleh hadis.

Perkara ini telah mengelirukan ramai orang khususnya golongan pemuda yang kuat semangat keagamaan dan cintakan agamanya. Apatah lagi apabila pendapat yang pertama dipertahankan oleh sebahagian ulama yang digelar 'ulama kerajaan dan talibarut polis' yang mana kata-kata mereka tidak lagi diterima.

Pendapat yang kedua pula didokong oleh kebanyakan golongan pemuda yang mungkin dituduh sebagai ekstrimis, membabi buta dan mengikut sentimen perasaan yang hanya berhujahkan zahir nas tanpa mengaitkan di antara nas-nas yang bersangkutan. Apa yang kami harapkan ialah agar tuan dapat meluangkan sedikit masa untuk menyelesaikan masalah ini sehinggalah jelas kepada kami pendapat yang manakah antara dua pendapat ini yang lebih tepat ataupun yang tepat adalah antara keduanya ataupun kemungkinan di sana terdapat pendapat yang lain.

---

94) Riwayat Muslim dalam *Sahihnya* daripada Abu Sa'id al-Khudri.

Semoga Allah meneguhkan penulisan tuan untuk menjelaskan kebenaran daripada kebatilan. Amin.

JAWAPAN:

Kewajipan Amar Makruf Dan Nahi Mungkar

Antara kewajipan asas di dalam Islam ialah kewajipan amar *makruf nahi mungkar* (menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran). Kewajipan inilah yang telah dijadikan oleh Allah sebagai salah satu unsur utama memberikan kelebihan dan keutamaan bagi umat ini berbanding dengan umat-umat yang lain.

Firman Allah SWT:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benarnya).* **(Surah ali-'Imran 3:110)**

Antara sifat asas bagi seorang Mukmin pada pandangan al-Quran ialah:

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْآمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنكَرِ وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ

Terjemahan: *Mereka itu ialah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan berjihad), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan dan yang menjaga hukum-hukum Allah.* **(Surah at-Taubah 9:112)**

Wanita beriman di sini sama seperti lelaki yang beriman. Mereka mempunyai hak menyertai kewajipan umum ini sebagaimana firman Allah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ

وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain; mereka menyuruh membuat kebaikan dan melarang daripada membuat kejahatan.* **(Surah at-Tawbah 9:71)**

Setiap orang lelaki beriman mempunyai wilayah terhadap saudaranya kerana tuntutan imannya, begitu jugalah setiap orang wanita beriman.

Al-Quran juga memuji orang yang menyeru kepada kebaikan dan melarang daripada kemungkaran dan mencela mereka yang tidak melakukan perkara tersebut. Allah SWT. berfirman di dalam surah al-Mai'dah:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan: *Orang-orang kafir Yahudi dan Bani Israel telah dilaknat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Maryam. Yang demikian itu kerana mereka menderhaka dan melampaui batas. Mereka saling tidak larang-melarang dari perbuatan munkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka telah lakukan.* **(Surah al-Ma'idah 5:78-79)**

Dengan ini seorang Muslim bukanlah sekadar manusia yang baik terhadap dirinya sahaja dengan melakukan kebaikan, meninggalkan kejahatan, hidup dalam lingkungan dirinya sahaja tanpa menghiraukan kebaikan yang dilihatnya luput dan hancur di depannya dan juga tidak menghiraukan kejahatan yang berkembang dan merebak di sekitarnya.

Muslim yang sebenar adalah manusia yang baik terhadap dirinya dan sentiasa berusaha membaiki orang lain. Inilah yang digambarkan oleh satu surah yang ringkas di dalam al-Quran iaitu surah al-'Asr:

وَٱلْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَفِى خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلْحَقِّ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلصَّبْرِ ﴿٣﴾

Terjemahan: *Demi masa! Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal saleh serta orang-orang yang saling berpesan-pesan dengan kebenaran dan saling berpesan-pesan dengan kesabaran.* **(Surah al-'Asr 103:1-3)**

Seorang Muslim tidak akan terlepas daripada kerugian di dunia dan akhirat melainkan apabila dia berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran. Inilah yang dinamakan sebagai amar makruf nahi mungkar yang menjadi pengawal kepada kebenaran dan kebaikan umat ini.

Setiap kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat Islam hanyalah berlaku apabila mereka berada dalam kelalaian, kelemahan atau berpecah-belah. Dengan itu masyarakat tidak akan tenteram, tidak akan kekal lama, keamanan dan nikmat naungan syariat tidak dirasai lagi.

Semua kemungkaran akan hidup dalam keadaan diburu apabila ia berada dalam suasana Islam. la seperti seorang penjenayah yang dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup. Mungkin ia boleh hidup dan berpindah-randah tetapi ia bersembunyi daripada sistem keadilan dan juga masyarakat.

Dengan itu seorang Muslim dituntut supaya menentang kemungkaran dan memburunya sehinggalah kemungkaran itu tidak dapat lagi hidup tanpa kebenaran di bumi yang bukan buminya, di rumah yang bukan miliknya dan di kalangan kaum yang bukan ahli keluarganya.

Hadis Sahih Tentang Mengubah Kemungkaran Dan Peringkatnya

Dari sinilah datang satu hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri daripada Rasulullah SAW. sabdanya:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيْمَانِ

Terjemahan: *Sesiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya (kekuasaan) dan jika dia tidak berupaya maka hendaklah dia mengubahnya dengan lidahnya dan jika dia juga tidak berdaya maka hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya dan itulah merupakan*

selemah-lemah iman.[95]

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa mengubah kemungkaran adalah tanggungjawab setiap orang Muslim yang melihatnya, bahkan ia menjadi kewajipannya.

Dalilnya ialah perkataan *man (sesiapa)* dalam hadis ini adalah menunjukkan kepada umum sebagaimana yang dikatakan oleh ulama Usul Fiqh. Ia adalah umum dan merangkumi setiap orang yang melihat kemungkaran sama ada pemerintah mahupun rakyat Rasulullah SAW. telah menyuruh semua ummat Islam "sesiapa yang melihat kemungkaran" dan perintah ini tidak dikecualikan daripada sesiapapun daripada kalangan umatnya, bermula daripada para sahabatnya hinggalah generasi-generasi selepas mereka dan berterusan sehingga hari kiamat.

Rasulullah SAW. merupakan seorang Imam, Ketua dan Pemerintah umat. Walaupun begitu, Baginda memerintahkan mereka dari kalangan rakyat yang melihat kemungkaran supaya mengubahnya dengan tangan mereka apabila mereka mampu sewaktu Baginda bersabda: "Sesiapa yang melihat kemungkaran."

Syarat Mengubah Kemungkaran

Perkara yang dituntut daripada seorang individu Muslim ataupun sekumpulan ummat Islam ketika mengubah kemungkaran ialah menjaga syarat-syarat yang mesti dilakukan sepertimana dinyatakan oleh hadis.

Syarat Pertama: Ia Adalah Perkara Yang Disepakati Pengharamannya

Maksudnya ia adalah kemungkaran yang sebenarnya. Ia adalah kemungkaran yang dituntut supaya diubah dengan tangan terlebih dahulu, kemudian dengan lidah, kemudian dengan hati apabila tidak mampu. 'Kemungkaran' hanyalah ditujukan kepada perkara haram yang diminta oleh syarak meninggalkannya secara tegas dan orang yang melakukannya adalah layak mendapat seksaan Allah. Ia sama ada perkara yang dilarang untuk dilakukan ataupun meninggalkan perkara yang diwajibkan.

Sama ada perkara haram itu merupakan dosa kecil ataupun dosa besar walaupun adakalanya dosa kecil itu dipandang remeh, tidak seperti dosa besar dengan syarat tidak membiasakan diri dengan dosa kecil tersebut.

95) Riwayat Muslim dalam *Sahihnya* daripada Abu Sa'id al-Khudri.

Firman Allah SWT.:

إِن تَجْتَنِبُوا۟ كَبَآئِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُم مُّدْخَلًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

Terjemahan: *Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan mengampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).* **(Surah an-Nisa' 4:31)**

Rasulullah SAW. telah bersabda:

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ مَا اجْتُنِبَتِ الْكَبَائِرُ

Terjemahan: *Sembahyang yang lima, Jumaat sehingga Jumaat, Ramadhan hingga Ramadan adalah menjadi pembersih segala dosa yang berlaku antara keduanya selagi tidak melakukan dosa besar.*[96]

Jadi perkara-perkara yang makruh tidak termasuk dalam kemungkaran, begitu juga meninggalkan perkara sunat dan *mustahab.* Beberapa hadis telah menceritakan bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW. mengenai perkara yang difardukan oleh Allah SWT. kepadanya. Rasulullah SAW. menyebutkan beberapa kwajipan yang terdiri daripada sembahyang, puasa dan zakat. Lelaki itu telah bertanya setiap kali jawapan diberikan: "Adakah selepas itu ada kewajipan lain?" Lalu Rasulullah SAW. menjawab: "Tidak, kecuali yang dikerjakan secara sukarela." Selepas itu lelaki itu berkata: "Wahai Rasulullah, aku tidak akan menambah dan tidak akan mengurangkannya sedikitpun." Rasulullah SAW. bersabda: "Dia akan berjaya jika dia benar atau dia akan masuk syurga kalau dia benar."[97] Dalam hadit yang lain Rasulullah SAW. bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang ingin melihat lelaki dari kalangan ahli syurga maka lihatlah lelaki ini." [98]

96) Riwayat Muslim dalam *Sahihnya* daripada Abu Hurairah.

97) Muttafaq 'Alaih daripada Thalhah bin Ubaidillah.

98) Muttafaq 'Alaih daripada Abu Hurairah.

Jadi, perkara mungkar itu mestilah dalam peringkat perkara yang haram. Haram tersebut hendaklah haram secara hakiki dari sudut syarak. Pengharamannya dinyatakan oleh nas-nas syarak atau kaedahnya yang *qat'i* yang muncul daripada kajian *istiqra'* (induktif) juzuk-juzuk syariat. Tidak boleh mengingkari perkara sekadar dalam lingkungan pandangan dan ijtihad yang kadang-kadang betul dan kadang-kadang salah, kadang-kadang berubah disebabkan perubahan masa, tempat, 'uruf dan juga keadaan semasa.

Begitu juga kemungkaran tersebut hendaklah disepakati pengharamannya. Perkara yang masih dipertikaikan oleh ulama dan mujtahid, sama ada dahulu ataupun sekarang tentang harus atau haram hukumnya adalah tidak termasuk dalam skop kemungkaran yang wajib diubah dengan tangan terutamanya jika secara bersendirian.

Apabila para ulama berselisih pendapat mengenai hukum mengambil gambar, nyanyian yang disertai dengan alat muzik ataupun tanpa alat muzik, mendedahkan muka dan tapak tangan bagi wanita, perempuan menjadi Kadi dan seumpamanya, menetapkan puasa dengan melihat anak bulan menggunakan mata kasar atau dengan teropong ataupun dengan hisab dan falak, dan sebagainya yang merupakan perkara yang diperselisihkan oleh para ulama semenjak dulu lagi. Maka tidak harus bagi seorang Muslim atau sekumpulan orang Islam untuk memastikan pengambilan satu pendapat sahaja dan menyerang pendapat yang lain dengan kekerasan.

Pendapat jumhur atau majoriti ulama pun tidak dapat menggugurkan pendapat minoriti atau menjadikannya tidak diperkirakan selagimana pendapat itu adalah pendapat ahli ijtihad walaupun dia hanya seorang. Berapa banyak pendapat yang pada satu masa ditinggalkan tetapi pada masa yang lain ia menjadi pendapat yang masyhur. Berapa banyak pendapat fuqaha yang dikatakan lemah tetapi kemudiannya datang ulama yang menyokong dan menguatkannya. Akhirnya pendapat itu menjadi pendapat yang muktamad dan difatwakan dengannya.

Lihatlah kepada pendapat Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah dalam soal talak dan undang-undang kekeluargaan. Beliau telah menerima berbagai tekanan dalam hidupnya kerana pendapatnya itu dan selepas kematian beliaupun pendapat tersebut masih menerima penentangan selama beberapa kurun. Kemudian Allah telah membangkitkan tokoh-tokoh yang menyebar dan menyokong pendapat ini sehinggalah pendapat ini menjadi asas kepada fatwa dan undang-undang kehakiman dalam kebanyakan negara Islam.

Sesungguhnya kemungkaran yang wajib diubah dengan kekuatan mestilah kemungkaran yang jelas dan sabit, dan disepakati oleh imam-imam umat Islam bahawa ia adalah suatu kemungkaran. Tanpanya, akan terbukalah pintu kejahatan yang tiada penghujungnya. Setiap orang yang berpegang dengan sesuatu pendapat akan menggunakan kekuatan untuk memaksa orang lain mengikuti pendapatnya.

Di sesetengah negara Islam, sekumpulan pemuda yang bersemangat telah meroboh kedai-kedai yang menjual patung-patung permainan kanak-kanak kerana berpendapat ia adalah patung berhala dan bentuk ukiran dianggap sebagai salah satu daripada dosa besar!

Apabila dikatakan kepada mereka bahawa ulama semenjak zaman dahulu telah mengharuskan permainan kanak-kanak kerana ia menampakkan kehinaan gambar dan juga menafikan untuk mengagungkannya... Mereka menjawab: Itu adalah hukum gambar-gambar yang tidak dibuat dengan teliti yang tidak boleh dibuka-tutup matanya, berbeza dengan sekarang.

Apabila dikatakan kepada mereka: Tetapi kanak-kanak melempar patung ini kiri dan kanan, mencabut lengan dan kakinya dan tidak mengagungkan atau menyucikannya... Mereka diam tanpa jawapan!

Di sesetengah negara Islam yang lain, beberapa orang pemuda cuba untuk menutup restoran-restoran, kedai-kedai minuman buah-buahan, kedai kopi dan sebagainya dengan menggunakan kekuatan sebaik sahaja sebahagian negara Islam mengumumkan bermulanya puasa dan telah kelihatan anak bulan Ramadan.

Mereka berpendapat bahawa Ramadan telah jelas tiba dan makan secara terang-terangan adalah tidak diharuskan.

Sama seperti inilah yang dilakukan oleh beberapa orang pemuda Muslim yang bersemangat di Mesir pada satu Hari Raya Puasa di mana pihak yang ditauliahkan telah mengumumkan bahawa Syawal belum menjelang kerana beberapa sebab seperti ilmu falak telah memutuskan bahawa anak bulan Syawal mustahil dapat dilihat pada malam itu. Sememangnya anak bulan tidak kelihatan di Mesir, tetapi sesetengah negara lain telah mengisytiharkan bahawa anak bulan telah kelihatan. Maka merekapun berkeras untuk berbuka dan merayakan Hari Raya Puasa sesama mereka sahaja. Mereka menentang keputusan kerajaan dan majoriti umat ini. Hasilnya berlakulah pertembungan dengan pihak keselamatan yang tidak dapat dielakkan.

Pada pendapat saya, kedua-dua belah pihak telah melakukan kesilapan dari beberapa sudut:

Pertama: Fuqaha telah berselisih pendapat mengenai cara mensabitkan kelihatannya anak bulan. Di antara mereka ada yang berpada dengan seorang saksi dan yang lain mensyaratkan dua saksi. Setengah yang lain mensyaratkan bilangan saksi yang ramai ketika langit terang. Setiap pendapat mempunyai dalil dan hujahnya yang tersendiri. Memaksa orang lain untuk menerima satu mazhab sahaja adalah tidak dibenarkan kepada orang yang tidak mempunyai kekuasaan.

Kedua: Mereka juga berselisih pendapat dalam masalah perkiraan (tempat terbitnya anak bulan) yang berlainan, apakah ia diambil kira atau tidak? Beberapa mazhab menyatakan bahawa setiap negara hendaklah melihat anak bulan di negara masing-masing. Mereka tidak dimestikan mengikut anak bulan di negara yang lain. Inilah pendapat Ibn 'Abbas dan orang yang bersetuju dengannya sebagaimana yang diketahui daripada hadis Kuraib dalam Sahih Muslim.

Ketiga: Ditetapkan dalam fiqh bahawa: Keputusan pemerintah ataupun Kadi dalam perkara yang diperselisihkan adalah muktamad dan seluruh umat wajib mengikutinya.

Oleh itu, apabila pihak kerajaan mengambil pendapat seorang Imam atau ijtihad sesuatu mazhab dalam masalah ini maka menjadi satu mengikutinya dan tidak boleh memecahkan saf umat Islam.

Saya telah berkata dalam sesetengah fatwa: Sekiranya kita tidak dapat menyatukan umat Islam dalam masalah puasa dan Hari Raya, maka sekurang-kurangnya penduduk satu negara hendaklah bersatu dalam syiar agama mereka. Tidak dapat untuk diterima oleh logik akal penduduk sebuah negara itu terbahagi kepada dua kumpulan: Sekumpulan yang berpuasa dan satu kumpulan lagi berhari raya.

Tetapi, kesilapan ijtihad pemuda-pemuda yang ikhlas ini tidak sepatutnya dihapuskan dengan peluru. Ia hendaklah ditangani dengan hujah-hujah yang dapat menarik dan menyedarkan mereka.

Syarat Kedua: Munculnya Kemungkaran Itu

Maksud syarat ini ialah kemungkaran itu hendaklah jelas dapat dilihat oleh pandangan mata. Apa yang disembunyikan oleh pelakunya daripada pandangan orang lain maka seorangpun tidak boleh mengintipnya sama ada dengan

meletakkan alat perakam suara ataupun kamera yang tersembunyi ataupun menceroboh masuk ke dalam rumahnya untuk menangkapnya ketika dia sedang bergelumang dengan kemungkaran.

Inilah yang dinyatakan oleh hadis: "Sesiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya...". Mengubah kemungkaran ini telah dikaitkan dengan melihat dan menyaksikannya. Ia tidak dikaitkan dengan mendengar daripada orang lain. Ini disebabkan Islam meninggalkan hukuman terhadap orang yang melakukan kemungkaran secara tersembunyi dan tidak sengaja menunjuk-nunjuk kemungkarannya. Allah SWT. sahajalah yang menghisabnya pada akhirat. Islam tidak menyerahkan perkara tersebut kepada sesiapapun di dunia ini. Sehinggalah segala perbuatannya jelas dan rahsianya terbongkar. Sehinggakan balasan Ilahi sendiri banyak diringankan kepada orang yang menyembunyikan perbuatannya dan tidak melakukan maksiat secara terang-terangan sepertimana yang dijelaskan oleh hadis sahih:

كُلُّ أُمَّتِي مُعَافًى إِلاَّ الْمُجَاهِرِيْنَ

Terjemahan: *Setiap umatku diampunkan kecualilah orang yang melakukan kemungkaran secara terang-terangan.*

Oleh itu, tiada seseorangpun yang berhak mengubah kemungkaran yang disembunyikan terutamanya kemungkaran hati seperti riya', munafik, takbur, dengki, kedekut dan sebagainya selagimana ia tidak ditonjolkan melalui perbuatan zahir. Walaupun perbuatan ini dianggap oleh agama sebagai dosa besar yang paling utama. Ini disebabkan kita diperintahkan supaya menghukum berdasarkan zahir yang kita lihat dan kita berserah kepada Allah dalam perkara yang dirahsiakan.

Antara peristiwa menarik yang menguatkan lagi perkara ini ialah apa yang berlaku kepada Amirul Mukminin Umar bin al-Khattab r.a. yang diceritakan oleh al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulum ad-Din* bab 'Menyuruh yang makruf dan mencegah kemungkaran'. Umar pada suatu hari memanjat tembok rumah seorang lelaki dan beliau melihat perkara yang dibencinya lalu beliau mengingkarinya (menegurnya). Lelaki itu berkata kepada Umar "Wahai Amirul Mukminin, sekiranya aku telah melakukan satu bentuk maksiat kepada Allah, maka engkau telah melakukan tiga bentuk maksiat kepada-Nya." Umar bertanya: "Apakah maksiat yang telah aku lakukan?" Lelaki itu berkata: "Allah telah berfirman:

وَلَا تَجَسَّسُوا

Terjemahan: *Janganlah kamu mengintip kesalahan orang lain.* **(Surah al-Hujurat 49:12)**

Sedangkan engkau telah mengintip aku. Allah juga berfirman:

وَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَٰبِهَا

Terjemahan: *Dan masuklah ke dalam rumah melalui pintunya.* **(Surah al-Baqarah 2:189)**

Tetapi engkau telah memanjat rumahku dari atap. Allah berfirman lagi:

لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا۟ وَتُسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَهْلِهَا

Terjemahan: *Janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu terlebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya.* **(Surah an-Nur 24:27)**

Tetapi engkau tidak memberi salam kepadaku." Lalu Umar pun membiarkannya dengan mensyaratkan kepadanya agar bertaubat.[99]

Syarat Ketiga: Untuk Mengubah Kemungkaran Dengan Kekuatan: Benar-Benar Mampu Untuk Mengubahnya

Maksudnya ialah mereka yang ingin mengubah sesuatu kemungkaran sama ada dia bersendirian melakukannya ataupun dengan pertolongan orang lain hendaklah benar-benar mampu untuk mengubah kemungkaran itu dengan kekuatan. Maksudnya dia hendaklah mempunyai kekuatan material atau spiritual untuk mencegah kemungkaran itu dengan mudah.

Syarat ini juga diambil daripada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id kerana Rasulullah SAW. bersabda: "Jika dia tidak mampu maka hendaklah dia mengubahnya dengan lidahnya..." Maksudnya: Kalau dia tidak mampu untuk mengubah kemungkaran dengan tangannya maka dia hendaklah meninggalkannya kepada orang yang mampu dan cukuplah dia, mengubahnya dengan lidah dan penerangan jika dia tidak mempunyai kemampuan.

Perkara ini selalunya dikhususkan kepada orang yang mempunyai kekuasaan. Ia berada dalam lingkungan kekuasaannya seperti suami kepada isterinya, ayah kepada anak. anak lelaki dan perempuannya serta orang yang

99) *Al-Ihya'* 7/1218, cetakan al-Sya'b, Kaherah.

ditanggungnya, pengurus syarikat kepada para pekerjanya, pemerintah yang ditaati dalam lingkungan pemerintahan, kekuasaan dan kemampuan yang dimilikinya[100] dan begitulah seterusnya.

Kita menyatakan tentang kekuatan material atau spiritual kerana kekuasaan suami ke atas isteri atau ayah ke atas anak-anak bukannya kekuasaan yang diasaskan kepada kekuatan material tetapi ia adalah kekuasaan yang lahir daripada penghormatan dan kehebatannya yang menjadikan setiap arahannya dilaksanakan dan setiap kata-katanya dipatuhi.

Jika Kemungkaran Itu Datang Daripada Pihak Pemerintah

Di sini timbul masalah apabila kemungkaran dilakukan oleh kerajaan atau negara yang memerintah yang memiliki kekuatan material dan ketenteraan. Apakah yang boleh dilakukan oleh individu atau sekumpulan manusia untuk mengubah kemungkaran yang dilakukan oleh pemerintah atau kemungkaran yang dilindungi oleh pemerintah.

Jawapannya: Pihak yang ingin mengubah kemungkaran tersebut mestilah memiliki kekuatan dan kemampuan untuk mengubah. Pada zaman ini kekuatan boleh didapati dengan tiga jalan.

Pertama: Kekuatan ketenteraan yang menjadi sumber kekuatan kebanyakan negara pada zaman ini terutamanya negara Dunia Ketiga untuk mendokong kerajaan dan melaksanakan polisi pentadbiran mereka serta menutup mulut pembangkang secara kekerasan. Punca kekuatan kerajaan seperti ini bukannya kekuatan logik tetapi logik berdasarkan kekuatan. Sesiapa yang memiliki kekuatan ini pasti akan mampu untuk memukul setiap gerakan rakyat yang ingin melakukan perubahan sepertimana apa yang telah kita saksikan di kebanyakan negara dan yang terakhir ialah apa yang berlaku di China. Mereka telah menghapuskan secara kejam revolusi pelajar yang menuntut kebebasan.

Kedua: Parlimen yang mempunyai kekuasaan perundangan, mengeluarkan undang-undang dan mengubahnya berdasarkan keputusan majoriti yang dipakai oleh sistem Demokrasi. Sesiapa yang mempunyai suara majoriti yang berada di

100) Saya maksudkan para pemerintah yang tidak mampu melakukan beberapa perkara yang berada dalam lingkungan kekuasaannya sendiri. Kita telah melihat Timm bin Abdul 'Aziz tidak mampu untuk mengembalikan soal Khilafah melalui jalan syura umat Islam dan menjauhkannya daripada sistem perwarisan. Begitu juga al-Najasyi, Raja Habsyah yang tidak mampu setelah ke Islamannya untuk menjalankan hukum syarak di kalangan rakyatnya kerana mereka tidak memeluk Islam seperti beliau. Sekiranya beliau cuba melakukannya pasti mereka akan memecatnya.

bawah naungan sistem Demokrasi yang sebenar dan bukan yang palsu akan dapat mengubah setiap kemungkaran yang dilihatnya dengan menggunakan undang-undang yang diwajibkan. Sesiapapun tidak dapat untuk menidakkannya walaupun dia seorang Menteri, Perdana Menteri ataupun Presiden.

Ketiga: Kekuatan rakyat jelata yang bersatu. Apabila mereka bergerak ke mana-mana arah, tidak ada satu kekuatanpun yang mampu menghadapinya atau menyekat perjalanannya. Ini kerana ia adalah ibarat kekuatan ombak di lautan ataupun banjir besar yang tidak dapat ditahan oleh sesiapa walaupun kekuatan ketenteraan sendiri. Ini kerana tentera pada akhirnya akan bersama-sama mereka kerana rakyat jelata itu tidak lain melainkan ahli keluarga mereka sendiri, ayah, anak atau saudara mara mereka sebagaimana yang jelas kita lihat dalam Revolusi Iran.

Sesiapa yang tidak memiliki salah satu daripada tiga faktor kekuatan ini, dia hendaklah bersabar dan mempersiapkan diri sehinggalah kekuatan tadi dapat dimilikinya. Dia hendaklah mengubah kemungkaran itu dengan lidah, pena, dakwah, nasihat dan pesanan sehinggalah terbentuk satu pandangan umum rakyat yang kuat meminta supaya kemungkaran itu dihapuskan. Dia juga hendaklah berusaha untuk mendidik generasi perintis yang beriman dan bersedia untuk mengubah kemungkaran serta sanggup menanggung akibatnya. Inilah yang dinyatakan oleh hadis Abu Tha'labah al-Khashni ketika beliau bertanya kepada Rasulullah SAW. tentang firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَيۡكُمۡ أَنفُسَكُمۡۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهۡتَدَيۡتُمۡۚ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah diri kamu. Orang-orang yang sesat tidak boleh memudaratkan kamu apabila kamu telah mendapat petunjuk.* **(Surah al-Ma'idah 5:105)**

Lalu Rasulullah SAW. bersabda kepadanya yang bermaksud:

"Bahkan kamu hendaklah menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran, sehinggalah apabila kamu melihat sifat kedekut ditaati, hawa nafsu diikuti, dunia yang memberi pengaruhnya dan setiap orang merasa takjub dengan pendapat mereka. Ketika itu kamu hendaklah menjaga diri kamu sendiri dan tinggalkanlah orang awam. Sesungguhnya di belakang kamu ada beberapa hari di mana orang yang sabar adalah seperti menggenggam bara api. Ganjaran orang yang beramal pada hari-hari tersebut adalah sama seperti ganjaran lima

puluh orang yang beramal seperti apa yang kamu amalkan. [101)]

Dalam sesetengah riwayat dinyatakan: *"Aku melihat perkara yang kamu tidak mampu untuk melakukannya."*

Keempat: Tidak bimbang berlakunya kemungkaran yang lebih besar. Iaitu kita tidak merasa bimbang akan berlakunya kemungkaran yang lebih besar rentetan daripada kemungkaran yang dicegah dengan menggunakan kekuatan. Seperti ia menjadi penyebab kepada fitnah yang membawa kepada pertumpahan darah orang yang tidak berdosa, pencabulan kehormatan dan perampasan harta. Akibatnya, kemungkaran semakin bertambah kukuh, kesombongan pelakunya dan kerosakan akan semakin bertambah.

Oleh sebab itu ulama telah menyatakan boleh berdiam diri terhadap kemungkaran yang berlaku apabila dibimbangi akan berlakunya kemungkaran yang lebih besar. Dengan itu kita telah melakukan perkara yang lebih ringan mudaratnya daripada dua perkara yang memudaratkan dan menanggung perkara yang lebih sedikit kejahatannya daripada dua kejahatan yang jelas.

Dalam hal ini, terdapat hadis sahih yang menjelaskan bahawa Rasulullah s a w. telah bersabda kepada Aisyah r.ah.:

لَوْ لاَ أَنَّ قَوْمَكَ حَدِيْثُو عَهْدٍ بِشِرْكٍ لَبَنَيْتُ الْكَعْبَةَ عَلَى قَوَاعِدِ إِبْرَاهِيْمَ

Terjemahan: *Kalaulah tidak kerana kaum kamu baru sahaja meninggalkan syirik, nescaya aku akan membina semula Kaabah di atas tapak asas yang didirikan oleh Nabi Ibrahim.*

Di dalam al-Quran terdapat kisah yang menguatkan lagi apa yang kami nyatakan. Kisah Nabi Musa a.s. dengan kaumnya Bani Israel ketika Baginda pergi menemui Tuhannya selama 40 malam. Semasa ketiadaan Baginda, kaumnya telah disesatkan oleh al-Samiri dengan patung anak lembunya yang dibuat daripada emas sehingga menyebabkan kaumnya menyembah patung tersebut. Nabi Harun a.s., saudara Nabi Musa a.s. telah menasihati mereka tetapi mereka tidak mempedulikan nasihatnya dan berkata:

---

101) Riwayat al-Tirmizi, katanya: Hadis hasan gharib sahih. Juga diriwayat oleh Abu Daud melalui jalan Ibn al-Mubarak. Riwayat Ibn Majah, Ibn Jarir dan Ibn Abu Hatim daripada Utbah bin Abu Hakim.

لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا مُوسَىٰ ﴿٩١﴾

Terjemahan: *Mereka menjawab: "Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan penyembahan patung ini, (bahkan) kami akan tetap menyembahya hingga Nabi Musa kembali kepada kami."* **(Surah Taha 20:91)**

Selepas kembalinya Nabi Musa a.s., Baginda diperlihatkan dengan kemungkaran yang buruk iaitu penyembahan anak lembu lalu Baginda amat mengingkari sikap saudaranya, lantas menarik janggut saudaranya disebabkan kemarahan yang melonjak.

Firman Allah:

قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾ أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾
قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِى وَلَا بِرَأْسِىٓ ۖ إِنِّى خَشِيتُ أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِى ﴿٩٤﴾

Terjemahan: (Sekembalinya) Nabi Musa berkata: "Wahai Harun, apakah yang menghalangmu ketika engkau melihat mereka sesat daripada menurutku? Adakah engkau ingkar akan suruhanku?" Nabi Harun menjawab: "Wahai anak ibuku! Janganlah engkau merenggut janggutku dan janganlah menarik (rambut) kepalaku. Sesungguhnya aku takut bahawa engkau akan berkata kepadaku: Engkau telah memecah-belahkan kaum Bani Israel sesama sendiri, dan engkau tidak berhati-hati mengambil berat pesananku!". **(Surah Taha 20: 92-94)**

Maksudnya, Nabi Harun a.s. telah mengutamakan untuk menjaga perpaduan kaumnya sewaktu ketiadaan saudaranya sehinggalah apabila kembalinya Nabi Musa a.s., mereka akan bersepakat mengambil cara yang lebih tegas dan berhikmah untuk berdepan dengan keadaan yang genting ini.

Inilah empat syarat yang mesti ada pada sesiapa yang ingin mengubah kemungkaran dengan tangannya ataupun dengan kata lain mengubah kemungkaran dengan kekuatan dan kekerasan.

Mengubah Perkara *Juz'i* (Cabang) Bukanlah Penyelesaian

Saya ingin menyebutkan di sini satu perkara yang amat penting kepada orang yang mengambil berat usaha untuk memulihkan keadaan Islam. Iaitu,

kerosakan yang menimpa umat ini sepanjang zaman kemunduran, sewaktu penjajahan Barat, pemerintah taghut dan sekular merupakan kerosakan yang mendalam dan berpanjangan yang tidak cukup jika kita hanya mengubah mungkar cabang seperti majlis nyanyian, wanita bersolek di luar rumah, jual beli kaset dan video yang memaparkan cara yang tidak seharusnya dilihat dan didengar.

Sesungguhnya masalah sebenar adalah lebih besar daripada itu. la perlukan kepada perubahan yang lebih merangkumi, meluas dan mendalam. Kita memerlukan perubahan yang merangkumi perubahan pemikiran dan kefahaman, nilai dan pertimbangan, akhlak dan pekerjaan, adab dan budaya dan juga sistem dan perundangan.

Sebelum perubahan tersebut dapat dicapai, dalaman manusia hendaklah diubah melalui nasihat yang berpanjangan, tarbiah yang berterusan dan contoh ikutan yang baik. Jika manusia mengubah apa yang ada pada diri mereka ini, bermakna mereka layak dan bersedia untuk diubah oleh Allah menurut sunah-Nya yang tetap.

Firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.* **(Surah ar-Ra'd 13:11)**

Kemestian Sikap Lemah Lembut Dalam Mengubah Kemungkaran

Satu lagi masalah yang tidak sepatutnya kita lupakan di sini ialah kemestian bersifat lemah lembut dalam mencegah kemungkaran dan menyeru pelakunya supaya melakukan kebaikan. Rasulullah SAW. telah berwasiat kepada kita agar sentiasa berlemah lembut dan Baginda telah menjelaskan bahawa Allah menyukai sifat tersebut dalam setiap perkara. Jika sesuatu perkara disertai dengan sifat ini, ia akan kelihatan cantik dan jika suatu perkara itu tidak disertai dengannya ia akan kelihatan cacat.

Antara kisah yang boleh dibawakan di sini ialah kisah yang disebut oleh Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* bahawa seorang lelaki telah pergi berjumpa Khalifah al-Makmun untuk menegur dan menyuruhnya berlaku baik tetapi dia menasihatinya secara kasar. Dia berkata: "Wahai orang zalim, wahai orang yang melakukan maksiat dan seumpamanya." Al-Makmun merupakan orang yang pandai dan lemah lembut. Dia tidak membalasnya dengan seksaan sepertimana yang dilakukan oleh kebanyakan pemimpin. Bahkan beliau berkata kepadanya: "Wahai saudara, berlemah lembutlah, sesungguhnya Allah telah mengutuskan orang yang lebih baik daripada kamu kepada yang lebih jahat daripada aku... Allah telah memerintahnya supaya berlemah lembut. Allah telah mengutuskan Nabi Musa dan Harun yang lebih baik daripada kamu kepada Firaun yang lebih jahat daripada aku. Allah berfirman kepada mereka berdua:

اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat atau takut.* **(Surah Taha 20:43-44)**

Alasan yang disertai dengan ungkapan pengharapan "semoga ia beringat atau takut" walaupun sebelum itu Allah SWT. telah menyebut ketaghutan (melampaui batas) Firaun "sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya" adalah dalil yang menunjukkan bahawa pendakwah tidak boleh berputus asa terhadap orang yang didakwahnya walau seteruk mana kekafiran dan kezalimannya selagimana dia menggunakan jalan yang lemah lembut dan sopan, dan bukannya jalan kekerasan dan kekuatan.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Muhammad SAW. serta ahli keluarganya dan juga para sahabatnya.



BAB LIMA

SIKAP DAULAH ISLAM TERHADAP DEMOKRASI, BERBILANG PARTI, WANITA DAN NON-MUSLIM

Islam Dan Demokrasi

SOALAN:

Saya ingin memaklumkan kepada pihak tuan rasa terkejut dan hairan saya apabila saya mendengar kenyataan beberapa orang yang bersemangat agama yang mana ada di antara mereka adalah pengikut beberapa Gerakan Islam. Mereka mengatakan bahawa: Demokrasi adalah bertentangan dengan Islam. Bahkan salah seorang daripada mereka telah menukilkan pendapat sebahagian ulama bahawa Demokrasi adalah kufur. Hujah beliau dalam perkara ini ialah Demokrasi bermakna pemerintahan rakyat untuk rakyat. Sedangkan dalam Islam, rakyat bukanlah pembuat hukum kerana pembuat hukum adalah Allah.

Firman Allah:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ

Terjemahan: *Hanya Allah jualah yang menetapkan hukum.* **(Surah al-An'am 6:57)**

Kata-kata ini adalah serupa dengan kata-kata golongan Khawarij zaman dahulu yang dijawab oleh Saidina Ali dengan katanya: "Kata-kata yang benar

tetapi bermaksudkan kebatilan daripadanya."

Sudah menjadi satu perkara yang disebar luas di kalangan golongan Liberal dan penyeru kebebasan bahawa Islam adalah anti Demokrasi dan Islam adalah mendokong sistem diktator dan kuku besi.

Adakah benar Islam adalah anti Demokrasi dan Demokrasi merupakan sebahagian daripada kekufuran seperti mana yang mereka dakwa? Atau adakah kata-kata ini hanyalah tuduhan terhadap Islam sedangkan Islam tidak ada kena mengena dengannya?

Perkara ini memerlukan kepada penjelasan yang tegas daripada ahli fiqh yang beraliran *wasathiyah* yang tidak melampau dan tidak pula mencuaikan sesuatu perkara agar sesuatu perkara ini diletakkan pada tempatnya. Juga supaya Islam tidak dipersalahkan disebabkan tafsiran-tafsiran yang tidak betul walaupun ia dinyatakan oleh sesetengah ulama yang pada hakikatnya mereka adalah manusia biasa yang adakalanya salah dan adakalanya betuI.

Kami berdoa semoga Allah membantu tuan dalam memberikan penjelasan yang benar dengan disertakan dalil-dalil syarak, menjelaskan perkara yang betul dalam masalah ini dan juga menolak segala kesangsian dan menegakkan hujah. Usaha baik tuan sentiasa kami dahulukan dengan ucapan terima kasih.

M. Sh

Muslim Algeria yang mengasihimu.

JAWAPAN:

Saya amat sedih terhadap kekeliruan yang berlaku kepada sesetengah mereka yang kuat berpegang dengan agama umumnya dan terhadap orang yang bercakap di atas nama agama khususnya sehingga ke tahap membawa kepada keadaan yang didedahkan oleh saudara penyoal. Terima kasih kepadanya. Rentetan kepada perkara ini, menuduh orang lain sebagai kafir atau fasik paling kurang menjadi perkara yang mudah daripada mereka. Seolah-olah ia bukanlah suatu jenayah yang besar dan memusnahkan pada pandangan syarak yang dibimbangi tuduhan tadi boleh kembali kepada penuduhnya kiranya tuduhan itu tidak betul. Inilah yang dinyatakan oleh hadis sahih.

Soalan ini yang dilontarkan oleh saudara penyoal adalah tidak asing kepada saya. Saya sebelum ini beberapa kali telah ditanya oleh beberapa ikhwah dari Algeria juga dan dengan ungkapan yang sama: Adakah Demokrasi itu membawa kepada kufur?

Beberapa minggu yang lalu saya berada di bandar Shaida, Lubnan untuk menyampaikan satu ceramah. Setelah selesai ceramah saya ditanyakan beberapa soalan. Antaranya tentang penyertaan Parti Islam Ref'ah di Turki dalam pemerintahan Kerajaan Sekular Demokrasi. Saya berkata kepada saudara yang menyoal: Sesungguhnya hukum di sini hendaklah dibina atas *Fiqh al-Muwazanat*. Sekiranya didapati ada maslahat untuk Islam dan umatnya yang menuntut penyertaan itu maka ia dibolehkan. Yang bertanya berkata kepada saya: Bagaimanakah boleh menyertai pemerintahan Demokrasi sedangkan Demokrasi adalah kufur?! Kemudian dia memberikan saya risalah yang menjelaskan perkara tersebut!

Hukum Terhadap Sesuatu Adalah Lahir Daripada Gambarannya

Suatu perkara yang pelik ialah sesetengah orang yang mengatakan Demokrasi itu adalah kemungkaran yang jelas atau kekufuran yang nyata sedangkan dia sendiri tidak mengetahui hakikat sebenar Demokrasi, tidak menyelami isi-isinya dan membuka pintu-pintu dasarnya. Yang dia tahu hanyalah gambaran zahir dan nama.

Antara kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama yang terdahulu ialah: Hukum ke atas sesuatu perkara adalah lahir daripada pengetahuan tentang gambarannya terhadap perkara tersebut. Sesiapa yang menghukum sesuatu sedangkan dia tidak mengetahui hakikatnya maka hukum yang dijatuhkan adalah salah walaupun kadangkala ia bertepatan dengan hakikat yang sebenarnya secara kebetulan. Ini kerana hukum tersebut dikeluarkan tanpa ilmu. Oleh sebab itu, hadis telah mensabitkan hahawa Kadi yang menghukum dalam keadaan jahil adalah termasuk ahli neraka. Keadaannya adalah sama dengan Kadi yang mengetahui kebenaran tetapi menjatuhkan hukuman yang lain daripadanya.

Demokrasi menjadi laungan bangsa-bangsa seluruh dunia. Ia diperjuangkan oleh kebanyakan manusia di Timur dan Barat. Ia dapat dicapai oleh sebahagian bangsa selepas perjuangan yang getir lagi pahit melawan pemerintah zalim dan menumpahkan darah beribu-ribu malah jutaan manusia sebagaimana di Eropah Timur dan sebagainya. Ia dianggap oleh ramai pejuang Islam sebagai cara yang boleh diterima untuk menumpaskan pentadbiran diktator dan menghapuskan penjajahan politik yang dihadapi oleh kebanyakan umat kita (Arab dan Islamnya). Adakah Demokrasi yang seperti ini merupakan perkara

mungkar atau kufur sebagaimana yang dilaungkan oleh sebahagian mereka yang kabur dan tergopoh-gapah itu?

Apakah Intipati Demokrasi?

Sesungguhnya intipati Demokrasi bukannya definisi dan istilah akademik ialah: Orang ramai memilih pemerintah mentadbir urusan mereka. Tidak boleh dipaksakan kepada pemerintah atau sesuatu sistem yang tidak dipersetujui mereka. Mereka juga berhak memberi teguran kepada pemerintah apabila berlaku kesalahan dan berhak memecat dan menukarnya jika dia menyeleweng. Rakyat tidak boleh dipimpin dengan paksa mengikut aliran atau dasar ekonomi, sosial, peradaban atau politik yang mereka tidak kenali dan tidak persetujui. Apabila perkara tersebut ditentang oleh sebahagian manusia, ganjarannya ialah pengusiran, penangkapan bahkan penyeksaan dan pembunuhan.

Inilah intipati Demokrasi yang sebenarnya. Manusia telah mendapati ungkapan dan cara yang praktikal untuk sistem ini seperti pilihan raya, pungutan suara, hak memerintah bagi golonan majoriti, berbilang parti politik, hak golongan minoriti untuk membangkang, kebebasan akhbar, sistem kehakiman dan sebagainya.

Adakah intipati Demokrasi seperti yang disebutkan di atas bertentangan dengan Islam? Dari manakah datangya pertentangan ini? Apakah dalil yang kukuh mengenai dakwaan ini daripada al-Quran dan al-Sunah?

Intipati Demokrasi Bertepatan Dengan Islam

Realitinya, seseorang yang meneliti intipati Demokrasi pasti akan mendapati bahawa ia adalah berasal daripada Islam yang sebenarnya. Islam melarang seseorang yang dibenci dan tidak disukai menjadi Imam dalam sembahyang. Dalam suatu hadis Rasulullah SAW. pernah bersabda yang bermaksud:

ثَلاَثَةٌ لاَ تَرْتَفِعُ صَلاَتَهُمْ فَوْقَ رُؤُوْسِهِمْ شِبْرًا ... وذكر أولهم رَجُلٌ أَمَّ قَوْمًا وَهُمْ كَارِهُوْنَ...))

Terjemahan: *Tiga golongan yang sembahyangnya tidak akan diangkat walaupun sejengkal dan disebut golongan yang pertama: Lelaki yang mengimamkan*

satu kaum sedangkan mereka membencinya[102]

Sekiranya inilah pandangan Islam dalam soal sembahyang, maka bagaimanakah pula dalam perkara yang berkaitan dengan kehidupan dan politik? Dalam satu hadis yang sahih Rasulullah telah bersabda:

خِيَارُ أَئِمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ، وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ، وَشِرَارُ أَئِمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُبْغِضُونَهُمْ وَيُبْغِضُونَكُمْ، وَتَلْعَنُونَهُمْ وَيَلْعَنُونَكُمْ

Terjemahan: *Sebaik-baik pemimpin kamu adalah mereka yang kamu menyayanginya dan dia menyayangimu, kamu berdoa untuknya dan dia berdoa untukmu. Sejahat-jahat pemimpin pula adalah siapa yang kamu membencinya dan dia membencimu, kamu melaknatinya dan dia melaknatimu.*[103]

Kecaman Al-Quran Terhadap Pemerintah Yang Bermaharajalela Di Bumi

Islam telah menghalakan kecaman yang keras terhadap pemimpin-pemimpin yang mempertuhankan dirinya di bumi ini yang menjadikan hamba-hamba Allah sebagai hamba mereka seperti apa yang telah dilakukan oleh Namrud. Al-Quran telah menyebut sikapnya terhadap Ibrahim a.s. dan pendirian Ibrahim a. s. terhadapnya.

Firman Allah:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِى حَآجَّ إِبْرَٰهِـۧمَ فِى رَبِّهِۦٓ أَنْ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّىَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا۠ أُحْىِۦ وَأُمِيتُ ۖ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأْتِى بِٱلشَّمْسِ مِنَ ٱلْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ ٱلْمَغْرِبِ فَبُهِتَ ٱلَّذِى كَفَرَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٥٨﴾

102) Riwayat Ibn Majah (971). Al-Bushiri berkata dalam *al-Zawaid*: Sanadnya sahih dan para *rijalnya tsiqah*. Juga riwayat Ibn Hibban dalam Sahihnya (377). Keduanya daripada Ibn 'Abbas.

103) Riwayat Muslim daripada 'Anas bin Malik.

Terjemahan: *Apakah kamu tidak memperhatikan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim mengenai tuhannya (Allah), kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? ketika Nabi Ibrahim berkata: "Tuhanku ialah Yang Menghidupkan dan Yang Mematikan". Ia menjawab: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan". Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah ia dari barat?" Maka terdiamlah orang yang kafir itu. Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.* **(Surah al-Baqarah 2:258)**

Namrud yang taghut (melampau) ini mendakwa bahawa dia mampu untuk menghidup dan mematikan seperti yang dilakukan oleh Tuhan Ibrahim, Tuhan Semesta Alam. Oleh sebab itu dia juga patut disembah oleh manusia sepertimana mereka menyembah Tuhan Ibrahim.

Keinginan untuk membuktikan dakwaan bahawa dia mampu menghidup dan mematikan ini membuatkan dia membawakan dua orang lelaki dari tepi jalanan. Dia menjatuhkan hukuman bunuh ke atas kedua-duanya tanpa sebarang kesalahan. Hukuman tersebut terus dilaksanakan terhadap salah seorang daripada mereka lalu dia berkata: "Lihatlah, aku telah mematikannya!" Dia membebaskan seorang lagi lalu dia berkata: "Lihatlah, aku telah menghidupkannya! Tidakkah dengan ini aku telah menghidup dan mematikan?"

Sama seperti beliau adalah Firaun yang melaungkan kepada kaumnya:

أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

Terjemahan: *Maka ia berkata: "Akulah tuhan kamu yang paling tinggi."* **(Surah an-Nazi'at 79:24)**

Dia telah berkata dengan megahnya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَأُ مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى

Terjemahan: *Dan Firaun berkata: "Wahai orang-orangku, aku tidak mengetahui ada bagi kamu sebarang tuhan yang lain daripadaku."* **(Surah al-Qasas 28:38)**

Al-Quran sendiri telah mendedahkan persamaan yang keji antara tiga golongan:

Pertama: Golongan pemerintah yang mengaku sebagai tuhan, melakukan

kezaliman di bumi Allah dan menguasai hamba Allah. Ia tercermin pada diri Firaun.

Kedua: Ahli politik yang berkepentingan yang menggunakan kebijaksanaan dan pengalamannya untuk berkhidmat kepada pihak taghut dan mendokong pemerintahannya. Dia menipu dan mengajak rakyat agar tunduk kepadanya. Ia tercermin pada diri Hamaan.

Ketiga: Golongan Kapitalis atau Feudal yang mengambil kesempatan daripada undang-undang yang zalim. Golongan ini membelanjakan sebahagian hartanya bagi mendokong pemerintah zalim ini untuk mendapat pulangan yang lebih banyak daripada hasil titik peluh dan juga darah rakyatnya. Ia tercermin pada diri Qarun.

Al-Quran telah menyebut pakatan tiga pihak ini dalam melakukan dosa, permusuhan dan penentangannya terhadap risalah Musa a.s. sehinggalah nyawa mereka diragut oleh Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Berkuasa.

Firman Allah SWT.:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَـٰتِنَا وَسُلْطَـٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٢٣﴾ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَـٰمَـٰنَ وَقَـٰرُونَ فَقَالُوا۟ سَـٰحِرٌ كَذَّابٌ ﴿٢٤﴾

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Musa dengan membawa ayat-ayat kami dan bukti yang jelas nyata. Kepada Firaun, Hamaan dan Qarun, maka mereka berkata: "Ia adalah seorang ahli sihir yang nyata dan penipu."* **(Surah al-Mu'min 40:23-24)**

Firman Allah lagi:

وَقَـٰرُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَـٰمَـٰنَ ۖ وَلَقَدْ جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِٱلْبَيِّنَـٰتِ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانُوا۟ سَـٰبِقِينَ ﴿٣٩﴾

Terjemahan: *Dan (ingatlah peristiwa) Qarun, Firaun dan Hamaan. Sesungguhnya Nabi Musa telah datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang jelas nyata, lalu mereka berlaku sombong takbur di bumi, sedang mereka tidak dapat melepaskan diri (dari azab).* **(Surah al-Ankabut 29:39)**

Satu perkara yang menghairankan ialah Qarun sebenarnya berasal dari

kaum Nabi Musa a.s. dan bukannya dari kaum Firaun. Namun begitu dia menzalimi kaumnya dan menyertai kaum musuh mereka iaitu Firaun dan beliau diterima oleh Firaun. Ini membuktikan bahawa mereka disatukan oleh kepentingan material sekalipun berlainan darah dan keturunan.

Al-Quran Mengaitkan Antara Taghut Dengan Kerosakan

Antara keindahan al-Quran yang menarik ialah ia telah mengaitkan antara taghut dan kezaliman dengan menyebarkan kerosakan yang menjadi sebab kebinasaan umat-umat di muka bumi ini.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾ إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٧﴾ الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي الْبِلَادِ
﴿٨﴾ وَثَمُودَ الَّذِينَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوَادِ ﴿٩﴾ وَفِرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ طَغَوْا
فِي الْبِلَادِ ﴿١١﴾ فَأَكْثَرُوا فِيهَا الْفَسَادَ ﴿١٢﴾ فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾
إِنَّ رَبَّكَ لَبِالْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

Terjemahan: *Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhan lakukan terhadap kaum A'ad? (Iaitu) penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi. Yang belum pernah diciptakan bangunan-bangunan seumpama itu di negeri-negeri lain. Dan kaum Thamud yang memahat batu-batu besar di lembah (Wadi Al-Qura tempat tinggalnya). Dan Firaun yang mempunyai bangunan-bangunan yang kukuh dan tinggi. Yang bermaharajalela di negeri (masing-masing). Lalu mereka melakukan banyak kerosakan di negeri itu. Maka (dengan demikian) Tuhan menimpakan mereka (berbagai) paluan azab (yang tidak putus-putus). Sesungguhnya Tuhanmu telah mengawasi (setiap amalan).* **(Surah al-Fajr 89:6-14)**

Al-Quran juga mengungkapkan tentang sikap melampau dengan lafaz 'meninggi diri' yang bermaksud takbur dan menundukkan manusia di bawah kekuasaannya dengan kehinaan dan kekerasan.

Firman Allah ketika menyebut mengenai Firaun:

إِنَّهُۥ كَانَ عَالِيًا مِّنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya dia adalah orang yang sombong dari orang-orang yang melampaui batas.* **(Surah al-Dukhan 44:31)**

Firman-Nya lagi:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضْعِفُ طَائِفَةً مِنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيِي نِسَاءَهُمْ ۚ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Firaun telah berlaku takbur dan menundukkan manusia di bawah kekuasaannya dengan kehinaan dan kekerasan di bumi (Mesir) dengan melampaui batas, serta ia menjadikan penduduknya berpuak-puak. la menindas sepuak di antaranya dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya adalah ia dari golongan yang membuat kerosakan.* **(Surah al-Qasas 28:4)**

Dengan itu kita dapat melihat bahawa 'meninggi diri' dan 'membuat kerosakan' adalah dua perkara yang saling melazimi,

Celaan Al-Quran Terhadap Rakyat Yang Mentaati Pemerintah Zalim

Al-Quran tidak hanya mengeji golongan pelampau, taghut dan yang mengaku sebagai tuhan sahaja. Malah ia juga mengeji kaum dan rakyat mereka yang mengikut perintah mereka, berjalan di bawah naungan mereka dan menyerahkan urusan kepada mereka. Al-Quran menganggap bahawa mereka semua adalah bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku.

Allah SWT. telah berfirman tentang kaum Nabi Nuh:

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُ وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Nabi Nuh merayu (lagi): "Wahai Tuhanku, sesungguhnya mereka telah menderhakaiku dan mengikuti mereka yang harta dan anak-anaknya tidak menambah kepadanya kecuali kerugian (di akhirat nanti)."* **(Surah Nuh 71:21)**

Firman Allah terhadap kaum Nabi Hud iaitu Kaum 'Aad:

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ

Terjemahan: *Dan itulah peristiwa kaum Aad, mereka mengingkari ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka kepada Rasul-rasul-Nya serta mereka menurut perintah setiap ketua yang bermaharajalela, lagi degil dalam keingkarannya.* **(Surah Hud 11:59)**

Firman Allah lagi mengenai kaum Firaun:

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

Terjemahan: *(Dengan yang demikian) Firaun memperbodohkan kaumnya, lalu mereka patuh kepadanya, kerana sesungguhnya mereka adalah kaum yang fasik.* **(Surah al-Zukhruf 43:54)**

Firman Allah lagi:

فَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ فِرْعَوْنَ ۖ وَمَآ أَمْرُ فِرْعَوْنَ بِرَشِيدٍ ﴿٩٧﴾ يَقْدُمُ قَوْمَهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ
فَأَوْرَدَهُمُ ٱلنَّارَ ۖ وَبِئْسَ ٱلْوِرْدُ ٱلْمَوْرُودُ ﴿٩٨﴾

Terjemahan: *Lalu kaum Firaun menurut perintah Firaun, sedang perintahnya itu bukanlah perintah yang betul. Firaun akan mengetuai kaumnya pada hari kiamat, maka ia akan membawa mereka masuk ke neraka. Dan seburuk-buruk tempat yang dimasuki ialah neraka.* **(Surah Hud 11: 97-98)**

Tanggungjawab penuh ataupun sebahagian apa yang berlaku dibebankan kepada sesuatu bangsa kerana merekalah yang melahirkan Firaun-firaun dan taghut-taghut. Inilah yang disebut oleh kebanyakan manusia dalam perumpamaan-perumpamaan mereka ketika mereka berkata kepada golongan Firaun; "Apa sebabnya kamu menjadi Firaun?" Lalu dia menjawab: "Kerana tidak seorangpun yang menentangku."

Tentera Taghut Dan Tali Barutnya Menanggung Dosa Bersamanya

Mereka yang paling berat memikul tanggungjawab bersama-sama pihak taghut ialah tali barut pemerintah. Mereka dinamakan oleh al-Quran sebagai al-Junud (tentera). Yang dimaksudkan dengannya ialah kekuatan ketenteraan yang menjadi sumber kekuatan politik dan cengkamannya. Mereka menjadi seperti cemeti yang menakutkan orang ramai sekiranya mereka belot ataupun berhasrat

untuk membantah. Al-Quran menyatakan:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟ خَٰطِـِٔينَ ﴿٨﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Firaun dan Hamaan serta tentera-tentera keduanya adalah golongan yang bersalah.* **(Surah al-Qasas 28:8)**

Firman Allah lagi:

فَأَخَذْنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

Terjemahan: *Dengan sebab itu Kami mengepungnya bersama-sama tentera-tenteranya serta Kami humbankan mereka ke dalam laut; perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang-orang yang zalim.* **(Surah al-Qasas 28: 40)**

Kecaman *al-Sunnah al-Nabawiyah* Terhadap Pemerintah Yang Zalim

Sunah Nabawiyah juga telah meletakkan tanggungjawab terhadap apa yang berlaku ke atas bahu para pemerintah yang zalim lagi kejam yang memerintah manusia dengan tongkat kekerasan, apabila mereka berkata, tidak ada seorangpun yang berani membantah. Mereka akan jatuh berguguran ke dalam api neraka seperti kelekatu.

Sunah juga mengecam orang yang berjalan di bawah payung mereka, membakar kemenyan memberkati (memuji) mereka yang terdiri dari kalangan pembantu pembuat kezaliman.

Sunah mengecam umat yang dikuasai oleh rasa ketakutan sehingga mereka bimbang untuk menyatakan kepada orang yang melakukan kezaliman: "Wahai si zalim"!

Abu Musa meriwayatkan bahawa Rasulullah telah bersabda:

إِنَّ فِي جَهَنَّمَ وَادِيًا، وَفِي الْوَادِي بِئْرٌ، يُقَالُ لَهُ هَبْهَبْ، حَقٌّ عَلَى اللهِ أَنْ

يُسْكِنَهُ كُلَّ جَبَّارٍ عَنِيْدٌ

Terjemahan: *Sesungguhnya di dalam neraka ada sebuah wadi yang di dalamnya ada sebuah telaga yang dinamakan Habhab. Menjadi kewajipan kepada Allah untuk mencampakkan ke dalamnya setiap orang yang angkuh lagi keras kepala.*[104]

Mu'awiyah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

سَتَكُوْنُ أَئِمَّةٌ مِنْ بَعْدِي، يَقُوْلُوْنَ فَلاَ يُرَدُّ عَلَيْهِمْ قَوْلُهُمْ يَتَقَاحَمُوْنَ فِي النَّارِ كَمَا تُقَاحِمُ الْقِرْدَةُ

Terjemahan: *Akan berlaku selepas aku pemimpin-pemimpin yang mengeluarkan kenyataan dan tiada seorangpun yang berani membantahnya, mereka akan dihalau di dalam neraka seperti dihalaunya kera.*[105]

Daripada Jabir bahawa Rasulullah SAW telah bersabda kepada Ka'ab bin 'Ujrah yang bermaksud: "Semoga kamu dilindungi oleh Allah daripada pemerintahan orang-orang yang bodoh wahai Ka'ab." Ka'ab bertanya: "Apakah pemerintahan orang yang bodoh itu?" Rasulullah menjawab: "Para pemimpin selepasku yang tidak mengambil petunjukku sebagai petunjuk dan tidak mengamalkan sunnahku. Sesiapa yang membenarkan pendustaan mereka menolong kezaliman mereka, mereka bukanlah daripada aku, aku juga bukanlah daripada mereka, mereka tidak dapat minum daripada kolamku (pada hari Kiamat). Sesiapa yang tidak membenarkan kedustaan mereka dan tidak menolong kezaliman mereka, mereka itulah daripadaku dan aku adalah daripada mereka dan mereka akan dapat minum di kolamku.[106]

Diriwayatkan daripada Mua'wiyah secara *marfu'*:

لاَ يَقْدُسُ اللهُ أُمَّةً لاَ يَقْضِي فِيْهَا بِالْحَقِّ وَيَأْخُذُ الضَّعِيْفُ حَقَّهُ مِنَ

104) Riwayat al-Thabrani dengan sanad hasan sebagaimana kata al-Munziri dalam *al-Targhib*, al-Haithami dalam *al-Majma'* 5/197 dan al-Hakim, beliau mensahihkannya dan dipersetujui oleh al-Zahabi 4/332.

105) Riwayat Abu Yala dan al-Thabrani. Disebutkan dalam *Sahih al-Saghir* no. 3615.

106) Riwayat Ahmad dan al-Bazzar. Rijal keduanya adalah *rijal al-Sahih* sebagaimana dinyatakan dalam *al-Targhib* oleh al-Munziri dan *al-Zawaid* oleh al-Haithami 5/217.

الْقَوِيُّ غَيْرَ مُتَعْتَعٍ

Terjemahan: *Tidak akan dimuliakan umat yang tidak melaksanakan kebenaran dan tidak memberikan orang yang lemah haknya yang ada pada orang yang kuat tanpa bertanggu-tangguh* [107]

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru secara *marfu'*:

إِذَا رَأَيْتَ أُمَّتِي تَهَابُ أَنْ تَقُوْلُ لِلظَّالِمِ: يَا ظَالِمِ فَقَدْ تُوُدِّعَ مِنْهُمْ

Terjemahan: *Jika sekiranya kamu melihat umatku takut untuk menyatakan kepada orang yang zalim: "Wahai si zalim, maka diucapkan selamat tinggal kepada mereka.*[108]

Syura, Nasihat, Amar Makruf Dan Nahi Mungkar

Islam telah menetapkan syura sebagai salah satu kaedah asasi dalam kehidupan Islam. Islam mewajibkan kepada pemerintah agar meminta pandangan (bermesyuarat), mewajibkan kepada umat agar memberikan nasihat sehingga nasihat ini dianggap sebagai agama seluruhnya. Antara nasihat yang dianjurkan ialah nasihat kepada pemimpin-pemimpin Muslimin iaitu pemerintah mereka.

Islam juga menjadikan amar makruf dan nahi mungkar sebagai kewajipan yang mesti dilakukan. Bahkan jihad yang paling afdal ialah menyatakan kebenaran terhadap pemerintah yang zalim. Ini bermakna, penentangan terhadap kuasa taghut dan juga kerosakan dalaman adalah lebih utama di sisi Allah daripada pertentangan terhadap serangan luaran. Ini disebabkan perkara yang pertama dalam banyak keadaan adalah menjadi sebab kepada perkara yang kedua.

Pemimpin Pada Pandangan Islam

Pemimpin pada pandangan Islam adalah wakil kepada umat ataupun

107) Riwayat al-Thabrani dan para perawinya *tsiqah* sebagaimana kata al-Munziri al-Haithami. Ia diriwayatkan juga daripada hadis Ibn Mas'ud dengan sanad yang *jayyid* 5/209. Ibn Majah meriwayatkan dengan panjang daripada hadis Abu Sa'id.

108) Riwayat Ahmad dalam *al-Musnad*. Syakir mensahihkan sanadnya (6521). Al Haithami mengesahkannya kepada al-Bazzar juga dengan dua sanad, rijal salah satunya adalah *rijal al-Shahih* 7/262. Juga oleh al-Hakim dan disahihkannya ia disepakati oleh al-Zahabi 4/96.

orang upahannya. Dengan demikian adalah menjadi hak kepada tuan untuk me*muhasabah*kan wakilnya atau menarik balik mandat yang diberikan sekiranya beliau ingin berbuat demikian khususnya jika dia mencuaikan kewajipannya.

Pemerintah tidak mempunyai kekuasaan yang maksum, bahkan ia adalah manusia biasa yang kadangkala berlaku betul dan kadangkala melakukan kesilapan, kadangkala adil dan kadangkala zalim. Adalah menjadi hak kepada umat Islam untuk membetulkannya apabila dia melakukan kesilapan dan meluruskannya apabila dia menyeleweng daripada jalan yang sebenar.

Inilah apa yang diumumkan oleh sebaik-baik pemerintah umat Islam selepas Rasulullah SAW. iaitu *Khulafa' al-Rasyidin* yang mana kita telah diperintahkan agar mengikut mereka dan berpegang teguh dengan petunjuk mereka atas dasar merekalah sambungan ilmu daripada perjalanan guru yang pertama, Rasulullah SAW.

Khalifah Abu Bakar dalam ucapan pertamanya selepas dilantik telah berkata:

"Wahai manusia. aku telah dilantik untuk memerintah kamu sedangkan aku bukanlah orang yang paling baik daripada kalangan kamu. Jika kamu melihat aku di atas kebenaran maka sokonglah aku dan jika aku di atas kebatilan maka perbetulkanlah aku. Taatilah kepada aku selagimana aku taat kepada Allah dalam urusan kamu dan jika aku menderhakai Allah maka tiada taat lagi untukku."

Khalifah yang kedua, Umar al-Faruq berkata:

"Semoga Allah merahmati seseorang yang menunjukkan kepadaku keaiban diriku."

Beliau berkata lagi: "Wahai manusia, sekiranya kamu melihat aku menyeleweng daripada jalan kebenaran maka perbetulkanlah aku." Lalu seorang lelaki bangun sambil berkata: "Wahai Ibn Khattab, demi Allah, kalau kami melihat kamu melakukan penyelewengan maka kami akan memperbetulkannya dengan mata pedang kami."

Seorang perempuan suatu ketika telah membidas kata-kata Umar. Umar ketika itu berada di atas mimbar dan beliau tidak memandang ia sebagai perkara yang memalukan, bahkan beliau berkata: "Perempuan itu benar dan Umar telah bersalah."

Ali bin Abu Talib berkata kepada seorang lelaki yang membangkangnya dalam suatu perkara:

"Kamu betul dan aku salah."

Firman Allah:

وَفَوْقَ كُلِّ ذِى عِلْمٍ عَلِيمٌ ﴿٧٦﴾

Terjemahan: *Dan di atas tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan itu ada lagi yang Maha Mengetahui.* **(Surah Yusuf 12: 76)**

Islam Mendahului Menetapkan Kaedah

Sesungguhnya Islam telah mendahului Demokrasi dalam menetapkan kaedah yang didokongi oleh dasar-dasarnya tetapi ia meninggalkan soal pemerincian kepada ijtihad umat Islam sesuai dengan usul agama, maslahat dunia dan perkembangan hidup mereka berdasarkan masa, tempat dan juga perkembangan situasi manusia.

Keistimewaan Demokrasi

Keistimewaan Demokrasi ialah ia menemui hasil daripada pengalaman pertentangan panjang dengan kezaliman dan kediktatoran pemimpin dan raja-raja method dan hala cara yang dianggap hingga hari ini sebagai jaminan yang yang paling ideal bagi memberikan perlindungan kepada rakyat daripada kezaliman. Walaupun ia tidak terkecuali daripada kekurangan dan kritikan yang tidak akan terlepas daripada setiap hasil usaha manusia.

Tidak menjadi suatu kesalahan kepada manusia terutama ahli fikir dan pemimpin mereka untuk memikir dan meletakkan metode dan hala cara yang lain agar dapat mencapai apa yang lebih tepat dan ideal. Tetapi untuk memudahkan usaha tersebut dan supaya dapat dilaksanakan dalam realiti kehidupan manusia, kami berpendapat bahawa kita mesti mengambil sedikit sebanyak jalan yang dilakukan oleh Demokrasi yang dianggap mesti dalam melaksanakan keadilan, syura, menghormati hak manusia dan berhadapan dengan kezaliman raja-raja yang meninggikan diri di muka bumi ini.

Antara kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak ialah: Apa yang tidak sempurna sesuatu yang wajib melainkan dengannya maka ia adalah suatu perkara yang menjadi wajib. Maqasid Syariah jika hanya dapat dicapai melalui satu wasilah sahaja, maka wasilah tersebut mengambil hukum *Maqasid* tersebut.

Dalam syarak, tiada suatu dalil pun yang melarang mengambil teori ilmiah dan penyelesaian amali yang berasal daripada orang bukan Islam. Nabi SAW. sendiri dalam peperangan Khandak telah mengambil saranan untuk menggali parit sedangkan ia merupakan salah satu cara peperangan orang Parsi.

Baginda juga mengambil manfaat daripada tawanan perang Badar yang pandai membaca dan menulis untuk mengajar kanak-kanak Muslimin menulis, sekalipun mereka ini musyrik. Ini disebabkan hikmah adalah sesuatu (barang berharga) yang hilang daripada umat Islam, di mana sahaja dia menjumpainya, maka dialah orang yang paling layak dan berhak dengannya.

Saya sendiri dalam beberapa buku karangan saya telah menyatakan bahawa antara perkara yang menjadi hak kita ialah mengambil teori-teori, cara dan sistem orang lain yang memberikan faedah kepada kita selagi ia tidak bertentangan dengan nas yang nyata dan kaedah syarak yang telah ditetapkan. Kita mestilah menilai apa yang kita ambil itu, membuat penambahan kepadanya dan membentuknya mengikut roh kita sehinggalah ia menjadi sebahagian daripada kita dan hilanglah bentuknya yang asal.

Dari sinilah kita mengambil daripada Demokrasi, cara, sistem dan jaminannya yang sesuai dengan kita. Kita berhak merubah dan menukarnya. Kita tidak mengambil falsafahnya yang memberikan kuasa menghalalkan yang haram, mengharamkan yang halal ataupun menggugurkan perkara yang telah diwajibkan.

Mengundi Adalah Satu Bentuk Daripada Kesaksian

Jika kita lihat kepada sistem-sistem seperti sistem pilihan raya atau pungutan suara, ia pada pandangan Islam adalah satu kesaksian terhadap kelayakan calon. Oleh itu seorang pengundi semestinya memenuhi ciri-ciri yang mesti ada pada seorang saksi iaitu adil dan latar belakangnya yang baik seperti apa yang difirmankan oleh Allah:

وَأَشْهِدُوا۟ ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنكُمْ

Terjemahan: *Adakanlah dua saksi yang adil di antara kamu.* **(Surah al-Talaq 65:2)**

Firman Allah lagi:

مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ ٱلشُّهَدَآءِ

Terjemahan: *Dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi.* **(Surah al-Baqarah 2:282)**

Kita boleh meringankan syarat adil dan sifatnya di sini mengikut kesesuaian keadaan yang memungkinkan seramai mungkin rakyat memberikan kesaksiannya. Tidak akan digugurkan hak ini melainkan mereka yang telah disabitkan oleh mahkamah jenayahnya yang mencemarkan kehormatan atau yang seumpamanya.

Sesiapa yang bersaksi kepada seorang yang tidak salih bahawa dia adalah seorang yang salih, maka sesungguhnya dia telah melakukan satu dosa yang besar iaitu persaksian dusta yang telah digandingkan oleh Allah dengan dosa syirik menyekutukan Allah sebagaimana firman Allah:

فَٱجْتَنِبُوا۟ ٱلرِّجْسَ مِنَ ٱلْأَوْثَٰنِ وَٱجْتَنِبُوا۟ قَوْلَ ٱلزُّورِ ﴿٣٠﴾

Terjemahan: *Maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan penyembahan berhala serta jauhilah perkataan yang dusta.* **(Surah al-Hajj 22:30)**

Sesiapa yang bersaksi kepada seseorang calon bahawa dia adalah seorang yang baik dan sesuai untuk sesuatu jawatan hanya disebabkan dia adalah kerabatnya, anak negerinya atau untuk kepentingan peribadi yang diharapkannya maka dia telah melanggar perintah Allah.

Firman Allah:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلشَّهَٰدَةَ لِلَّهِ

Terjemahan: *Dan sempurnakan persaksian kerana Allah.* **(Surah al-Talaq 65:2)**

Sesiapa yang meninggalkan kewajipannya dalam pilihan raya sehinggalah calon yang amanah dan sesuai kalah, dan ia dimenangi secara majoriti oleh orang yang tidak mempunyai sifat kuat lagi amanah, maka sesungguhnya dia telah melanggar perintah Allah yang menyuruh memberikan kesaksian sedangkan dia telah dipanggil untuk melakukannya lalu dia menyembunyikan persaksiannya ketika seluruh umat amat memerlukan persaksiannya.

Firman Allah:

وَلَا يَأْبَ ٱلشُّهَدَآءُ إِذَا مَا دُعُوا۟

Terjemahan: *Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila dipanggil menjadi saksi.* **(Surah al-Baqarah 2:282)**

Firman Allah lagi:

وَلَا تَكْتُمُوا۟ ٱلشَّهَـٰدَةَ ۚ وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ قَلْبُهُۥ

Terjemahan: *Dan janganlah kamu (para saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikan, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya.* **(Surah al-Baqarah 2:283)**

Sifat dan syarat-syarat sedemikian adalah lebih utama bagi sifat dan syarat seorang calon.

Dengan kita menambah syarat-syarat dan petunjuk-petunjuk tersebut kepada sistem pilihan raya, kita akhirnya akan dapat menukarkannya menjadi satu sistem Islam walaupun pada asasnya ia diambil daripada orang lain.

Pemerintahan Rakyat dan Pemerintahan Allah

Apa yang perlu kita fokuskan di sini ialah apa yang kita telah sebutkan sebelum ini iaitu intipati Demokrasi. Pada asasnya ia adalah bersesuaian dengan dasar Islam. Ini boleh kita dapati jika kita merujuk kepada sumber-sumbernya yang asal dan suci iaitu al-Quran dan al-Sunah, juga amalan Khulafa' al-Rasyidin, bukannya daripada sejarah pemerintah zalim dan raja-raja jahat ataupun fatwa-fatwa yang membinasakan dan menyeleweng daripada para ulama kerajaan dan fatwa orang yang ikhlas tetapi tergopoh-gapah dan tidak matang ilmunya.

Ada orang mengatakan bahawa Demokrasi adalah pemerintahan rakyat dan untuk rakyat. Dengan itu tertolaklah dasar utama iaitu al-Hakimiah (perundangan) adalah untuk Allah. Kata-kata ini tidak boleh diterima. Prinsip pemerintahan rakyat yang merupakan asas Demokrasi bukanlah berlawanan dengan prinsip pemerintahan al-Hakimiah iaitu adalah milik Allah yang merupakan asas bagi perundangan Islam. Ia adalah berlawanan dengan pemerintahan individu yang merupakan asas bagi sistem Diktator.

Tidak semestinya orang yang menyeru kepada Demokrasi menolak hakimiah

Allah kepada manusia. Bahkan perkara ini langsung tidak terlintas dalam hati majoriti orang yang melaungkan demokrasi. Apa yang mereka maksudkan dan inginkan ialah menolak kediktatoran dan pemerintahan kuku besi raja-raja yang zalim dan sombong dalam mentadbir urusan rakyat yang dinamakan oleh hadis sebagai Raja Yang Memutuskan ataupun Raja Yang Takbur dan Zalim.

Benar, apa yang mereka maksudkan dengan Demokrasi ialah rakyat berhak memilih pemerintah yang disukainya. Mereka juga berhak mengkritik perjalanan urusan negara mereka, menolak arahan-arahan yang menyimpang daripada perlembagaan umat ataupun dengan ungkapan Islamnya: Apabila mereka disuruh melakukan kemungkaran (maksiat). Mereka juga berhak menyingkirkan pemerintah apabila dia menyeleweng dan melakukan kezaliman serta tidak mendengar nasihat dan amaran yang diberikan.

Maksud Prinsip al-Hakimiah Adalah Milik Allah

Suka saya mengingatkan di sini bahawa dasar Perundangan hanya untuk Allah *(Hakimiah* Allah) adalah dasar Islam yang tulen. Ini telah diakui oleh seluruh ahli *Usul Fiqh* dalam perbahasan mereka mengenai *al-Hukm* (hukum syarak) dan *al-Hakim* (pembuat hukum). Mereka bersepakat bahawa pembuat hukum sebenar adalah Allah SWT. dan Nabi merupakan penyampainya. Allahlah yang berhak menyuruh dan melarang, menghalal dan mengharam, menghukum dan membuat undang-undang.

Kata-kata puak Khawarij iaitu: "Tidak ada sesuatu hukum, melainkan kepunyaan Allah", pada hakikatnya adalah kata-kata yang benar intipati dan kandungannya. Akan tetapi apa yang menjadikannya tidak boleh diterima ialah disebabkan mereka meletakkan kata-kata itu bukan pada tempatnya. Mereka menggunakannya untuk menolak perlantikan manusia sebagai hakim dalam menyelesaikan perselisihan yang berlaku. Ini adalah bercanggah dengan al-Quran yang mengakui kebenaran perkara tersebut (*al-Tahkim*) dalam banyak tempat. Yang paling masyhur ialah dalam menyelesaikan perselisihan yang berlaku antara suami dan isteri.

Itulah sebabnya Amirul Mukminin Ali r.a. telah menjawab dengan katanya: "Perkataan yang benar tetapi mempunyai maksud yang batil." Beliau menyifatkannya sebagai 'perkataan yang benar' tetapi dalam masa yang sama beliau mencela mereka kerana mereka menginginkan kebatilan daripada perkataan itu.

Bagaimana ia tidak dianggap sebagai perkataan yang benar sedangkan ia berasal daripada firman Allah:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ

Terjemahan: *Tidak ada sesuatu hukum, melainkan kepunyaan Allah ... .* **(Surah Yusuf 12:40)**

Hakimiyah Allah ke atas makhluknya adalah sabit dengan penuh keyakinan. Ia terbahagi kepada dua jenis:

Pertama: Ketundukan alam semesta kepada *Hakimiyah* Allah berdasarkan ketentuan qadar-Nya. Ia bermaksud bahawa Allah yang mentadbir dan menyusun perjalanan alam menurut qadar-Nya. Allah mengurus alam dengan sunah- Nya yang tidak bertukar ganti sama ada makhluk-Nya mengetahuinya ataupun tidak. Inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَٱللَّهُ يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤١﴾

Terjemahan: *Mengapa mereka yang kafir itu masih berdegil dan tidak mahu memerhatikan bahawa kekuasaan Kami sentiasa menakluk bumi (yang mereka diami) dengan menjadikan dia kurang sedikit demi sedikit dan kebaikannya dan kemuliaannya? Dan (ingatlah!) Allah menghukum dengan apa-apa yang diketahuiNya; tiada siapapun yang dapat menghalang hukumnya dan Dialah juga yang amat cepat hitungan hisabnya.* **(Surah al-Ra'd 13:41)**

Apa yang difahami dengan hukum Allah dalam ayat ini ialah hukum yang ditetapkan oleh qadar Allah kepada alam ini bukannya hukum syariat dan arahan.

Kedua: *Hakimiyah* syariat dan perintah. la adalah hakimiah taklif, suruhan dan larangan, secara penentuan atau memberi pilihan. Itulah tujuan utama dibangkitkan Rasul-rasul di muka bumi ini, juga penurunan kitab-kitab Allah. Dengan ini semualah disyariatkan syariat-syariat, difardukan kefarduan, dihalalkan yang halal dan diharamkan yang haram.

Perkara ini tidak akan ditolak oleh seorang Muslim yang mengaku Allah sebagai Tuhannya dan Muhammad sebagai Nabi dan Rasul-Nya.

Muslim yang menyeru kepada Demokrasi, sesungguhnya dia menyeru dengan anggapan bahawa ia adalah satu bentuk pemerintahan yang mengandungi

dasar-dasar politik Islam dalam pemilihan pemimpin, menegakkan konsep syura, nasihat, menyeru kepada makruf dan melarang kemungkaran, menentang kezaliman dan maksiat, khususnya apabila ia telah sampai ke tahap kekufuran yang nyata (*kufur bawwah*) kepada Allah SWT.

Antara perkara yang menguatkan lagi perkara tersebut ialah: Perlembagaan di samping berpegang dengan Demokrasi menyatakan bahawa agama negara adalah Islam dan syariah (perundangan) Islam merupakan sumber undang-undang. Ini adalah sebagai menyokong bahawa perundangan itu untuk Allah iaitu untuk syariat-Nya dan Ia merupakan pemegang kuasa tertinggi.

Kita boleh menambah satu fasal dalam perlembagaan secara jelas dan terang iaitu: Setiap undang-undang dan peraturan yang bercanggah dengan arahan syarak yang qat'i adalah batal. Fasal ini pada hakikatnya adalah penambahan dan penguat, bukannya perkara yang baru dibuat.

Oleh sebab itu, tidak semestinya menyeru kepada sistem Demokrasi bermakna menyeru kepada perundangan rakyat sebagai ganti kepada perundangan Allah. Ini kerana pertentangan tidak berlaku di antara kedua perkara tersebut.

Kalaupun ia merupakan perkara asas dalam Demokrasi, pendapat *muhaqqiq* dari kalangan ulama Islam ialah: Perkara yang melazimi sesuatu mazhab bukanlah mazhab, dan kita tidak boleh mengkafirkan seseorang atau memfasikkannya berdasarkan perkara-perkara yang melazimi mazhab mereka. Ini kerana kemungkinan dia tidak melakukan perkara yang menjadi kelaziman mazhabnya itu, bahkan juga mungkin dia tidak pernah memikirkan perkara itu.

Berhukumkan Suara Majoriti: Apakah Ia Bertentangan Dengan Islam?

Antara dalil yang dipegang oleh golongan Islam ini ialah: Demokrasi merupakan ideologi yang diimport dan ia tiada hubungan dengan Islam. Ia dibangunkan di atas asas menjadikan majoriti sebagai hakim dengan menganggap bahawa golongan majoriti merupakan golongan yang berhak untuk melantik pemerintah, melaksanakan urusan dan membuat keputusan dalam apa-apa perkara yang diperselisihkan. Pungutan suara dalam sistem Demokrasi adalah kata putus dan sumber rujukan. Setiap pendapat yang mendapat sokongan majoriti secara mutlak ataupun secara bersyarat dalam sesetengah keadaan, adalah pendapat yang akan dilaksanakan sekalipun ia merupakan pendapat yang salah atau batil.

Sedangkan Islam tidak menganggap cara ini sebagai cara yang betul dan Islam tidak mengutamakan suatu pendapat disebabkan majoriti tetapi Islam melihat kepada hakikat sesuatu pendapat: Adakah ia merupakan pendapat yang benar atau salah? Sekiranya ia merupakan pendapat yang benar, ia tetap akan dilaksanakan walaupun hanya mendapat satu suara (undi) sahaja ataupun ia langsung tidak mendapat sokongan. Begitu juga jika pendapat tersebut adalah pendapat yang salah, ia tetap akan ditolak walaupun mendapat sokongan 99%.

Bahkan nas-nas al-Quran juga menunjukkan bahawa suara majoriti dalam banyak keadaan berada di pihak yang salah dan menyebelahi taghut.

Firman Allah:

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِي ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ

Terjemahan: *Dan jika kamu menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah.* **(Surah al-An'am 6:116)**

Firman Allah:

وَمَآ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ وَلَوْ حَرَصْتَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

Terjemahan: *Dan kebanyakan manusia tidak akan beriman, walaupun kamu sangat-sangat ingin (supaya mereka beriman).* **(Surah Yusuf 12:103)**

Ungkapan seperti ini berulang-ulang dalam al-Quran contohnya firman-firman Allah:

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾

Terjemahan: *Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.* **(Surah al-A'raf 7:187)**

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٦٣﴾

Terjemahan: *Bahkan kebanyakan mereka tidak berakal.* **(Surah al-Ankabut 29:63)**

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

Terjemahan: *Tetapi kebanyakan manusia tidak beriman.* **(Surah Hud 11:17)**

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾

Terjemahan: *Tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.* **(Surah al-Baqarah 2:243)**

Al-Quran juga telah menyatakan bahawa golongan yang baik dan salih pada kebiasaannya adalah terdiri daripada golongan minoriti.

Firman Allah:

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

Terjemahan: *Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hambaku yang bersyukur.* **(Surah Saba' 34:13)**

Begitu juga firman-Nya:

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ

Terjemahan: *Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, sedang mereka amat sedikit.* **(Surah Sad 38:24)**

Pendapat ini adalah ditolak. Ini adalah kerana ia berdiri atas asas yang salah. Sepatutnya kita menyedari bahawa kita sekarang sedang membicarakan soal Demokrasi dalam masyarakat Islam yang kebanyakannya terdiri daripada orang yang mengetahui, berakal, beriman dan bersyukur. Kita bukannya membicarakan soal Demokrasi di kalangan masyarakat yang degil dan sesat daripada jalan Allah.

Perkara *al-Thawabit* Tidak Boleh Dibuat Undian

Di sana ada perkara yang tidak termasuk dalam ruang undian dan tidak akan terjejas dengan pungutan suara disebabkan ia merupakan perkara *al-Thawabit* (yang tetap) tidak menerima perubahan kecualilah masyarakat itu sendiri yang berubah dan tidak lagi menjadi masyarakat Muslim.

Tidak boleh membuat undian perkara yang qat'i dari segi syarak, asas agama

dan apa yang diketahui secara *daruri* (Mudah dan asas) daripada agama. Undian (pungutan suara) boleh dilakukan terhadap perkara *'ijtihadiyah'* yang mempunyai banyak pendapat yang memang diperselisihkan oleh masyarakat seperti memilih seorang calon untuk jawatan tertentu walaupun jawatan merupakan jawatan Presiden negara. Begitu juga perkara seperti peraturan jalan raya dan lalu lintas, penyusunan pembinaan gudang, syarikat perniagaan, kilang, hospital ataupun sebagainya yang dinamakan oleh para Fuqaha sebagai *"al-Masalih al-Mursalah"*. Begitu juga seperti ketetapan mengumumkan peperangan, menentukan cukai, mengisytiharkan keadaan darurat, menghadkan tempoh pemerintahan Presiden, mengharuskan pemilihannya untuk kali seterusnya ataupun tidak dan berbagai perkara lagi.

Jika perselisihan pendapat berlaku dalam masalah-masalah ini adakah patut kita membiarkannya tergantung ataupun ia perlu diselesaikan? Apakah ia perlu diputuskan tanpa sebarang dalil penguat? Ataupun apakah ia perlukan dalil penguat?

Bilangan Majoriti Adalah Kekuatan Yang Diambil kita Dan Dalilnya

Logik akal, syarak dan realiti mengatakan bahawa setiap pendapat yang ingin dipilih mestilah disertai dengan penguat. Penguat dalam masalah yang mempunyai banyak pendapat adalah suara majoriti. Sesungguhnya pendapat dua orang lebih hampir dengan kebenaran daripada pendapat seorang. Dalil bagi perkara ini ialah:

Dalam satu hadis disebut:

إِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ وَهُوَ مِنَ الْاِثْنَيْنِ أَبْعَدُ

Terjemahan: *Sesungguhnya syaitan bersama seorang yang bersendiri dan dia lebih jauh daripada orang yang berdua.*[109)]

Telah sabit bahawa Nabi SAW. telah bersabda kepada Abu Bakr dan Umar:

لَوِ اجْتَمَعْتُمَا عَلَى مِشْوَرَةٍ مَا خَالَفْتُكُمَا

109) Riwayat al-Tirmizi dalam *al-Fitan* daripada Umar (2166), katanya: Hadis haan sahih gharib. Katanya: Hadis ini telah diriwayatkan daripada bukan jalan Umar. Juga riwayat al-Hakim 1/114, disahihkannya menurut syarat *al-Sahihain* dan dipersetujui oleh al-Zahabi.

Terjemahan: *Kalau kamu bersepakat dalam satu perbincangan, aku tidak akan menentang pendapat kamu berdua.*[110]

Ini bermakna dua suara adalah lebih kuat untuk dipilih daripada satu suara walaupun suara yang satu itu adalah pendapat Rasulullah SAW. selagimana ia bukan sabda Baginda yang berkaitan dengan perundangan dan penyampaian daripada Allah SWT.

Rasulullah juga telah mengikut pendapat majoriti dalam peperangan Uhud. Baginda keluar bertempur dengan Musyrikin di luar Madinah walaupun pendapatnya dan para sahabat yang besar adalah bertahan di dalam Madinah dan bertempur di jalan jalannya.

Untuk menguatkan lagi perkara ini, kita lihat pendirian Khalifah Umar dalam masalah enam Ahli Syura yang beliau pilih untuk menjadi Khalifah selepasnya. Beliau mencadangkan agar dipilih salah seorang daripada mereka mengikut suara majoriti dan yang lainnya hendaklah mendengar dan taat kepadanya. Sekiranya terjadi persamaan tiga suara berhadapan dengan tiga yang lain maka Abdullah bin Umar yang tidak termasuk enam orang ini dipilih sebagai penentu. Sekiranya mereka tidak menerima pandangan Abdullah bin Umar maka pilihan jatuh kepada siapa yang mendapat tiga suara yang disertai oleh undi Abdul Rahman bin 'Auf.

Juga telah sabit dalam suatu hadis yang menyebut tentang 'kelompok yang terbesar' dan perintah supaya mengikut mereka. Kelompok yang terbesar ini bermakna kelompok majoriti daripada rakyat jelata. Hadis ini diriwayatkan daripada berbagai jalan. Ada yang kuat sanadnya.[111] Ini diperkuatkan lagi dengan

110) Riwayat Ahmad daripada Abdul Rahman bin Ghanam al-Asy'ari (4/227). Dalam sanadnya ada Syahr bin Hausyab. Ibn Hajar berkata dalam *al-Taqrib*: Seorang *shaduq* banyak *mursal* dan *awham*. Beliau telah ditsiqahkan oleh al-Syeikh Ahmad Syakir dalam *Takhrij al-Musnad*.

111) Hadis ini diriwayatkan oleh al-Thabrani secara *marfu'* daripada Abu Umamah, dinyatakan padanya: "Sesungguhnya Bani Israel berpecah kepada 71 puak - ataupun katanya: 72 puak - dan umat ini akan melebihi satu puak daripada mereka, semuanya dalam neraka kecuali kelompok yang terbesar". *Al-Mu'jam al-Kabir juzuk* 8 (8035). Juga disebutkan oleh al-Haithami dalam *Majma' al-Zawaid*, katanya: Riwayat al-Thabrani dan para *rijalnya tsiqah* 6/233-234. Di tempat lain katanya: Riwayat al-Thabrani dalam *al-Awsath, al-Kabir* dan seumpamanya. Padanya ada Abu Ghalib yang di*tsiqah*kan oleh Ibn Ma'in dan selainnya. Baki *rijal al-Awsath* adalah *tsiqah*. Begitu juga salah satu sanad dalam *al-Kabir* (7/258). Al-Thabrani dan Ahmad juga meriwayatkannya dalam *al-Musnad* secara *mawquf* pada Ibn Abu Aufa, sabda Baginda: "Wahai Ibn Jahman, hendaklah kamu bersama kelompok yang terbesar". Al-Haithami berkata: *Rijal* Ahmad adalah *tsiqah* 65/232. Juga diriwayatkan oleh Ibn Abu 'Ashim dalam *al-Sunnah* daripada Ibn Umar no. 80 dengan lafaz, terjemahannya: "Allah tidak akan mengumpulkan umat ini atas kesesatan selama-lamanya, tangan Allah adalah bersama jemaah seperti ini, maka hendaklah kamu bersama kelompok yang terbesar, sesungguhnya sesiapa yang mengasingkan diri maka dia akan terasing dalam neraka". Al-Albani berkata: sanadnya daif. Al-Hakim juga meriwayatkan seumpamanya daripada jalan al-

perakuan Ulama yang memilih pendapat jumhur (majoriti) dalam masalah yang *khilafiyah* (diperselisihkan). Mereka juga menganggap bahawa Ali adalah antara sebab untuk memilih pendapat yang terbaik jika tiada penguat lain yang menolaknya.

Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali berpendapat dalam beberapa kitab karangannya bahawa pendapat yang kuat adalah berdasarkan majoriti apabila berlaku dua pendapat yang sama kuat.[112]

Pendapat yang menyatakan bahawa pemilihan pendapat yang kuat adalah bagi pendapat yang benar walaupun ia tidak mendapat sokongan daripada sesiapapun dan pendapat yang salah pula hendaklah ditolak walaupun mendapat sokongan 99%. Pendapat ini diterima dalam perkara yang dinaskan oleh syarak dengan nas yang sabit, qat'i, jelas, memutuskan perselisihan, tidak boleh diperselisihkan dan tidak menerima penentangan. Perkara ini amatlah sedikit. Inilah yang dikatakan padanya bahawa: Jemaah ialah bersama dengan kebenaran walaupun kamu bersendirian.

Dalam perkara *iftihadiyah* iaitu perkara yang tiada nas ataupun ada padanya nas yang mempunyai banyak tafsiran atau ada nas lain yang bertentangan dengannya sama ada sama darjatnya atau lebih kuat daripadanya, maka pemilihan pendapat yang lebih tepat adalah diperlukan bagi menghapuskan khilaf. Pungutan suara (undian) telah dikenali oleh manusia dan diakui oleh bijak pandai di antaranya dari kalangan umat Islam sendiri sebagai satu cara untuk menyelesaikan perkara ini. Tidak terdapat dalam syarak yang menghalangnya, bahkan terdapat di sana nas-nas dan fakta sejarah yang menyokongnya.

Kongkongan Politik Adalah Sebab Utama Musibah Yang Menimpa Umat Dahulu Dan Sekarang

Musibah pertama yang menimpa umat Islam dalam sejarahnya ialah pengabaian terhadap kaedah syura dan bertukarnya *Khilafah al-Rasyidin* kepada sistem beraja yang zalim. Sebahagian sahabat menamakannya sebagai sistem Kisra atau Kaisar. Ini bermakna jangkitan sistem empayar Diktator telah menular kepada umat Islam daripada kerajaan-kerajaan beraja (Monarki) yang dianugerahkan oleh Allah kepada umat ini. Sepatutnya umat Islam menjadikan

---

Mu'tamar bin Sulaiman 1/115-116. Katanya: al-Mutamar adalah salah seorang tokoh dan Imam hadis, maka dia mesti ada punca bagi satu sanad ini.

112) Lihat *al-Syura Wa Atharuha Fi al-Dimoqrathiyah* oleh Dr Abdul Hamid al-Ansari

nasib mereka sebagai pengajaran dan menjauhkan diri daripada maksiat dan kekejian yang menjadi sebab runtuhnya kerajaan-kerajaan mereka. Akan tetapi alangkah sedihnya mereka telah memindahkan perkara paling buruk dalam kehidupan politik mereka iaitu sistem diktator dan sombong di bumi ke dalam negara umat Islam yang sepatutnya dipimpin oleh mereka yang tidak sombong dan tidak melakukan kerosakan di muka bumi.

Apa yang menimpa Islam, umat dan dakwahnya pada zaman moden ini adalah sebahagian daripada hasil penerusan dasar pemerintahan diktator yang menguasai manusia dengan mata pedang dan emasnya (material). Syariat ditangguhkan, Sekularisme dipaksakan dan manusia dipaksakan dengan budaya barat menerusi kekerasan dan paksaan serta menggunakan kuku besi sebagai senjata. Dakwah Islamiah dan Gerakan Islam dipukul para penyeru serta pendokongnya ditangkap dan diburu dengan kejam menerusi pemerintahan diktator pada satu ketika dan ketika yang lain bertopengkan Demokrasi palsu. Inilah yang diarahkan oleh kuasa yang memusuhi Islam secara terang-terangan ataupun menerusi balik tabir.

Kebebasan Berpolitik Adalah Keperluan Pertama Kita Pada Hari Ini

Islam tidak menjadi segar, tidak tersebar dakwahnya, tidak menonjol kebangkitannya dan laungannya tidak tinggi melainkan melalui kebebasan terhad yang diberikan kepadanya walaupun dalam ruang lingkup yang sempit. Dari situ Islam mendapat peluang untuk berkomunikasi dengan fitrah dan tabiat manusia yang sentiasa menunggu kedatangannya sehinggalah dapat diperdengarkan semula suara azan yang selama ini dirinduinya dan untuk menakluki akal yang selama ini menidakkannya.

Pertempuran pertama bagi dakwah Islam, kesedaran Islam dan gerakan Islam pada zaman ini ialah pertempuran memperolehi kebebasan. Menjadi kewajipan kepada setiap orang yang cintakan Islam supaya berdiri dalam satu barisan untuk berdakwah (menyeru) kepadanya, mempertahankannya dan tidak membiarkannya serta tidak menukarkannya dengan yang lainnya.

Penting untuk saya tegaskan bahawa saya bukanlah daripada kalangan orang yang suka menggunakan perkataan asing seperti Demokrasi dan sebagainya dalam mengungkapkan makna-makna Islam. Bahkan saya mengutamakan penggunaan istilah Islam untuk mengungkapkan tentang nilai dan kefahaman Islam. Ini adalah lebih sesuai untuk mengungkapkan tentang jati diri dan

keistimewaan kita.

Namun, jika ungkapan seperti ini telah tersebar luas dan digunakan oleh manusia, kita tidak boleh menutup telinga daripadanya. Bahkan kita sepatutnya mengenali maksud daripadanya apabila ia diucapkan. Ini mesti dilakukan agar kita memahami hakikat yang sebenarnya dan kita tidak memahami makna lain yang tidak bersangkut paut dengannya ataupun erti yang tidak dimaksudkan oleh orang yang bercakap. Dari sini hukuman kita terhadapnya menjadi hukuman (pertimbangan) yang seimbang dan tepat. Apa salahnya jika perkataan itu datang daripada orang lain? Penilaian yang perlu dalam membuat sesuatu hukuman adalah isi kandungan dan apa yang tersirat di dalamnya bukan pada nama zahirnya.

Namun begitu ramai pendakwah dan penulis yang menggunakan perkataan Demokrasi dan tidak merasa bersalah menggunakannya. Al-Ustaz 'Abbas al-'Aqqad telah menulis satu buku yang dinamakannya *al-Dimoqrathiyah al-Islamiyah* (Demokrasi Islam) dan al-Ustaz Khalid Mohamad Khalid pula lebih ke depan lagi dengan menyatakan bahawa Demokrasi pada hakikatnya adalah zat Islam itu sendiri!

Saya telah menganalisa perkara ini dalam buku saya yang berjudul *al-Shahwah al-Islamiyah Wa Humum al-Wathanain al-'Arabi Wa al-Islami* (Kebangkitan Islam Dan Permasalahan Negara Arab Dan Islam). Rujuklah padanya.

Ramai di kalangan golongan Islam yang menginginkan Demokrasi sebagai bentuk pemerintahan, sebagai jaminan kekalnya kebebasan dan keamanan (selamat) daripada kezaliman pemerintah dengan syarat ia adalah Demokrasi sebenar yang mewakili kehendak rakyat, bukannya kehendak pemerintah diktator atau kumpulan yang mengambil manfaat dengannya. Mengangkat slogan Demokrasi tidak mencukupi kalau roh Demokrasi diragut, penjara dibuka untuk para pejuangnya, sebatan membakar belakang para pendokongnya, Mahkamah Tentera digunakan untuk menyekat mereka, memutuskan sumber rezeki mereka, memenggal leher mereka dan undang-undang darurat digunakan untuk mengekori setiap orang yang berpandangan bebas dan mereka yang berani berkata "Kenapa"? Apatah lagi mereka yang berkata "Tidak" kepada pemerintah.

Saya adalah antara orang yang menyeru kepada Demokrasi dengan menganggap bahawa ia merupakan cara yang mudah dan teratur untuk mencapai matlamat kita memperolehi hidup yang mulia, agar kita dapat berdakwah

kepada Allah dan Islam seperti apa yang kita imani tanpa ada pihak yang akan melemparkan kita ke dalam kegelapan penjara atau mendirikan untuk kita tali-tali gantung... Ia juga memberikan ruang untuk bangsa kita hidup bebas dan mulia, mempunyai hak memilih pemerintahnya, menilai mereka, menukar mereka sekiranya mereka menyeleweng tanpa perlu kepada rampasan kuasa, pembunuhan politik dan seumpamanya. Inilah Demokrasi yang diharapkan.

Syura Adalah *Mulzimah* Bukannya Sekadar *Mu'limah*

Akhir sekali saya mahu menyatakan bahawa terdapat sebahagian ulama yang masih berpendapat hingga ke hari ini bahawa syura itu adalah *mu'limah* (penjelasan) dan bukannya *mulzimah* (perkara yang semestinya diikuti). Ketua Negara hendaklah meminta pandangan syura (bermesyuarat dengan ahli syura) dan dia tidak wajib baginya mengikut keputusan Ahli Syura yang merupakan *Ahli al-Halli Wa al-'Aqdi.*

Saya telah menolak pendapat ini di tempat yang lain dan saya menjelaskan bahawa syura tidak mempunyai makna sekiranya pemimpin hanya meminta pandangan dan kemudiannya melaksanakan apa yang disukainya dan apa yang disokong oleh para penasihatnya serta melemparkan pandangan Ahli Syura ke dinding. Kalau begitu mengapa mereka dinamakan *Ahli al-Halli Wa al-'Aqdi* (ahli penyelesai dan pembuat keputusan) sedangkan mereka pada realitinya tidak dapat menyelesaikan dan tidak melaksanakan sesuatu keputusan pun?

Ibn Kathir telah menyebut dalam tafsirnya yang dinukilkan daripada Ibn Mardawaih daripada Ali r.a. bahawa beliau telah ditanya tentang 'berazam' yang terdapat dalam firman Allah:

وَشَاوِرْهُمْ فِي ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ

Terjemahan: *Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila kamu telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah.* **(Surah ali-'Imran 3:159)**

Beliau menjawab: "Bermesyuarat dengan mereka yang mempunyai pandangan, kemudian mengikuti pandangan mereka"

Jika sesuatu masalah mempunyai dua pendapat, maka realiti yang telah dan sedang menimpa umat Islam disebabkan pemerintahan diktator menyokong pendapat yang mengatakan bahawa keputusan syura wajib diikuti.

Apapun perselisihan yang timbul, jika umat ini atau sesuatu kumpulan daripadanya mengambil pendapat bahawa keputusan syura adalah wajib dipatuhi maka perselisihan akan dapat diselesaikan. Jadi mengikuti apa yang telah disepakati adalah satu kewajiban dari segi syarak. Sesungguhnya umat Islam dipegang pada syarat-syarat mereka. Apabila seseorang pemimpin dipilih atas asas dan syarat ini, maka dia tidak boleh melanggar persepakatan ini dengan mengambil pendapat yang mengatakan sebaliknya. Ini kerana umat Islam sebagaimana yang telah saya nyatakan dan disebutkan dalam hadis dipegang pada syarat-syarat mereka dan mematuhi perjanjian adalah wajib.

Firman Allah:

وَأَوْفُوا۟ بِعَهْدِ ٱللَّهِ إِذَا عَٰهَدتُّمْ وَلَا تَنقُضُوا۟ ٱلْأَيْمَٰنَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ ٱللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا

Terjemahan: *Dan tepatilah perjanjian Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu mencabuli sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya, sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin kebaikan kamu.* **(Surah an-Nahl 16:91)**

Ketika Saidina Abdul Rahman bin 'Auf r.a. meminta Saidina Ali r.a. untuk dibaiahkan dengan al-Quran, al-Sunah dan melakukan seperti apa yang telah dilakukan oleh Abu Bakr dan Umar sebelumnya, beliau telah menolak perkara ini. Maksudnya beliau menolak untuk berpegang dengan apa yang telah dilakukan oleh Abu Bakr dan Umar kerana jika beliau menerimanya, beliau wajib mematuhinya. Beliau menolaknya kerana beliau adalah seorang Imam yang mempunyai ijtihadnya dan pandangannya adalah bebas daripada pandangan Abu Bakr dan Umar sebelumnya kerana perubahan masa dan keadaan. Perkara itu telah diterima oleh Saidina 'Uthman dan beliau telah dibaiahkan atas perkara itu. Dalil di sini ialah: Sesiapa yang dibaiah oleh umat dengan syarat tertentu dia wajib memenuhinya semampu yang boleh.

Dengan ini Syura Islam adalah hampir dengan roh Demokrasi, atau dengan kata lain dasar asas Demokrasi adalah hampir dengan roh Syura Islam.

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam.



BERBILANG PARTI DI BAWAH DAULAH ISLAM

SOALAN:

Banyak perbincangan dan perbahasan diadakan di dalam majlis-majlis khusus dan nadwah-nadwah umum antara kumpulan-kumpulan Islam sendiri dan juga antara mereka dengan perkumpulan lain.

Telah masyhur di kalangan sesetengah kumpulan Islam bahawa Islam mewajibkan kesatuan dan melarang daripada perpecahan dan perselisihan. Berbilang parti politik boleh membawa perselisihan pendapat dan perpecahan umat

Al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna telah mengatakan bahawa kepartian tidak wujud dalam Islam. Pandangan ini telah dipegang oleh sebilangan besar pejuang Islam yang menolak fahaman berbilang parti. Mereka mengemukakan berbagai kekeliruan dan juga membawakan beberapa dalil.

Apakah pandangan tuan dalam masalah ini yang ditimbulkan di kebanyakan negara Arab dan juga Islam khususnya di tempat di mana peluang diberikan kepada wujudnya berbilang parti politik dan dilaungkan sistem Demokrasi. Mereka menyatakan bahawa kumpulan-kumpulan Islam melaungkan kebebasan dan berbilang parti, tetapi apabila mereka berjaya menguasai pemerintahan mereka akan bersendirian dalam sistem Demokrasinya dan membubarkan semua kumpulan lain. Mereka menganggap bahawa mereka adalah kumpulan yang benar yang tidak akan didatangi kebatilan. Manakala kumpulan selainnya adalah batil yang tidak boleh dianggap benar.

Jelaskanlah kepada kami pendirian syarak mengenai perkara ini dengan disertai dalil-dalilnya. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada tuan dan memberikan pertolongan-Nya.

JAWAPAN:

Pandangan saya yang telah saya isytiharkan semenjak bertahun-tahun yang lalu dalam ceramah-ceramah umum dan pertemuan-pertemuan khusus ialah: Tidak terdapat di sana larangan syarak yang menghalang wujudnya lebih daripada satu parti politik di dalam Daulah Islam. Ini disebabkan larangan syarak perlukan dalil dan dalam masalah ini tiada dalil yang menghalangnya.

Bahkan berbilang parti politik ini ada kalanya menjadi keperluan pada zaman sekarang. Ini disebabkan ia merupakan penjamin daripada lahirnya kuasa diktator individu atau kumpulan yang memerintah, menguasai manusia, mencengkam manusia lain dan hilangnya mana-mana kuasa yang mampu untuk mengatakan "Kenapa?" atau "Tidak" kepadanya. Itulah yang dibuktikan oleh sejarah dan analisis politik semasa

Syarat yang perlu wujud bagi membolehkan kewujudan parti-parti politik ini adalah dua perkara asasi:

Pertama: Ia hendaklah mengiktiraf Islam sebagai akidah dan syariat, tidak memusuhinya atau mengingkarinya walaupun mempunyai ijtihad yang tersendiri dalam kefahamannya: berdasarkan asas-asas usul ilmiah yang diakui.

Kedua: Ia tidak bekerja untuk pihak yang memusuhi Islam dan umatnya walau apa nama dan kedudukannya.

Tidak boleh menubuhkan parti yang menyeru kepada ateis, pergaulan bebas, tidak terikat dengan agama, mengecam kesemua agama langit secara amnya dan Islam secara khususnya, atau memperkecil-kecilkan kesucian Islam sama ada pada akidahnya, syariahnya, al-Qurannya atau Nabinya SAW.

Kewajipan Menasihat Dan Membetulkan Pemerintah

Menjadi hak manusia di dalam Islam bahkan suatu kewajipan mereka untuk menasihati pemerintah dan membetulkannya sekiranya dia menyeleweng, menyuruhnya dengan makruf dan melarangnya daripada kemungkaran. Pemerintah merupakan manusia biasa (salah seorang insan Muslim) yang bukannya terlalu agung untuk dinasihati dan diperintah. Umat Islam pula bukanlah terlalu kerdil untuk menasihati dan memerintah.

Apabila umat Islam telah mencuaikan tanggungjawab menyeru pada makruf dan mencegah kemungkaran, maka ia telah hilangan rahsia keistimewaannya dan sebab yang menjadikannya terpilih. Mereka juga akan ditimpa laknat yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu.

Firman Allah:

كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan: *Mereka saling tidak larang-melarang dari perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka telah lakukan.* **(Surah al-Mai'dah 5:79)**

Dalam satu hadis Rasulullah SAW. bersabda:

إِذَا رَأَيْتَ أُمَّتِي تَهَابُ أَنْ تَقُوْلُ لِلظَّالِمِ: يَا ظَالِمِ فَقَدْ تُوُدِّعَ مِنْهُمْ

Terjemahan: *Sekiranya kamu mendapati umatku takut mengatakan kepada orang yang zalim: Wahai si zalim, maka telah diucapkan selamat tinggal kepada mereka.*[113]

Dalam hadis lain Baginda bersabda:

إِنَّ النَّاسَ إِذَا رَأَوا الظَّالِمَ فَلَمْ يَأْخُذُوا عَلَى يَدَيْهِ أَوْشَكَ أَنْ يَعُمَّهُمُ اللّٰهُ بِعِقَابٍ مِنْهُ

Terjemahan: *Sesungguhnya manusia apabila melihat orang yang zalim dan mereka tidak menghalangnya, Allah hampir-hampir akan mengenakan azab yang menyeluruh ke atas mereka dari sisi-Nya*[114]

Ketika Abu Bakr dilantik sebagai Khalifah, beliau telah berucap dalam khutbah pertamanya:

---

113) Riwayat Ahmad bin Hanbal dalam *Musnad*nya daripada Abdullah bin 'Amru dan disahihkan oleh al-Syeikh Syakir dan juga diriwayatkan oleh al-Hakim dan disahihkannya. Ia disepakati oleh al-Zahabi.

114) Riwayat Abu Daud dalam Sunannya daripada hadis Abu Bakr, juga oleh Ahmad dan Ashhab al-Sunan. Al-Tirmizi berkata: Hadis hasan sahih.

"Wahai manusia, jika aku melakukan kebaikan maka tolonglah aku dan sekiranya aku menyeleweng, perbetulkanlah aku. Taatlah kepada aku selagimana aku taat kepada Allah dan apabila aku menderhakai-Nya, maka kamu tidak lagi wajib taat kepada aku."

Umar pula berkata:

"Wahai manusia, sesiapa yang melihat aku berlaku serong maka perbetulkanlah aku." Seorang lelaki bangun lalu berkata: "Wahai Umar, kalaulah kamu berlaku serong, kami akan betulkan kamu dengan mata pedang kami." Umar berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan di kalangan umat Islam orang yang berani membetulkan kesilapan Umar dengan mata pedangnya."

Akan tetapi sejarah, pengalaman umat-umat dahulu dan juga realiti umat Islam telah mengajar kita bahawa membetulkan penyelewengan pemerintah bukanlah satu perkara yang senang dan mudah. Tidak ada lagi di sana pedang di tangan rakyat yang sedia untuk membetulkan penyelewengan kerana kesemua pedang dimiliki oleh pemerintah!

Menyusun Nasihat dan Pembetulan Dalam Bentuk Kuasa Politik

Menjadi satu kewajiban mengatur perkara ini untuk membetulkan penyelewengan pemerintah dengan jalan selain daripada menghunuskan pedang dan senjata.

Hasil daripada perjuangan yang getir dan panjang, manusia pada zaman ini telah berjaya menemui cara untuk menyeru kepada makruf dan melarang daripada kemungkaran serta membetulkan penyelewengan pemerintah tanpa menumpahkan darah. Ia adalah melalui kewujudan kuasa-kuasa politik yang mana pemerintah tidak mampu melenyapkannya dengan mudah. Inilah yang dinamakan sebagai parti-parti politik.

Kekuasaan pemerintah mungkin berupaya untuk menghapuskan seseorang atau kumpulan yang kecil secara kekerasan dan helah, tetapi susah untuknya mengalahkan kumpulan-kumpulan yang besar dan tersusun rapi, yang telah menjalar dalam kehidupan dan berakar umbi dalam masyarakat. la mempunyai platform, akhbar dan peralatannya sendiri untuk menyampaikan kefahamannya dan memberikan pengaruh.

Jika kita mahu kewajipan *amar makruf* dan *nahi mungkar* mempunyai makna, kekuatan dan kesannya pada zaman ini, maka tidak sepatutnya ia terus menjadi kewajipan yang dilaksanakan secara individu yang amat terhad kesan dan keupayaannya. Kita perlu meningkatkan bentuknya di mana ia dilakukan oleh satu kekuatan yang berupaya untuk menyuruh dan melarang, memberi amaran dan ancaman, menyatakan tidak akan mendengar dan taat ketika disuruh melakukan maksiat, berupaya menentang pemerintah yang melakukan kezaliman dan menggulingkannya tanpa memerlukan kekerasan dan pertumpahan darah.

Membentuk parti atau gerakan politik telah menja di satu cara yang perlu untuk menentang kezaliman kuasa pemerintah, mengkritik dan mengembalikannya ke jalan sebenar ataupun menjatuhkannya dan menggantikannya dengan pemerintah yang lain. Parti-parti inilah yang berupaya untuk menilai sesuatu kerajaan dan menjalankan tugas menasihati dan menyeru kepada makruf dan melarang kemungkaran. Perkara yang tidak sempurna sesuatu kewajiban melainkan dengannya maka ia menjadi wajib.

Gambaran Silap Bagi Daulah Islam

Mungkin sesetengah orang yang ikhlas hatinya menggambarkan bahawa negara yang diperintah dengan syariat Allah dan merujuk semua urusan kepada hukum-Nya tidak memerlukan semua ini kerana ia merupakan negara yang beriltizam dan berlegar di sekitar garis sempadan Allah.

Oleh itu, para pejuang Islam hendaklah berjuang sehingga berdirinya negara yang dicitakan ini. Apabila ia telah bangun maka ia menjadi seperti apa yang difirmankan oleh Allah:

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ

Terjemahan: *Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan memberikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar.* **(Surah al-Hajj 22:41)**

Pada waktu itulah, seluruh kekuasan hendaklah diserahkan kepada mereka dan seluruh wala', ketaatan dan sokongan hendaklah diberikan kepadanya.

Saya ingin menyatakan kepada mereka ini bahawa *Daulah Islamiah* bukanlah sebuah negara agama (Teokrasi) seperti yang dikenali oleh masyarakat lain. Saya bermaksud bahawa ia adalah sebuah *Daulah Madaniyah* yang diperintah oleh syariat. Pemerintahnya bukanlah seorang Imam yang maksum, anggota-anggotanya juga bukanlah rahib yang suci, bahkan mereka adalah manusia yang kadang-kadang betul dan silap, kadang-kadang membuat baik dan jahat, adil dan zalim, taat dan bermaksiat. Manusia lain hendaklah membantu mereka apabila mereka berbuat baik dan adil, membetulkan mereka apabila mereka silap dan menolak perintah mereka apabila mereka diperintahkan berbuat maksiat. Ini bertepatan dengan kata-kata Saidina Abu Bakr r.a. dalam ucapan dasarnya yang pertama. Bahkan ia adalah sebagaimana sabda Rasulullah SAW.:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيْمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِالْمَعْصِيَةِ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلاَ سَمْعَ وَلاَ طَاعَةَ

Terjemahan: *Dengar dan taat adalah menjadi kewajipan ke atas seorang Muslim sama ada dia suka ataupun tidak selagimana tidak diperintah melakukan maksiat. Sekiranya diperintah melakukan maksiat, maka tidak perlu lagi dengar dan taat.*[115)]

Apabila tidak ada dasar kesucian dan kemaksuman maka semua manusia adalah manusia biasa yang terdedah kepada godaan kehidupan dunia. Oleh itu mereka juga berkemungkinan melakukan kezaliman dan kediktatoran. Diktator yang paling jahat ialah apabila ia dikaitkan dengan nama agama. Jika tidak diletakkan peraturan dan langkah berjaga-jaga tidak disediakan untuk menghalang terjadinya perkara sedemikian atau menghapuskannya jika ia telah terjadi, maka umat akan berada dalam bahaya yang berkemungkinan akan terpalit juga kepada agama.

Oleh sebab itu, mewujudkan kekuatan yang tersusun, bergerak secara jelas serta mampu menolong orang yang berbuat kebaikan dan membetulkan pelaku kejahatan adalah satu perkara yang dialukan-alukan oleh syarak kerana ia boleh mendatangkan kebaikan dan menjauhkan kerosakan.

---

115) Muttafaq 'Alaih daripada Ibn Umar. Lihat *al-Lu'lu' Wa al-Marjan.*

Menjadi satu kesilapan yang besar apabila sesebuah negara atau sebahagian pendokongnya menyangka bahawa kebenaran sentiasa bersama mereka sahaja. Sesiapa yang menentang mereka adalah berada di pihak yang salah dan batil.

Kita telah melihat puak Muktazilah ketika mana mereka memegang teraju kerajaan pada zaman Khalifah al-Makmun bin al-Rasyid, pada zaman al-Wathiq dan al-Mu'tasim. Mereka berusaha untuk mewajibkan pendapat mereka dalam semua perkara kepada seluruh manusia dan menghapuskan pendapat orang lain daripada alam pemikiran. Mereka melakukan serangan menggunakan pedang dan cemeti terhadap pendapat golongan lain yang tidak sependapat dengan mereka dalam satu masalah yang besar yang dicetuskan oleh mereka sendiri iaitu yang terkenal dalam sejarah pemikiran dan akidah yang dinamakan sebagai masalah *Khalq al-Quran* (Al-Quran adalah makhluk).

Mihnah (tribulasi) pada zaman itu merupakan tribulasi yang amat dahsyat dan keras. Ramai tokoh-tokoh Islam serta ulama-ulama besar telah diseksa termasuk Imam yang warak dan bertakwa, al-Imam Ahmad bin Hanbal r.a.

Sejarah telah mencatitkan bahawa golongan tersebut yang mendakwa bahawa mereka adalah cendikiawan dan mempunyai minda yang bebas telah melakukan jenayah yang kejam lagi memalukan. Iaitu jenayah penindasan terhadap pembangkang yang tidak sependapat dengan mereka hingga ke tahap membawa kepada penjara, dipukul dan diseksa walaupun mangsa tersebut adalah ulama dan Imam yang besar.

Kepelbagian Parti Politik Sama Seperti Kepelbagian Mazhab Fiqh

Apabila kita mengharuskan prinsip kepelbagian parti politik dalam negara Islam, ia tidak bermaksud mengharuskan berbilangnya parti politik dan perkumpulan mengikut peribadi tertentu yang berbeza dari segi tujuan atau kepentingan peribadi. Lalu wujudlah: Ini parti si folan dan itu parti si folan. Mereka menyatukan manusia dengan peribadi mereka dan mereka berputar pada paksi mereka sahaja.

Begitu juga berbilangnya parti di atas asas aparteid, iklim geografi, kasta atau lain-lain lagi dan hasil *'Asabiah* yang tidak diakui oleh Islam.

kepelbagian parti yang dibenarkan ialah di atas dasar berbilangnya pemikiran, metode dan jalan politik yang dibawakan oleh setiap kumpulan yang

masing-masing mempunyai hujah dan dalil. Lalu ia akan disokong oleh mereka yang mempercayainya dan merasakan bahawa proses baik pulih umat akan berlaku melaluinya. Ia akan ditolak oleh mereka yang melihat baik pulih adalah lebih baik melalui badan yang lain.

Berbilangnya parti dalam arena politik adalah hampir menyerupai berbilangnya mazhab dalam bidang fiqh.

Mazhab fiqh adalah satu aliran pemikiran yang mempunyai *usul*nya yang khusus dalam memahami syariah dan mengeluarkan hukum daripada dalil-dalil yang *tafsili* (detil) berdasarkan *usul* tersebut. Pengikut sesuatu mazhab sebenarnya adalah pelajar dalam aliran ini, mereka percaya bahawa ia adalah paling hampir dengan kebenaran dan jalan yang terbaik daripada yang selainnya. Mereka dalam hal ini adalah seperti parti-parti politik yang berkumpul di atas asas yang tertentu dan mereka mendokongnya dengan anggapan bahawa merekalah yang lebih hampir kepada kebenaran dan lebih utama untuk diikuti. Sungguh pun begitu ia tidak bermakna parti-parti lain adalah salah atau batil.

Contoh bagi parti seperti itu ialah satu mazhab dalam politik yang mempunyai falsafah, *usul* dan metode yang mengambil asasnya daripada Islam yang luas. Ahli parti itu adalah menyerupai pengikut mazhab fiqh. Semuanya menyokong pandangannya sebagai betul dan paling berhak untuk diperkuatkan.

Mungkin ada satu kumpulan yang berkumpul atas pendapat bahawa keputusan syura adalah *mulzimah* (mesti dilaksanakan), Khalifah atau Ketua Negara hendaklah dipilih melalui pilihan raya umum, tempoh pemerintahannya ditentukan beberapa tahun tertentu, kemudiannya dijalankan pilihan raya sekali lagi untuk membolehkan dia memegang tampuk pemerintahan bagi kali kedua, Ahli Syura hendaklah dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya, wania mempunyai hak mengundi dan mencalonkan dirinya ke parlimen, kerajaan boleh campur tangan dalam menetapkan harga barangan, sewaan tanah dan bangunan, gaji pekerja, keuntungan peniaga, tanah boleh diusahakan dengan jalan *muzara'ah* (pawah) dan bukannya dengan jalan sewa, dalam harta ada hak-hak tertentu selain zakat, asas hubungan diplomatik luaran adalah perdamaian, ahli *zimmah* adalah warga negara Darul Islam dan tidak dikenakan Jizyah sekiranya mereka menjalankan khidmat ketenteraan, mereka dikenakan cukai *takaful* yang dianggap seperti zakat kepada orang Islam mereka boleh menjadi ahli Parlimen dan lain-lain pendapat lagi.

Mungkin ada satu kumpulan lain dari kalangan golongan' Konservatif yang membangkang pendapat golongan mujaddid atau penyeru reformasi pada pandangan mereka. Mereka ini berpendapat bahawa syura hanyalah mu'limah (penjelasan), Ketua Negara dipilih oleh *Ahli al-Halli Wa al-'Aqdi,* dia dipilih untuk seumur hidup, dialah yang melantik *Ahli al-Halli Wa al-'Aqd*, pilihan raya bukannya jalan yang disyariatkan, wanita tidak mempunyai hak pencalonan dan hak mengundi, ekonomi adalah bebas, hak milik adalah mutlak, prinsip dalam hubungan luar adalah peperangan, Khalifah atau Ketua adalah pemberi kata putus dalam mengumumkan peperangan atau menerima perdamaian dan berbagai lagi pendapat dan kefahaman yang meliputi kehidupan sosial, ekonomi, politik, ketenteraan, saqafah dan sebagainya,

Mungkin terdapat satu kumpulan lain yang tidak berpihak kepada mana-mana kumpulan, bahkan menyokong pihak pertama dalam beberapa perkara dan pihak kedua dalam beberapa perkara lain.

Jika salah satu daripada mereka menang dan berjaya memegang tampuk kekuasaan, adakah kumpulan lain akan dihapuskan dan pendapat-pendapat mereka dilenyapkan ke dalam tanah semata-mata kerana dia sekarang telah memegang kekuasaan?

Adakah menguasai pemerintahan memberi hak kepada sesuatu fahaman untuk terus kekal? Ataupun kegagalannya memegang kekuasaan bermakna ia akan dikuburkan?

Pandangan yang sahih berkata: Tidak. Setiap kumpulan berhak untuk mengutarakan pendapatnya selagimana dia mempunyai hujah yang kuat juga penyokong yang berada di belakangnya.

Parti-parti Adalah Mazhab Dalam Politik Dan Mazhab-mazhab Adalah Parti Dalam Fiqh

Apa yang kita tolak dalam arena politik adalah sama dengan apa yang kita tolak dalam bidang fiqh, iaitu: Ketaatan melulu dan taksub buta serta memberikan kesucian kepada sesetengah pemimpin seolah-olah mereka adalah Nabi. Inilah punca kerosakan dan perpecahan.

Oleh itu saya telah menyatakan dalam beberapa pertemuan pemikiran yang membincangkan tajuk ini: Sesungguhnya parti-parti adalah mazhab-mazhab dalam politik sebagaimana mazhab-mazhab adalah parti-parti dalam fiqh!

Kepelbagian Parti Dan Perselisihan Pendapat

Antara kekeliruan yang ditimbulkan di sini ialah: Dasar berbilang parti politik yang tersebar sekarang adalah bertentangan dengan konsep kesatuan yang diwajibkan oleh Islam. Ini kerana kesatuan dianggap sebagai saudara kembar kepada iman seperti juga perpecahan dianggap sebagai saudara kepada kekufuran dan jahiliah.

Firman Allah::

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟

Terjemahan: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai.* **(Surah ali-'Imran 3:103)**

Firman-Nya lagi:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُوا۟ وَٱخْتَلَفُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Terjemahan: *Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai berai dan berselisih (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh nabi-nabi Allah). Dan mereka yang bersifat demikian akan beroleh azab seksa yang pedih.* **(Surah ali-'Imran 3:105)**

Dalam satu hadis Rasulullah SAW. telah bersabda:

لاَ تَخْتَلِفُوْا فَإِنَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ اخْتَلَفُوْا فَهَلَكُوْا

Terjemahan: *Janganlah kamu bertelingkah kerana umat sebelum kamu telah bertelingkah, lalu mereka dibinasakan.*[116)]

Suka saya tambah satu hakikat yang penting di sini bahawa berbilangnya parti tidak semestinya bermakna perpecahan pasti berlaku. Begitu juga terdapat di sana perselisihan yang tidak dicela oleh Islam seperti perselisihan pendapat hasil daripada berlainan ijtihad. Oleh itu para sahabat telah berselisih dalam banyak perkara cabang dan ini tidak melemahkan mereka sedikitpun. Bahkan mereka juga telah berselisih pada zaman Rasulullah SAW. dalam beberapa

116) Muttafaq 'Alaihi.

masalah seperti perselisihan mereka mengenai sembahyang Asar sewaktu pergi ke Bani Quraidzah. Ini adalah peristiwa yang masyhur tetapi Rasulullah SAW. sedikitpun tidak mencela kedua-dua kumpulan yang berselisih faham itu.

Sesetengah daripada mereka menganggap bahawa perselisihan tersebut sebagai satu rahmat yang memberi kelapangan kepada umat ini. *Athar* ada menyebut tentang perkara ini: "Perselisihan umatku adalah rahmat." Dalam masalah ini, sebuah kitab telah dikarang yang berjudul *Rahmah al-Ummah Bi lkhtilaf al-Aimrnah* (Rahmat Untuk Umat Hasil Perselisihan Para Imam).

Telah diriwayatkan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak berkeinginan kiranya para sahabat tidak berselisih faham. Ini disebabkan perselisihan faham mereka membuka pintu keluasan, fleksibel dan kemudahan bagi umat yang mempunyai tabiat dan keperluan yang berbeza.

Sesetengah daripada mereka menjadikan istilah "perselisihan adalah rahmat" disebabkan kepelbagaian manusia di bidang ilmu dan pekerjaan. Dengan itu, kekosongan dapat ditampung dan keperluan manusia yang berbagai-bagai dapat dipenuhi.

Al-Quran menggambarkan bahawa berlainan bahasa dan warna kulit adalah tanda kebesaran Allah Taala pada makhluk-Nya yang hanya dapat diketahui oleh orang yang berakal.

Firman Allah:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّلْعَٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾

Terjemahan: *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan wama kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang nyata bagi orang-orang yang berpengetahuan.* **(Surah al-Rum 30:22)**

Bukan semua perselisihan adalah keburukan. Perselisihan di kalangan manusia mempunyai dua bahagian. Perselisihan yang dipelbagaikan dan perselisihan yang saling berlawanan antara satu dengan yang lain. Yang pertama adalah dipuji dan kedua adalah dikeji.[117]

117) Lihat perbincangan ini dalam buku saya *al-Sahwah al-Islamiyah Baina al-lkhtilaf al-Masyru' Wa al-Tafarruq al-Mazmum* terbitan *Dar al-Wafa'*.

Kepelbagian Jemaah Yang Bekerja Untuk Islam

Saya telah banyak kali menyatakan dalam buku-buku dan ceramah-ceramah saya bahawa berbilangnya jemaah yang memperjuangkan Islam adalah tidak dilarang selagi kesatuan tidak mampu dicapai rentetan daripada berlainan matlamat, berbezanya manhaj, fahaman dan juga berlainan tsiqah antara satu sama lain.

Ini diharuskan dengan syarat berbilangnya perkara ini adalah dari jenis berbilang yang berbentuk kepelbagaian dan pengkhususan, bukannya berbilang yang membawa kepada percanggahan dan pertentangan. Ini menuntut semua mereka untuk berdiri dalam satu barisan apabila menghadapi masalah yang berkaitan dengan kewujudan Islam, akidah Islam, syariat Islam dan juga umat Islam.

Mereka hendaklah saling berbaik sangka dan bermaafan di antara satu sama lain, sifat mulia yang sepatutnya dimiliki oleh semua, bukannya menuduh orang lain sesat, berdosa atau kafir. Bahkan mereka hendaklah saling berpesan dengan kebenaran dan berpesan dengan kesabaran, menasihat kerana agama yang disertakan dengan iltizam dengan jalan hikmah, nasihat yang baik dan berbahas dengan jalan yang terbaik.

Perselisihan ataupun berbilang jemaah seperti ini berbilang kepelbagaian tidak akan membawa kepada perpecahan dan permusuhan, dan tidak akan menjadikan umat ini berpuak-puak yang sentiasa mencari peluang untuk menghentam puak yang lain. Inilah yang dikatakan berbilangnya parti atau perselisihan pendapat di bawah bumbung umat yang satu yang mempunyai akidah yang mantap. Perselisihan yang seperti ini tidak perlu ditakuti dan ia tidak membahayakan bahkan ia merupakan satu perkembangan yang sihat.

Apa yang kami sebutkan ini adalah suasana sebelum tertegaknya negara Islam, begitu juga inilah pendapat kami selepas tertegaknya negara Islam kerana negara Islam tidak sekali-kali berasa sempit dada dengan perselisihan sebegini. Negara Islam juga tidak akan membunuh setiap pemikiran yang dicetuskan oleh jemaah-jemaah lain sebelum itu kerana pemikiran tidak akan mati dan tidak menerima hukuman mati selagimana ia sendiri tidak berkubur disebabkan lahirnya konsep pemikiran yang lebih kuat daripadanya.

Kepelbagian Parti Adalah Dasar Yang Diimport!

Antara kekeliruan yang ditimbulkan di sini juga ialah apa yang dikatakan sebagai: Berbilangnya parti politik merupakan dasar yang diimport dari Demokrasi Barat dan bukannya dasar tulen Islam yang lahir daripada keaslian Islam itu sendiri. Sedangkan kita telah dilarang daripada menyerupai orang lain dan membuang keperibadian kita berdasarkan hadis yang bermaksud: "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia adalah termasuk daripada kalangan mereka."

Menjadi kewajipan kepada kita untuk mempunyai pemikiran dan hala cara politik yang tersendiri dan kita tidak boleh mengikuti perbuatan orang lain sejengkal mahupun sehasta.

Kami menyatakan bahawa: Apa yang dilarang adalah taklid buta kepada orang lain sehingga kita menjadi seperti ekor yang hanya mengikut dan tidak diikuti, berjalan di belakang yang lain dalam semua perkara seperti mana yang digambarkan dalam hadis:

حَتَّى لَوْ دَخَلُوا جُحْرَ ضَبٍّ لَدَخَلْتُمُوْهُ

Terjemahan: *Sehingga mereka masuk dalam lubang biawak, kamu tetap akan mengikutnya.*

Menyerupai Non-Muslim yang dilarang adalah menyerupai pada tanda-tanda kebesaran agama mereka seperti memakai salib bagi orang Kristian, obor api bagi orang Majusi dan seumpamanya. Inilah yang akan menjerumuskan pembuatnya ke dalam kumpulan orang yang diserupainya yang menjadikan dia dianggap sebahagian daripada mereka.

Mengambil daripada mereka perkara yang selain daripada itu yang berupa urusan kehidupan yang sentiasa berkembang tidak menjadi masalah dan tidak berdosa. Ini disebabkan hikmah adalah satu perkara yang hilang daripada orang Mukmin dan di mana-mana dia menjumpainya maka dialah orang yang paling berhak dengannya.

Rasulullah SAW. telah menggali parit sekitar Madinah yang merupakan taktik peperangan yang belum lagi dikenali oleh orang Arab. Ia adalah antara taktik perang Parsi yang dikatakan dicadang oleh Salman al-Farisi r.a.

Rasulullah SAW. juga telah menggunakan cop untuk mengecop surat-suratnya selepas dikatakan kepada Baginda bahawa raja-raja tidak akan menerima surat kecuali yang telah dicop.

Umar telah mengambil sistem *al-Kharaj* dan *diwan* daripada luar. Mua'wiyah pula memasukkan sistem pos dari luar. Selepas itu banyak lagi sistem luar yang dibawa masuk.

Oleh itu mengambil dasar berbilang parti daripada Demokrasi Barat adalah perkara yang tidak dilarang dengan dua syarat:

Pertama: Kita mendapati perkara ini mengandungi maslahat yang hakiki untuk kita. Kebimbangan terhadap beberapa unsur negatif yang ada di dalamnya tidak boleh menjadi faktor penghalang. Yang penting, faedahnya adalah lebih besar daripada kemudaratannya. Ini kerana syariat ditegakkan di atas asas perkiraan maslahat sepenuhnya atau sebahagian besar daripadanya adalah maslahat dan menghapuskan kerosakan sepenuhnya atau kerosakan yang menguasainya. Firman Allah dalam masalah arak dan judi adalah menjadi dalil dalam hal ini:

قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا

Terjemahan: *Katakanlah: "Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya."* **(Surah al-Baqarah 2:219)**

Kedua: Kita mengubah dan mengembangkan apa yang kita ambil sehingga ia bertepatan dengan nilai agama dan akhlak kita, hukum syariat serta adat resam yang kita jaga.

Tidak ada seorang pun berupaya memaksa kita agar mengambil sistemnya secara keseluruhannya, antaranya ialah taksub kepada parti sama ada di atas dasar kebenaran atau kebatilan dan menolongnya sama ada dia dizalimi atau menzalimi. Inilah kata-kata yang masyhur di kalangan Arab pada zaman jahiliah: "Tolonglah saudara kamu yang zalim atau yang dizalimi" sebelum ia diubah oleh Rasulullah SAW. pemahamannya. Rasulullah SAW. menafsirkannya dengan tafsiran yang memberikannya makna yang lain iaitu: Menolong orang yang zalim adalah dengan mencegah dan menghalangnya daripada melakukan kezaliman. Dengan yang demikian kamu telah menolongnya daripada dikuasai oleh nafsunya dan kekeliruan yang dimainkan oleh syaitan dalam hatinya.

Kepada Siapakah Wala' (Ketaatan) Diberikan?

Antara kekeliruan yang ditimbulkan juga ialah: Wujudnya berbilang parti dalam negara Islam akan membahagikan wala' individu kepada parti yang

didokongnya dan negaranya yang telah dibaiah untuk mendengar, taat setia, membantu dan menolong ketika diperlukan.

Ini betul sekiranya seseorang itu akan bersikap membangkang kerajaan dalam semua perkara dan menyokong partinya sahaja. Kami tidak bermaksud sedemikian.

Ketaatan seorang Muslim hanyalah kepada Allah, Rasul-Nya dan jemaah Mukminin sebagaimana firman Allah:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾ وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah). Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia) kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada agama) Allah, itulah yang tetap menang.* **(Surah al-Mai'dah 5:55-56)**

Ikatan individu dengan suatu puak, kawasan, persatuan, kesatuan atau parti tidak menafikan ikatan kepatuhan dan wala'nya kepada negara.

Ikatan dan ketaatan ini semuanya kembali kepada asal yang satu iaitu ketaatan kepada Allah, Rasul dan orang-orang beriman. Apa yang dilarang sekeras-kerasnya ialah mengambil orang yang bukan Islam sebagai pemimpin:

أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾

Terjemahan: *Apakah mereka mencari kekuatan di sisi orang-orang kafir itu, maka sesungguhnya kekuatan dan kemuliaan itu semuanya ialah milik Allah.* **(Surah an-Nisa' 4:139)**

Firman Allah lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat.* **(Surah al-Mumtahanah 60:1)**

Jika corak kepartian yang berlaku ialah memberi ketaatan individu kepada parti walaupun diyakini bahawa ia berada di pihak yang salah dan membangkang kerajaan Islam walaupun dia meyakini bahawa kerajaan berada di pihak yang benar, ini adalah satu perkara yang tidak kami setujui dan kami tidak mendokongnya. Apa yang perlu ialah kita mengubahnya sehingga bertepatan dengan dasar serta nilai Islam, hukum dan adabnya.

Imam Ali r.a. Mengakui Kewujudan Parti Khawarij

Jika kita kembali kepada warisan kita yang luas dan kepada sejarah *Khulafa' al-Rasyidin* khususnya yang mana kita diperintah untuk berpegang dan mengikut petunjuk mereka kita akan mendapati bahawa Saidina Ali bin Abu Talib r.a. telah membenarkan kewujudan parti pembangkang dalam pemerintahannya yang bertentangan dengan polisi dan manhajnya hingga sampai ke peringkat mereka ini menuduh beliau kafir dan keluar dari Islam. Sedangkan beliau adalah antara golongan pertama memeluk Islam pada waktu beliau masih muda. Tidak cukup dengan pendirian teori pemikiran, mereka sanggup menghunuskan pedang dan mengisytiharkan peperangan ke atasnya, menghalalkan darah beliau dan pengikutnya dengan dakwaan bahawa beliau telah berhukum dengan hukum manusia dalam urusan agama Allah sedangkan tidak ada hukum melainkan untuk Allah berdasarkan nas al-Quran:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ

Terjemahan: *Tidak ada sesuatu hukum, melainkan kepunyaan Allah.* **(Surah Yusuf 12:40)**

Ketika Imam Ali r.a. mendengar kata-kata ini, beliau menjawabnya dengan kata-kata yang menjadi satu contoh yang disebut-sebut oleh sejarah iaitu: "Kata-kata yang benar tetapi diinginkan daripadanya kebatilan."

Walaupun demikian, beliau tidak mengharamkan kewujudan mereka dan tidak memerintahkan agar mereka diburu sehingga tiada lagi kesan mereka. Bahkan beliau telah berkata kepada mereka dengan begitu tegas dan jelas sekali:

Untuk kamu tiga perkara: Kami tidak akan menghalang kamu daripada mendatangi masjid Allah, kami tidak akan menyekat kamu daripada menerima harta al-Faie selagi kamu masih bersama kami dan kami tidak akan memulakan peperangan dengan kamu.

Ini beliau lakukan sedangkan mereka adalah golongan Khawarij yang melakukan penentangan bersenjata dan mempunyai kekuatan yang cukup menaikkan semangat dan keberanian yang menggila.

Hasan al-Banna Dan Parti-parti

Saya tahu bahawa al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna telah melarang daripada wujudnya kepartian dan berbilang parti dalam Islam.

Ini adalah ijtihad beliau kerana beliau telah melihat pada zamannya kepartian memecahkan ummah dalam menghadapi musuhnya. Pada masa itu parti-parti yang wujud mengumpulkan manusia atas dasar peribadi dan bukannya atas matlamat yang terang serta dasar tertentu. Beliau telah menyebut mengenai ahli-ahli politik dan tokoh-tokoh parti dalam beberapa risalahnya:

Sesungguhnya penjajah telah melagakan sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain dan menyatukan mereka kepadanya. Mereka tidak ada matlamat melainkan hanya ke rumahnya (penjajah) dan tidak berkumpul melainkan ketika menziarahinya.

Tidak menjadi kesalahan jika kita meninggalkan ijtihad Imam kita. Beliau sendiri tidak menghalang pengikut selepasnya daripada berijtihad sepertimana beliau telah berijtihad khususnya apabila keadaan dan pemikiran manusia sudah berubah dan berkembang. Mungkin kalau beliau masih hidup hingga ke hari ini, beliau akan berpandangan seperti kita. Sesungguhnya fatwa berubah mengikut perubahan masa, tempat dan keadaan, lebih-lebih lagi dalam masalah politik yang banyak berlaku perubahan.

Orang yang mengenali Hasan al-Banna akan mengetahui bahawa beliau bukanlah seorang yang jumud dan degil. Bahkan beliau adalah seorang yang sentiasa menerima perkembangan dan mengembangkan sudut pemikiran dan politiknya berdasarkan dalil-dalil dan penganalisaannya.

Golongan Sekular menggambarkan bahawa negara Islam yang kita citakan adalah negara yang tidak membenarkan suara kritikan atau bangkangan pihak lain ataupun kumpulan yang mengatakan kepadanya: Kenapa? Lebih-lebih lagi kata-kata: Tidak!

Realiti mengatakan bahawa sekarang terdapat pelbagai gerakan dan jemaah yang lahir daripada pengakuan dan ikatan mereka dengan Islam tetapi berbeza dari segi pendapat, kefahaman, perancangan dan strategi. Apabila sebahagian daripada mereka ditakdirkan berjaya memegang tampuk kekuasaan dengan

caranya, adakah dia akan membenarkan jemaah jemaah lain untuk terus hidup ataupun menghapuskannya terus daripada medan politik dan menguburkannya buat selama-lamanya?

Pendapat yang lebih waras dan betul ialah membiarkan kumpulan-kumpulan ini untuk terus hidup di medan sebagai pendakwah, penyeru kepada kebaikan, melarang daripada kemungkaran dan menasihati untuk Allah, Rasul-Nya, pemimpin Muslimin dan orang awam mereka.

Kepelbagian Parti Dan Gerakan Sebelum Berdirinya Daulah Islam

Sekiranya berbilang kekuatan dan parti politik adalah diharuskan dalam negara Islam yang beriltizam dengan undang-undang Islam, maka lebih-lebih lagi berbilangnya jemaah dan parti adalah dibenarkan sebelum tertegaknya negara Islam. Tiada halangan bagi kewujudan jemaah yang banyak yang bekerja di medan dakwah untuk menegakkan masyarakat Islam, negara Islam dan berjihad di jalan Allah dengan apa sahaja jalan yang diharuskan.

Fatwa Yang Terburu-buru Mengharamkan Penubuhan Jemaah-jemaah Bagi Mendokong Islam

Satu perkara yang perlu disebut di sini dan tidak boleh didiamkan ialah apa yang digembar-gemburkan oleh sesetengal individu atau kumpulan yang melabelkan dirinya dengan Islam yang berkaitan dengan perbahasan kita.

Antaranya beberapa hukum dan fatwa yang mereka keluarkan tentang menubuhkan jemaah yang menyatakan bahawa mendirikan jemaah dan mengikatkan diri dengannya adalah perbuatan yang diharamkan oleh syarak dan bidah yang tidak diizinkan oleh Allah dalam agama sama ada pertubuhan ini dinamakan sebagai jemaah, persatuan, parti atau pelbagai nama lagi.

Ini merupakan kenyataan berani yang ganjil ke atas agama Allah juga menyerang syarak tanpa hujah dan mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah tanpa dalil. Ini kerana asal kepada perkara yang berkaitan dengan adat dan pergaulan manusia (muamalat) itu adalah harus. Membentuk persatuan dan parti adalah salah satu daripadanya.

Sebenarnya, membentuk jemaah-jemaah ini adalah perkara diwajibkan oleh nas-nas dan kaedah-kaedah syarak yang umum. Firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ

Terjemahan: *Dan tolong-menolonglah kamu untuk membuat kebajikan dan bertaqwa.* **(Surah al-Ma'idah 5:2)**

Firman-Nya lagi:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟

Terjemahan: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai.* **(Surah ali-'Imran 3:103)**

Rasulullah SAW. telah bersabda:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ، يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Terjemahan: *Seorang Mukmin dengan seorang Mukmin yang lain adalah seperti satu binaan yang setengahnya memperteguhkan setengah yang lain.*[118]

Sabda Baginda lagi:

يَدُ اللهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ وَمَنْ شَذَّ فِي النَّارِ

Terjemahan: *Tangan Allah bersama dengan jemaah dan sesiapa yang tidak bersamanya akan bersendirian dalam neraka.*[119]

Kaedah Fiqh mengatakan:

Apa yang menyebabkan tidak sempurnanya sesuatu kewajiban melainkan dengannya, maka ia adalah wajib.

Suatu perkara yang diakui bahawa berkhidmat untuk Islam pada zaman ini, memelihara keperibadian umatnya dan berusaha mendirikan Daulahnya tidak akan sempurna melalui usaha secara individu yang bertebaran di sana sini. Bahkan perlu wujud di sana usaha secara berkumpulan yang menyatukan berbagai kekuatan yang berpecah, usaha yang tersasar dan tenaga yang terbiar ini. Kumpulan inilah yang berupaya untuk menyusun ahlinya dalam barisan yang tersusun yang mengetahui matlamat dan jalannya.

---

118) Muttafaq 'Alaihi daripada Abu Musa. Juga riwayat al-Tirmizi dan al-Nasai' sebagaimana dinyatakan dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir* (6654).

119) Riwayat al-Tirmizi dalam *Sunan*nya daripada hadis Ibn Umar.

Untuk menguatkan lagi perkara ini, kita mengetahui bahawa kuasa-kuasa yang memusuhi Islam yang bekerja untuk matlamat yang berlawanan dengan matlamat kita tidak bergerak secara berpecah. Bahkan ia adalah dalam bentuk satu kelompok yang kuat serta perkumpulan badan-badan yang besar yang memiliki kekuatan material dan tenaga manusia yang amat besar.

Maka bagaimanakah kita akan menghadapi kesemua ini secara bersendirian dan berpecah belah sedangkan untuk menghadapinya memerlukan kepada terhimpunnya kesemua tenaga dalam satu barisan sepertimana yang telah difirmankan oleh Allah di dalam surah al-Saf:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِهِۦ صَفًّا كَأَنَّهُم بُنْيَٰنٌ مَّرْصُوصٌ ﴿٤﴾

Tarjemahan : *Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan-Nya (dalam keadaan) barisan yang teratur, seolah-olah mereka suatu binaan yang tersusun kukuh.* **(Surah al-Saf 61:4)**

Bekerja secara berkumpulan untuk membantu Islam, membebaskan buminya, menyatukan umatnya dan meninggikan kalimahnya adalah suatu kewajipan dan kemestian. Kewajipan yang difardukan oleh Islam dan kemestian yang ditetapkan oleh realiti semasa yang dihadapi. Amal secara berjemaah bermakna membentuk jemaah-jemaah atau parti-parti yang akan melaksanakan kewajipan ini.

Jemaah Daripada Umat Islam Bukannya *Jama'ah al-Muslimin*

Di sana terdapat satu fahaman lain yang berlawanan dengan fahaman ini yang berpandangan bahawa amal secara berjemaah adalah suatu kewajipan yang mesti dilaksanakan tetapi kewajipan ini hanya dibataskan dalam jemaah tertentu yang menganggap dirinya sahaja sebagai mewakili kebenaran yang penuh dan yang selainnya berada di dalam kebatilan. Mereka berhujah dengan firman Allah:

فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَٰلُ

Terjemahan: *Maka tidak ada selepas kebenaran itu melainkan kesesatan.* **(Surah Yunus 10:32)**

Dengan ungkapan lain, kumpulan ini menganggap diri mereka sebagai *Jama'ah al-Muslimin* (Perkumpulan umat Islam) dan bukannya sekadar satu jemaah daripada umat Islam. Apabila ia dianggap sebagai *Jama'ah al-Muslimin*, sesiapa yang meninggalkannya dan tidak masuk ke dalamnya maka dia bukanlah berada di dalam *Jama'ah al-Muslimin.*

Setiap hadis yang menyatakan tentang (Jama'ah) dan wajibnya mengikuti `Jama'ah' dan bahaya memisahkan diri daripada (jama'ah) adalah tertuju kepada jemaah mereka sahaja.

Mengambil dalil secara begini dan menafsirkan nas-nas secara tidak sebenar seperti tadi akan menjadi pembuka pintu keburukan dan fitnah kepada umat kerana dia meletakkan dalil bukan pada tempatnya.

Di kalangan mereka ada yang menjadikan kebenaran (al-Haq) sentiasa bersama jemaah atau partinya sahaja dan bukan bersama orang lain dengan alasan-alasan yang dicipta bagi mengutamakan parti dan jemaahnya sahaja dan menafikan yang selain daripadanya.

Sesetengah mereka menggariskan beberapa ciri dari sudut pemikiran, ilmiah, akidah dan akhlak yang menjadi ciri kepada jemaah atau parti yang benar. Ciri-ciri tersebut hanya ada pada jemaahnya sahaja, tidak pada selainnya. Ini juga tergolong dalam bentuk yang memberatkan (mengada-adakan) dan melampau yang tidak diterima oleh logik ilmiah.

Sesetengah pihak yang lain menjadikan usia jemaah (yang panjang) sebagai satu-satunya neraca untuk menentukan jemaah yang benar. Jemaah yang ditubuh lebih dahulu daripada yang lain adalah jemaah yang layak memiliki kebenaran atau memonopoli kebenaran dan hakikat.

Sehinggakan sesetengah parti di beberapa buah negara umat Islam mendakwa bahawa mereka sahaja yang benar kerana mereka adalah parti yang pertama ditubuhkan yang menjadi pelopor usaha dakwah. Parti-parti lain yang ditubuhkan selepas itu wajiblah dibubarkan dan tidak berhak untuk kekal. Ini disebabkan penerimaan orang ramai terhadapnya sama seperti memberikan baiah kepadanya. Dalam hadis Rasulullah SAW. telah bersabda:

إِذَا بُوْيِعَ الْخَلِيْفَتَيْنِ فَاقْتُلُوْا الْآخَرَ مِنْهُمَا

Terjemahan: Jika dibaiah (dilantik) dua orang Khalifah maka bunuhlah yang terakhir daripada keduanya.

Fatwa-fatwa yang jahil dan berani ini datang daripada manusia yang tidak matang dari sudut ilmu syariatnya. Fatwa seperti inilah yang membawa umat kepada akibat yang buruk dan menjatuhkannya ke dalam kebinasaan yang dahsyat. Sesetengah ulama pada zaman dahulu ketika melihat fatwa yang dikeluarkan oleh beberapa orang yang mendakwa berilmu telah berkata:

Sesetengah orang yang memberi fatwa kepada manusia pada hari ini lebih berhak dipenjara daripada pencuri! Ini disebabkan pencuri hanya merosakkan dunia manusia, sedangkan mereka merosakkan agama manusia.

Jadi, bagaimanakah yang akan mereka kata kalau mereka melihat apa yang kita baca dan dengar daripada fatwa-fatwa yang sumbang pada zaman ini? Tiada upaya dan kekuatan kecuali dengan Allah SWT.



PENCALONAN WANITA UNTUK KERUSI PARLIMEN

Wanita adalah manusia yang *mukalaf* sama seperti lelaki. Dia dituntut beribadat kepada Allah, menegakkan agama, menunaikan kewajipan, meninggalkan larangan, tidak melampaui batasan Allah, berdakwah kepada Allah, serta melakukan *amar makruf* dan *nahi mungkar.*

Semua perintah Allah juga meliputi wanita kecuali jika terdapat dalil tertentu yang menunjukkan bahawa ia hanya khusus untuk lelaki. Jadi apabila Allah berfirman: "Wahai manusia" atau "Wahai orang-orang yang beriman", maka wanita juga tanpa diperselisihkan lagi turut termasuk ke dalam ayat ini.

Oleh itu apabila Ummu Salamah mendengar Rasulullah SAW. memanggil: "Wahai manusia", sedangkan pada waktu itu dia sedang sibuk dengan urusannya, dia bersegera menyahut seruan tersebut sehinggakan beberapa orang sahabat hairan melihat betapa cepatnya dia menyahut seruan itu, lalu dia berkata kepada mereka: "Aku juga termasuk dari kalangan manusia".

Prinsip umumnya ialah *taklif* (tanggungjawab) untuk wanita adalah sama seperti lelaki melainkan jika ada pengecualiannya berdasarkan firman Allah:

بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۖ

Terjemahan: *Setengah kamu (adalah keturunan) setengahnya yang lain.* **(Surah ali-'Imran 3:195)**

Dan sabda SAW.:

إِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ

Terjemahan: *Sesungguhnya wanita itu saudara kandung lelaki.* **(Riwayat Ahmad, al-Tirmizi, Abu Daud dan al-Darimi)**

Al-Quran meletakkan ke atas bahu lelaki dan wanita semuanya tanggungjawab membetul dan memulihkan masyarakat. Inilah yang disebut secara Islamnya sebagai *amar makruf* dan *nahi mungkar* (Mengajak kepada makruf dan melarang daripada yang mungkar). Firman Allah:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ ٱللَّهُ ۗ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang dari berbuat kejahatan, mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.* **(Surah at-Tawbah 9:71)**

Di dalam hal ini al-Quran menyebutkan sifat orang beriman selepas menyebut sifat orang munafik dengan firman Allah:

ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتُ بَعْضُهُم مِّنۢ بَعْضٍ ۘ يَأْمُرُونَ بِٱلْمُنكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمَعْرُوفِ

Terjemahan: *Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat dan melarang dari perbuatan yang baik.* **(Surah at-Tawbah 9:67)**

Sekiranya wanita munafik bangkit menjalankan peranannya merosakkan masyarakat bersama-sama lelaki munafik, sewajarnya wanita beriman bangkit melaksanakan peranannya membetulkan masyarakat bersama-sama lelaki beriman.

Wanita pada zaman Rasulullah SAW. telah bangkit melaksanakan peranan mereka sehinggakan suara pertama yang menyahut, membenarkan kenabian Nabi SAW dan menyokongnya ialah suara wanita iaitu Khadijah r.ah. dan wanita juga adalah orang yang pertama syahid di jalan Islam iaitu Sumaiyah, ibu 'Ammar r.a.

Sehinggakan di kalangan mereka ada yang berperang bersama Nabi SAW. dalam peperangan Uhud, Hunain dan selainnya. Malah al-Bukhari telah meletakkan satu tajuk khusus dalam kitabnya: "Bab Peperangan dan Perjuangan Wanita."

Sesiapa yang melihat kepada dalil-dalil al-Quran dan al-Sunah akan mendapati bahawa hukum-hukum di dalam keduanya adalah umum untuk kedua-dua jantina, kecuali apa yang ditentukan oleh fitrah yang membezakan antara lelaki dan wanita, dan kemampuan yang tersedia bagi keduanya. Bagi wanita ada hukum-hukum yang khusus seperti haid, nifas, *istihadah*, bersalin, menyusu dan menjaga anak serta seumpamanya.

Dan bagi lelaki diberikan kedudukan ketua dan bertanggungjawab terhadap keluarga. Bagi wanita pula, dia mempunyai hak nafkah dan penjagaan.

Di sana ada juga hukum pusaka yang ditetapkan iaitu lelaki mendapat dua bahagian wanita dan hikmah padanya adalah jelas iaitu ia dibuat berdasarkan perbezaan tanggungan dan kewajipan kewangan antara lelaki dan wanita.

Di sana juga ada hukum-hukum yang berkaitan dengan kesaksian dalam muamalat harta dan sivil. Dijadikan kesaksiannya? orang wanita sama dengan kesaksian seorang lelaki. Ia juga berdasarkan perkiraan realiti dan praktikal yang mengambil kira kebenaran bukti-bukti yang dibawa dan penjagaan terhadap hak-hak manusia dan kehormatan mereka.

Oleh itu kita mendapati ada juga hukum-hukum yang menerima kesaksian seorang wanita sahaja seperti dalam masalah bersalin dan menyusu.

Beberapa Peringatan Penting

Saya mahu mengingatkan di sini beberapa perkara penting:

Pertama: Kita tidak boleh mewajibkan sesuatu melainkan dengan nas-nas yang sabit, jelas dan menunjukkan kepada mewajibkan.

Adapun apa yang tidak sabit daripada nas-nas seperti hadis-hadis dheif ataupun apa yang boleh difahami lebih daripada satu fahaman dan tafsiran -

seperti hadis yang menceritakan tentang keadaan isteri-isteri Rasulullah SAW. seorangpun tidak boleh mewajibkan ummah dengan satu fahaman tertentu khususnya dalam masalah kemasyarakatan umum yang melibatkan masalah? keseluruhan anggota masyarakat yang perlu kepada keluasan dan kemudahan.

Kedua: Di sana ada juga hukum-hukum dan fatwa-fatwa yang kita tidak boleh pisahkan daripada zaman dan suasananya. Fatwa-fatwa yang seumpama ini menerima perubahan dengan berubahnya sebab-sebabnya. Oleh itu para *muhaqqiq* fatwa telah menetapkan bahawa fatwa berubah apabila berubahnya masa, tempat, keadaan dan *uruf*

Fatwa jenis ini banyak bersangkut paut dengan masalah wanita. Terdapat fatwa yang mengongkong dan memberatkan sehingga ia mengharamkan wanita daripada pergi ke masjid walaupun ia bertentangan dengan nas-nas yang jelas dan sahih. Mereka lebih mengutamakan *ihtiyadh* (berhati-hati) dan *saddu al-zara'i* (menutup pintu kerosakan) daripada nas berdasarkan kepada perubahan masa dan zaman yang berlaku.

Ketiga: Golongan sekular hari ini menggembar-gemburkan masalah wanita dan berusaha untuk mencalit Islam dengan lumpur keburukan sedangkan Islam sedikitpun tidak bersangkut paut dengan apa yang mereka gambarkan, seperti mereka mengatakan bahawa Islam berlaku zalim kepada wanita, menghalang kebolehan dan keupayaan dengan berhujahkan kepada beberapa pengalaman zaman mutakhir ini dan beberapa pendapat yang melampau dari kalangan ulama moden.

Sekilas Pandang Terhadap Dalil

Berdasarkan kepada asas inilah kita mesti melihat masalah kemasukan wanita ke dalam Dewan Rakyat atau Senat dan sejauhmana keharusan pengundiannya bagi jawatan ini berdasarkan dalil-dalil syarak.

Ada di kalangan manusia yang berpendapat perkara ini haram dan merupakan dosa yang nyata tetapi pengharaman tidak boleh disabitkan kecuali dengan dalil yang tiada keraguan padanya. Kaedah menyatakan: Asal bagi setiap perkara dan urusan dunia adalah harus kecuali ada dalil yang mengharamkannya. Jadi apakah dalil pengharaman yang dibawa oleh mereka?

Ayat: Hendaklah Kamu Tetap Diam Di Rumah Kamu

Sebahagian mereka berdalilkan dengan firman Allah SWT.:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu.* **(Surah al-Ahzab 33:33)**

Jadi wanita tidak boleh meninggalkan rumahnya kecuali jika ada keperluan dan hajat.

Dalil ini tidak kuat:

Pertama: Kerana ayat ini ditujukan kepada isteri-isteri Nabi SAW. sebagaimana yang jelas daripada susunan ayat. Isteri-isteri Nabi SAW. memiliki kemuliaan tersendiri dan dikenakan kepada mereka hukum yang lebih berat, berbeza dengan wanita lain. Oleh itu pahala seorang dari kalangan mereka apabila dia melakukan perkara kebaikan adalah berganda sebagaimana dikenakan azab berganda apabila dia berbuat jahat.

Kedua: Sesungguhnya Ummul Mukiminin Aisyah r.a. (walaupun ayat ini telah diturunkan), telah keluar dari rumahnya dan menyertai peperangan al-Jamal untuk menyahut apa yang dipandangnya sebagai kewajipan agama ke atasnya iaitu menuntut qisas terhadap pembunuh Uthman walaupun perkiraan dan langkah yang diambilnya adalah silap.

Ketiga: Wanita hari ini memang telah betul-betul keluar dari rumahnya dan pergi ke sekolah serta universiti, bekerja di berbagai bidang kehidupan seperti doktor, guru, penyelia, pentadbir dan sebagainya tanpa bantahan daripada seorangpun yang boleh dipegang pendapatnya. Ini menyebabkan orang ramai menganggap bahawa perkara ini adalah ijmak yang membolehkan wanita bekerja di luar rumah dengan mematuhi syarat-syaratnya.

Keempat: Keperluan menuntut wanita Islam yang beriltizam dengan agama supaya memasuki medan pilihan raya untuk berhadapan dengan wanita-wanita bebas dan Sekular yang memegang kepimpinan aktiviti wanita. Keperluan kemasyarakatan dan politik kadang-kadang lebih penting dan besar daripada keperluan individu yang mengharuskan mereka keluar ke dalam kehidupan masyarakat umum.

Kelima: Mengurung wanita di dalam rumah tidak pernah berlaku melainkan di dalam jangka masa tertentu sahaja sebelum kestabilan perundangan sebagai hukuman bagi wanita yang melakukan perbuatan keji (zina), firman Allah:

فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي ٱلْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾

Terjemahan: *Maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah hingga sampai ajal matinya, atau hingga Allah mengadakan untuk mereka jalan keluar (dari hukuman itu).* **(Surah an-Nisa' 4:15)**

Jadi bagaimanakah mereka boleh beranggapan bahawa ia adalah keadaan yang semestinya dikenakan kepada wanita Islam dalam keadaan normal?

Saddu al-Zara'i (Menutup Pintu Kerosakan)

Di sana ada juga yang melihat perkara ini dari sudut yang lain iaitu sudut *saddu al-zaraa'i*. Wanita ketika dicalonkan untuk kerusi Parlimen akan menghadapi percampuran dengan lelaki ataupun mungkin berlaku khalwat dengan mereka sewaktu kempen pilihan raya. Ini adalah haram dan setiap yang membawa kepada haram adalah haram.

Tidak diragukan bahawa *saddu al-zaraa'i* adalah dituntut tetapi ulama telah menetapkan bahawa berlebih-lebihan dalam mengharamkan daripada sesuatu perkara adalah sama seperti berlebih-lebihan dalam mengharuskannya. Kadang-kadang ia membawa kepada hilangnya maslahat yang banyak dan ia lebih besar daripada kerosakan yang ditakuti.

Dalil ini mungkin boleh dipegang oleh mereka yang berpendapat bahawa wanita dilarang daripada mengundi dalam pilihan raya untuk menghindari fitnah dan kerosakan. Dengan ini calon yang kuat beragama akan kehilangan undi yang banyak, yang membolehkannya berhadapan dengan orang yang menentang agama. Lebih-lebih lagi orang-orang yang menentang agama mendapat undi daripada wanita jalanan yang tidak terikat dengan agama.

Sebahagian ulama pernah menghalang wanita daripada belajar dan memasuki sekolah serta universiti dengan alasan *saddu al zaraa'i* sehinggakan sebahagian daripada mereka berkata: "Ajarlah wanita membaca sahaja tanpa menulis agar mereka tidak menggunakan pen untuk menulis surat-surat cinta"

dan yang seumpamanya! Namun kumpulan lain dapat menyekat pandangan ini dan akhirnya didapati bahawa pembelajaran sebenarnya tidaklah buruk bahkan membawa wanita kepada kebaikan yang banyak.

Dari sini kami berpendapat: Seorang wanita yang beriltizam dengan agama sekiranya dia seorang pengundi ataupun calon hendaklah menjaga dirinya sewaktu bertemu dengan kaum lelaki daripada melanggar sebarang hukum Islam seperti melunakkan suara, memakai pakaian yang mendedahkan, berkhalwat dengan bukan mahram ataupun bercampur gaul tanpa batasan. Dan perkara ini jauh sekali daripada dilakukan oleh wanita yang beriltizam.

Wanita Dan Kepimpinan Ke Atas Lelaki

Di sana ada juga pendapat yang melarang pencalonan wanita untuk kerusi Dewan Rakyat dengan berdalilkan bahawa perkara ini membawa kepada kepimpinan (kekuasaan) wanita ke atas lelaki sedangkan perkara tersebut adalah dilarang. Bahkan kaedah yang ditentukan oleh al-Quran ialah lelaki adalah pemimpin bagi wanita. Jadi, bagaimanakah kita mengubah keadaan hukum dan menjadikan wanita sebagai pemimpin lelaki?

Di sini saya mahu menjelaskan dua perkara:

Pertama: Bilangan wanita yang dicalonkan bagi Dewan Rakyat adalah terhad. Majoriti yang banyak akan tetap diberikan kepada lelaki. Majoriti inilah yang menentukan sebarang ketetapan keputusan. Merekalah yang melulus dan menggubal undang-undang. Dengan ini, tiada tempat bagi pendapat yang menyatakan pencalonan wanita bagi Dewan Rakyat akan menjadikan kepimpinan wanita ke atas lelaki!

Kedua: Sesungguhnya ayat yang menyebut tentang kepemimpinan lelaki ke atas wanita, hanyalah menetapkan perkara itu dalam kehidupan rumah tangga. Lelaki adalah ketua keluarga. Dia bertanggungjawab ke atasnya berdasarkan firman Allah:

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَآ أَنفَقُوا۟ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ

Terjemahan: *Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan,*

dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dan harta mereka. **(Surah an-Nisa' 4:34)**

Ini menunjukkan kepada kita bahawa kepimpinan yang dimaksudkan ialah kepimpinan dalam rumahtangga. Inilah martabat yang dikurniakan oleh Allah kepada lelaki dalam firman-Nya:

وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ

Terjemahan: *Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak), dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya).* **(Surah al-Baqarah 2:228)**

Walaupun diperakui bahawa lelaki menerajui kepimpinan keluarga, wanita juga mempunyai peranan serta diminta pandangannya di dalam perkara yang bersangkutan dengan keluarga. Inilah yang ditunjukkan oleh al-Quran dalam masalah memutuskan penyusuan anak, firman Allah:

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا ۗ

Terjemahan: *Kemudian jika keduanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidak salah (melakukannya).* **(Surah al-Baqarah 2: 233)**

Dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad:

آمِرُوا النِّسَاءَ فِي بَنَاتِهِنَّ

Terjemahan: *Mintalah pandangan wanita dalam urusan anak-anak perempuan mereka.*

Maksudnya: Hendaklah kamu bermesyuarat dengan mereka dalam masalah perkahwinan anak perempuan mereka.

Manakala kepimpinan sebahagian wanita ke atas sebahagian lelaki di luar daripada lingkungan keluarga tidak ada dalil yang melarangnya, bahkan yang dilarang ialah kepimpinan umum *(wilayah 'ammah)* bagi wanita ke atas keseluruhan lelaki.

Mengenai hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Bakr r.a. secara marfu':

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَّوْ أَمْرَهُمْ امْرَأَةً

Terjemahan: *Tidak akan berjaya suatu kaum yang ditadbir urusan mereka oleh wanita.*

Ia hanya membawa maksud kepimpinan umum ke atas ummah keseluruhannya iaitu kepimpinan negara (Ketua Negara). Ini dinyatakan oleh kalimah 'urusan mereka' yang membawa maksud urusan kepimpinan umum mereka. Manakala sebahagian urusan lain tidak dilarang, kepimpinan wanita padanya seperti kepimpinan dalam fatwa atau ijtihad, pengajaran, periwayatan, penyebaran hadis ataupun pentadbiran dan seumpamanya. Ini adalah antara perkara yang diberikan hak kepimpinan kepada mereka secara ijmak dan ia telah dilaksanakan sejak zaman-berzaman. Sehinggakan Abu Hanifah membenarkan wanita menjadi Kadi dalam masalah yang mereka boleh menjadi saksi iaitu dalam perkara selain daripada masalah hudud dan qisas. Dalam masalah hudud dan qisas ini pun ada fuqaha salaf yang membenarkan kesaksiannya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ibn Qaiyim dalam *al-Thuruq al-Hukmiyah*. Al-Thobari pun mengharuskannya secara umum. Ibn Hazm juga mengharuskannya walaupun dia bermazhab Zahiriah yang hanya mengambil hukum berdasarkan lafaz yang zahir sahaja. Ini menunjukkan tidak ada dalil syarak yang jelas melarang wanita daripada menyandang jawatan Kadi. Kalau ada dalil, pasti Ibn Hazm akan melarangnya berpegang teguh dan memerangi orang yang membolehkannya sepertimana kebiasaan beliau.

Sebab datangnya hadis tersebut telah menguatkan pandangan bahawa larangan tersebut adalah khusus untuk kepimpinan umum (*wilayah 'ammah*). Telah sampai berita kepada Nabi SAW. bahawa Parsi selepas kematian Emperornya, mereka menabalkan anak perempuannya Buran binti Kisra, lalu Baginda bersabda: "Tidak akan berjaya suatu kaum... ."

Kesamaran Dan Penjelasannya

Antara kesamaran yang ditimbulkan oleh sebahagian penentang pencalonan wanita dalam Dewan Rakyat ialah kata-kata mereka: "Ahli Parlimen lebih tinggi daripada kerajaan itu sendiri, bahkan lebih tinggi daripada Presiden kerana keanggotaannya dalam Parlimen membolehkan dia mengawasi dan mengkritik

kerajaan serta Presiden. Ini bermakna kita melarangnya daripada kepimpinan umum, kemudian kita meletakkannya pada kepimpinan umum dalam bentuk yang lain.

Kesamaran ini menuntut kita memberikan penjelasan dengan sedikit penerangan dan huraian tentang maksud keanggotaan dalam Parlimen atau Senat.

Tugas Ahli Parlimen

Seperti yang dimaklumi, tugas Parlimen dalam sistem Demokrasi moden terbahagi kepada dua bahagian iaitu mengawasi dan menggubal undang-undang.

Apabila dikaji makna kedua perkara ini, akan jelaslah kepada kita perkara berikut:

Maksud Mengawasi

Mengawas atau mengawal dalam analisanya yang terakhir mengikut kefahaman syarak adalah merujuk kepada apa yang dikenali dalam istilah Islam sebagai amar makruf nahi mungkar dan "Nasihat dengan agama" . Ini adalah kewajipan bagi Imam dan umum orang Islam.

Mengajak kepada makruf, mencegah daripada mungkar dan menasihat adalah dituntut daripada lelaki dan wanita semuanya. Al-Quran menyebut dengan ungkapan yang jelas:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: *Orang-orang beriman lelaki dan perempuan sesetengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan.* **(Surah at-Taubah 9:71)**

Rasulullah SAW. sewaktu bersabda dalam hadis Muslim:

الدِّيْنُ النَّصِيْحَةُ لِلّٰهِ وَلِرَسُوْلِهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِيْنَ وَعَامَّتِهِمْ

Terjemahan: *Agama itu adalah nasihat untuk Allah, Rasul-Nya, Kitab-Nya, Imam dan umum Muslimin.*

Hadis ini tidak menjadikan perkara itu terhad kepada lelaki sahaja.

Kita telah menyaksikan seorang wanita menegur Amirul Mukminin Umar r.a. dalam masjid lalu Umar menambah pandangannya dan menerima pandangan wanita itu. Beliau berkata "Wanita ini betul dan Umar telah tersilap". Ini diriwayatkan oleh Ibn Kathir dan beliau menyatakan sanadnya adalah baik.

Rasulullah SAW. telah meminta pandangan Ummu Salamah dalam peristiwa Hudaibiyah dan dia telah menunjukkan kepada Baginda pandangan yang betul lalu Rasulullah SAW. segera melaksanakannya dan ini mendatangkan kebaikan.

Selagimana wanita ada hak menasihat dan mengemukakan apa yang dipandangnya sebagai betul, mengajak kepada makruf dan mencegah daripada mungkar, dan berkata "Ini betul" dan "Ini salah" sebagai seorang individu, maka dengan itu tidak ada dalil syarak yang melarang keanggotaannya dalam Parlimen yang melaksanakan tugas ini. Prinsip asal dalam perkara adat dan muamalat (hubungan sesama manusia) ialah harus kecuali ada nas sahih dan jelas yang melarangnya. Mengenai apa yang mereka katakan bahawa sejarah Islam tidak pernah menyaksikan wanita memasuki Majlis Syura (Senat), tidak boleh dijadikan dalil syarak yang boleh melarangnya. Perkara ini adalah termasuk dalam apa yang dinamakan sebagai `perubahan fatwa disebabkan perubahan masa, tempat dan keadaan. Senat (syura) tidak disusun secara halus pada zaman itu, sama ada ia khusus untuk lelaki atau untuk wanita. Oleh itu, ia adalah termasuk dalam perkara yang mempunyai nas-nas yang umum dan mutlak. Manakala perincian dan meletakkan syaratnya adalah ditinggalkan kepada ijtihad orang Islam menurut keadaan masa, tempat dan situasi kemasyarakatan mereka.

Sekiranya perbuatan Rasulullah SAW yang hanya sekadar perbuatannya sahaja tidak menunjukkan lebih daripada satu keharusan, maka bagaimanakah dengan perbuatan orang lain yang tidak maksum?

Kita pada hari ini memberikan wanita pekerjaan yang tidak pernah dikenali sebelum ini. Kita membina untuk mereka sekolah dan Fakulti Pengajian yang menghimpunkan jutaan wanita. Ia menghasilkan guru, doktor, akauntan dan pentadbir. Sebahagiannya menjadi pentadbir bagi badan yang dianggotai oleh lelaki. Berapa ramai guru lelaki di Sekolah Perempuan yang ditadbir oleh wanita dan berapa ramai Profesor lelaki di Fakulti-fakulti wanita yang mana Dekannya adalah wanita. Berapa ramai pegawai di syarikat atau badan yang ditadbir oleh wanita atau dimiliki oleh wanita, malah kadang-kadang suami wanita itu sendiri adalah orang bawahan kepadanya di sekolah, universiti, hospital atau badan yang ditadbirnya dan

dia pula menjadi orang bawahannya apabila dia balik ke rumah.

Pendapat yang menyatakan bahawa Parlimen atau Senat menurut panggilan-panggilannya yang berbeza adalah lebih tinggi martabatnya daripada kerajaan ataupun Kuasa Eksekutif sendiri yang termasuk antaranya adalah Presiden kerana ia mengawasi kerajaan adalah satu pendapat yang tidak boleh diterima sama sekali.

Tidak semestinya orang yang mengawas lebih tinggi kedudukannya daripada orang yang diawasinya. Apa yang penting ialah dia memiliki hak mengawas walaupun kedudukannya adalah lebih rendah daripada orang yang diawasinya.

Tidak diragui lagi bahawa Amirul Mukminin atau Presiden adalah martabat yang paling tinggi dan kuasa yang tertinggi dalam negara. Walaupun begitu kita mendapati adalah menjadi hak serendah-rendah individu di kalangan rakyat untuk menasihat, mengawas, menyuruh dan melarangnya sebagaimana yang dikatakan oleh Khalifah yang pertama:

إِنْ رَأَيْتُمُوْنِيْ عَلَى حَقٍّ فَأَعِيْنُوْنِي وَإِنْ رَأَيْتُمُوْنِيْ عَلَى بَاطِلٍ فَقَوِّمُوْنِيْ

Terjemahan: Sekiranya kamu melihat aku di atas kebenaran maka bantulah aku, dan sekiranya kamu melihat aku di atas kebatilan maka perbetulkanlah aku.

Dan kata-kata Khalifah yang kedua:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ فِي إِعْوْجَاجًا فَلْيُقَوِّمْنِي

Terjamahan: Sesiapa di kalangan kamu yang melihat penyelewengan pada aku, maka perbetulkanlah aku.

Tiada siapapun yang mengingkari hak wanita untuk mengkritik suaminya yang merupakan pemimpinnya dalam masalah rumah tangga dan nafkah seperti dia bertanya kepadanya: "Kenapa kamu membeli ini?", "Kenapa kamu membanyakkan yang ini?" "Kenapa kamu tidak menjaga anak kamu?", "Kenapa kamu tidak menyambungkan silaturahim?" dan sebagainya yang menunjukkan ajakan kepada makruf dan tegahan daripada mungkar.

Walaupun Parlimen adalah lebih tinggi daripada kerajaan dengan kedudukannya yang boleh menggubal undang-undang mengawasi kerajaan tetapi perkara ini adalah dengan mengambil kira keseluruhan anggota, bukannya mengambil kira setiap orang anggota di dalamnya sedangkan majoriti keseluruhannya adalah lelaki.

Sudut Penggubalan Undang-undang Dalam Parlimen

Bahagian kedua daripada tugas Dewan Rakyat adalah berkaitan dengan perundangan.

Sebahagian golongan yang bersemangat amat melampau di dalam menggembar-gemburkan tugas ini. Mereka mendakwa ia lebih besar daripada memiliki kekuasaan dan kepimpinan kerana ia membuat dan menggubal undang-undang negara. Tujuan mereka adalah untuk sampai kepada maksud bahawa tugas penting dan besar ini adalah tidak harus bagi wanita melibatkan diri di dalamnya.

Sebenarnya perkara ini amat remeh dan mudah daripada itu. Perundangan yang asasi adalah milik Allah. Asas perundangan yang memerintah dan melarang adalah daripada Allah. Tugas kita sebagai manusia hanyalah mengeluarkan hukum di dalam perkara yang tiada nas padanya atau menghuraikan nas-nas umum. Dengan ungkapan lain tugas kita ialah berijtihad di dalam mengeluar, menghurai dan menyesuaikan hukum.

Ijtihad di dalam syariat Islam terbuka pintunya untuk lelaki dan wanita kesemuanya. Tidak ada seorangpun yang berkata: "Antara syarat ijtihad yang dihuraikan oleh ulama Usul Fiqh ialah lelaki, manakala wanita dilarang daripada berijtihad."

Ummul Mukminin Aisyah r.ah. adalah termasuk di kalangan mujtahid sahabat dan pemberi fatwa di kalangan wanita. Beliau kadang-kadang membahas dan memberi teguran terhadap para ulama sahabat. Perkara ini terhimpun di dalam kitab-kitab yang makruf [120]

Memang benar ijtihad tidak tersebar di kalangan wanita di dalam sejarah mereka sebagaimana tersebar di kalangan lelaki. Ini disebabkan tidak tersebarnya ilmu di kalangan wanita disebabkan keadaan dan situasi zaman itu, berbeza dengan keadaan kita hari ini. Bilangan golongan wanita terpelajar hampir sama banyaknya dengan bilangan golongan lelaki terpelajar. Ada di kalangan mereka yang mempunyai kecerdasan yang kadang-kadang mengatasi sebahagian lelaki. Kecerdasan bukanlah sifat khusus untuk lelaki. Berapa ramai wanita yang dikurniakan kebolehan yang amat sukar untuk dimiliki oleh sebahagian lelaki.

Al-Quran telah menceritakan kepada kita kisah Ratu Saba' yang dikurniakan hikmah dan pandangan yang tepat di dalam menentukan pendiriannya

120) Seperti buku al-Imam *al-Zarkasyi al-Ijabah Li Istidrakat Aisyah 'Ala al-Sahabah* yang diringkaskan oleh al-Suyuthi dalam bukunya *'Ain al-Isabah*

terhadap Sulaiman a.s. sewaktu dia menerima surat yang dilontarkan oleh burung hud-hud. Bagaimana dia memahami daripada surat yang ringkas itu keseriusan Sulaiman a.s. dan bagaimana dia mengumpulkan pemimpin terkemuka dari kalangan kaumnya mengikut sistem pemerintahannya yang dinyatakan dalam firman Allah:

مَا كُنتُ قَاطِعَةً أَمْرًا حَتَّىٰ تَشْهَدُونِ ﴿٣٢﴾

Terjemahan: *Aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya.* **(Surah an-Naml 27:32)**

Dan bagaimana lelaki-lelaki yang gagah perkasa menyerahkan perkara ini kepadanya dengan penuh sukarela untuk dia memutuskannya berdasarkan kebijaksanaannya.

Firman Allah:

بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم مَاذَا تَأْمُرِينَ ﴿٣٣﴾

Terjemahan: *Mereka menjawab: "Kami adalah orang-orang yang gagah perkasa dan amat berani menempuh peperangan dan perkara itu (walau bagaimanapun) terserahlah kepadamu oleh itu fikirkanlah apa yang engkau hendak perintahkan."* **(Surah an-Naml 27:33)**

Dan bagaimana dia menguruskan perkara ini selepas itu dengan cukup bijak dan teliti dengan Nabi Allah Sulaiman sehingga perkara ini berakhir dengan ke Islamannya "bersama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan Sekalian Alam."

Penceritaan kisah ini di dalam al-Quran tidaklah sia-sia. Bahkan ia menunjukkan bahawa wanita kadang-kadang lebih baik dan tepat pandangan serta perancangannya di dalam urusan politik dan pemerintahan yang tidak mampu dipikul oleh kebanyakan lelaki.

Antara perkara yang tidak dipertikaikan lagi ialah, di sana ada beberapa perkara di dalam perundangan yang berkaitan dengan wanita sendiri, berkaitan dengan kekeluargaan dan hubungan-hubungannya yang sepatutnya diminta pandangan wanita padanya. Dalam masalah ini mereka tidak boleh diabaikan kerana mungkin mereka lebih tepat pandangannya dalam sesetengah keadaan daripada lelaki.

Wanita yang menegur Umar r.a. di dalam masjid, tegurannya adalah berkaitan dengan perundangan dalam masalah kekeluargaan, iaitu penetapan

kadar tertinggi bagi mas kahwin. Teguran wanita ini menyebabkan Umar membatalkan niatnya untuk mengeluarkan undang-undang yang menghadkan mas kahwin.

Di sana ada undang-undang ataupun ketetapan yang dikeluarkan oleh Umar r.a. yang ada campur tangan wanita di dalam mengeluarkannya seperti undang-undang suami tidak boleh berterusan di dalam perkhidmatan tentera meninggalkan isterinya lebih daripada enam bulan. Beliau telah bertanya kepada anaknya Hafshah: Berapa lamakah wanita boleh bersabar untuk ditinggalkan oleh suaminya? Lalu dia menjawab: "Empat atau enam bulan."

Sebelum itu beliau telah dikejutkan oleh syair seorang wanita yang kesunyian (ditinggalkan suaminya yang keluar ke medan jihad) dan bimbang terhadap kesucian dirinya. Wanita ini mengungkapkan syair sewaktu berbaring di atas katil dengan katanya:

Alangkah *panjangnya malam ini dan gelap gelita suasananya.*

Alangkah *sunyinya aku ketiadaan kekasih bermain-main denganku.*

Demi *Allah, kiranya bukan kerana takutkan hukuman Allah,*

Nescaya *akan bergegarlah seluruh sudut katil ini!*

Begitu juga undang-undang beliau yang mewajibkan pemberian khas kepada setiap bayi yang dilahirkan di dalam Islam. Sebelum ini pemberian itu hanya diberikan kepada bayi yang telah bercerai susu daripada ibunya sahaja. Ini adalah disebabkan ada di kalangan ibu yang menyegerakan penceraian susu anak-anak mereka sebelum sampai masanya semata-mata untuk mendapatkan pemberian tersebut. Apabila beliau mendengar pada suatu hari tangisan seorang bayi yang kuat dan berterusan, beliau bertanya ibu bayi tersebut sebab tangisan bayi itu. Lalu ibu itu menjawab kepadanya dalam keadaan dia tidak mengenali Umar, "Sesungguhnya Amirul Mukminin tidak memberikan pemberian kecuali kepada bayi yang telah bercerai susunya. Oleh itu aku menceraikannya lebih awal yang menyebabkan dia menangis."

Lalu Umar berkata: "Celakalah Umar. Berapa ramai bayi Muslimin yang telah dibunuh olehnya." Lalu beliau mengisytiharkan selepas itu bahawa pemberian akan diberikan secara menyeluruh kepada setiap bayi.

Namun apabila kita mengatakan bahawa wanita diharuskan memasuki Dewan Rakyat, ini tidaklah bermakna harus bagi mereka bercampur gaul dengan lelaki asing bukan mahram. Tanpa sebarang batasan dan sekatan, atau

dengan mengorbankan kepentingan suami, rumah tangga dan anak-anaknya ataupun mengeluarkannya daripada adab sopan di dalam berpakaian berjalan, bergerak dan tutur-kata. Bahkan semuanya itu hendaklah dipelihara tanpa ragu dan bantahan daripada sesiapapun.

Inilah yang dituntut daripada wanita di dalam Dewan Rakyat, dituntut daripada wanita di dalam Senat Universiti, wanita di dalam Jawatankuasa Pentadbiran Fakulti dan sewaktu dia bekerja di luar rumah walau apa bentuk sekalipun pekerjaan ini.

Antara perkara yang dituntut agar dilakukan oleh negara yang memelihara adab-adab Islam ialah meletakkan wanita di tempat yang khas di dalam sesuatu majlis yang berupa barisan atau sudut yang khusus atau seumpamanya yang memberikan kepada mereka suasana yang tenang dan jauh daripada sebarang fitnah yang dikhuatiri oleh golongan yang melampau di dalam pandangan mereka.

Perbahasan Terhadap Fatwa Yang Mengharamkan Hak Berpolitik Bagi Wanita

Selepas saya menulis lembaran-lembaran yang lalu tentang pencalonan wanita bagi kerusi Parlimen, beberapa orang ulama menunjukkan kepada saya fatwa lama beberapa orang ulama Al-Azhar yang mengambil keputusan mengharamkan semua hak berpolitik bagi wanita yang bermula dengan hak mengundi dan memberikan kesaksian bagi calon sama ada dengan "Ya" ataupun "Tidak". Oleh itu, melarang mereka daripada mencalonkan diri untuk kerusi Parlimen adalah lebih utama kerana sekadar untuk mengundipun mereka sudah dilarang.

Sikap Isteri-isteri Nabi Dan Keinginan Mereka Kepada Perhiasan

Antara sandaran fatwa mereka yang melarang wanita daripada menggunakan hak berpolitik ini adalah kata-kata mereka:

Kejadian dan pembentukan semulajadi wanita adalah dibentuk untuk tugas yang dikhususkan bagi mereka iaitu tugas keibuan, mendidik dan mengajar anak kecil. Hal ini telah memberi kesan tertentu yang disebabkan oleh faktor kejiwaan mereka.

Kita tidak memerlukan contoh praktikal untuk membuktikan bahawa cepat bertindak balas dan cenderung untuk mengikut perasaan adalah ciri-ciri khusus wanita dalam semua peringkat hidup dan zaman mereka.

Bahkan sifat semulajadi ini telah menyebabkan wanita walaupun berada dalam situasi yang paling ideal, akan mengutamakan sudut kejiwaan dan perasaan lebih daripada pandangan akal dan tuntutan hikmah kebijaksanaan.

Ayat-ayat di dalam surah al-Ahzab menceritakan tentang keadaan isteri-isteri Nabi SAW. dan keinginan mereka kepada perhiasan dan kesenangan dunia, dan permintaan mereka kepada Rasulullah SAW. agar melimpahkan kepada mereka apa yang Allah telah kurniakan kepada Baginda yang terdiri daripada harta rampasan perang agar mereka dapat hidup seperti pemaisuri raja-raja dan isteri para pemimpin manusia.

Akan tetapi al-Quran telah mengembalikan mereka kepada pertimbangan akal dan kebijaksanaan dalam masalah ini.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ
أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٢٨﴾ وَإِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
وَٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ فَإِنَّ ٱللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَٰتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

Terjemahan: *Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu: "Sekiranya kamu semua mahukan kehidupan, dunia (yang mewah) dan perhiasannya (yang indah), maka marilah supaya aku berikan kamu pemberian mut'ah (saguhati), dan aku lepaskan kamu dengan cara sebaik-baiknya. Dan sekiranya kamu semua mahukan (keredaan) Allah dan Rasul-Nya serta (nikmat kemewahan) di negeri akhirat, maka sesungguhnya Allah menyediakan bagi orang-orang yang berbuat baik di antara kamu pahala yang besar."* **(Surah al-Ahzab 33:28-29)**

Dalam ayat lain dalam surah at-Tahrim, Allah menceritakan tentang sikap cemburu sesetengah isteri Nabi SAW. yang memberikan kesan pertimbangan akal mereka ditewaskan oleh perasaan yang menyebabkan mereka merancang melakukan sesuatu yang akan menunjukkan hal ini kepada Rasulullah SAW. Lalu al-Quran mengembalikan mereka kepada kebenaran.

Firman Allah:

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا ۖ وَإِن تَظَٰهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ مَوْلَىٰهُ وَجِبْرِيلُ وَصَٰلِحُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَعْدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah (wahai isteri-isteri Nabi, maka itulah yang sewajibnya), kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah cenderung (kepada perkara yang menyusahkan Nabi); dan jika kamu berdua bertolong bantu untuk (melakukan sesuatu) yang menyusahkannya, (maka yang demikian itu tidak akan berjaya) kerana sesungguhnya Allah adalah pembelanya, dan selain itu Jibrail serta orang-orang salih dari kalangan orang-orang yang beriman dan malaikat-malaikat, juga menjadi penolongnya.* **(Surah at-Tahrim 66:4)**

Inilah keadaan wanita yang berada dalam setinggi-tinggi situasi kewanitaan. Mereka juga tidak terselamat daripada kesan hebat dorongan perasaan. Kekuatan maknawinya tidak dapat mengatasi perasaan cemburu sedangkan mereka memiliki iman yang sempurna dan membesar di dalam rumah Rasulullah SAW. yang merupakan tempat turunnya wahyu. Jadi bagaimanakah keadaan wanita-wanita lain yang imannya tidak seperti iman mereka, tidak membesar seperti mereka dan tidak memiliki satu dorongan pun untuk mencapai kedudukan mereka atau menghampirinya?

Inilah yang disebut oleh fatwa ini tentang isteri-isteri Nabi SAW. Namun begitu fatwa ini tidak menyebutkan bahawa isteri-isteri Nabi SAW. ketika disuruh memilih, mereka semuanya memilih Allah, Rasul-Nya dan akhirat.

Sebenarnya, keinginan mereka kepada perhiasan dan kesenangan dunia adalah sama seperti semua wanita lain khususnya isteri-isteri para pembesar. Ini tidaklah bererti lemahnya pemikiran mereka dan tidak pula menunjukkan bahawa mereka tidak boleh memikirkan perkara-perkara umum. Bahkan ia adalah keinginan yang disebabkan oleh fitrah kemanusiaan dan tabiat kewanitaan yang tiba-tiba lenyap 'mendung'nya apabila turun ayat yang menyuruh mereka memilih.

Adakah lelaki terlepas sepenuhnya daripada keadaan seperti ini yang menyebabkan mereka tunduk dalam tempoh tertentu kepada keinginan duniawi, kemudian kesedaran mendatangi mereka apabila wahyu mengingatkan kesilapan dan kelalaian mereka?

Bukankah al-Quran menyatakan tentang keadaan sahabat dalam ayat yang ditujukan kepada Rasulullah SAW. yang mulia:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَٰرَةً أَوْ لَهْوًا ٱنفَضُّوٓا۟ إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَآئِمًا ۚ قُلْ مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ ٱللَّهْوِ وَمِنَ ٱلتِّجَٰرَةِ ۚ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿١١﴾

Terjemahan: *Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baru tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar berkhutbah). Katakanlah (wahai Muhammad): Pahala (balasan) yang ada di sisi Allah lebih baik daripada hiburan dan barang-barang dagangan itu, dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki.* **(Surah al-Jumu'ah 62 :11)**

Bukankah Allah menurunkan selepas peperangan Uhud ayat-ayat yang mengandungi herdikan terhadap sahabat-sahabat Rasulullah SAW. yang merupakan sebaik-baik generasi manusia disebabkan kesilapan mereka tidak mentaati arahan Baginda, meninggalkan kedudukan mereka dan turun dari atas bukit Uhud untuk menghimpunkan harta rampasan perang... Lalu berlakulah balasan yang telah mereka alami itu?

Firman Allah:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥٓ إِذْ تَحُسُّونَهُم بِإِذْنِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَٰزَعْتُمْ فِى ٱلْأَمْرِ وَعَصَيْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا تُحِبُّونَ ۚ مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ

Terjemahan: *Dan demi sesungguhnya, Allah telah menepati janji-Nya (memberikan pertolongan) kepada kamu ketika kamu (berjaya) membunuh mereka (beramai-ramai) dengan izin-Nya, sehingga ke masa kamu (hilang semangat untuk meneruskan perjuangan) dan kamu berbalah dalam urusan (perang) itu, serta kamu pula menderhaka (melanggar perintah Rasulullah) sesudah Allah perlihatkan kepada kamu apa yang kamu sukai (kemenangan dan harta rampasan perang). Di antara kamu ada yang menghendaki keuntungan dunia semata-mata dan di antara kamu ada yang menghendaki akhirat.* **(Surah ali-'Imran 3:152)**

Ibn Mas'ud berkata: "Saya langsung tidak tahu bahawa di kalangan kami ada yang mencintai dunia sehinggalah turunnya ayat ini!"

Apakah boleh dijadikan sebagai hujah keadaan-keadaan seperti ini yang menunjukkan lemahnya sebahagian lelaki yang terpilih dan nafsu mereka boleh mengalahkan akal mereka, lalu kita berkata: Sesungguhnya lelaki tidak sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas yang besar?!

Dalam peperangan Badar, al-Quran telah menyebutkan keadaan sebahagian orang Mukmin yang sama seperti keadaan ini sebelum dan selepas peperangan.

Firman Allah:

كَمَآ أَخۡرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيۡتِكَ بِٱلۡحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقٗا مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ٥ يُجَٰدِلُونَكَ فِي ٱلۡحَقِّ بَعۡدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى ٱلۡمَوۡتِ وَهُمۡ يَنظُرُونَ ٦ وَإِذۡ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحۡدَى ٱلطَّآئِفَتَيۡنِ أَنَّهَا لَكُمۡ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيۡرَ ذَاتِ ٱلشَّوۡكَةِ تَكُونُ لَكُمۡ

Terjemahan: *Sebagaimana Tuhanmu (wahai Muhammad) mengeluarkanmu dari rumahmu (untuk pergi berperang) dengan kebenaran juga, sedang sebahagian dan orang-orang yang beriman itu (sebenarnya) tidak suka (berperang). Mereka membantahmu tentang kebenaran (berjihad) setelah nyata (bahawa mereka pasti menang), seolah-olah mereka dihalau kepada kematian, sedang mereka melihat (sebab-sebabnya). Dan (ingatlah) ketika Allah menjanjikan kepada kamu salah satu dan dua angkatan (untuk kamu menghadapinya) adalah untuk kamu, sedang kamu suka kiranya bukan angkatan (perang) yang mempunyai kekuatan itu yang dijadikan untuk kamu (menghadapinya).* **(Surah al-Anfal 8:5-7)**

Dan selepas peperangan, Allah menyebutkan lagi tentang sikap mereka terhadap tawanan perang.

Firman Allah:

تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنۡيَا وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلۡأٓخِرَةَۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٞ ٦٧ لَّوۡلَا كِتَٰبٞ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمۡ فِيمَآ أَخَذۡتُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٞ ٦٨

Terjemahan: *Kamu menghendaki harta benda dunia (yang tidak kekal), sedang Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Kalaulah tidak (kerana) adanya ketetapan daripada Allah yang telah terdahulu, tentulah kamu ditimpa azab seksa yang besar disebabkan (penebus diri) yang kamu ambil (dari orang-orang tawanan) itu.* **(Surah al-Anfal 8:67-68)**

Sesungguhnya kelemahan manusia itu meliputi lelaki dan wanita kesemuanya. Yang menjadi perkiraan ialah natijah daripada sesuatu kejadian.

Kenapa fatwa ini tidak menyebut tentang mesyuarat Ummu Salamah dengan Nabi SAW. sewaktu peristiwa Hudaibiyah yang mendatangkan maslahat dan kebaikan?

Bahkan kenapa pula ia tidak disebut apa yang disebutkan oleh al-Quran tentang wanita yang memimpin kaumnya dengan akal, memerintah mereka dengan bijaksana dan memimpin mereka dalam waktu paling genting kepada kebaikan di dunia dan akhirat? Wanita ini adalah Ratu Saba' yang merumuskan keputusan kepada kaumnya tentang perkara yang akan dilakukan oleh para penjajah apabila memasuki mana-mana negara dengan seringkas-ringkas ungkapannya yang bersastera:

قَالَتْ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوا أَعِزَّةَ أَهْلِهَا أَذِلَّةً

Terjemahan: *Raja perempuan itu berkata: "Sesungguhnya raja-raja, apabila masuk ke sebuah negeri, mereka merosakkannya dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia; hina dina."* **(Surah an-Naml 27:34)**

Sifat-Sifat Semulajadi Wanita

Penentang-penentang pencalonan wanita menyandarkan hujah mereka bahawa wanita terpaksa menghadapi sifat-sifat semulajadinya seperti pusingan haid bulanan dan kesakitannya, hamil dan keperitannya, bersalin dan kepedihannya, menyusukan dan keletihannya, menjadi ibu dan bebanannya... Semua ini menjadikannya tidak mampu dari segi tubuh badan, emosi dan pemikiran untuk memikul tugas sebagai Ahli dalam Badan yang menggubal undang-undang dan mengawasi kerajaan.

Saya berpandangan bahawa perkara ini memang betul. Tidak semua wanita sesuai untuk memikul tugas sebagai Ahli Parlimen. Wanita yang sibuk dengan

tugas sebagai ibu dan tuntutan-tuntutannya tidak sesuai melibatkan diri dalam perebutan pencalonan bagi tugas ini. Sekiranya dia melakukannya, menjadi kewajipan kesemua lelaki dan wanita lain untuk berkata kepadanya: "Jangan, anak-anak kamu lebih memerlukan kamu."

Namun demikian, wanita yang tidak dikurniakan anak dan mempunyai lebihan waktu dan kekuatan, ilmu dan kebijaksanaan, begitu juga wanita yang mencapai atau menghampiri usia lima puluhan dan tidak menghadapi gangguan sifat-sifat semulajadi yang telah disebutkan, anak-anak lelaki dan perempuannya telah berumahtangga, dia pula telah mencapai tahap kematangan dari sudut usia dan pengalaman, dan memiliki kelapangan yang boleh digunakannya dalam tugas umum, apakah yang menghalang pencalonan wanita seperti ini dalam Parlimen sekiranya dia memenuhi syarat-syarat lain yang mesti dipenuhi oleh setiap calon lelaki atau wanita?

Ayat: Hendaklah Kamu Tetap Diam Di Rumah Kamu

Fatwa yang melarang pencalonan wanita dalam pilihan raya itu telah berdalilkan kepada firman Allah:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu.* **(Surah al-Ahzab 33:33)**

Sebelum ini kita telah bincangkan ayat ini dan di sini saya ingin menambah lagi penjelasannya:

Memang diketahui umum dan tiada siapa yang mengingkari bahawa ayat ini ditujukan khusus kepada isteri-isteri Nabi seperti yang dijelaskan oleh susunan ayatnya. Isteri-isteri Nabi memilih hukum khusus dari sudut bergandanya azab bagi yang melakukan kejahatan yang jelas dan bergandanya ganjaran pahala bagi yang melakukan amal salih serta diharamkan mengahwini mereka selepas kewafatan Rasulullah SAW. Al-Quran menjelaskan dalam ungkapan yang sama dengan ayat di atas:

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ

Terjemahan: *Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain.* **(Surah al-Ahzab 33:32)**

Oleh itu umat Islam tanpa sebarang penentangan membenarkan wanita pada zaman kita ini keluar dari rumahnya untuk belajar di sekolah, kemudian di universiti, dan boleh pergi ke pasar dan bekerja di luar rumahnya sebagai guru, doktor, jururawat dan lain-lain kerja yang dibolehkan bagi mereka dalam lingkungan syarat dan ketetapan syarak.

Akan tetapi ayat yang mulia ini "Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu", tidak menghalang Ummul Mukminin - wanita Islam yang paling faqih Aisyah r.a. untuk keluar dari rumahnya bahkan keluar dan Madinah al-Munawwarah dan bermusafir ke Basrah mengetuai bala tentera yang mengandungi ramai sahabat dan turut disertai oleh dua orang dari sepuluh yang dijamin dengan syurga oleh Rasulullah SAW. (yang juga termasuk enam orang yang dicalonkan bagi jawatan Khalifah oleh Umar r.a. dan merupakan ahli Majlis Syura Umar) iaitu Talhah dan al-Zubair. Beliau keluar untuk menuntut apa yang dia yakini benar dan tepat, iaitu menuntut disegerakan qisas terhadap pembunuh Uthman r.a.

Apa yang dikatakan bahawa beliau menyesal dengan tindakannya itu, kita mengatakan bahawa penyesalan itu bukanlah disebabkan keluarnya beliau dalam keadaan menyalahi hukum syarak bahkan ia disebabkan pandangannya dalam politik adalah silap, ini adalah masalah lain.

Namun, sebahagian manusia mengambil daripada ayat ini "Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu", sebagai hujah umum bahawa wanita tidak boleh keluar dari rumahnya kecuali ada keperluan atau hajat yang sampai ke tahap *darurat* (mesti dibuat) sahaja. Sehinggakan pembelajaran di sekolah dan universiti turut dihalang kerananya. Jadi tidaklah pelik kalau mereka mengharamkan wanita daripada menyertai pilihan raya untuk mengundi yang sekadar untuk berkata: "Ya" atau "Tidak".

Akibatnya separuh daripada umat akan terhalang daripada mengemukakan suaranya dalam perkara yang penting ini. Kalau anda mahu mengungkapkan tentang realitinya, bolehlah dikatakan: Wanita-wanita yang baik dihalang daripada memberikan undinya sedangkan dalam masa yang sama wanita lain keluar memberikan undinya untuk golongan Sekular dan penentang syariat Islam.

Mereka ini telah lupa bahawa baki ayat yang mulia ini menjelaskan melalui mafhumnya bahawa wanita dibolehkan keluar dari rumahnya apabila dia komited dengan adab dan malunya serta tidak memakai perhiasan seperti orang jahiliah. Larangan daripada berhias yang terdapat di dalam ayat adalah menunjukan wanita dilarang daripada berhias ketika di luar rumah. Manakala di dalam rumah mereka tidak dilarang untuk berbuat demikian. Oleh itu, berhias yang dilarang adalah sewaktu mereka berada di luar rumah.

Hadis: Tidak Berjaya Kaum Yang Berketuakan Wanita

Antara dalil kepada fatwa yang disebutkan tadi yang melarang wanita menjadi calon atau menjadi Ahli Parlimen ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan selainnya daripada Abu Bakr bahawa Nabi SAW. apabila sampai kepadanya berita bahawa orang-orang Parsi melantik anak perempuan Kisra menduduki kerusi raja selepas kematian Kisra, Baginda bersabda:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَّوْ أَمْرَهُمْ امْرَأَةً

Terjemahan: *Tidak akan berjaya suatu kaum yang melantik wanita mentadbir urusan mereka.*

Berhadapan dengan hadis ini, kita perlu merenung beberapa perkara:

Pertama: Adakah hadis ini boleh diambil dalam bentuknya yang umum atau dibataskan hanya dalam lingkungan sebab datangnya hadis ini?

Dengan maksud bahawa Baginda mahu menjelaskan tentang tidak berjayanya Parsi yang dikuasai oleh sistem pemerintahan monarki yang menyebabkan mereka menabalkan anak perempuan Emperor mereka walaupun di kalangan rakyat ada orang yang lebih layak dan seribu kali lebih baik daripadanya?

Memang benar kebanyakan ahli usul telah berkata bahawa perkiraan diambil daripada lafaznya yang umum, bukan daripada sebabnya yang khusus. akan tetapi perkara ini tidak diijmakkan penerimaannya. Diriwayatkan daripada Ibn Abbas, Ibn Umar dan selain keduanya menyatakan bahawa mengambil kira sebab turunnya ayat atau hadis adalah suatu kemestian. Kalau tidak akan berlakulah kecelaruan dalam pemahaman dan silaplah penafsiran. Inilah yang telah berlaku kepada mazhab al-Haruriyah daripada golongan Khawarij dan yang seumpama mereka. Mereka mengambil ayat yang diturunkan kepada orang Musyrikin lalu mereka menjadikannya umum meliputi orang Mukmin.

Ini membuktikan bahawa sebab turunnya ayat dan lebih-lebih lagi sebab datangnya hadis mestilah dirujuk untuk memahami nas. Jadi kaedah mengambil umum lafaz sahaja tidak boleh diterima sebagai satu kaedah yang tetap.

Hal ini diperkuatkan oleh hadis ini sendiri khususnya jika hadis ini diambil dalam bentuknya yang umum, ia akan bertentangan dengan zahir al-Quran. Al-Quran telah menceritakan kepada kita kisah seorang wanita yang memimpin kaumnya dengan sebaik-baik kepimpinan, memerintah mereka dengan seadil-adil pemerintahan, mentadbir dengan bijak dan hikmah lalu menjadikan ia sebaik-baik pentadbiran dan kaumnya selamat disebabkan tepatnya pandangan beliau di mana beliau melarang kaumnya daripada melibatkan diri dalam kancah peperangan yang merugikan, memusnahkan tentera, harta dan tidak akan menghasilkan apa-apa. Pemerintahannya berdiri atas asas syura "Aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya.[121] Walaupun begitu, mereka menyerahkan keputusan pada tangan beliau.

Firman Allah:

قَالُوا نَحْنُ أُولُوا قُوَّةٍ وَأُولُوا بَأْسٍ شَدِيدٍ وَالْأَمْرُ إِلَيْكِ فَانظُرِي مَاذَا تَأْمُرِينَ ﴿٣٣﴾

Terjemahan: *Mereka menjawab: "Kita ialah orang-orang yang kuat gagah, dan amat berani menempuh peperangan; dan perkara itu terserah kepadamu; oleh itu fikirkanlah apa yang engkau hendak perintahkan."* **(Surah al-Naml 27:33)**

Itulah dia Balqis Ratu Saba' yang Allah ceritakan kisahnya dengan Nabi Allah Sulaiman a.s. dalam surah al-Naml dan diakhiri kisah ini dengan Kata-kata Balqis:

رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Balqis berdoa. "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diri sendiri dan (sekarang aku menegaskan bahawa) aku berserah diri memeluk Islam; bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Tuhan sekalian alam."* **(Surah an-Naml 27:44)**

Beliau memimpin kaumnya kepada kebaikan dunia dan akhirat.

Begitu juga antara perkara yang menguatkan bahawa hadis ini tidak boleh

121) Terjemahan ayat Surah al-Naml 27: 32, salah satu ucapan Balqis kepada para pembesarnya.

diambil dalam bentuknya yang umum, realiti yang kita lihat pada hari ini iaitu kebanyakan wanita menyumbang kebaikan yang banyak untuk negara mereka lebih daripada kebanyakan lelaki.

Dan sebahagian dari 'wanita-wanita' ini lebih layak dan segi kemampuan, kebolehan berpolitik dan pentadbiran daripada kebanyakan pemimpin Arab dan Muslimin yang 'jantan', saya tidak mengatakan yang 'lelaki' (*Al-Rijal*).

Kedua: Para ulama umat telah sepakat melarang wanita dari jawatan *al-Wilayah al-Kubra atau al-Imamah al-'Uzma* (Pemimpin Tertinggi) yang memang telah disebutkan dalam hadis tadi dan ini dibuktikan oleh sebab datangnya hadis ini. Ia juga dibuktikan oleh lafaz "mentadbir urusan mereka" dan dalam riwayat lain: "wanita memerintah mereka." Hal ini adalah bertepatan apabila wanita menjadi Khalifah umum umat Islam! Sedangkan perkara ini tidak wujud pada hari ini selepas benteng Khilafah telah musnah di tangan Atarturk pada tahun 1924 M. Kemungkinan sebahagian ulama berpendapat untuk mengqiyaskan dengan perkara ini apabila wanita menjadi Ratu atau Presiden yang memiliki kuasa yang mesti terlaksana di kalangan kaumnya yang mana tiada suatu pun hukum yang dikeluarkannya tertolak atau tiada perkara pun yang diputuskan melainkan setelah mendapati pandangannya. Dengan ini, mereka telah melantik wanita untuk mentadbir urusan mereka dengan sebenar-benarnya. Atau dengan kata lain urusan umum mereka telah berada di tangannya dan di bawah arahan dan telunjuknya.

Kemungkinan pendapat ini ditolak oleh golongan lain yang berpendapat bahawa Presiden sebuah *al-Daulah al-Quthriyah* (negara tertentu dalam saiz yang terhad) seperti yang wujud pada hari ini adalah menyerupai pemerintahan para Gabenor pada zaman dahulu ke atas satu wilayah seperti kuasa para Gabenor bagi wilayahnya di Mesir, Syam, Hijaz, Yaman dan sebagainya.

Manakala jawatan yang selain dari jawatan Imam, Khalifah dan yang seumpamanya seperti jawatan Ketua Negara, maka itu termasuk dalam perkara yang diperselisihkan dan perlukan ijtihad dan kajian.

Dengan ini wanita boleh menjadi Menteri, Kadi (Hakim) atau menjadi pengawas umum negara.

Umar bin al-Khattab r.a. telah melantik al-Syifa' binti al-Adawiyah sebagai pemerhati dan pengawas (penguatkuasa) pasar yang mana ia termasuk dalam bentuk *wilayah 'ammah* (kepimpinan umum).

Sepatutnya sikap beransur-ansur diambil dalam masalah ini mengikut suasana masyarakat dan kedudukan perkembangannya.

Wanita diberikan kementerian yang sesuai dengannya. Kita menyelesaikan masalah kekeluargaan terlebih dahulu, kemudian urusan sivil dan begitulah seterusnya.

Ketiga: Dalam masyarakat moden di bawah sistem Demokrasi hari ini, apabila seorang wanita dilantik ke jawatan umum seperti kementerian, pentadbiran parlimen atau selainnya, ini tidak bermakna dia memegang jawatan ini secara sebenarnya dan dia memikul tanggungjawab penuh terhadapnya.

Realiti hari ini menyaksikan bahawa tanggungjawab dan pemerintahan adalah dipikul bersama. Bebanannya adalah dipikul oleh sekumpulan institusi atau badan, dan wanita memikul satu bahagian daripada bebanan ini bersama-sama orang lain yang turut memikulnya.

Dengan ini kita mengetahui bahawa pemerintahan Thatcher di Britain, Indira di India atau Golda Meir di tanah Palestin yang terjajah bukanlah selepas dikaji dan diteliti merupakan pemerintahan wanita ke atas rakyat, bahkan ia adalah pemerintahan sebuah institusi dan pentadbiran yang memerintah orang diketuai oleh seorang wanita! Yang betul-betul memerintah ialah Kabinet Menteri yang berlaku secara beramai-ramai dan bukannya oleh Ketua (wanita) Majlis Kabinet sahaja. Sama juga seperti itu bagi Majlis Syura (Senat), Parlimen dan seumpamanya.

Dia bukanlah pemerintah mutlak yang tidak boleh ditolak arahan dan permintaannya. Dia hanyalah mengetuai parti yang ditentang oleh sebuah parti yang lain dan kemungkinan sekiranya dia mengadakan pilihan raya baru, dia dikalahkan dalam pilihan raya itu seperti berlaku terhadap Indira di India. Di dalam partinya dia hanya memiliki suaranya sahaja. Apabila dia ditentang oleh majoriti, jadilah pandangannya sama seperti pandangan mana-mana manusia di tepi jalan.



BERGABUNG DI DALAM PEMERINTAHAN BUKAN ISLAM

SOALAN:

Bolehkah seorang Muslim atau jemaah Islam yang beriltizam bergabung dengan pemerintahan bukan Islam? Sama ada ia adalah sebuah Pemerintahan Sivil, Tentera, Federal, Republik, Demokrasi, Diktator, Liberal, Sosialis, Sekular secara terang-terangan atau Sekular secara tersembunyi dengan berselindung di sebalik agama. Maksud bergabung di sini ialah menyertai pemerintah dan memikul tanggungjawab politik seperti menjadi Menteri, pembuat polisi ataupun kedudukan yang selainnya.

Kami ingin mendapatkan penjelasan mengenai masalah ini kerana di kalangan umat Islam sendiri berlaku perbezaan pendapat tentang hukum mengharuskan atau melarangnya. Begitu juga dengan para Mufti, ada yang mengharamkan dan ada yang menghalalkannya.

Masalah ini perlu diperjelaskan agar jalan yang dilalui orang-orang yang kesamaran menjadi terang. Apatah lagi orang-orang Islam sudah banyak yang terlibat dalam pemerintahan seperti ini di negara mereka seperti yang selama ini berlaku di Jordan, Turki, Yaman dan sebagainya. Sebahagian negara itu, ada yang menyatakan sistem Sekularnya secara terang-terangan seperti di Turki, ada yang tidak secara terang-terangan dan sebahagian yang lain pula undang-undangnya lebih dekat dengan Islam seperti Yaman.

Apakah mereka yang bergabung dalam pemerintahan itu dianggap menuju jalan yang sesat? Atau apakah mereka hanya termasuk orang yang berijtihad,

yang boleh salah dan boleh betul? Maksudnya, apakah masalah ini termasuk dalam ruang lingkup ijtihad? Atau apakah secara jelas ia merupakan sesuatu yang diharamkan secara *qat'i* sehingga tidak ada ruang bagi mujtahid untuk berijtihad seperti yang dikatakan oleh golongan yang bersemangat, yang selama ini menjadi satu budaya di kalangan generasi pemuda yang lebih suka mengingkari perkara-perkara sekeliling mereka, yang akhirnya mengheret mereka kepada sikap dan tindakan yang terburu-buru?

Kami berharap pihak tuan tidak menolak untuk menjelaskan masalah ini kepada kami dengan disertai dalil-dalil syarak yang jelas. Semoga Allah melimpahkan kebaikan kepada kami, kepada Islam dan kepada umat Islam.

JAWAPAN:

Tidak dapat diragukan bahawa dasar hukum bagi masalah seperti ini ialah tiada ada larangan bagi orang Islam untuk bergabung dalam pemerintahan yang sanggup melaksanakan syariat Allah, dengan menduduki jawatan pemimpin atau menteri, tidak melanggar perintah Allah dan Rasul-Nya dan tunduk kepada-Nya sesuai dengan tuntutan imannya, sebagaimana firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Terjemahan: *Dan tidak harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.* **(Surah al-Ahzab 33:36)**

Firman Allah lagi:

فَلْيَحْذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

Terjemahan: *Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.* **(Surah an-Nur 24:63)**

Jika pemerintahan itu bukan Islam, dengan pengertian tidak mempunyai komitmen untuk menerapkan syariat Islam dan hukum-hukumnya dalam seluruh sudut kehidupan sama ada perundangan, pendidikan, peradaban, media massa, ekonomi, politik, pentadbiran ataupun pemerintahan, dan ia merujuk kepada sumber-sumber selain Islam, mengambil dari Barat atau dari Timur, dari kiri atau dari kanan, dari falsafah Liberalis atau Marxis, ataupun dari yang selainnya, atau ia merujuk kepada Islam dan menggabungkannya dengan sumber-sumber selain Islam, di mana kadang-kadang mereka lebih mementingkan sumber selain Islam daripada sumber Islam sendiri maka semua (pemerintahan) ini tertolak pada pandangan Islam. Ini disebabkan Islam hanya membenarkan orang-orang Islam untuk berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah sahaja. Tidak boleh mengambil sebahagiannya dan meninggalkan sebahagian yang lain sebagaimana firman Allah kepada Rasul-Nya:

وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ وَٱحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang diturunkan oleh Allah dan janganlah kamu menurut kehendak hawa nafsu mereka dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya Allah mahu menimpakan musibah kepada mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik.* **(Surah al-Ma'idah 5:49)**

Al-Quran mengingkari secara keras Bani Israel yang mengambil sebahagian isi kitab mereka yang diturunkan dan mengingkari sebahagian yang lain.

Firman Allah:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلْحَيَوٰةَ

ٱلدُّنْيَا بِٱلْآخِرَةِ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٨٦﴾

Terjemahan: *Sesudah itu patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian Kitab (Taurat) dan mengingkari sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan kepada mereka yang berbuat demikian di antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia dan pada hari Kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. Mereka itulah orang-orang yang membeli (mengutamakan) kehidupan dunia dengan (kehidupan) akhirat; maka tidak akan diringankan azab seksa mereka (pada hari kiamat) dan mereka pula tidak akan ditolong.* **(Surah al-Baqarah 2:85-86)**

Sekiranya orang yang pertama sekali mesti bertanggungjawab terhadap penyimpangan daripada syariat Allah ini adalah Ketua Negara, Raja, Presiden, Perdana Menteri atau Pemimpin Negara, maka orang-orang yang turut ikut membantu penyimpangannya juga mendapat dosa mengikut kadar bantuan dan dokongannya. Al-Quran telah menggabungkan tentera Firaun dalam. dosa Firaun dan mereka layak mendapatkan seksa di dunia serta di akhirat, sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟ خَٰطِـِٔينَ ﴿٨﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Firaun dan Hamaan serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.* **(Surah al-Qasas 28:8)**

Firman Allah lagi:

فَأَخَذْنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾ وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ لَا يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾ وَأَتْبَعْنَٰهُمْ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ هُم مِّنَ ٱلْمَقْبُوحِينَ ﴿٤٢﴾

Terjemahan: *Dengan sebab itu Kami mengepungnya bersama-sama tenteranya serta Kami humbankan mereka ke dalam laut; maka perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang-orang yang zalim. Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua yang mengajak ke neraka, dan pada hari kiamat pula mereka*

tidak mendapat sebarang pertolongan. Dan Kami iring mereka dengan laknat di dunia ini dan pada hari kiamat pula adalah mereka dari orang-orang yang tersingkir dengan sehina-hinanya. **(Surah al-Qasas 28:40-42)**

Al-Quran juga menggabungkan rakyat yang mengikuti pemimpin-pemimpin yang zalim dalam dosa dan siksa terhadap mereka. Al-Quran mencela kaum Nuh dengan firman Allah:

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُ وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Nabi Nuh merayu "Wahai Tuhanku, sesungguhnya mereka telah menderhakaiku dan mengikuti mereka yang harta dan anak-anaknya tidak menambah kepadanya kecuali kerugian (di akhirat nanti)."* **(Surah Nuh 71:21)**

Al-Quran juga mencela kaum Hud:

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾

Terjemahan: *Dan itulah peristiwa kaum 'Aad, mereka mengingkari ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka kepada Rasul-rasul-Nya serta mereka menurut perintah setiap ketua yang bermaharajalela, lagi degil dalam keingkarannya.* **(Surah Hud 11:59)**

Al-Quran juga mencela kaum Firaun:

فَاتَّبَعُوا أَمْرَ فِرْعَوْنَ وَمَا أَمْرُ فِرْعَوْنَ بِرَشِيدٍ ﴿٩٧﴾ يَقْدُمُ قَوْمَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَأَوْرَدَهُمُ النَّارَ وَبِئْسَ الْوِرْدُ الْمَوْرُودُ ﴿٩٨﴾

Terjemahan: *Lalu kaum Firaun menurut perintah Firaun, sedang perintahnya itu bukanlah perintah yang betul. Firaun akan mengetuai kaumnya pada hari kiamat, maka ia akan membawa mereka masuk ke neraka. Dan seburuk-buruk tempat yang dimasuki ialah neraka.* **(Surah Hud 11:97-98)**

Setiap tindakan yang dimaksudkan untuk mengabdi kepada para pemimpin seperti Firaun dan pemimpin yang zalim adalah termasuk perkara yang dilarang dan menjadi dosa pada pandangan syarak. Ini disebabkan syarak memerintahkan perkara yang sebaliknya iaitu mengabdi dan tunduk kepada Allah, saling tolong-

menolong dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa, melarang tolong-menolong dalam dosa dan pelanggaran sebagaimana firman Allah:

...وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ ... ﴿٢﴾

Terjemahan: *Dan tolong-menolonglah kamu untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu tolong-menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.* **(Surah al-Ma'idah 5:2)**

Tolong-menolong dalam mengerjakan kebajikan dan takwa ada tingkatannya, yang satu tidak sama dengan yang lain. Begitu juga tolong-menolong dalam dosa dan kejahatan.

Allah berfirman:

وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

Terjemahan: *Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim, maka kamu akan disentuh oleh api neraka, sedang kamu tidak ada sebarang penolongpun selain dari Allah. Kemudian kamu tidak akan mendapat pertolongan.* **(Surah Hud 11:113)**

Tidak dibenarkan bagi orang Islam untuk cenderung kepada orang-orang yang zalim agar dia tidak disentuh api neraka pada hari kiamat sehingga menyebabkan dia tidak mendapat pertolongan dari Allah. Apatah lagi kalau disertai dengan sikap cintakan dunia atau tolong-menolong dalam memperolehinya? Sebahagian Salaf memperingatkan secara keras terhadap masalah ini.

Keluar dari Hukum Asas Kerana Beberapa Pertimbangan Syarak

Apa yang kami nyatakan tentang pengharaman tolong-menolong dengan orang-orang yang berbuat zalim ini merupakan hukum asas atau prinsip umum. Lebih jauh daripada itu terdapat keadaan-keadaan tertentu yang membuatnya keluar dari hukum asas ini disebabkan beberapa pertimbangan yang masih diakui oleh syarak. Antara pertimbangan-pertimbangan ini ialah:

1. Tuntutan Meminimumkan Kejahatan Dan Kezaliman Menurut Kesanggupan

Sesiapa yang sanggup meminimumkan kezaliman, keburukan dan kejahatan dengan apa cara sekalipun, maka dia mesti melakukannya. Dia mesti menolong orang yang tertindas, membantu orang yang dizalimi, menguatkan orang yang lemah dan menyempitkan ruang dosa dan kejahatan.

Allah telah berfirman:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan: *Maka bertakwalah kamu kepada Allah mengikut kemampuan kamu.* **(Surah at-Taghabun 64:16)**

Nabi SAW. bersabda:

إِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأْتُوْا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan: *Apabila aku memerintahkan kamu dengan suatu perintah maka laksanakanlah perintah itu menurut kemampuan kamu.*[122]

Kita melihat Najasyi, Raja Habsyah yang memeluk Islam pada zaman Nabi SAW. Namun, beliau tidak dapat menegakkan hukum Islam di kawasan kerajaannya. Ini disebabkan sekiranya beliau melakukannya, kaumnya pasti akan menuntut agar beliau melepaskan kedudukannya. Namun falsafah 'Segalanya atau tidak sama sekali'[123] tidak dapat diterima oleh syarak dan realiti.

2. Melakukan Mudarat Yang Paling Ringan

Ada satu kaedah yang diakui oleh syarak iaitu melakukan mudarat yang paling ringan dan keburukan yang paling kecil untuk menyingkirkan mudarat dan keburukan yang lebih besar, ataupun meninggalkan kemaslahatan yang paling sedikit untuk mendapatkan kemaslahatan yang paling banyak.

Oleh itu, para fuqaha membenarkan untuk berdiam diri melihat kemungkaran sekiranya usaha menghapuskannya boleh membawa kepada kemungkaran yang lebih besar. Perkara ini disandarkan kepada sabda Rasulullah SAW. kepada Aisyah r.a. yang bermaksud: "Kalaulah bukan kerana kaum kamu baru sahaja

122) Muttafaq 'Alaihi.

123) Maksudnya kalau hendak melaksanakan sesuatu, laksanakanlah keseluruhan kalau tidak, maka tidak perlu dilaksanakan sama sekali. (Penterjemah)

meninggalkan kemusyrikannya, sudah pasti aku akan membina Kaabah di atas sendi-sendi binaan Ibrahim a.s."[124]

Baginda telah meninggalkan sesuatu yang dilihatnya sebagai suatu kewajipan, namun (Baginda meninggalkannya) disebabkan Baginda khuatir perkara itu membawa kepada fitnah (cubaan). Kerana, jika dilakukan perubahan dalam struktur binaan Kaabah, ia akan menyebabkan mereka tidak berpegang dengan kukuh di atas Islam pada kemudian hari.

Dalam hal ini kita juga mengambil teladan daripada kisah Musa a.s. yang disebutkan di dalam al-Quran ketika Baginda bermunajat kepada Tuhannya dan ketika Baginda membuat perjanjian dengan-Nya selama 40 hari. Selama waktu itulah al-Samiri menyesatkan kaumnya dengan membuat patung anak lembu yang dibuat daripada emas. Al-Samiri berkata kepada mereka: "Inilah Tuhan kamu semua dan juga Tuhan Musa." Ternyata mereka membenarkan ucapan al-Samiri dan mengikutinya. Harun a.s. mengingatkan mereka dengan berkata:

يَٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم بِهِۦ ۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ فَٱتَّبِعُونِى وَأَطِيعُوٓا۟ أَمْرِى ﴿٩٠﴾ قَالُوا۟
لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا مُوسَىٰ ﴿٩١﴾

Terjemahan: *Wahai kaumku, sesungguhnya kamu hanya diperdayakan dengan patung itu, dan sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya. Oleh itu, ikutlah daku dan taatlah akan perintahku. Mereka menjawab: "Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan penyembahan patung ini, (bahkan) kami akan tetap menyembahnya hingga Nabi Musa kembali kepada kami."* **(Surah Taha 20:90-91)**

Apabila Musa a.s. telah kembali dan melihat apa yang dilakukan oleh kaumnya, Baginda amat murka dan berkata kepada mereka "Amat buruk apa yang kamu semua lakukan sepeninggalanku." Disebabkan kemurkaannya, Baginda melempar lembaran-lembaran Kitab di tangannya. Baginda memegang kepala saudaranya, Harun a.s. dan mencelanya.

Firman Allah:

قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾ أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾
قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِى وَلَا بِرَأْسِىٓ ۖ إِنِّى خَشِيتُ أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِىٓ

124) Mutafaq 'Alaihi.

إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِى ﴿٩٤﴾

Terjemahan: *(Sekembalinya) Nabi Musa berkata: "Wahai Harun, apakah yang menghalangmu ketika engkau melihat mereka sesat daripada menurutku? Adakah engkau ingkar akan suruhanku?" Nabi Harun menjawab: "Wahai anak ibuku! Janganlah engkau merenggut janggutku dan janganlah menarik (rambut) kepalaku." Sesungguhnya aku takut bahawa engkau akan berkata kepadaku: "Engkau telah memecah-belahkan kaum Bani Israel sesama sendiri, dan engkau tidak berhati-hati mengambil berat pesananku!"* **(Surah Taha 20:92-94)**

Maksudnya, Nabi Allah Harun a.s. hanya mendiamkan diri melihat apa yang dilakukan oleh kaumnya. Sedangkan ia merupakan kemungkaran yang amat buruk dan menjijikkan, iaitu penyembahan terhadap patung anak lembu. Menurut pertimbangan pemikirannya, dia mahu menjaga kesatuan umat pada saat yang amat genting itu sehinggalah Musa a.s. kembali, lalu dia akan mengajaknya berbincang bagi mencari jalan penyelesaian yang paling tepat.

3. Melepaskan Nilai Yang Paling Tinggi Lalu Turun Ke Realiti Yang Paling Rendah

Di sana ada nilai-nilai luhur (ideal) yang telah ditetapkan oleh syarak untuk umat Islam agar kedua matanya tertumpu kepadanya, agar hatinya terpaut kepadanya dan agar segala aktivitinya terarah kepadanya. Namun, kehidupan praktikal seringkali mengalahkan nilai luhur ini sehingga dia tidak dapat mencapainya dan terpaksa melepaskannya untuk beralih kepada yang lain. Perkara ini boleh terjadi kerana tekanan keadaan dan mencari perkara yang lebih mudah dilakukan setelah dia tidak sanggup naik ke nilai tinggi yang sukar untuk dicapainya.

Dari sinilah ditetapkan kaedah-kaedah yang terkenal, seperti:

Keadaan darurat (yang memaksa) memperbolehkan apa yang mahzurat (dilarang).

Kesulitan dapat mendatangkan kemudahan.

Tidak memudaratkan dan tidak dimudaratkan.

Kesalahan yang dimaafkan.

Sesiapa yang membaca al-Quran dan mentelaah al-Sunah pasti akan memperolehi kejelasan mengenai perkara ini. Al-Quran telah menjelaskan

bahawa Allah menegakkan hukum-hukum syariat-Nya atas asas kemudahan dan bukan pada asas kesulitan, pada asas keringanan dan bukan pada keberatan, pada asas memperkirakan keadaan yang meringankan, keterpaksaan yang tidak dapat dihindari dan keperluan yang amat mendesak.

Allah berfirman:

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ

Terjemahan: *Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.* **(Surah al-Baqarah 2:185)**

Firman Allah:

يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

Terjemahan: *Allah hendak meringankan (beban hukumannya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan dalam keadaan lemah.* **(Surah an-Nisa' 4:28)**

Firman Allah lagi:

ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۗ

Terjemahan: *Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat kemudahan.* **(Surah al-Baqarah 2:178)**

Firman Allah:

هُوَ ٱجْتَبَىٰكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۚ

Terjemahan: *Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agama) dan la tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.* **(Surah al-Hajj 22:78)**

Firman Allah:

فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ

Terjemahan: *Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginginya dan tidak pula melampaui batas, maka tidaklah ia berdosa.* **(Surah al-Baqarah 2:173)**

Firman Allah:

مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنۡ أُكۡرِهَ وَقَلۡبُهُۥ مُطۡمَئِنُّۢ بِٱلۡإِيمَٰنِ

Terjemahan: *Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang-orang yang dipaksa (melakukan kufur), sedang hatinya tenang dengan keimanan.* **(Surah an-Nahl 16:106)**

Disebutkan dalam hadis sahih, bahawa Nabi SAW. telah bersabda yang bermaksud:

يَسِّرُوْا وَلاَ تُعَسِّرُوْا وَبَشِّرُوْا وَلاَ تُنَفِّرُوْا

Permudahkanlah dan janganlah kamu menyusahkan, sampaikanlah khabar gembira dan janganlah kamu membuat mereka lari.[125)]

Sabda Nabi SAW. lagi:

فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُيَسِّرِيْنَ وَلَمْ تُبْعَثُوْا مُعَسِّرِيْنَ

Terjemahan: *Sesungguhnya kamu diutuskan untuk membuat kemudahan dan kamu tidak diutuskan untuk membuat kesusahan.*[126)]

Sabda Baginda lagi:

أَحَبَّ الدِّيْنِ إِلَى اللهِ الْحَنِيْفِيَّةُ السَّمْحَةُ

Terjemahan: *Agama yang paling disukai oleh Allah ialah yang tulus suci lagi lapang.*

Oleh itu para fuqaha membenarkan orang Islam atau masyarakat Islam untuk turun daripada nilai yang tinggi (ideal) kepada kenyataan realiti yang rendah kerana keadaan yang memaksa agar kemaslahatan manusia tidak hilang sama sekali, hak mereka tidak dihapuskan, agama dan dunia mereka tidak musnah. Contohnya adalah dalam masalah menerima kesaksian orang yang fasik jika tidak ada orang yang adil yang merupakan dasar dalam kesaksian.

125) Muttafaq 'Alaihi.

126) Diriwayatkan aI-Bukhari, al-Tirmizi dan al-Nasa'i.

Dibenarkan perlantikan Kadi yang hanya bertaqlid jika memang tidak ada Kadi yang sampai tahap mujtahid yang merupakan dasar dalam pengadilan. Begitu juga dengan keadaan seorang Ketua Negara yang pada dasarnya mestilah seorang yang mampu berijtihad. Namun para fuqaha menerima kepimpinan orang yang hanya boleh bertaklid, bahkan orang bodoh sekalipun dibenarkan selagimana dia mahu meminta pertolongan daripada ulama. Mereka juga membolehkan berjihad dengan orang-orang yang kurang baik sedangkan seharusnya mereka berjihad dengan orang yang baik.

Al-Imam Ahmad pernah ditanya tentang seorang pemimpin yang gagah perkasa tetapi perangainya kurang baik dan seorang yang salih tetapi lemah, dengan yang manakah jihad mesti dilakukan? Beliau menjawab:

Seorang gagah yang kurang baik perangainya, keburukan perangainya itu menjadi tanggungan dirinya sendiri sedangkan kekuatannya adalah untuk kebaikan orang-orang Islam. Sedangkan seorang salih yang lemah, kesalihannya hanya untuk kepentingan dirinya sendiri sedangkan kelemahannya menjadi tanggungan orang-orang Islam. Jadi dia mesti berjihad dengan orang yang perkasa walaupun dia tidak baik perangainya.

Begitulah pandangan praktikal seorang Imam yang warak Iagi rabbani. Kita melihat keadaan kehidupan orang-orang Islam mundur dan berpecah-belah, sedangkan musuh-musuh mereka memiliki kekuatan dan keunggulan, maka keadaan seperti ini mewajibkan kita untuk menerima apa yang semestinya kita tolak dalam keadaan kita kuat dan bersatu.

Allah telah berfirman:

ٱلْـَٰٔنَ خَفَّفَ ٱللَّهُ عَنكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا

Terjemahan: *Sekarang Allah telah meringankan daripada kamu, kerana Dia mengetahui bahawa pada kamu ada kelemahan.* **(Surah al-Anfal 8:66)**

Allah memberi isyarat bahawa kelemahan merupakan sebab adanya keringanan walaupun semestinya seorang Muslim itu selalu melihat kepada kekuatan. Kerana seorang Mukmin yang kuat itu lebih dicintai oleh Allah daripada seorang Mukmin yang lemah.

Mereka yang tidak dapat memiliki kekuasaan dan hanya terbatas pada jemaah-jemaah Islam sahaja seperti yang terjadi di berbagai negara Islam, maka tidak salah jika mereka menerima kekuasaan yang ada dan rela bergabung dengan

orang lain jika perkara itu memang dapat membawa kebaikan untuk ummah.

4. Bertahap

Sesungguhnya Allah mempunyai sunah (undang-undang) yang berlaku di kalangan makhluk-Nya dan kita tidak membiarkannya begitu sahaja iaitu sunah bertahap (berperingkat-peringkat).

Segala sesuatu bermula daripada yang kecil, kemudian ia menjadi besar dan bermula daripada yang lemah menjadi kuat. Kita boleh melihat sunah ini dalam tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia. Manusia tidak dilahirkan terus menjadi baligh dan pintar. Dia bermula dari bayi, kemudian menyusu, diceraikan susunya, menjadi anak kecil, baligh, remaja, dewasa kemudian menjadi tua. Sebelum itu penahapan sudah bermula dalam perut ibunya. Bermula daripada setitik air mani, segumpal darah, segumpal daging, lalu ada tulangnya, tulang ini dibungkus dengan daging, kemudian Dia menjadikannya ciptaan yang lain bentuknya. Maha Suci Allah yang telah memperelokkan ciptaan-Nya.

Syariat yang suci juga memperkirakan sunah ini. Ia melakukan penahapan terhadap mukalaf dalam mewajibkan perkara wajib. Begitu juga penahapan dalam pengharaman perkara haram sebagai satu rahmat dan kemudahan untuk mereka.

Seringkali manusia tidak dapat mencapai matlamatnya yang besar secara sekaligus walaupun dia amat bersemangat untuk memperolehinya. Namun, dia akan mencapai sesuatu sedikit demi sedikit sesuai dengan kesanggupan dan keadaannya. Hal ini tidak dinafikan oleh syarak, adat kebiasaan dan akal. Para cendekiawan telah sepakat bahawa jika tidak memperolehi semuanya maka tidak bererti meninggalkan semuanya begitu sahaja.

Mencapai matlamat menerapkan hukum Islam secara menyeluruh merupakan matlamat yang besar. Hal ini tidak perlu diragukan lagi dan mesti menjadi sasaran utama. Akan tetapi untuk mencapai matlamat ini bukanlah perkara yang mudah yang dapat diperolehi dengan sekali tepuk sahaja. Tidak ada salahnya seseorang mencapai sebahagian daripadanya selagimana dia masih memiliki kesanggupan. Ini adalah agar dia dapat memberikan contoh kepada orang lain dan ini memungkinkan dia untuk menegakkan kebenaran, menyebarkan keadilan dan kebaikan. Lantas dia membuka jalan untuk orang lain dan mendorong mereka untuk melakukan seperti apa yang telah dilakukannya.

Dalam Sejarah Islam terdapat banyak contoh yang baik, dapat ditiru dan diikuti. Kita dapat melihat hal seperti ini dalam sejarah hidup Khalifah Umar

bin Abdul Aziz. Pada masa pemerintahannya, beliau telah menghidupkan sunah petunjuk, menegakkan tiang keadilan dan menyebarkan kebaikan yang diketahui oleh seluruh manusia dan tidak akan dilupakan oleh sejarah kita. Namun, ternyata beliau tidak dapat melakukan semua yang mahu dilakukannya. Buktinya, beliau tidak dapat menghidupkan peranan syura yang menjadi dasar pemerintahan dalam Islam dan tidak berjaya mengeluarkan Khilafah dari lingkungan keluarga Bani Umaiyah.

Dengan penuh hikmah kebijaksanaan dan perhatian beliau melakukan segala-galanya secara berperingkat-peringkat. Sehinggakan anaknya Abdul Malik, seorang pemuda yang bertakwa dan penuh semangat berkata kepada beliau pada suatu hari:

"Wahai ayahanda, kenapa saya melihat ayah selalu lambat dalam melaksanakan segala urusan? Demi Allah, saya tidak peduli, sekalipun takdir memanggil kita selagi kita berada pada jalan Allah."

Dengan kata lain, anaknya ingin agar ayahnya bertindak secara terus (sekaligus) dalam melakukan penambahbaikan dan dia tidak peduli apapun akibatnya selagimana dia berada pada jalan Allah.

Si ayah yang bijaksana menjawab:

"Janganlah kamu tergesa-gesa wahai anakku, Allah telah mencela arak dalam al-Quran pada dua ayat yang berasingan, kemudian baharulah Allah mengharamkannya pada ayat yang ketiga. Saya khuatir jika saya memaksakan kebenaran kepada manusia secara keseluruhannya, hal itu akan mendatangkan fitnah (cubaan) kepada mereka."

Beberapa Syarat Yang Mesti Dipenuhi

Sepatutnya ada beberapa syarat yang mesti dipenuhi sewaktu bergabung dengan pemerintahan bukan Islam. Jika syarat-syarat ini tidak dipenuhi, maka hukumnya kembali kepada hukum asal iaitu larangan untuk bergabung. Syarat-syarat itu ialah:

1. Gabungan itu mesti dilakukan secara jelas, bukannya sekadar khayalan dan bualan (janji) mulut sahaja. Mereka yang bergabung tidak hanya menjadi boneka (alat) kepada orang lain yang memanfaatkan dirinya menurut kemahuannya sendiri sahaja. Sedangkan dia tidak dapat untuk melakukan usaha penambahbaikan dan penentangan secara logik akal

yang memungkinkan dia menegakkan keadilan, menyingkirkan kezaliman, membenarkan yang benar dan menghapuskan yang batil mengikut ruang lingkup yang dikuasainya walaupun ia hanya berupa gambaran yang tidak sempurna. Jika syarat ini tidak dipenuhi maka tidak ada ertinya penggabungan itu.

2. Pemerintahan itu tidak menjadi simbol kezaliman dan kerakusan yang dikenali umum suka menindas hak manusia. Yang dituntut daripada orang Islam dalam penggabungannya dengan pemerintahan ini ialah usaha membetulkan dan mengubahnya dengan cara-cara yang boleh dilakukannya sama ada dengan menggunakan tangan atau lidahnya dan paling minimum menggunakan hatinya, walaupun ini merupakan bentuk iman yang paling lemah. Jelasnya, penggabungannya dalam pemerintahan ini bukanlah untuk mendokong dan bersekutu di dalamnya.

   Kalaulah Yusuf a.s. diminta oleh Firaun yang berkuasa di bumi dan menjadikan rakyatnya sebagai pengikutnya agar beliau menduduki satu jawatan yang penting, pasti beliau akan menolaknya dan beliau tidak akan meminta menjadi pegawai urusan makanan di Mesir. Walaupun begitu, Raja Mesir yang berkuasa pada zaman beliau berbeza dengan Firaun yang berkuasa pada zaman Musa a.s.

   Bertolak dari sini, orang Islam atau Jemaah Islam yang komited, tidak boleh bergabung dalam pemerintahan Diktator yang mencekik leher rakyat, sama ada kekuasaan pemerintahan itu secara mutlak berada di tangan seseorang ataupun ia merupakan pemerintahan sekumpulan tentera.

   Penggabungan seorang Muslim dalam pemerintahan hanya boleh dilakukan dalam sistem pemerintahan Demokrasi yang menghormati hak-hak manusia.

3. Dia mesti mempunyai hak untuk menentang perkara yang secara jelas bertentangan dengan Islam atau paling minimumnya menjaga Islam.

   Sekiranya dia seorang Menteri, dia hendaklah menegakkan keadilan dalam ruang lingkup kementeriannya. Kalau dia menjadi salah seorang anggota dalam Majlis Kementerian, dia dituntut untuk menunjukkan penentangan terhadap ketetapan undang-undang yang tidak sesuai dengan syariat Islam, atau paling minimumnya dia dapat menjaga Islam.

   Sekiranya di sana terdapat banyak perkara kontroversi yang mesti ditentang, besar pengaruh dan buruk akibatnya, maka tidak cukup dengan hanya berjaga-jaga terhadap diri sendiri dan menunjukkan penentangan, tetapi

dia mesti keluar dari sistem pemerintahan itu. Ini disebabkan sejarah kita tidak pernah mencatatkan wujudnya orang Islam atau Jemaah Islam yang melibatkan diri dalam dosa yang jelas kelihatan.

Gambaran yang paling jelas pada zaman sekarang ialah masalah bekerjasama dengan Israel, mengakui penjajahan mereka terhadap tanah Palestin, membiarkan al-Quds dikuasai oleh Israel, kemudian menyatakan di mana-mana sahaja bahawa al-Quds adalah ibu negara Israel tanpa mempedulikan nasib berjuta-juta rakyat Palestin yang terusir dari kampung halamannya dan dalam masa yang sama membiarkan orang-orang Israel datang dan menjajah beberapa wilayah Palestin.

4. Wajib membetulkan mereka yang terlibat sama dalam pemerintahan itu. Meminta mereka untuk memilih sama ada mereka kekal ataupun berundur. Juga meminta penjelasan daripada mereka, apakah dari pengalaman yang lalu mereka dapat mengambil manfaat ataupun tidak? Apakah mereka dapat menegakkan keadilan dan kemaslahatan? Jika tidak dapat, berapa lama lagi mesti ditunggu? Dengan pemerhatian dan kajian seperti ini dapat ditentukan, apakah lebih baik berundur dan tidak terlibat ataupun kekal bertahan?

Beberapa Fatwa

Berkaitan dengan masalah ini, kami bawakan beberapa fatwa yang dikeluarkan para ulama kita dari kalangan Syeikh al-Islam serta fuqaha terkenal yang membenarkan pengisian terhadap jawatan-jawatan politik, pengadilan (Mahkamah), pemerintahan dan kepimpinan bersama dengan orang-orang yang zalim, sekiranya hal itu dapat mendatangkan kemaslahatan yang nyata bagi umat atau menghapuskan kerosakan.

Fatwa-fatwa mereka ini berlandaskan *Fiqh al-muwazanat* yang berasaskan kepada pertimbangan dan pengukuhan antara sebahagian maslahat dengan maslahat yang saling bertentangan. Yang mana mesti diambil dan yang mana mesti ditolak. Yang mana mesti diutamakan dan yang mana mesti ditangguhkan. Begitu juga pertimbangan antara kerosakan dan mudarat, yang mana mesti diambil menurut pertimbangan syarak.

Pertimbangan dan pengukuhan ini perlu kepada dua bentuk pemahaman iaitu:

1. Pemahaman hukum dan dalil dari nas dan tujuan-tujuan umum.
2. Pemahaman terhadap realiti yang ada dengan mengambil kira keadaan orang-orang Islam sendiri dan keadaan musuh mereka. Dari sinilah nanti muncul beberapa fatwa yang layak untuk dipertimbangkan.

Antaranya ialah fatwa al-Imam Izzuddin Abdul Salam di dalam bukunya *Qawa'id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*. Beliau berkata:

Sekiranya orang-orang kafir menjadi pemerintah ke atas satu wilayah yang luas, lalu mereka mengurniakan kekuasaan kepada orang yang dapat mendatangkan kemaslahatan bagi orang-orang yang beriman secara umumnya, maka keadaan itu boleh dilakukan kerana dapat mendatangkan kemaslahatan secara umum dan menyingkirkan kerosakan, walaupun ia jauh dari rahmat syariat disebabkan orang yang memiliki kesempurnaan dan kelayakan menyandang kekuasaan itu tidak ada.

Apa yang disampaikan oleh al-Syeikh di sini merupakan kenyataan yang logik, sesuai dengan hikmah, dapat mewujudkan kemaslahatan dan menyingkirkan kerosakan.

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah juga mempunyai fatwa yang sangat mendalam dan cukup terkenal yang membenarkan memegang bahagian dalam pemerintahan sebuah negara yang zalim, selagimana orang yang ikut bergabung dalam kekuasaan itu mahu berusaha mengurangkan kezaliman atau meminimumkan ruang lingkup kejahatan dan keburukan. Fatwa ini juga kami bawakan dalam buku kami *Awlawiyat al-Harakah al-Islamiyah*. la diletakkan di dalam Lampiran no 1. Dinyatakan di situ:

Syeikh ditanyakan tentang seorang yang ikut bergabung dalam pemerintahan dan diberikan satu jawatan yang sudah tentunya dia mesti menjalankan pemerintahan seperti yang biasa berlaku. Dia telah berniat untuk menghapuskan semua bentuk kezaliman dan akan berusaha semampu yang boleh. Dia menyedari sepenuhnya bahawa jika dia menyerahkan jawatan itu kepada orang lain maka kezaliman yang ada tidak akan berkurang sedikitpun. Bahkan boleh jadi kerosakan semakin menjadi-jadi. Dengan jawatan yang dipegangnya, kemungkinan besar kezaliman lingkungan kekuasaannya dapat dikurangkan. Contohnya, dia dapat mengurangkan separuh daripadanya dan separuh lagi mungkin dia dapat hapuskan kerana dia sudah tidak ada kemampuan lagi.

Apakah dengan gambaran seperti ini dia boleh mempertahankan jawatannya dalam pemerintahan itu? Sedangkan niat dan usahanya untuk menyingkirkan kezaliman adalah menurut kesanggupannya itu sahaja? Padahal jika dia melepaskannya, kezaliman tersebut tidak akan hilang, bahkan semakin menjadi-jadi. Apakah boleh dia tetap memegang jawatannya itu? Apakah dia berdosa ataupun tidak? Jika dia berdosa, apakah dia juga bertanggungjawab atas apa yang berlaku atau tidak? Yang manakah lebih baik antara tetap memegang jawatan itu dan dalam masa yang sama terus berusaha menyingkirkan kezaliman dan meminimumkannya, atau berlepas tangan dan membiarkan kezaliman terus bermaharajalela. Sekiranya rakyat meminta agar dia terus memegang jawatan itu kerana terbukti dengan kewujudan dirinya di situ membawa manfaat dan dapat menyingkirkan sebahagian kezaliman, apakah lebih baik dia tetap mempertahankannya?

Jawapan beliau ialah:

Segala puji bagi Allah. Sekiranya dia berusaha untuk melakukan keadilan dan menyingkirkan kezaliman menurut kesanggupannya dan kekuasaannya itu mendatangkan kebaikan dan kemaslahatan bagi orang-orang Islam daripada dibiarkan kekuasaan itu dipegang oleh orang lain, maka dia dibenarkan memegang kekuasaannya itu dan dia tidak berdosa kerananya. Bahkan dia memegang jawatannya itu adalah lebih baik daripada ia berada di tangan orang lain. Bahkan memegang jawatan itu menjadi wajib jika orang lain tidak sanggup memegangnya. Menyebarkan keadilan menurut kesanggupan dan menyingkirkan kezaliman menurut kesanggupan merupakan satu *fardu kifayah*. Setiap manusia mesti melakukannya menurut kesanggupannya jika orang lain tidak dapat melakukannya. Dia tidak dituntut menyingkirkan kezaliman yang di luar kesanggupannya.

Dia tidak dituntut melaksanakan tugas-tugas yang diberikan oleh pemerintah yang di luar batas kesanggupannya. Sekiranya Raja atau pemimpin negara meminta sejumlah wang rasuah yang tidak mungkin dapat dia berikan, namun jika ditolak, pemerintah tidak mahu memperakui tugas-tugas yang diberikan itu dan jika dia tidak menyerahkan wang kepadanya, jawatan itu akan diserahkan kepada orang lain yang akan melakukan kezaliman dan tidak meminimumkannya, maka dia mesti memberikannya demi kemaslahatan umat Islam dan untuk menyingkirkan semua bentuk kezaliman. Barang siapa yang dapat menyingkirkan kejahatan orang yang jahat dengan melaksanakan sebahagian perkara yang diminta daripadanya dan dapat mendatangkan kebaikan untuk orang-orang Islam tanpa berbuat zalim kepada mereka maka dia akan mendapat pahala dan tidak berdosa, di dunia mahupun di akhirat,

selagimana dia terus berusaha melakukan keadilan dan kebaikan menurut kesanggupannya.

Hal ini sama seperti orang yang mengasuh anak yatim, pengawas harta wakaf, pelaksana koperasi dan lain-lainnya yang bertindak atas nama orang lain. Dia memang diberi kekuasaan untuk mengurus. Jika dia tidak dapat melakukan kemaslahatan untuk mereka melainkan dengan menyerahkan sebahagian harta mereka kepada orang yang sanggup menguruskannya tetapi dia seorang yang zalim, dia dianggap telah melakukan kebaikan dan bukannya melakukan keburukan. Ini sama seperti keadaan dia mesti menyerahkan sebahagian harta itu kepada pemungut cukai dan kutipan di jalan-jalan, atau biaya harian bagi harta tak alih dan kerja yang mesti dilakukan dalam urusan jual beli. Sesiapa yang diberi kepercayaan untuk menguruskan kepentingan dirinya dan orang lain, maka dia mesti mengurus dan melaksanakan apa yang memang mesti dilaksanakannya. Jika tidak, tentu ia tidak akan menguntungkan orang ramai.

Yang dilarang adalah usaha menghindari kezaliman yang kecil tetapi ia mendatangkan kezaliman yang lebih besar. Hal ini sama seperti keadaan orang yang pergi dalam suatu perjalanan (musafir), lalu dihadang oleh para perompak. Dia menawarkan sebahagian harta untuk diberikan kepada para perompak itu agar seluruh hartanya tidak dirampas dan nyawanya selamat. Kalaupun ada orang lain yang berkata kepadanya: "Kamu tidak boleh memberikan kepada para perompak itu sebarang harta yang diamanahkan oleh orang lain kepadamu", dengan maksud untuk melindungi harta itu. Sedangkan jika perkara ini dilakukan semua harta akan dirampas oleh perompak. Sudah tentu tindakan seperti ini tidak dapat diterima oleh orang yang berakal apatah lagi oleh syarak. Ini disebabkan Allah mengutuskan para Rasul untuk mendatangkan kemaslahatan dan menyempurnakannya, menyingkirkan kebatilan dan meminimumkannya menurut kesanggupan.

Seseorang yang diberikan jawatan, tetapi dia mesti menjalankan tugas-tugas yang diberikan kepadanya dan mendokong pemimpinnya yang telah berbuat zalim terhadap orang-orang Islam dalam keadaan dia tidak dapat melakukan banyak perkara, tetapi jika dia menyerahkan jawatan yang dipegangnya kepada orang lain ia pasti akan menambahkan lagi kezaliman, maka dia tidak berdosa kerana memegang jawatan itu.

Begitu juga dengan tentera yang bertugas mengurangkan kezaliman dalam negerinya, yang tidak mungkin baginya melaksanakan tugas ini dengan sempurna (sepenuhnya) disebabkan tuntutan anggaran untuk persenjataan dan anggaran-anggaran harian yang lainnya, maka mahu tidak mahu dia mesti mendokong sebahagian kezaliman itu. Jadi, dua sudut ini mempunyai kemaslahatan bagi orang-orang Islam. Jika ada orang yang berkata kepadanya:

"Kamu tidak boleh terlibat dalam kekuasaan itu, kamu mesti mengundurkan diri darinya", sedangkan jika dia benar-benar meninggalkannya dan ia diambil alih orang lain, maka kezaliman semakin menjadi-jadi. Ini bererti orang yang berkata seperti itu adalah orang yang bodoh dan tidak pandai membaca situasi dan hakikat agama. Dia mesti terus terlibat di dalam kekuasaan itu sambil terus berusaha meminimumkan kezaliman menurut kesanggupannya. Ini disebabkan tindakan ini lebih bermanfaat untuk orang-orang Islam daripada membiarkan jawatannya dipegang oleh orang lain yang tidak mendatangkan manfaat. Sesiapa yang berbuat baik menurut kesanggupannya maka Allah akan memberikan dia pahala dan Dia tidak akan menghukum perkara yang di luar batas kemampuannya.

PANDANGAN PENTING IBN TAIMIYAH TENTANG PENJELASAN PENUH MENGENAI PERTENTANGAN ANTARA KEBAIKAN DENGAN KEBURUKAN

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah sewaktu memperincikan tentang pertentangan antara kebaikan dengan keburukan berkata:

Jika diketahui secara pasti bahawa kebaikan itu mempunyai manfaat, apatah lagi jika ia suatu perkara yang wajib, maka meninggalkannya akan mendatangkan mudarat sebagaimana pada keburukan itu ada mudaratnya. Dalam perkara-perkara yang dimakruhkan, kadang-kadang ada kebaikannya. Jadi, jika berlaku pertentangan antara dua kebaikan yang sukar untuk disatukan maka yang mesti diutamakan adalah yang paling baik di antara keduanya dan meninggalkan yang kurang kebaikan daripadanya. Jika ada dua keburukan yang sama-sama sukar untuk dihindari, maka yang mesti diutamakan adalah meninggalkan yang paling buruk antara keduanya. Jika ada pertentangan antara kebaikan dan keburukan yang sukar dipisahkan, dengan kata lain, jika kebaikan dilakukan, ia pasti akan mendatangkan keburukan dan jika keburukan yang ditinggalkan ia akan mensia-siakan kebaikan maka yang mesti ditinggalkan adalah manfaat kebaikan itu dan mudarat keburukannya.

Contoh yang pertama adalah seperti antara perkara wajib dan sunat, *fardu 'ain* dan *fardu kifayah*, dan mendahulukan membayar hutang yang sudah dituntut daripada bersedekah yang hukumnya sunat.

Contoh yang kedua ialah seperti mendahulukan nafkah untuk keluarga dan kedua orang tua yang ditanggungnya daripada mengeluarkan harta untuk

jihad yang belum pasti, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis sahih tentang apakah jenis amalan yang paling utama. Lalu dijawab oleh Rasulullah SAW. "Sembahyang pada waktunya". "Kemudian apa lagi?" Dijawab oleh Rasulullah SAW.: "Berbakti kepada kedua orang tua." "Kemudian apa lagi?" Dijawab oleh Rasulullah SAW.: "Jihad pada jalan Allah."

Begitu juga dengan mendahulukan jihad daripada haji seperti yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunah yang dapat dikatakan sebagai sesuatu yang pasti daripada perkara yang selainnya dan sebagai suatu perkara yang dianjurkan lebih daripada yang selainnya. Ataupun seperti membaca al-Quran berbanding dengan zikir yang sama-sama merupakan amalan hati dan lidah. Ataupun mendahulukan sembahyang daripada melakukan keduanya kerana sembahyang itu disertai oleh bacaan al-Quran dan zikir yang menjadi amalan hati. Jika tidak, maka zikir yang disertai dengan pemahaman lebih diutamakan daripada membaca al-Quran yang kekhusyukannya tidak melepasi batas kerongkong. Hal ini adalah suatu bab yang amat luas.

Contoh yang ketiga adalah seperti mendahulukan wanita yang berhijrah tanpa disertai oleh mahromnya daripada membiarkan dia kekal bertahan di *Dar al-Harbi* atau wilayah orang kafir seperti yang dilakukan Ummu Kulthum, yang diturunkan ayat *al-Imtihan* (ujian) tentangnya.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا جَآءَكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتُ مُهَٰجِرَٰتٍ فَٱمْتَحِنُوهُنَّ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila datang kepada kamu orang-orang perempuan Mukmin yang berhijrah, maka ujilah (keimanan) mereka.* **(Surah al-Mumtahanah 60:10)**

Disebutkan dalam sebuah syair:

"Jika ada dua penyakit yang menimpa diri orang yang bijaksana akan mengubati penyakit yang paling merbahaya"

Oleh itu, semua orang pasti akan berfikir bahawa hujan yang turun pada waktu kemarau adalah suatu rahmat walaupun hujan itu turut menumbuhkan tanaman orang-orang yang menzalimi mereka. Namun, ketiadaan hujan langsung adalah lebih buruk akibatnya. Oleh itu mereka lebih memilih wujudnya pemimpin yang zalim daripada tidak ada pemimpin sama sekali, seperti yang dikatakan oleh para cendekiawan:

"Tujuh puluh malam di bawah kekuasaan pemimpin yang zalim adalah lebih baik daripada semalaman tanpa ada pemimpin sama sekali!"

Namun, pemimpin tetap mesti dipertanggungjawabkan atas kejahatan atau pelanggaran terhadap hak yang dilakukannya selagimana hal itu boleh dibuat. Akan tetapi di sini dapat kami katakan bahawa kekuasaan yang mendokong Pemimpin Tertinggi seperti kekuasaan di satu daerah, mahkamah dan lain-lainnya, jika tidak mungkin dapat dilaksanakan arahan-arahannya dan ditinggalkan larangan-larangannya, sedangkan tiada orang lain yang mampu memegang jawatan itu, maka kekuasaan itu boleh dipegangnya dan bahkan wajib dia melakukannya. Kerana apabila kekuasaan yang pasti mendatangkan kemaslahatan seperti menghadapi serangan musuh, membahagi harta rampasan dan tebusan, menegakkan hukum dan mengamankan jalan maka kekuasaan seperti itu merupakan kewajipan yang mesti dilaksanakan, walaupun mesti berlaku penyerahan kepada orang yang sebenarnya tidak berhak, mengambil apa yang sebenarnya tidak halal, memberikan kepada orang yang semestinya tidak perlu diberi, maka perkara ini termasuk masalah wajib atau sunat yang tidak dapat sempurna kecuali dengannya, maka hukumnya boleh jadi wajib atau sunat, bergantung dari sudut kerosakan yang menyertai kemaslahatannya. Bahkan jika kekuasaan itu tidak wajib dan ada kezaliman di dalamnya, lalu kekuasaan ini diambil alih oleh seseorang yang mahu meminimumkan kezaliman itu, maka ini merupakan kebaikan berdasarkan niat tersebut. Perbuatan yang buruk tetapi dengan niat untuk menyingkirkan keburukan yang lebih besar adalah dianggap satu kebaikan.

Ini merupakan suatu perkara yang mesti dibeza-bezakan (dikelaskan) berdasarkan niat dan tujuannya. Barang siapa yang menjadi pembantu pemerintah yang zalim, lalu dia menjadi orang tengah antara pemerintah dan orang yang dizalimi itu, dia berusaha agar pemerintah itu menghentikan kezalimannya maka dia adalah orang yang baik. Namun, jika dia cenderung membantu pemerintah yang zalim itu maka dia adalah termasuk orang yang melakukan kejahatan.

Begitu juga dalam masalah jihad. Memerangi orang yang semestinya memang tidak perlu mengikuti peperangan seperti wanita dan kanak-kanak adalah haram. Akan tetapi jika situasinya memerlukan tenaga mereka seperti untuk menjalankan alat pelontar (contohnya *manjaniq*) dan meronda pada waktu malam maka perkara itu dibenarkan. Hal ini telah disebut di dalam al Sunah sewaktu kepungan ke atas Thaif yang menuntut agar musuh diserang dengan alat pelontar.

Contoh bagi yang keempat adalah seperti memakan bangkai sewaktu kelaparan dan tiada yang dapat dimakan. Memakan bangkai itu hukumnya

wajib dan baik. Keburukan ini tidak dapat dihindari kerana kemaslahatannya jelas. Jika tidak mahu memakannya maka mudaratnya juga jelas. Begitu juga meminum arak untuk tujuan perubatan jika sudah tidak ada cara yang lain.

Jadi jelaslah bahawa keburukan itu dapat dilakukan pada dua tempat iaitu sewaktu menghindarkan keburukan yang lebih besar jika tiada cara lain kecuali dengan melakukan keburukan itu dan sewaktu menghasilkan sesuatu yang lebih bermanfaat dengan cara meninggalkan kebaikan itu sekiranya hanya itu sahaja pilihan baginya. Sementara kebaikan pula dapat ditinggalkan pada dua tempat. Iaitu sewaktu meninggalkan sesuatu yang lebih baik daripadanya dan sewaktu membiarkan keburukan yang mana mudaratnya melebihi manfaat kebaikannya (jika kebaikan mahu dilakukan). Perkara ini berkaitan dengan berbagai pertimbangan takyah di dalam agama.

Meninggalkan yang wajib kerana ada mudarat di dunia dan membenarkan yang haram kerana ada keperluan di dunia adalah sama seperti membatalkan puasa sewaktu dalam perjalanan atau gugurnya perkara-perkara yang dilarang sewaktu ihram dan gugurnya rukun-rukun sembahyang kerana sakit. Hal ini adalah sama dengan bab lain yang termasuk dalam ruang keluasan Islam dan diampunkan kesalahan yang mana bentuknya adalah berbeza-beza pada pandangan syarak. Berbeza dengan bab pertama, yang mana bentuknya adalah termasuk sesuatu yang tiada perbezaan di dalam syarak walaupun secara sepintas lalu ia adalah berbeza. Pepatah menyatakan:

"Orang yang bijaksana itu bukanlah orang yang mengetahui mana yang baik dan mana yang buruk, tetapi orang yang bijaksana ialah orang yang mengetahui mana yang lebih baik daripada dua kebaikan dan mana yang lebih buruk daripada dua keburukan."

Namun, biasanya yang lebih menonjol dalam masalah seperti ini adalah rosaknya niat dan amal. Dan segi niat iaitu disebabkan ada matlamat untuk memperolehi kekuasaan dan kekayaan. Dari segi amalan pula dengan mengerjakan yang haram dan meninggalkan yang wajib, bukannya kerana ada pertentangan ataupun mencari mana yang lebih bermanfaat dan lebih mendatangkan maslahat.

Walaupun memegang kekuasaan itu hukumnya boleh jadi sunat, *mustahab* ataupun wajib, ia boleh berubah menjadi sangat wajib jika memang mampu membantu orang lain. Sehinggakan pada waktu itu dia mendahulukan yang lebih baik daripada dua kebaikan sama ada ia suatu yang wajib ataupun sunat.

Masalah yang termasuk dalam bab ini adalah jawatan Yusuf a.s. yang menangani urusan penyimpanan bekalan makanan negara di bawah kekuasaan pemerintah Mesir[127] sedangkan pemerintah dan rakyatnya itu adalah orang-orang kafir.

Allah berfirman:

وَلَقَدْ جَآءَكُمْ يُوسُفُ مِن قَبْلُ بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَمَا زِلْتُمْ فِى شَكٍّ مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦ

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Nabi Yusuf telah datang kepada kamu sebelum ini dengan membawa keterangan-keterangan, maka kamu tetap juga dalam keraguan tentang apa yang dibawanya kepada kamu.* **(Surah al-Mukmin 40:34)**

Firman Allah lagi:

يَٰصَٰحِبَىِ ٱلسِّجْنِ ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾ مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِۦٓ إِلَّآ أَسْمَآءً سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم

Terjemahan: *Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, Tuhan yang bermacam-macam itu, itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa? Apa yang kamu sembah selain dari Allah, hanyalah nama-nama yang kamu dan datuk nenek kamu menamakannya.* **(Surah Yusuf 12:39-40)**

Sebagai orang kafir, mereka semestinya mempunyai tradisi dan kebiasaan tersendiri dalam menghadkan dan membelanjakan kekayaan yang ada di sisi raja, keluarga, tentera dan rakyatnya. Hal ini tidak mungkin dilakukan menurut sunah dan keadilan para Nabi. Tidak mungkin bagi Yusuf a.s. untuk berbuat menurut kehendaknya sendiri atau menurut apa yang dilihatnya sebagai datang dari sisi Allah. Jika Baginda melakukan hal itu, sudah tentu mereka tidak akan mempedulikannya. Namun beliau berusaha melakukan keadilan dan kebaikan dengan cara yang boleh dilakukannya. Dengan cara sedemikianlah beliau mendapat kekuasaan dan kepercayaan daripada para kerabatnya yang beriman. Jika tidak berbuat seperti itu, sudah tentu beliau tidak akan memperolehi

127) Ini menunjukkan bahawa dibolehkan orang Islam memegang jawatan ahli polilik atau sebagai pentadbir di negara kafir dengan syarat-syarat yang telah kami sebutkan di atas.

kepercayaan itu. Ini semua termasuk dalam firman Allah:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan: *Maka bertakwalah kamu kepada Allah mengikut kemampuan kamu.* **(Surah at-Taghabun 64:16)**

Jika ada dua kewajipan yang bertentangan dan tidak mungkin disatukan, maka wajib didahulukan yang mana yang lebih diperlukan antara keduanya. Dalam keadaan seperti ini, kewajipan selainnya yang tidak dikerjakan tetap wajib dan orang yang meninggalkannya kerana mengerjakan apa yang lebih diperlukan bukanlah bererti orang itu meninggalkan kewajipan secara hakiki.

Begitu juga apabila ada dua perkara yang diharamkan. Meninggalkan yang lebih besar di antara keduanya tidak mungkin dilakukan kecuali dengan melakukan yang lebih kecil. Melakukan yang lebih kecil di antara keduanya tidaklah dapat disebut sebagai melakukan perkara yang haram secara hakiki.

Walaupun yang pertama boleh dikatakan sebagai meninggalkan yang wajib dan yang kedua boleh dikatakan sebagai melakukan perkara yang haram menurut kenyataannya, namun hal itu tidak mendatangkan dosa. Keadaan seperti ini dapat disebut sebagai: Meninggalkan yang wajib kerana suatu halangan dan melakukan yang haram kerana suatu kemaslahatan yang sudah pasti ataupun kerana terpaksa, atau kerana untuk menghindari perkara haram yang lebih besar.

Pertentangan seperti ini merupakan masalah yang sangat luas lebih-lebih lagi dalam suasana dan keadaan yang sudah jauh daripada pengaruh *Nubuwwah* (kenabian) dan *Khilafah Nubuwwah*. Masalah-masalah sama seringkali berlaku di sana. Semakin tipis pengaruh itu, maka masalah-masalah yang muncul akan semakin banyak dan menjadi penyebab datangnya dugaan (cubaan) terhadap ummah. Memang jika berlaku percampuran antara kebaikan dan keburukan, sering terjadi keraguan dan rasa serba salah. Sebahagian manusia hanya melihat kepada sudut kebaikan walaupun ia mengandungi banyak keburukannya. Sebahagian yang lain pula hanya memandang yang buruk dan menguatkan sudut yang lain walaupun tindakannya itu mensia-siakan banyak kebaikan. Sikap yang adil adalah melihat dua sudut ini secara serentak.

Orang yang bijaksana mesti mengamati masalah-masalah ini. Sesuatu yang semestinya wajib dalam suatu masalah kadang-kadang mesti ditangguhkan seperti keinginan untuk melaporkan orang yang bersalah kepada pemerintah

yang zalim. Boleh jadi pemerintah itu akan menjatuhkan hukuman melebihi kadar kesalahan yang dilakukannya. Contoh lain ialah seorang yang mencegah perbuatan mungkar orang lain sedangkan perbuatan itu akan menyebabkan dia meninggalkan kebaikan yang mana manfaatnya jauh lebih besar daripada mencegah kemungkaran tersebut. Jadi dia mesti menahan dirinya untuk mencegah kemungkaran itu kerana dibimbangi dia akan meninggalkan yang diperintah oleh Allah dan Rasul-Nya.[128]



128) Diringkas daripada Majmu' al-Fatawa, Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah, 30/48 61.

PENCALONAN NON-MUSLIM BAGI DEWAN PARLIMEN

SOALAN:

Kami berharap pihak tuan sudi menjawab satu soalan yang penting mengenai kehidupan berpolitik di bawah kuasa Daulah Islam yang beriltizam dengan hukum-hukum Islam dan melaksanakan syariatnya.

Soalan ini berbunyi: Apakah boleh Non-Muslim yang hidup di dalam *Darul Islam* ataupun dengan ungkapan moden di dalam negara Islam, mencalonkan diri untuk Dewan Parlimen ataupun Syura (Senat)? Maksudnya apakah mereka dibenarkan untuk mencalonkan diri mereka? Sekiranya dibenarkan, apakah boleh bagi orang Islam memilih dan mengundi mereka atau apakah perkara ini dianggap haram kerana ia adalah termasuk melantik Non-Muslim menjadi pemimpin orang Islam sedangkan Allah Taala telah berfirman:

وَلَن يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

Terjemahan: *Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang Mukmin.* **(Surah an-Nisa' 4:141)**

Inilah yang telah difatwakan oleh beberapa orang ikhwah yang telah kami minta pandangan mereka dalam perkara ini.

Kemungkinan sebahagian manusia menganggap ia adalah satu bentuk seorang Muslim memberikan *wala'* kepada Non-Muslim sedangkan Allah Taala telah melarang *wala'* seperti ini. Ataupun ia adalah satu bentuk menjadikan

mereka sebagai wali (pemimpin) seperti yang dijelaskan dalam beberapa ayat al-Quran.

Firman Allah:

لَا يَتَّخِذِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِى شَىْءٍ إِلَّآ أَن تَتَّقُوا۟ مِنْهُمْ تُقَىٰةً ۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفْسَهُۥ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

Terjemahan: *Janganlah orang-orang Mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali (teman rapat atau pemimpin) dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Dan sesiapa yang melakukan demikian, maka tidak ada bagi(nya) sesuatupun (perlindungan) dari Allah, kecuali kamu hendak menjaga diri dari sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali.* **(Surah ali-'Imran 3:28)**

Firman Allah lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِى سَبِيلِى وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى ۚ تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ ۚ وَمَن يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang Mukmin) dengan sebab perasaan kasih sayang (di antara kamu); padahal mereka telah kufur kepada kebenaran yang telah sampai kepada kamu, mereka mengusir Rasul dan kamu, kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar untuk berjihad pada jalanKu dan mencari keredaanKu (jangan lakukan begitu). Kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia, sedangkan Aku mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu nyatakan. Dan sesiapa di antara kamu yang melakukannya, maka sesungguhnya dia telah sesat dari jalan yang lurus.* **(Surah al-Mumtahanah 60:1)**

Perkara ini telah diselubungi oleh kekaburan dan kekeliruan di dalam pemikiran mereka yang beriltizam dengan Islam khususnya golongan pemuda. Ia menuntut daripada ahli fiqh khususnya mereka yang mengikuti *manhaj wasathiyah* Islam untuk memberikan kami jawapan yang sahih yang disokong dengan dalil-dalil syarak agar kita tidak terikut dengan sikap melampau sesetengah golongan yang bersikap keras dan sikap bermudah-mudah mereka yang cuai.

Semoga Allah memberi petunjuk kepada tuan dan menjadikan tuan memberi manfaat kepada umat Islam di seluruh pelusuk dunia.

Sekumpulan Pemuda Yang Cintakan Islam

JAWAPAN:

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam untuk Rasulullah, ahli keluarga, para sahabat dan para pendokongnya. *Amma ba'du.*

Sesungguhnya suatu penyakit yang menimpa ramai para pengkaji, khususnya dari kalangan generasi pemuda ialah sikap tergopoh-gapah berfatwa dalam masalah yang besar dan penting dengan meninggalkan sifat teliti, mengulang kaji dan berbincang dengan ulama yang lebih tua usia daripada mereka ataupun lebih alim daripada mereka. Hal ini kemungkinan menjadikan mereka mengharamkan yang halal, menghalalkan yang haram, menghapuskan kewajipan, mengangkat beberapa perkara yang sunat menjadi wajib, menaikkan beberapa perkara yang makruh menjadi haram ataupun merubah dosa-dosa kecil menjadi dosa besar. Kadang-kadang kita mendapati sebahagian daripada mereka menyusahkan apa yang dimudahkan oleh Allah, menyulitkan apa yang, dimudahkan oleh syarak ataupun menyempitkan ke atas manusia apa yang telah diperluaskan oleh Allah. Inilah perkara yang diingkari oleh Nabi SAW. terhadap sebahagian sahabat radiallahu anhum sewaktu mereka tergesa-gesa berfatwa dengan apa yang mereka tidak ketahui dan fatwa ini mengakibatkan kematian seorang Muslim. Peristiwa ini berlaku sewaktu seorang lelaki terluka, kemudian dia berjunub lalu mereka ini berfatwa wajibnya dia mandi. Lalu lelaki inipun mandi menyebabkan lukanya bertambah parah dan akhirnya dia mati. Hal ini sampai ke pengetahuan Nabi SAW. Baginda bersabda yang bermaksud: "Mereka telah membunuhnya dan Allah akan membunuh mereka! Mengapa mereka tidak bertanya sekiranya mereka tidak mengetahui? Sesungguhnya ubat bagi perkara yang susah adalah bertanya. Adalah cukup bagi lelaki itu membalut lukanya dan

bertayamum."

Kita tidak berasa hairan sekiranya kita mendapati mereka ini mengharamkan pencalonan Non-Muslim bagi memasuki Dewan Parlimen, Dewan Rakyat, Majlis Syura (Senat) ataupun pelbagai nama lagi dan mengharamkan orang Islam mengundi mereka. Kita juga telah mendapati wujudnya mereka yang berpendapat bahawa orang Islam sendiri diharamkan untuk mencalonkan diri mereka memasuki Dewan-dewan ini. Hujah mereka ialah: Sesiapa yang mencalonkan dirinya bagi kerusi ini maka dia telah meminta jawatan untuk dirinya sedangkan orang yang meminta jawatan tidak boleh dilantik sebagaimana telah dinyatakan dalam hadis sahih bahawa Nabi SAW. telah bersabda:

إِنَّا لاَ نُوَلِّي عَلَى هَذَا الْأَمْرِ أَحَدًا سَأَلَهُ أَوْ حَرَصَ عَلَيْهِ

Terjemahan: *Sesungguhnya kami tidak melantik bagi menangani urusan ini sesiapa yang memintanya ataupun berusaha memperolehinya.*

Baginda juga telah bersabda kepada Abdul Rahman bin Samurah yang bermaksud: "Janganlah kamu meminta kekuasaan ataupun kepimpinan. Sesungguhnya jika kamu memintanya, maka kamu akan dibebankan dengannya dan sekiranya kamu tidak memintanya, kamu akan dibantu untuk menanganinya."

Sekiranya mereka ini melarang seorang Muslim mencalonkan dirinya, maka tidak hairan mereka melarang pencalonan Non-Muslim. Pandangan saya ialah: Menjadi wakil daripada sebahagian rakyat bagi kawasan tertentu ataupun menduduki kerusi mewakili mereka tidak dianggap sebagai termasuk Bab Imarah ataupun Wilayah yang dicela oleh hadis yang mulia mereka yang meminta ataupun berusaha memperolehinya. Wakil Rakyat bukanlah Pemerintah, Menteri ataupun Gabenor, bahkan dia mewakili kawasannya di dalam Dewan ini yang bertugas menilai para Pemerintah, Gabenor dan Menteri. Oleh itu, dia yang menilai, bukannya dinilai kerana dia tidak menguruskan apa-apa perkara yang perlu untuk dinilaikan.

Kemudian dia ikut serta di dalam menentukan perundangan bagi umat dalam perkara yang tidak ada nas yang tetap, yang berada di dalam lingkungan *al-Afwu* (yang dimaafkan) iaitu yang tidak ada nas padanya ataupun ada padanya nas *zanni* yang ada *ihtimal* (kemungkinan) tentang kesabitannya ataupun *dilalah*nya ataupun kedua-duanya sekali. Sekiranya Non-Muslim adalah penduduk *Darul Islam* ataupun dengan ungkapan moden; Warga negara bagi negara Islam, maka

tidak terdapat larangan syarak untuk memberikan mereka tempat dan memasuki Dewan-dewan ini dengan nisbah tertentu bagi mewakili golongan mereka selagi mana majoriti besar Dewan itu adalah orang-orang Islam. Sebagaimana pendapat kami tentang tiada larangan bagi pencalonan wanita serta lelaki dan wanita Islam berhak mengundinya selagimana majoriti adalah lelaki, begitu jugalah pendapat kami tentang golongan minoriti Non-Muslim yang hidup di dalam masyarakat Islam. Para fuqaha telah berkata bahawa:

Bagi mereka hak sebagaimana untuk orang Islam dan ke atas mereka hak sebagaimana yang dituntut daripada orang Islam.

Al-Quran telah menyatakan:

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Terjemahan: *Allah tidak menegah kamu dari berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka yang tidak memerangi kamu dan mengusir kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.* **(Surah al-Mumtahanah 60:8)**

Termasuk berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka ialah memberikan mereka wakil di dalam Dewan-dewan ini agar mereka dapat menyatakan tuntutan kumpulan mereka sebagaimana wanita menyatakan tuntutan kaum mereka. Juga agar mereka tidak merasa terasing daripada teman senegara mereka yang akan dieksploitasi oleh musuh Islam dan musuh umat Islam yang akan menanamkan di dalam hati mereka pemusuhan dan kebencian terhadap orang Islam. Perkara ini akan membawa mudarat dan bahaya terhadap keseluruhan umat sama ada Muslim ataupun Non-Muslim.

Umat Islam sepanjang zaman yang berbeza telah membenarkan untuk melantik Non-Muslim dari kalangan *Ahli Zimmah* memegang jawatan *Wizarah al-Tanfiz.* Ramai dari kalangan Menteri di dalam Daulah Abbasiyah terdiri daripada *Ahli Zimmah.* Hal ini tidak diingkari oleh mana-mana ulama pun kecuali apabila mereka melampau dan bersikap kejam terhadap umat Islam dan yang menyedihkan, inilah yang banyak berlaku. Tidak ada seorang ahli fiqh yang muktabar pun berpendapat melarang mereka menduduki jawatan Menteri dan seumpamanya dengan hujah tidak boleh melantik orang kafir menjadi *wali* terhadap orang Islam kerana orang Islamlah yang melantik mereka bagi

jawatan ini berdasarkan ajaran agama mereka. Mereka adalah penguasa di dalam kementerian ataupun kekuasaan mereka tetapi dia tetap berada di bawah kekuasaan umum umat Islam.

Islam juga telah membenarkan seorang Muslim berkahwin dengan wanita Ahli Kitab yang akan menjadi suri rumah dan ibu kepada anak-anaknya. Hal ini memberikan dia sejumlah bentuk *wilayah* (kekuasaan) dan tanggungjawab terhadap rumah dan anak anaknya sebagaimana dinyatakan di dalam hadis *muttafaq* daripada Ibn Umar yang bermaksud:

Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap orang daripada kamu akan ditanya tentang orang yang dipimpinnya, dinyatakan juga padanya: "Wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan dia akan ditanya tentang apa yang dipimpinnya."

Walaupun begitu, *wilayah* dan penjagaan wanita di rumahnya terletak di bawah pengawasan dan *wilayah* seorang lelaki serta berada di bawah *wilayah* umum masyarakat Islam.

Tentang dakwaan sebahagian mereka yang melarang untuk memberikan Non-Muslim keanggotaan di Parlimen dengan alasan bahawa ia termasuk melantik Non-Muslim menjadi *wali* yang ditegah dengan keras di dalam al-Quran, kami berkata kepada mereka ini: Bagi memastikan hukum kita menjadi sahih dan betul kita hendaklah menentukan makna melantik pemimpin yang diharamkan. Sesungguhnya menentukan kefahaman adalah perkara asasi dalam mengeluarkan hukum agar tidak berlaku percampuran beberapa perkara dan berkecamuknya pertimbangan.

Sebahagian manusia memahami ayat-ayat yang melarang mengambil Non-Muslim menjadi wali dan menegah daripadanya sebagai mengajak kepada permusuhan, pemutusan dan membenci Non-Muslim walaupun mereka termasuk penduduk *Darul Islam* yang patuh dan tunduk kepada orang Islam, ikhlas bersama mereka, sama-sama menjadi rakyat negara Islam dan berdiri bersama mereka di dalam satu barisan menghadapi musuh dan penentang.

Sebenarnya mereka yang meneliti dengan cermat ayat-ayat yang disebutkan dan mengkaji sejarah penurunan, sebab-sebab dan suasana penurunannya, akan jelas kepadanya perkara-perkara berikut:

Pertama: Larangan yang terkandung di dalam ayat itu adalah mengambil mereka yang menentang Islam sebagai *wali*, dengan sifat mereka sebagai suatu kumpulan yang tersendiri dengan agama, akidah, pemikiran dan syiarnya.

Bererti dengan sifat mereka sebagai orang Yahudi, Nasrani, Majusi ataupun seumpamanya, bukan dengan sifat mereka sebagai jiran, teman ataupun sebagai warganegara. Yang diwajibkan ialah, seorang Muslim hendaklah memberikan wala' untuk umat Islam sahaja. Dari sinilah datangnya amaran di dalam beberapa ayat yang melarang menjadikan mereka sebagai wali dengan meninggalkan orang-orang beriman sebagaimana dalam firman Allah:

لَّا يَتَّخِذِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِى شَىْءٍ إِلَّآ أَن تَتَّقُوا۟ مِنْهُمْ تُقَىٰةً ۗ

Terjemahan: *Janganlah orang-orang Mukmin mengambil orang-orang kafir menjadikan wali (teman rapat atau pemimpin) dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Dan sesiapa yang melakukan demikian, maka tidak ada bagi(nya) sesuatu pun (perlindungan) dari Allah, kecuali kamu hendak menjaga diri dari sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu).* **(Surah ali-'Imran 3:28)**

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ عَلَيْكُمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Apakah kamu hendak mengadakan alasan yang nyata untuk Allah (menyeksa) kamu?* **(Surah an-Nisa' 4:44)**

Firman Allah lagi:

بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾ ٱلَّذِينَ يَتَّخِذُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾

Terjemahan: *Sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang munafik: Bahawa sesungguhnya disediakan untuk mereka azab seksa yang amat pedih. (Iaitu) orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Apakah mereka mencari kekuatan*

di sisi orang-orang kafir itu, maka sesungguhnya kekuatan dan kemuliaan itu semuanya ialah milik Allah. **(Surah an-Nisa' 4:138-139)**

Ertinya cenderung dan menghampiri mereka dengan mengabaikan kepentingan ummah. Tidak ada mana-mana sistem keagamaan ataupun ciptaan yang reda mana-mana pengikutnya meninggalkan kumpulannya sendiri, dia hidup dengannya tetapi kemudian menjadikan *wala'*nya untuk kumpulan lain. Inilah yang dinamakan sebagai pengkhianatan di dalam istilah nasionalisme.

Kedua: Kecenderungan yang dilarang oleh ayat ini bukanlah kecenderungan terhadap mana-mana mereka yang berbeza agama walaupun mereka berdamai dengan orang Islam dan berserah dengan mereka. Kecenderungan yang dilarang ialah terhadap mereka yang menyakiti, memusuhi dan memerangi umat Islam Dengan bahasa al-Quran ia dipanggil mereka yang menentang Allah dan Rasul-Nya. Antara ayat yang membuktikan perkara itu ialah:

Firman Allah di dalam surah al-Mujadalah:

لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

Terjemahan: *Kamu tidak akan mendapati suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya.* **(Surah al-Mujadalah 58:22)**

Menentang Allah dan Rasul-Nya bukanlah sekadar kufur dengan keduanya, ia juga termasuk memerangi dakwah-Nya, menghalang perjalanannya dengan segenap cara dan menyakiti penganutnya.

Firman Allah pada permulaan surah al-Mumtahanah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِالْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُم مِّنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ رَبِّكُمْ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang Mukmin) dengan sebab perasaan kasih sayang (di antara kamu); padahal mereka telah kufur kepada kebenaran yang telah sampai kepada kamu, mereka mengusir Rasul dan kamu, kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu.* **(Surah al-Mumtahanah 60:1)**

Ayat ini menyatakan pengharaman mengambil menjadi wali ataupun cenderung mengasihi orang Musyrik bukanlah sekadar kerana kekufuran mereka terhadap Islam. Bahkan ia disebabkan dua perkara yang terhimpun padanya iaitu kufurnya mereka terhadap Islam dan mereka mengeluarkan Rasul dan orang beriman daripada negara mereka.

Firman Allah di dalam surah yang sama:

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ قَٰتَلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ وَظَٰهَرُوا۟ عَلَىٰٓ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٩﴾

Terjemahan: *Allah tidak menegah kamu dari berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka yang tidak memerangi kamu dan mengusir kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu dari menjadikan teman rapat mereka yang memerangi kamu dan mengusir kamu dari kampung halaman kamu serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan sesiapa yang menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.* **(Surah al-Mumtahanah 60:8-9)**

Ayat ini membahagikan golongan yang berbeza agama kepada dua kumpulan. Satu kumpulan berdamai dengan orang Islam, tidak memerangi agama mereka dan tidak mengeluarkan mereka daripada negara mereka. Mereka ini mempunyai hak untuk diperlakukan dengan baik dan bersikap adil dengan mereka.

Satu kumpulan lagi bersikap bermusuh dan menentang orang Islam sama ada dengan memerangi, mengeluarkan daripada negara ataupun membantu melakukan perkara itu. Mereka ini diharamkan untuk diambil menjadi *wali* seperti golongan Musyrikin Mekah yang telah menyeksa umat Islam. Difahami daripada nas ini bahawa golongan yang selain daripada mereka ini tidak diharamkan untuk dilantik menjadi *wali.*

Ketiga: Islam membenarkan seorang Muslim berkahwin dengan Ahli Kitab. Kehidupan berumahtangga hendaklah berdiri di atas asas ketenangan jiwa, kasih

sayang dan *rahmah* sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ

Terjemahan: *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, Ia mencipta untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.* **(Surah al-Rum 30:21)**

Ini menunjukkan bahawa kasih sayang seorang Muslim terhadap Non-Muslim adalah tidak dilarang kerana, bagaimanakah seorang lelaki tidak mengasihi isterinya dan teman hidupnya sekiranya dia adalah wanita Ahli Kitab? Bagaimanakah dia tidak mengasihi mertua dan iparnya sedangkan Allah telah berfirman:

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ مِنَ ٱلْمَآءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُۥ نَسَبًا وَصِهْرًا ۗ وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا ﴿٥٤﴾

Terjemahan: *Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya titisan baka dan pertalian, dan sememangnya Tuhanmu berkuasa.* **(Surah al-Furqan 25:54)**

Bagaimanakah seorang anak tidak mengasihi datuk, nenek, pakcik dan makcik serta tidak menghubungkan tali silaturahim dengan mereka sekiranya ibunya adalah seorang wanita Zimmi. Bagaimana pula dengan anak-anak makcik dan pakciknya sedangkan mereka adalah kaum kerabatnya yang diwajibkan oleh al-Quran dan ditegaskan oleh al-Sunah tentang hak-hak mereka.

Keempat: Suatu hakikat yang tidak diragukan lagi bahawa Islam telah menegaskan untuk meninggikan kedudukan ikatan keagamaan di atas semua ikatan yang lain sama ada ia adalah ikatan keturunan, daerah, bangsa ataupun kasta. Seorang Muslim adalah saudara seorang Muslim yang lain. Orang-orang beriman adalah bersaudara. Orang-orang Islam adalah satu umat yang saling berusaha membantu sesama mereka dan saling bekerjasama. Seorang Muslim adalah lebih hampir kepada Muslim yang lain daripada mana-mana golongan yang kufur dengan agamanya walaupun dia adalah bapa, anak ataupun saudara-nya.

Perkara ini bukanlah di dalam Islam sahaja, bahkan ia adalah tabiat semua agama dan akidah. Sesiapa yang membaca Kitab Injil, dia akan mendapati ia menegaskan pengertian ini lebih daripada satu tempat.

Namun begitu, perlu diketahui bahawa di sana ada pelbagai jenis persaudaraan yang diperakui oleh Islam yang tidak sama dengan persaudaraan keagamaan. Di sana ada persaudaraan kebangsaan, persaudaraan perkauman dan persaudaraan kemanusiaan. Dari sini kita mendapati al-Quran menyatakan:

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٠٦﴾

Terjemahan: *(Demikian juga) kaum Nabi Nuh telah mendustakan Rasul-rasul. Tatkala saudara mereka Nabi Nuh, berkata kepada mereka: Hendaklah kamu mematuhi suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya.* **(Surah al-Shu'ara' 26:105-106)**

Firman Allah lagi:

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٦٠﴾ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطٌ

Terjemahan: *(Demikian juga) kaum Lut telah mendustakan Rasul-rasul. Tatkala saudara mereka Nabi Lut, berkata kepada mereka .* **(Surah al-Shu'ara' 26:160-161)**

Tentang kaum 'Add, Allah berfirman:

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ

Terjemahan: *Tatkala saudara mereka Nabi Hud, berkata kepada mereka.* **(Surah al-Shu'ara' 26:124)**

Tentang kaum Thamud, Allah telah berfirman:

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ صَٰلِحٌ

Terjemahan: *Ketika saudara mereka Nabi Saleh, berkata kepada mereka.* **(Surah al-Shu'ara' 26:142)**

Al-Quran telah mensabitkan persaudaraan Rasul-rasul ini dengan kaum mereka sedangkan mereka mendustakan risalah dan kufur kepada mereka. la bukanlah persaudaraan agama tetapi ia adalah persaudaraan bangsa.

Di dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Ahmad daripada Zaid bin Arqam, Nabi SAW. telah bersabda yang bermaksud: "Saya adalah saksi bahawa semua manusia adalah bersaudara." Ini adalah persaudaraan kemanusiaan. Tidak hairan jika berIakunya persaudaraan kebangsaan antara orang Islam dan Krisitian koptik di Mesir. Begitu juga antara orang Islam dan Kristian di Lubnan, Syria dan Jordan wujudnya persaudaraan kebangsaan. Begitu juga di antara orang Islam dan Kristian di seluruh negara Arab, mereka mempunyai persaudaraan bangsa.

Mengenai dakwaan golongan pelampau daripada kedua pihak, ia adalah tertolak. Sebenarnya ia adalah menentang negara dan agama serta memberi ruang kepada musuh umat yang sentiasa mencari peluang bagi menghancurkan umat. Mereka telah mencipta bagi setiap negara cara dan alat tertentu untuk memecahbelahkan penduduknya. Di sesetengah negara mereka mencetuskan masalah Sunah dan Syiah. Di tempat yang lain mereka menimbulkan masalah Arab dan Berber ataupun Arab dan Kurdis. Di sesetengah tempat mereka menimbulkan masalah Muslim dan Non-Muslim. Sekiranya mereka tidak memiliki jalan dan cara seperti ini, mereka pasti akan menciptakan perkara lain yang boleh memisahkan antara saudara dengan saudaranya yang lain.

Firman Allah:

وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٣٠﴾

Terjemahan: *Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik Pembalas tipu daya.* **(Surah al-Anfal 8:30)**

BIODATA PENULIS

Dr Yusuf al-Qaradawi seorang tokoh ulama yang terkenal dalam abad ini. Beliau merupakan seorang pemikir, sarjana dan intelek komtemporori yang tidak asing lagi di dunia Islam. Beliau dilahirkan di desa Shafat al-Turab, Mahallah al-Kubra Negeri Gharbiah, Mesir pada 9 September 1926 bersamaan 1344H.Nama penuhnya ialah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Al-Qaradhawi merupakan nama kelurganya.

Nama ini diambil dari sebuah daerah yang bernama al-qardhah. Dan dinisbahkan kepada keturunannya. Di kampungnya ini terletaknya makam sahabat nabi yang meninggal di Mesir iaitu Abdullah bin Harith bin Juz al-Zubaidi. Di kampung inilah beliau tinggal sehingga wafat pada tahun 86H. Sehingga kini makamnya sangat dimuliakan dan para penduduk kampung amat berbangga dengannya.Perkara ini telah dinyatakan oleh pengkaji sejarah seperti Ibn Hajar ketika menceritakan kisah sahabat ini. Al-Qaradhawi menyebutkan bahawa beliau berasal dari keluarga yang kuat beragama dan bapanya bekerja sebagai petani dan keluarga sebelah ibunya bekerja sebagai peniaga.

Beliau menjadi yatim ketika berusia 2 tahun setelah ayahnya meninggal dunia. Kemudian beliau dipelihara oleh bapa saudaranya bernama Ahmad. Bapa saudaranyalah yang menjadi bapa dan sepupu-seppunya sebagai saudara-saudara beliau.